



**PERBAHATHAN
PARLIMEN
DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA
PENGKAL KELIMA
PENYATA RASMI
KANDONGAN-NYA**

**JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan
1731]**

**KENYATAAN DARIPADA TIMBALAN PERDANA
MENTERI BERKENAAN DENGAN TUNTUTAN
FILIPINA KA-ATAS SABAH [Ruangan 1763]**

RANG UNDANG²:

**Rang Undang² (Perbadanan) Maktab Kerjasama [Ruangan
1776]**

The Constitution (Amendment) Bill [Ruangan 1788]

The Employment (Restriction) Bill [Ruangan 1815]

**WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-
BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT
(USUL) [Ruangan 1830]**

**JAWAPAN² BERTULIS KAPADA PERTANYAAN²
[Ruangan 1857]**

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL YANG KELIMA

Penyata Rasmi

Hari Rabu, 21hb Ogos, 1968

Persidangan bermula pada pukul 10 pagi

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Y.B. DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Ke'adilan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Yang Berbahagia TAN SRI DR LIM SWEE AUN, P.M.N., J.P. (Larut Selatan).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ Menteri Kesihatan, DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).

- Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Sabah, DATU GANIE GILONG, P.D.K. (Sabah).
- „ Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan, ENGKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., D.P.M.T., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K. (Raub).
- „ Menteri Muda Perdagangan dan Perusahaan, TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri, TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).
- „ TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM (Sarawak).
- „ TUAN RAFAEL ANCHETA, A.M.N. (Sabah).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN HAJI AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).
- „ TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).
- „ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).

- Yang Berhormat TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN, A.M.N. (Sarawak).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID (Johor Bahru Timor).
- Yang Berbahagia TAN SRI HAJAH FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- Yang Berhormat TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- „ TUAN GANING BIN JANGKAT, A.M.N. (Sabah).
- „ TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).
- „ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD, J.P. (Tumpat).
- „ TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- „ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN, J.P. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K., J.P. (Kota Bharu Hulu).
- Yang Amat Berbahagia TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat TUAN ISMAIL BIN IDRIS, J.P. (Pulau Pinang Selatan).
- Yang Berbahagia TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- Yang Berhormat PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, K.M.N., Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Sarawak).
- „ TUAN KHOO PENG LOONG (Sarawak).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
- „ TUAN T. MAHIMA SINGH, J.M.N., J.P. (Port Dickson).
- „ TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).

Yang Berhormat DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K.
(Kuala Kangsar).

„ TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).

„ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).

„ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).

„ TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P.
(Jelebu-Jempol).

„ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K.
(Kuala Langat).

„ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

„ TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).

„ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).

„ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).

„ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH
(Pasir Mas Hilir).

„ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S.
(Sarawak).

„ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N.,
J.P. (Sabak Bernam).

„ TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K.
(Sabah).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K.,
P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).

Yang Berhormat TUAN NG FAH YAM, J.P. (Batu Gajah).

„ TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).

„ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).

„ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).

„ TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).

„ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N.
(Johor Bahru Barat).

„ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N. (Krian Darat).

„ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P.
(Rembau-Tampin).

„ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).

„ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).

„ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

„ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).

„ TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).

„ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).

„ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).

„ TUAN HAJI SULEIMAN BIN ALI (Dungun).

„ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).

„ TUAN SULEIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).

Yang Berhormat PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).

- .. TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- .. TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N. (Kulim Bandar Bharu).
- .. DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- .. TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- .. TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- .. TUAN TAN TSAK YU, P.B.S. (Sarawak).
- .. TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- .. TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).
- .. TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).
- .. TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).
- .. TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD (Pasir Mas Hulu).
- .. TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

YANG TIADA HADHIR:

Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

- .. Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian, DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- .. Menteri Muda Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN, (Kota Star Utara).
- .. WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
- .. WAN ABDUL RAHMAN BIN DATO' TUANKU BUJANG, A.B.S. (Sarawak).
- .. TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).
- .. TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).
- .. PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- .. TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- .. TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
- .. TUAN LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- .. TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
- .. DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Pasir Puteh).
- .. RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- .. TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
- .. TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- .. TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).

YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Ta' Berjabatan, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA.

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

PEMBERIAN KENYATAAN AKHBAR OLEH LEMBAGA PERANCHANG KELUARGA KEBANGSAAN, BADAN PENCHEGAH RASUAH, DAN LAIN²

1. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan) bertanya kepada Perdana Menteri:

- (a) ada-kah Kerajaan sedar bahawa Pengarah² Lembaga seperti Lembaga Peranchang Keluarga Kebangsaan dan Badan Pencheгах Rasuah terlalu banyak memberi kenyataan akhbar yang sa-tengah² daripada-nya bertentangan di antara satu sama lain;
- (b) ada-kah mereka melakukan demikian hanya untuk menchari pablisiti, atau untuk menutup kelemahan mereka; dan
- (c) ada-kah Kerajaan sedar bahawa Badan² seperti itu lebih baik bertindak sahaja daripada memberi kenyataan akhbar.

Perdana Menteri: Dato' Yang di-Pertua, berkenaan dengan soal ini, saya sedar bahawa Pengarah Badan Pencheгах Rasuah dan Lembaga Peranchang Keluarga Kebangsaan kerap kali membuat kenyataan² dalam akhbar² dan di-lain² tempat. Jadi berkenaan dengan Pengarah Badan Pencheгах Rasuah, dia bertujuan membuat kenyataan² itu barangkali ia-lah hendak mengingatkan pegawai² Kerajaan daripada menerima rasuah dan juga menakut²kan mereka itu. Begitu jugalah dengan tujuan hendak menahankan orang² yang bukan pegawai Kerajaan daripada memberi suap, atau rasuah kepada pegawai² Kerajaan. Dengan tujuan itu-lah di-keluarkan kenyataan² yang kita katakan kerap kali dan saya bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat barangkali berkenaan dengan Pengarah Badan Pencheгах

Rasuah itu harus tidak patut membuat kenyataan² itu, melainkan dengan persetujuan Menteri yang berkaitan. Jadi dengan hal ini saya akan memberi nasihat kepada-nya pada masa hadapan, elok-lah berunding dengan Kementerian itu terlebih dahulu sebelum mengeluarkan sa-barang kenyataan.

Berkenaan dengan Lembaga Peranchang Keluarga, lain sedikit kedudukan mereka itu. Tanggongan Badan ini ia-lah hendak memberi penerangan dengan sa-penoh²-nya kepada ra'ayat jelata bagaimana hendak menjaga jangan menambah keluarga mereka, kerana penambahan itu boleh jadi keberatan kepada mereka. Jikalau tidak di-berikan kenyataan² kerap kali, baik dalam akhbar mahu pun dengan lain² kenyataan, orang² kita tidak ambil faham dan jikalau keluar sa-patah dua begitu sahaja mereka tak tahu, apa-kah chara yang mereka hendak menahankan daripada beranak kerap kali, macham mana tujuan Badan ini hendak menahan, kerana ini boleh menjadi keberatan kepada kaum keluarga yang tidak begitu kaya. Jadi dengan kerana itu-lah mereka kena buat penerangan pada tiap² masa, dan di-mana² tempat sa-kali pun dengan bagi petua dan fahaman kepada orang² ini bagaimana hendak menjalankan family planning ini. Family Planning ini saya ingat di-faham lebih daripada saya kata Peranchang Keluarga Kebangsaan. Jadi dengan tujuan itu tak dapat kita hendak tegahkan bahkan Kerajaan juga menggalakkan Badan ini untuk memberi penerangan dengan sa-chukup²-nya supaya tidak siapa yang tidak mengetahu², atau tidak faham kerana dia tidak dengar di-atas petua² ini dan dengan kerana itu saya ingat ini satu tanggongan kepada Pengarah Lembaga Peranchang Keluarga itu memberi penerangan dengan sa-luas²-nya kepada ra'ayat jelata sakalian.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri sedar bahawa Pengarah Badan Pencheгах Rasuah, dalam masa lawatan-nya ka-Kelantan

beberapa bulan dahulu, di-dalam satu jamuan majlis Menteri Besar Kelantan, telah berucap memperkatakan pegawai² di-Kelantan-lah yang jujur dan bersegh daripada rasuah. Tidak-kah dengan ucapan itu menyentoh pegawai² di-Negeri lain yang juga jujur-nya sama dengan pegawai² di-Kelantan?

Perdana Menteri: Saya tak tahu bagaimana hendak jawab hal itu, jikalau dia kata pegawai² Kerajaan Kelantan jujur, kita sa-bagai Kerajaan Negeri patut ucapkan terima kaseh kapada pegawai² itu. Jadi pegawai² lain pun kalau dia pergi ka-tempat lain, dia nampak jujur pegawai² Kerajaan Negeri² lain, kalau dia puji, kita pun besar hati juga. Bukan-lah ma'ana pegawai² Kerajaan Kelantan itu pegawai² Parti Islam. Kita yang bayar gaji. Parti Islam kata-nya dia parti yang memerintah, tetapi jentera Kerajaan itu di-jalankan oleh pegawai² Kerajaan. Dengan itu kita kena-lah menimbang-kan pegawai² itu sa-bagaimana pegawai² lain juga-lah, baik di-Kelantan, di-Kedah dan di-Selangor—semua-nya pegawai² Kerajaan dan kita sa-bagai tanggungan kita menjagakan Kerajaan Malaysia ini termasuk-lah Negeri² harus-lah berasa sombong.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad (Besut): Tuan Yang di-Pertua, mengikut keterangan Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri sa-kejap tadi menyatakan bahawa akan memberi nasehat kapada pihak Pengarah Badan Penchegeh Rasuah ini apabila hendak mengeluarkan satu² kenyataan dalam surat khabar hendak-lah lebeh dahulu berunding dengan Menteri atau pun Kementerian yang berkenaan. Tidak-kah ini satu perkara yang meletakkan Badan Penchegeh Rasuah ini tidak benar² menjadi sa-buah badan yang bebas yang boleh mengeluarkan satu² kenyataan dan boleh bertindak dengan sa-chara bebas-nya?

Perdana Menteri: Pegawai Rasuah ini yang sa-benar-nya di-bawah Kementerian. Jadi mengikut atoran discipline kita, tiap² pejabat di-bawah satu² Kementerian, kena-lah berunding dengan Kementerian itu ya'ani bukan berma'ana yang Kementerian itu boleh

menahankan dia, atau menyekatkan dia daripada mengeluarkan apa² kenyataan. Chuma-nya menurut discipline kena-lah menjalankan ikut atoran itu.

Tuan Mustafa bin Ahmad (Tanah Merah): Berhubung dengan masaalah² yang timbul dalam masharakat kita yang belum puas hati dengan Badan Penchegeh Rasuah ini bukan bererti mereka ini tidak bertindak sa-kadar kemampuan mereka, ia-itu Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri memberi jaminan di-dalam Dewan ini ia-itu sa-siapa sahaja, baik ahli Dewan Ra'ayat, baik Menteri², sa-kiranya kenyataan ada mereka itu melakukan satu rasuah, maka pihak Jabatan Rasuah ini akan mengambil tindakan dengan tidak ragu² lagi.

Perdana Menteri: Memang sudah menjadi peratoran, tidak payah bagi jaminan lagi.

JUMLAH PEGAWAI² DALAM PERKHIDMATAN TADBIR MALAYSIA (M.C.S.)

2. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad (Pasir Mas Hulu) bertanya kapada Perdana Menteri berapa jumlah pegawai² dalam Perkhidmatan Tadbir Malaysia (M.C.S.) seperti berikut:

- (i) dalam Perkhidmatan Pentadbiran;
- (ii) dalam Perkhidmatan Teknik;
- (iii) dalam Perkhidmatan Kejuruteraan, menurut jenis Perkhidmatan Kejuruteraan umpamanya Parit, Awam dan lain²;
- (iv) dalam Perkhidmatan Perubatan dan Pergigian;
- (v) dalam Perkhidmatan² lain yang tidak tersebut di-atas.

Perdana Menteri: Soal ini susah hendak di-jawab dengan tepat-nya, kerana sangat umum. Soal bertanya-kan berapa Pegawai² Kerajaan di-dalam Perkhidmatan Tadbir Malaysia (M.C.S.) seperti berikut:

- (i) dalam Perkhidmatan Pentadbiran;
- (ii) dalam Perkhidmatan Teknik;

- (iii) dalam Perkhidmatan Kejuruteraan, menurut jenis² Perkhidmatan Kejuruteraan umpamanya, Parit, Awam dan lain;
- (iv) dalam Perkhidmatan Perubatan dan Pergigian;
- (v) dalam Perkhidmatan² lain yang tidak tersebut di atas; macham mana saya hendak jawab soalan² ini. (*Ketawa*).

Satu sahaja saya boleh jawab, barangkali dalam Perkhidmatan Pentadbiran. Dalam Perkhidmatan Pentadbiran sekarang ini telah di-chantum menjadi satu—Perkhidmatan Dalam dan Luar Negeri yang dahulu di-katakan M.C.S. (Malayan Civil Service) dan Foreign Service. Sekarang ini di-panggilkan Perkhidmatan Dalam dan Luar Negeri dan banyak-nya pegawai² ini di-dalam Perkhidmatan ini ia-lah 633 orang. Jadi di-dalam lain² ini semua-nya Perkhidmatan iktisas yang di-dalam Division I yang juga di-dalam perkhidmatan awam. Saperti Perkhidmatan Kejuruteraan, dan Perkhidmatan Perubatan, Pergigian dan lain²-nya. Saya fikir Ahli Yang Berhormat hendak-lah menengok Anggaran Perbelanjaan di-mana ada di-tunjokkan bilangan pegawai² dalam perkhidmatan² tersebut. Kalau saya hendak sebut di-sini habis buku Anggaran Perbelanjaan itu semua hendak kena keluar sekarang ini bagi jawapan itu.

DASAR LUAR NEGERI MALAYSIA

3. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta kepada Perdana Menteri nyatakan dengan tegas apa-kah dasar luar negeri Malaysia:

- (a) terhadap negara² Eropah Barat;
- (b) terhadap United Kingdom;
- (c) terhadap Amerika Sharikat, Canada dan Amerika Latin;
- (d) terhadap Australia;
- (e) terhadap Asia Tenggara, Asia Tenggara Komunis, dan Asia Selatan;
- (f) terhadap China Kebangsaan—Taiwan;

- (g) terhadap negara² (Komunis) Eropah Timor dan China Komunis, Korea Utara dan Korea Selatan;
- (h) terhadap Jepun, dan Pertubohan Bangsa² Bersatu;
- (i) terhadap Afrika, Pertubohan untuk Kesatuan Afrika, Republik Arab Bersatu, Rhodesia dan Israel.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini pun pening kepala juga hendak menjawab. Pertanyaan ini meminta Perdana Menteri menyatakan dengan tegas-nya apa-kah dasar luar negeri Malaysia terhadap Negara² Eropah Barat; terhadap United Kingdom; terhadap Amerika, Canada dan Amerika Latin; terhadap Australia; terhadap Tenggara Asia, Tenggara Komunis dan Asia Selatan (*Ketawa*); terhadap Negeri China Kebangsaan—Taiwan; terhadap negara² (Komunis) Eropah Timor dan China Komunis, Korea Utara dan Korea Selatan; terhadap Jepun dan Pertubohan Bangsa² Bersatu; terhadap Afrika, Pertubohan untuk Kesatuan Afrika, Republic Arab Bersatu, Rhodesia dan Israel.

Baik-lah, saya chuba dengan sa-beberapa daya-upaya-nya hendak menerangkan terhadap negeri² Eropah Barat. Policy kita telah terang, sudah beberapa kali saya beritahu di-Parli-men ini, kita ini satu negeri yang kechil dan tujuan yang besar bagi kita ini ia-lah hendak dudok dengan baik-nya dengan negara² di-dalam dunia. Jadi ini menjadi satu policy mana² negeri yang hendak berbaik dengan kita. Negeri Eropah Barat kata-nya yang mengadakan perhubungan baik pun dengan chara trade, perhubungan diplomatik dengan kita, bagaimana tuan² tahu yang ada di-sini Duta² mereka itu semua-nya kita bersahabat baik dan mereka kerap kali ada-lah berunding dengan kita dan memberi pertolongan² kepada kita. Dan juga United Kingdom, Australia, New Zealand, Canada, ini boleh kata sa-habat yang erat kepada kita kerana negeri² itu dudok di-dalam Commonwealth. Yang kedua, mereka selalu beri

bantuan kepada kita, pertolongan kepada kita, tiap² kali kita hendak pertolongan itu, baik pun chara bantuan wang ringgit, atau bantuan chara memberi pertolongan hantar expert atau bantuan beri tempat² untuk murid² kita belajar di-universiti² di-dalam negeri² itu. Dengan mereka boleh katakan persahabatan kita ini sangat-lah erat dan sangat-lah baik, dan di-dalam masa pergaduhan pun negeri² itu memberi bantuan untuk mengadapi musuh kita yang lebih kuat daripada kita itu.

Bagitu juga dalam Asia Tenggara, Asia Tenggara macham mana komunis dan Asia Selatan. Asia Tenggara kita ini berbaik² dengan kawan² kita ini kerana dudok di-dalam satu region kata-nya, di-dalam Asia Tenggara ini dengan mereka kita ada-lah berbaik², chuma-nya baharu² ini ada pertelingkahan sedikit dengan Filipina kerana tuntutan mereka di-atas Sabah.

Sa-lain daripada itu boleh di-katakan Filipina pun ada juga di-dalam Persatuan yang kita tubuhkan di-namakan ASEAN, dengan tujuan hendak bekerjasama, hendak meninggikan taraf hidup ra'ayat² di-dalam negeri² ini. Jadi dengan Asia Tenggara Komunis itu tak dapat-lah kita hendak berbaik kerana Asia Tenggara Komunis itu ia-itu kata-nya North Vietnam (Vietnam Utara), kita ini bersahabat baik dengan Vietnam Selatan. Dengan kerana itu tidak-lah dapat kita hendak berchantum atau pun hendak berkawan baik dengan Vietnam Utara. Dan bagitu-lah juga Asia Selatan, kawan² saya kata tak ada pun (*Ketawa*). Jadi berbangkit-lah soal itu. Jadi China Kebangsaan (Taiwan) kita ada tubuhkan Konsul² antara dua² negeri kerana perniagaan kita, ini sangat-lah rapat, tetapi dalam pada itu tidak pun lagi kita adakan perhubungan diplomatik dengan negeri itu, kerana China sekarang ini ada dua buah negeri China, yang mana satu yang hendak di-i'tirafkan sa-bagai negeri China yang sa-benar, kita tak tahu. Sementara itu kita adakan perhubungan baik dengan negeri China yang di-katakan China Kebangsaan yang tertubuh Kerajaan-nya di-Taiwan.

Soalan (g) terhadap negara² (Komunis) Eropah Timor, sekarang ini kita berbaik dengan mereka itu, sa-bagaimana Russia, Yugoslavia, Rumania, Bulgaria—semua-nya ada perhubungan dengan kita di-sini dan tidak ada apa² hal dengan tidak ada berlainan antara mereka dengan negeri² Eropah lain. Komunis China kita tidak dapat hendak bersahabat dengan dia, kerana ada-lah muslihat politik-nya berlainan sangat dengan kita. Sa-bagaimana tuan² faham mereka itu tidak memandang kepada kita sa-bagai sahabat dan kerap kali boleh di-katakan orang² kita yang menjadi subversive di-dalam negeri kita ini, menggunakan nama negeri China untuk menggerakkan ra'ayat² dalam negeri ini yang ta'at setia kepada Negeri China untuk membangkitkan kachau-bilau dalam negeri kita ini. Dengan kerana itu tidak dapat-lah kita hendak bersahabat baik dengan negeri China Komunis itu. Dan bagitu-lah juga Korea Utara kerana kita bersahabat baik dengan Korea Selatan, tak dapat-lah kita hendak mengadakan diplomatic relation atau persahabatan dengan Korea Utara.

Dan terhadap Jepun kita sudah ada-lah baik² dengan-nya dan mereka ini bagaimana tuan² tahu telah bersetuju hendak bagi kapal kepada kita kerana hendak menebuskan nama baik mereka itu yang telah rosak dalam masa peperangan dahulu itu.

Terhadap Afrika, kita berbaik, tetapi ada satu lagi puak Afrika yang dinamakan Organisation of African Unity. Barangkali ini-lah tujuan tuan² Organisation of African Unity kita tidak ada apa² perhubungan dengan mereka chuma-nya kita berkawan baik dengan mereka dan juga Republic Arab Bersatu kita ada tubuhkan diplomatic relations dengan-nya. Rhodesia kita tidak iktirafkan sa-bagai satu negeri yang merdeka kerana ia dapat merdeka dengan sendiri-nya dengan tidak mendapat persetujuan Kerajaan British yang memerintah negeri itu dan dengan Israel kita tidak ada diplomatic relation atau pun Trade Relation dengan negeri itu.

Dengan United Nations—ini satu Badan dunia yang kita ini memberi sokongan yang penoh kerana badan ini yang kita faham satu badan yang ada tujuan baik yang hendak menolong membebaskan manusia dalam dunia ini dan dengan Charter yang ada itu menjamin kebebasan itu dan kedaulatan tiap² negeri dalam dunia.

Dengan kerana itu-lah tiap² kali kita menyokong negeri itu sampai pada masa negeri itu hendakkan pertolongan daripada negeri kita menolong United Nations Organisation di-dalam Congo kita satu daripada negeri yang hantar-kan askar² kita berkhidmat dengan nama di-bawah panji² United Nations. Setakat itu-lah yang saya dapat jawab kepada Ahli Yang Berhormat itu.

Dr Lim Chong Eu (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, arising out of the reply from the Honourable Prime Minister, admittedly, it is rather a complex question, and I think the Honourable Prime Minister has handled it in an admirable way. However, he has raised one question in our minds. The Government has consistently stated that its foreign policy is an independent one. However, in replying to our questions with regard to our relations with South Korea and North Korea and to Vietnam—South Vietnam and North Vietnam—it appears as though the Honourable Prime Minister has put our foreign policy views in slightly different terms. It appears as though that we are unfriendly, or we are not able to be friendly with other nations, because we are friendly with some other nations. Sir, how does the Honourable Prime Minister correlate these two views of the Government, that we have an independent policy on the one hand and his statement that we are not friendly with other nations because we are friendly with some other nations?

Perdana Menteri: Mr Speaker, Sir, the explanation is quite simple, because here is one country which has been divided into two and as a result of the division we have to recognise one or the other—obviously, we cannot recognise two. We recognise the

South because they appear to carry on their Government on the same system of democracy as we do. As a result of that, we naturally recognise them. The other one, according to information, their politics is quite contradictory to what we believe in; that is why we have to recognise the one that works with us and not one that works against us.

Dr Lim Chong Eu: Sir, in view of the reply by the Honourable Prime Minister, are we to take it that that is the general policy? Sir, may I ask the Honourable Prime Minister, what is the Government's policy with regard to the two Chinas—Peking and Taiwan? What is the status for our consular representation in Taiwan?

Perdana Menteri: Mr Speaker, Sir, as mentioned first in my reply to this particular question I said, "We will be". Our policy is to be friendly with all the nations in the world, and it means with the nations that will reciprocate our goodwill and our faith. Obviously, as I have explained just now, where the two countries are divided, one does not bear goodwill towards us, and as a result of that we have to have a friendly policy with that country that is friendly to us.

Dr Tan Chee Khoon (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, one of the main considerations of establishing consular representations with Taiwan is the volume of trade that we have with Taiwan. Is the Honourable Prime Minister aware that our volume of trade with the Peoples' Republic of China is far in excess of our trade with Taiwan, and consequently should not we try to establish consular representations, at least, with the Peoples' Republic of China?

Perdana Menteri: If the Honourable Member wants me to be outspoken and honest, I might say that, at least, Taiwan is friendly disposed towards us; on the other hand, the other China has, as I said yesterday, not that feeling of friendship towards us; on the contrary, I do not know whether she has done it directly, but indirectly she has many thousands of her agents in this country whose sole aim and

object, right from the beginning of our independence and before our independence, is to try to overthrow the democratic Government of this country by force of arms. For that reason we cannot have diplomatic or consular relation with her as this would be a help to these subversive elements, who owe loyalty to that China. With regard to trade, I think it is, what we might say, advantageous to that China; the trade between the two countries today should be enough for those who have any sympathy for that China.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, is the Honourable Prime Minister aware that a decade ago the then British protectorate in Malaya, and now the Malaysian Government, held the Soviet Russia in much the same light as the present Government regard the Peoples' Republic of China in that they were subversive, they were trying to export Communism the world over? Is the Honourable Prime Minister aware that our attitude towards China has turned a full circle and that we now respect Russia's policy of co-existence, with the result that the "Hammer and Sickle" flies over the diplomatic mission of Soviet Russia? In view of the changed attitude that we have towards Russia, is it not possible in the not too distant future that we may well change our attitude towards the Peoples' Republic of China?

Perdana Menteri: Mr Speaker, Sir, as I said, where they use their hammer and sickle, (*Laughter*), that is a disturbing factor in so far as we are concerned. If China decides to use their hammer and sickle the way Russia is using them, there is no reason why we should not be in good terms with them; but they are using it differently; they are using the hammer to break our heads (*Laughter*), and that is why we are not able to make friends with them. (*Laughter*).

Tuan Mustapha bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan jawapan Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri, merangkap Menteri Luar Negeri dan soalan tambahan lain-nya, maka jelas-lah Dewan ini

yang umum-nya kita tidak memahami polisi luar negeri kita yang sa-benar. Oleh itu boleh-kah Menteri Luar Negeri membuat satu polisi yang tegas, yang systematic, sa-hingga ra'ayat dalam negeri ini tahu polisi luar negeri kita, di-dalam rangka kasar-nya, sebab keadaan dunia sekarang ini. Jadi, dalam soal itu saya minta boleh-kah pehak Menteri Luar Negeri membuat satu polisi, dasar-nya, sa-hingga ra'ayat negeri ini memahami polisi kita terhadap negara² di-dunia sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Sa-belum itu kita mesti tentukan ra'ayat dalam negeri tidak tahu foreign polisi kita. Ada-kah betul ra'ayat dalam negeri tidak tahu?

Tuan Mustapha bin Ahmad: Betul.

Tuan Yang di-Pertua: Atau PAS? (*Ketawa*).

Tuan Mustapha bin Ahmad: Tidak. Umum tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, yang tidak tahu Ahli PAS. Fasal dia tidak bersetuju dengan polisi kita, dia buat² tidak tahu. (*Ketawa*).

LAPORAN GAJI GURU²

4. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Timbalan Perdana Menteri bila Laporan Gaji Guru² akan di-umumkan dan dapat-kah dia memberi jaminan kepada Majlis ini bahawa laporan ini tidak menerima nasib yang sama seperti Laporan Gaji² Suffian ia-itu di-bekukan.

Timbalan Perdana Menteri (Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab penyata penoh daripada Teachers' Salaries Commission belum di-terima lagi, saya tidak dapat-lah hendak menentukan bila penyata ini dapat di-ishtiharkan. Sunggoh pun bagitu, saya dapat tahu daripada press release yang di-keluarkan oleh Commission ini pada 22hb Julai, 1968, penyata penoh tidak akan dapat di-serahkan kepada Kerajaan sa-belum bulan Oktober tahun ini. Dan lagi, Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak dapat hendak menentukan terhadap keputusan di atas pelaksanaan penyata ini sa-hingga Kerajaan dapat mengetahui *shor*² yang di-datangkan oleh Commission ini dan juga implications daripada *shor*² itu.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, are we then to infer from the reply of the Honourable Deputy Prime Minister that, because the Government has not received the report of the Aziz Salaries Commission for Teachers and because the Government does not know the implications, the Government is not prepared at this stage to give an assurance that I seek in my question—that the Aziz Report will be implemented and not put into deep freeze like the Suffian Salaries Report?

Tun Haji Abdul Razak: Mr Speaker, Sir, obviously the Honourable Member is trying to jump the gun. I have said that we will consider this report fully when we receive the report. We have never put any report into cold freeze, not even the Suffian Salaries Commission but, obviously, it will take time for us to study; and when this report comes, I can assure this House, the Government will make a study of the recommendations immediately and as soon as the Government has made a decision, the decision will be announced.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, will the Honourable Deputy Prime Minister assure this House that, if and when the Government receives the report from the Aziz Commission, that report will be made available to Members of this House, without too much delay. As it is, up to today, none of us in this House, except the Government Ministers, have seen the Suffian Salaries Report.

Tun Haji Abdul Razak: The full report has not yet been submitted to this Government.

Dr Tan Chee Khoon: Sir, perhaps, I did not make myself quite clear. The assurance that I seek from the Honourable Deputy Prime Minister is this: that if and when the Government receives the report of the Aziz Salaries

Commission, it will make that report available to Members of this House without too much delay.

Tun Haji Abdul Razak: When we have received the report, we will consider the report, and then we will certainly make it public.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, is the Honourable Deputy Prime Minister aware that the actions of the Government belie the assurance given by the Honourable Deputy Prime Minister in that—I wish to remind him—that up to today although the Suffian Salaries Report is in the hands of the Government for more than a year, we in this House have not received copies of that Report.

Tun Haji Abdul Razak: Mr Speaker, Sir, it takes time for the Government Printer to print this very bulky report. This has been in the print for some months now, and when it is ready it is for all to see. The report has been made public.

Tuan Yang di-Pertua: I think that should be sufficient answer. (*Laughter*).

JAKARTA ASEAN MINISTERIAL TALKS—PROSPECTS FOR CLOSER REGIONAL CO-OPERATION

5. Tuan Tan Toh Hong asks the Deputy Prime Minister to give a statement on the prospects for closer regional co-operation which have emerged as a result of the recent Jakarta ASEAN Ministerial talks, and the projects which are envisaged for immediate implementation.

Tun Haji Abdul Razak (*dengan izin*): Sir, the second ministerial meeting of ASEAN in Jakarta on the 6-7th August last, marked the first anniversary of the birth of this Organisation. However, since the first ministerial meeting in Bangkok last year, there is every evidence to indicate that the bright prospect for closer regional co-operation exists in this Organisation. Now, at the meeting in Jakarta, the Foreign Ministers have had the opportunity not only to review the progress of ASEAN but also to engage in informal and frank exchange of views in matters

pertaining to this region which is very useful, in order to understand each other's problems and bring about a sense of understanding and mutual respect among the countries in this region.

In regard to ASEAN, the Foreign Ministers have expressed their determination to see that the Organisation move ahead to fulfill the goal it set out to achieve, and in this connection solidarity among the member countries has been recognised as a factor of paramount importance. Now, the first year of ASEAN is a year of preparation and planning, and several projects have been identified by experts and officials of the five member countries. These are in the field of food production and supply, including fisheries, tourism, civil aviation, shipping, telecommunications and transportation. The projects which are envisaged for immediate implementation will include the exchange of technical and scientific publications, personnel and experts in the various fields of co-operation, technical know-how, and expertise and visits of cultural troupes and utilisation of existing research and training facilities in the member countries. And apart from these, there will also be close co-operation among the ASEAN members with regard to their day-to-day relation in order to achieve mutual understanding such as in respect of certain issues at international conferences.

Tuan Tan Toh Hong (dengan izin): Mr Speaker, Sir, while it is satisfying to learn of the encouraging start of this First Ministerial Conference of ASEAN, which has solidified the ground work for future co-operation and stability in this part of the world, however, in view of the latest mischievous and false allegation against Malaysia by the Filipino Secretary of Labour, who is a Cabinet Minister, would the Honourable Minister comment on the universal opinion that one of the greatest immediate threats to the continued success of ASEAN is the escalation of emotional hysteria in Manila over its unfounded claim to Sabah?

Tun Haji Abdul Razak: Sir, it is true that if there is deterioration of relationship between the Philippines and Malaysia, two members of ASEAN, this will jeopardise the work of ASEAN and will put the work of this Organisation back many many years.

Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Kerajaan menyedari bahawa ada negeri² luar dengan chara tak langsung merachun fikiran negara² dalam pertubuhan ASEAN ini supaya pechah atau gagal dan dengan itu apa-kah ikhtiar Kerajaan untuk mengatasi-nya.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengetahui hal ini, tetapi bagaimana pun pandangan² dari negeri² luar terhadap ASEAN ini kalau negeri² yang menjadi anggota² ASEAN yang sa-benar²-nya bersetuju hendak bekerjasama, saya fikir mana² pehak tidak dapat hendak menggegarkan kedudukan negara² itu.

LATEHAN TENTERA SA-CHARA KOMINIS DI-RUSSIA ATAU DINEGARA² TIMOR UNTUK PEMUDA² MALAYSIA

6. Wan Hassan bin Wan Daud (Tumpat) [di-bawah S.O. 24 (2)] bertanya kepada Menteri Pertahanan ada-kah Kerajaan akan menghantar pemuda² kita untuk mendapat latehan tentera sa-chara kominis di-Russia atau dinegara² Eropah Timor; jika ya, bilakah rombongan pertama akan bertolak.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan tidak ada rancangan untuk menghantar pemuda² kita untuk mendapatkan latehan tentera di-Russia, atau pun di-negeri² Eropah Timor.

Wan Hassan bin Wan Daud: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Menteri Pertahanan menerangkan sebab² yang Kerajaan tidak chenderong untuk mempelajari latehan tentera dinegara² kominis ini.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak kata yang Kerajaan tidak chenderong; pada masa ini

tidak ada langkah, atau pun ranchangan di-ambil terhadap-nya.

MEMBENARKAN PEGAWAI² MARA SABAH MENJAWAB PERMOHONAN DARI RA'AYAT SABAH

7. Tuan Ganing bin Jangkat (Sabah) bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar memandangkan banyak-nya permohonan² dari ra'ayat Sabah yang belum di-jawab dan untuk menyegerakan kerja² menjawab surat² itu, ada-kah dia akan menimbang membenarkan pegawai² MARA Sabah menguruskan sendiri semua surat² permohonan dari ra'ayat Sabah itu daripada menghantar-nya dulu kepada Ibu Pejabat MARA di-Kuala Lumpur untuk di-luluskan seperti yang berjalan sekarang ini.

Menteri Ta' Berjabat (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, mengikut peratoran yang ada sekarang Pegawai MARA Negeri Sabah ada-lah di-benar meluluskan beberapa jenis pinjaman bagi pehak Ibu Pejabat MARA di-Kuala Lumpur. Peratoran tersebut ada-lah seperti berikut, ia-itu pinjaman sa-tinggi² sa-banyak \$15,000.00 kerana membeli landrover; \$10,000.00 kerana membeli kereta² sewa dan \$5,000.00 lagi di-atas pinjaman biasa yang di-kehendaki dengan serta-merta.

JENIS² PERMOHONAN MEMINTA BANTUAN YANG BER- KEHENDAKKAN KEBENARAN IBU PEJABAT MARA DI- KUALA LUMPUR

8. Tuan Ganing bin Jangkat bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar:

- (a) apa-kah jenis² permohonan meminta bantuan yang berkehendakkan kebenaran Ibu Pejabat MARA di-Kuala Lumpur sa-belum di-luluskan;
- (b) berapa jumlah yang paling tinggi bagi satu² pinjaman yang boleh di-luluskan oleh Ibu Pejabat MARA, Sabah.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, semua permohonan² pinjaman yang tidak ter-

masuk dalam gulungan² jenis pinjaman yang saya sebutkan sa-bentar tadi ada-lah di-kehendaki di-hantar ka-Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur, untuk mendapat kelulusan. Jumlah yang paling tinggi sa-kali yang boleh di-luluskan oleh Ibu Pejabat MARA, Sabah, ia-lah \$15,000.00 bagi membeli landrover; \$10,000.00 bagi membeli kereta sewa dan \$5,000.00 lagi bagi pinjaman segera. Pinjaman yang lain daripada itu terpaksa di-hantar ka-Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur, untuk di-siasat sa-belum di-luluskan.

KROH INCIDENT ON 17TH JUNE, 1968

9. Dr Tan Chee Khoo asks the Minister of Home Affairs to give details of the disaster at Kroh resulting in the loss of 15 lives and whether there has been evidence of over-confidence on the part of the police.

Tun Haji Abdul Razak (dengan izin): Sir, on the 17th of June, 1968, at about 5.20 p.m., the 43 officers and men of the Police Field Force stationed in Kroh left for Betong, Thailand, in a convoy of five vehicles by the Kroh-Betong road. Just as the first and second vehicles drove past the Thai Customs Checking Station, about 3½ miles from Kroh, an ambush was sprung at them. Heavy automatic fire was directed against the last three vehicles and it is believed that the first burst of fire killed the 16 Police personnel outright, and hit most of the rest. The attack continued for 25 to 30 minutes, and heavy fire was concentrated on these vehicles from three Bren-gun positions and 14 other positions using various types of weapons from Thompson sub-machine guns to Sten-carbine, rifle and pistol. The ambush was well-sprung and planned. All escape routes were exposed to direct attack from ambush positions, which extended for a distance of about 400 yards, ending at a point of about 40 yards from the Thai Customs Check point towards Kroh. The terrain was of advantage to the enemies, and it was such as to afford little, or no opportunity for the Police Field Force personnel to take any cover. The men were by no means completely shaken

up by the first burst and those that survived it put up a fight. Evidence at the scene of the incident showed that those who survived the first burst must have de-bused, took what little cover they could obtain from under the trucks and returned the fire. The quantity of empty S and R shells later found scattered at the area confirmed this. Now, on follow-up action blood trails were found at the scene of the ambush, and it is believed that three C.Ts. were seriously wounded. Information received on the following day confirmed that a few C.Ts. were wounded. Now, the Police personnel of the first two vehicles did not leave their comrades alone. At the first burst of fire, the officer-in-charge thereof de-bused together with the eight rank and file, who were with him, and ordered the vehicles to proceed to Betong for reinforcements. He did what he could to counter the ambush, but, with heavy fire directed at his group, he and his men could not do much.

As a result of the ambush, 16 Police Field Force personnel were killed and 17 wounded. Sir, there had been no evidence of over-confidence on the part of the Police personnel. The ambush must have been planned a couple of days before and, as I stated to the Honourable Member, there is no fool-proof counter-measure against such an enemy ambush of this nature, and the terrain of the area gave the enemy such obvious advantage.

Dr Tan Chee Khoo: Mr Speaker, Sir, before I ask a question, may I inform the Honourable Minister for Home Affairs that we in the Gerakan Malaysia have expressed our condolences and sympathy to the bereaved families of the dead persons. The question that I wish to ask is this, Sir, in view of the fact that presumably that stretch of road to Kroh is subjected to repeated ambushes, will the Honourable Minister for Home Affairs see to it that eternal vigilance and preparations for any such future ambushes have been taken by his Ministry?

Tun Haji Abdul Razak: Sir, we have taken all measures now and I have directed the transport of security

forces personnel in future should as far as possible be carried out by air, and, if it is necessary to go by road, then they will have to use armoured vehicles, but I must explain also that even armoured vehicles will not be fool-proof against such an ambush.

PISTOL² TIRUAN ATAU PISTOL² PERMAINAN KANAK²

10. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah menjadi kesalahan jika sa-saorang itu menyimpan pistol² tiruan atau pistol² mainan kanak², jika ya, apa-kah sebab²-nya, berapa banyak yang telah di-rampas dan dari manakah datang-nya pistol² ini.

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, mengikut Undang² Senjata Api ada-lah menjadi kesalahan bagi sa-saorang, melainkan jika ia-nya berumur kurang daripada 14 tahun atau mempunyai lesen, menyimpan pistol² tiruan seperti yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sebab larangan itu sangat-lah nyata oleh kerana pistol² seperti itu boleh dan telah pun di-salah gunakan oleh orang² yang tidak bertanggung-jawab. Dalam masa satu tahun yang lalu ia-itu di-antara 1-7-1967 sampai 31-7-1968 bilangan pistol² tiruan atau mainan kanak² yang di-rampas di-Malaysia Barat ia-lah 383. Pistol² ini datang-nya dari Hong Kong, Jepun, Taiwan dan Thailand.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh sebab pistol permainan menjadi satu kegemaran kepada anak² kita, ada-kah Kerajaan berchadang satu masa kelak akan memberi lesen sa-bagaimana senjata api yang lain.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Di-dalam Undang² yang ada sekarang ini memang ada, Tuan Yang di-Pertua, Undang² mengatakan tiap² orang sebelum boleh menyimpan senjata api atau membawa masuk senjata tiruan atau pun senjata permainan daripada luar negeri mesti-lah memperolehi lesen untuk menyimpan atau membawa

masuk senjata² tiruan ini ka-dalam negeri; tetapi dalam pada itu kalau sa-kira-nya ada bukti yang jelas sa-bagai-mana yang di-katakan oleh Yang Berhormat itu pistol permainan sa-macam ini ada-lah menjadi bahaya kepada kanak² juga, barangkali Kerajaan akan mengambil timbangan dan perhatian di atas ini menimbangkan sama ada perlu juga kanak² sa-belum boleh menyimpan senjata tiruan ini di-kehendaki memperoleh lesen.

TANGKAPAN ORANG² INDONESIA YANG BERSENJATA OLEH POLIS LAUT JOHOR

11. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, berhubung dengan sa-puloh orang Indonesia yang bersenjata yang telah di-tangkap oleh Polis Laut Johor :

- (a) sudah-kah di-tentukan sama ada mereka itu askar Indonesia, lanun atau gerila komunis;
- (b) apa-kah hukuman yang di-jatohkan kepada mereka dan apa-kah pakaian mereka pada waktu di-tangkap; dan
- (c) berapa kali kejadian saperti itu berlaku, dan apa-kah penjelasan Kerajaan Indonesia mengenai hal ini.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Dato' Yang di-Pertua, orang² yang di-tangkap itu telah pun di-sahkan oleh Kedutaan Indonesia sa-bagai ahli² anggota Angkatan Bersenjata Indonesia; tidak ada apa² hukuman dikenakan ka-atas mereka. Mereka telah di-bebaskan, oleh kerana tidak ada bukti menunjukkan bahawa mereka telah merompak atau membuat kesalahan tertentu terhadap warganegara Malaysia atau pun kapada² mana² ra'ayat Malaysia. Pengesahan pun juga telah di-terima daripada Kerajaan Indonesia bahawa mereka ini telah sesat, tersasul ka-perayeran Malaysia apabila jentera sampan-nya rosak.

Ini-lah kali yang pertama berlaku-nya kejadian sa-macam ini. Dan pada masa mereka itu di-tahan mereka tidak memakai uniform tetapi pakaian uniform-nya telah di-jumpai di-dalam sampan² mereka itu.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi mengatasi masaalah ini mungkin boleh di-kelirukan oleh lanun maka satu usaha yang akan di-buat ia-itu mengadakan ronda bersama di-Selat Melaka, ada-kah ranchangan ini telah di-jalankan?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, memang selalu di-adakan ronda² daripada motor² boat kepunyaan Pasokan Polis Navy dan pada masa di-adakan meshuarat dengan Kerajaan Indonesia dahulu berkenaan dengan perkara ini, persetujuan telah juga di-chapai di-dalam mana Pasokan Laut, Tentera dan Polis kedua² negeri ada-lah di-kehendaki bekerjasama menjalankan perondaan di Selat Melaka ini untuk menghalang atau mengatasi masaalah perompak² yang ada di-Selat Melaka.

HUTANG NEGARA, KERAJAAN MALAYSIA, DI-DALAM DAN LUAR NEGERI

12. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Kewangan sebutkan semua puncha dalam negeri dan luar negeri dari mana Malaysia telah mendapat pinjaman atau akan mendapat pinjaman, dengan menunjukkan berapa jumlah pinjaman yang di-dapati atau yang hendak di-pinjam, kadar² faedah, tempoh yang di-setujukan untuk menjelaskan hutang, dan projek² yang telah di-biaya² atau yang akan di-biaya² oleh pinjaman² ini daripada 1hb Ogos, 1957, hingga sekarang.

Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat itu sedia ma'alum, satu laporan yang lengkap berkenaan dengan hutang negara Kerajaan Malaysia di-dalam dan di-luar negeri, ada tertera di-dalam Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Biasa yang di-kemukakan kepada Parlimen tiap² tahun. Keterangan² di-atas pinjaman² yang telah di-dapati sa-lepas Anggaran² itu di-keluarkan, telah pun dinyatakan kepada Dewan ini dahulu. Jika Ahli Yang Berhormat belum mengambil perhatian di-atas perkembangan² ini, saya ingin menyatakan

bawa ma'lumat ini akan di-beri dengan lengkap di-dalam Anggaran yang akan datang.

Tuan Mohd. Zahir bin Haji Ismail (Sungai Patani): Tuan Yang di-Pertua, kemajuan yang telah di-chapai oleh Kerajaan di-dalam jurusan sharikat² kerjasama di-dalam negara kita bolehlah di-katakan menggalakkan, istimewa-nya di-dalam kalangan sharikat² kerjasama di-kota² atau di-pekan². Kebanyakan sharikat² itu mendapat kejayaan. Chuba-lah kita perhatikan Sharikat Kerjasama Guru² atau pegawai² yang bekerja dalam Hospital², Polis atau Malaysian Co-operative Insurance Society (M.C.I.S), kebanyakannya mendapat kemajuan yang patut di-puji. Tetapi yang mendatangkan dukachita sedikit di-dalam hati kita sakalian ia-lah sharikat² kerjasama yang di-luar² bandar yang kebanyakan daripada-nya tidak mendapat kejayaan seperti yang di-harap²kan.

Dengan tertuboh-nya Perbadanan Maktab Kerjasama seperti yang di-chadangkan dalam Rang Undang² ini maka kita berharap di-bawah Section 4 (d) Undang² ini, maka Maktab ini akan menjalankan penyelidikan atas perkara² kerjasama istimewa-nya di atas sharikat² kerjasama yang di-luar bandar.

Kita sakalian memang telah sedar bagaimana mustahak-nya standard iktisad orang² di-luar bandar patut di-pertingkatkan agar menjadi saimbang dengan standard iktisad orang² di-dalam kota². Chara yang lebeh senang kaarah ini ia-lah melalui sharikat² kerjasama yang berkesan dengan kerana sharikat² kerjasama itu:

- (a) memberi fikiran dan latehan perniagaan kepada orang² luar bandar itu,
- (b) menghapuskan orang² tengah dan yang demikian memberi harga yang berpatutan kepada barang² orang² yang di-luar bandar, dan

(c) memberi pekerjaan kepada ahli² dan keluarga² mereka itu.

Faktor² yang menyekat sharikat² kerjasama di-luar bandar ia-lah, pada fikiran saya, terbahagi kepada dua garisan besar. Pertama-nya, orang² luar bandar tidak sedar di-atas faedah² daripada sharikat kerjasama dan yang kedua-nya jika mereka itu sedar pun, mereka tidak mempunyai orang² yang berkebolehan untuk memimpin sharikat² kerjasama mereka itu untuk men-chapai kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu kita berharap Maktab ini akan boleh memberi kursus dan mengeluarkan pemimpin² sharikat² kerjasama yang boleh berkhidmat di-kampong² dan tinggal di-kampong² dan menjadikan kerjasama itu sa-bagai satu mata pencharian mereka dan Maktab ini akan memberi kesedaran kepada orang² luar bandar di-atas peri mustahak-nya sharikat² kerjasama untuk menolong mereka itu meninggikan iktisad mereka itu.

Latehan² atas kursus² yang di-beri pada masa yang lepas² tidak-lah begitu tepat dan berkesan. Orang² yang lepas² itu menerima kursus² dan sa-telah itu mendapat diploma² atau sijil² dari Maktab itu manakala mereka pulang mereka tidak dapat menumpukan masa yang penoh untuk pergerakan sharikat² kerjasama. Ini di-sebabkan orang² yang datang mengambil kursus² ini boleh di-katakan kebanyakan-nya telah ada pekerjaan masing² dan mereka mencheborkan diri mereka itu di-dalam sharikat kerjasama ia-lah sa-bagai sambilan sahaja. Oleh sebab itu-lah kita dapati kebanyakan sharikat² kerjasama di-kampong² mereka tidak ada pegawai² yang berkebolehan yang berkhidmat 100% masa-nya di-dalam sharikat-nya itu. Ada tidak ada pun ia-lah buroh² atau kerani² sa-orang atau dua yang sa-mata² mereka itu bekerja untuk makan gaji. Ini ada-lah satu lagi faktor, atau pun sebab² maka sharikat² kampong tidak dapat maju.

Oleh sebab sharikat² itu tidak ada pemimpin yang berkebolehan, maka lazim-nya perniagaan itu di-mulakan dengan sa-chara kechil² sahaja. Tidak ada siapa pun yang berani untuk

memulakan perniagaan sharikat² kerjasama itu dengan sa-chara besar²an di-kampung² itu dan yang demikian sharikat² itu tidak mampu dari mulanya mengadakan segala kemudahan² dan alat² untuk melancharkan satu² perniagaan yang baharu. Oleh sebab modal sharikat kerjasama itu kecil dan berikut pula tidak ada pemimpin² yang berkebolehan, maka sharikat² kerjasama itu susah benar hendak mencapai kemajuan. Chuba-lah kita kaji-kaji di-Kedah yang terkenal dengan nama jelapang padi Malaysia—tidak ada satu pun kilang beras sharikat² kerjasama yang besar yang ahli²-nya terdiri daripada bumiputra. Kesemuanya yang ada sekarang ia-lah kilang² beras kecil yang terdiri semenjak beberapa tahun yang lepas.

Sharikat² nelayan baharu sahaja ditubuhkan di-Kedah. Sa-belum dua tahun yang lepas sharikat² nelayan itu pun tidak ada juga di-sana. Kita sekarang tidak boleh nampak sharikat² kerjasama bumiputra yang membeli ladang² getah yang besar² dan membuka tanah yang besar². Ada pun satakak penubuhan² sharikat² itu sahaja yang kita dengar. Oleh itu, kita berharap Maktab Kerjasama yang menjadi Perbadanan ini akan menyelideki hal ini. Keseluruhan-nya saya tidak percaya bahawa bumiputra tidak mahu memberi kerjasama untuk menjalankan perniagaan, sa-kadar mereka itu tidak ada mempunyai syarat yang besar ia-itu *the know-how*. Bumiputra di-dalam kalangan sharikat² kerjasama maseh lagi sekarang bergelot di-dalam tingkatan meraba dan belum lagi mempunyai tingkat kebolehan untuk *take-off*.

Perkara yang mustahak di-ikuti ia-lah MARA sekarang sedang giat membukakan perniagaan² dan memberi peluang² dan kemudahan dan chara² untuk mentadbirkan perniagaan itu ada-lah bermacam². Umpama-nya, perniagaan persaorangan, perkongsian, sendirian atau public berhad dan sharikat² kerjasama. Jika seluruh badan² sharikat² kerjasama itu tidak berapa kemas pendirian mereka, maka susah-lah sharikat² itu menerima tugas² perniagaan yang di-utangkan ka-atasnya dan yang demikian akan meng-

hampakan harapan orang² di-luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Section 3 (2) Majlis Maktab Kerjasama Malaysia hendak-lah terdiri daripada ahli² yang di-sebutkan di-dalam-nya. Dengan ini kita boleh mengambil kesimpulan bahawa Maktab ini akan melahirkan fikiran Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama di-atas keseluruhan-nya. Jika Pejabat Kerjasama tidak berjaya menjalankan apa² dasar atau tugas mereka maka kechiwaan itu bermana-lah kechiwaan Maktab itu juga, kerana Setia-usaha Tetap dan Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama ada di-dalam Maktab itu bersama². Kita sa-benar²-nya berharap Maktab ini bersendirian dan berasingan. Umpamanya, MARA tidak melantek Setia-usaha Tetap Kementerian Luar Bandar menjadi Pengerusi-nya. Chara ini lebeh berkesan. Oleh itu, kita berharap Yang Berhormat Menteri akan menimbangkan perkara ini moga² Pengerusi dan Timbalan-nya itu di-lantek orang lain daripada orang² Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang² ini dan saya ucapkan berbanyak terima kaseh.

Tuan Haji Mohd. Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun hendak mengambil bahagian sedikit dalam Rang Undang² yang di-hadapan kita ini yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama. Saya rasa ini-lah satu Undang², satu usaha yang sangat² baik terutama sa-kali kapada bumiputra negeri ini, kerana dalam Rang Undang² ini akan di-jadikan satu perbadanan yang mana saya percaya Perbadanan ini akan bebas daripada gangguan² daripada pihak yang tertentu dan mereka ini setelah bebas tentu-lah dapat menjalankan betul² hasrat sharikat² kerjasama. Sebab pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, peluang² membaiki bumiputra dalam sharikat kerjasama ini sangat² luas terutama sa-kali memandang giat-nya pembangunan negara dan luar bandar yang di-jalankan oleh Kerajaan kita, terutama sa-kali macham di-tempat saya, Tuan Yang di-Pertua,

sangat² berkehendakkan pemimpin² daripada sharikat kerjasama yang tulin yang boleh mengusahakan segala ranchangan² yang sedang berjalan pada masa ini, terutama sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, ranchangan Jengka Tiga Segi di-mana harapan yang besar kepada bumiputra mengambil bahagian dalam meninggikan taraf hidup-nya tidak lain dan tidak bukan mesti-lah dengan chara sharikat kerjasama. Jadi saya perchaya-lah perbadanan ini akan mengeluarkan kader² yang begitu chergas dan bebas menjalankan usaha² sharikat kerjasama.

Kerana saya berkata begitu, Tuan Yang di-Pertua, pada bumiputra pada masa² yang telah lalu sungguh pun telah banyak chara² yang telah diambil oleh mereka untuk mengambil bahagian yang chergas dalam perusahaan dan perdagangan, tetapi oleh sebab mereka² yang sangat maju dalam chara capitalist, chara bermodal persaoangan ini tidak dapat di-atasi atau di-bandingkan, di-tandingkan oleh bumiputra dengan sa-chara persaoangan, tetapi dengan sa-chara sharikat kerjasama ini, saya perchaya, dapat-lah segala chita² bumiputra meninggikan taraf hidup-nya melalui sharikat kerjasama. Jadi saya perchaya sa-telah di-laksanakan Perbadanan ini, saya perchaya, kita berharap satu sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai pendapat ia-itu tidak lagi sharikat kerjasama sa-macham ini ia-itu kita ada sharikat kechil² di-sana sini. Mesti-lah adakan satu sharikat kebangsaan di-mana semua sharikat kerjasama akan dapat di-satukan dengan modal yang di-kumpul oleh sharikat yang kechil² ini dapat kita menjalankan usaha kita dalam tujuan sharikat kerjasama sa-bagaimana yang saya tengok di-negeri yang maju terutama sa-kali Copenhagen kita perhatikan ia-itu sharikat kerjasama ini sangat maju dengan sebab ada satu sharikat kebangsaan ia-itu badan sharikat kerjasama kebangsaan yang boleh mengatasi segala tandingan² daripada pemodal² yang menguntongkan diri sendiri. Dengan itu saya berharap dan saya perchaya tujuan Kementerian ini untuk menggalakkan perbadanan ini ada-lah sangat baik. Terima kaseh.

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan terima kaseh kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah memberi sokongan kepada Rang Undang² Perbadanan Maktab Kerjasama yang di-bentangkan ini.

Di-atas tegoran itu saya akan mengkaji dan akan memberi timbangan daripada satu masa ka-satu masa. Saya suka-lah menerangkan beberapa masalah yang di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat yang pertama ia-itu daripada Yang Berhormat Tuan Stephen Yong ia-itu berkenaan dengan penggunaan mass media, sama ada radio, talivishen dan lain², berkenaan dengan kerja² dan usaha sharikat kerjasama di-dalam negeri ini.

Pada masa² yang sudah sa-hinggalah hari ini kerjasama yang penoh daripada radio, talivishen begitu juga akhbar² tempatan ada-lah di-beri dengan penoh-nya kepada gerakan kerjasama. Boleh di-katakan tiap² hari berita berkenaan dengan gerakan kerjasama di-siar sama ada di-dalam akhbar, mahu pun radio dan dalam talivishen dan lain². Saya perchaya kerjasama daripada akhbar, radio dan talivishen ini akan dapat di-perolehi bagi masa yang akan datang dan saya perchaya mereka juga akan memainkan peranan yang besar bagi kemajuan gerakan kerjasama dalam negeri ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyebut berkenaan dengan gagal-nya beberapa buah sharikat kerjasama di-dalam negeri Sarawak, atau pun kurang maju terutama sa-kali berhubung dengan sharikat kerjasama consumer dan wholesale. Jadi di-dalam masalah ini bukan-lah kesalahan itu boleh di-letakkan chuma sa-mata² kepada consumer atau pun kepada wholesale societies atau pun kepada Jabatan Kemajuan Kerjasama di-dalam negeri Sarawak, tetapi saya suka-lah menerangkan di-sini, Gerakan Sharikat Kerjasama sama ada di-dalam negeri Sarawak mahu pun di-dalam Malaysia, mahu pun di-dalam negeri mana² juga ada-lah sentiasa mendapat tentangan yang hebat daripada kaum kapitalis yang ada di-dalam negeri itu.

Saya telah pun melawat negeri Sarawak pada minggu pertama bulan ini dan di-dalam lawatan itu saya telah pun menyiasat berkenaan dengan masalah² atau kesulitan sharikat kerjasama consumer dan wholesale yang ada di-dalam negeri Sarawak terutama sa-kali di-dalam Division Tiga. Saya telah diberi tahu, ia-itu tentangan daripada pehak kapitalis atau pun pedagang² dalam negeri itu ada-lah sangat kuat, terutama sa-kali di-dalam masalah menjual tepung gandum dan beras.

Pada masa sharikat kerjasama itu membawa masuk tepung dalam negeri Sarawak, maka harga tepung di-turunkan oleh pedagang² yang lain. Pada masa sharikat kerjasama itu tidak ada tepung di-dalam stock-nya, maka harga tepung di-naikkan. Jadi di-sini ber-ma'ana sharikat kerjasama di-dalam negeri Sarawak itu terpaksa berlawan dengan pedagang² yang ada di-tempat itu dan saya perchaya kalau sa-kira-nya perlawanan ini berpaniangan, sharikat kerjasama akan tewas. Tetapi saya sukachita kerana sokongan daripada ra'ayat negeri itu kepada sharikat kerjasama ada-lah sangat menggalakkan dan saya perchaya dengan sokongan itu kita akan dapat kemajuan di-dalam sharikat kerjasama bagi masa akan datang.

Berkenaan dengan kemajuan sharikat kerjasama di-luar bandar, saya juga setuju sedikit sa-banyak dengan apa yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Patani, ia-itu ada di-antara sharikat kerjasama di-luar bandar yang merosot, yang tidak dapat mencapai kejayaan sa-bagaimana yang telah dapat di-chapai oleh sharikat² kerjasama yang ada di-dalam bandar. Perkara ini telah pun di-kaji dan pendapat-nya telah juga di-tentukan, ia-itu sharikat² kerjasama yang ada di-dalam bandar, perjalanannya ada-lah lebih senang, kerana sharikat² kerjasama di-dalam bandar adalah sharikat² kerjasama jimat-chermat, simpan-menyalin, dan pinjaman dan ahli²-nya ada-lah terdiri daripada pegawai², sama ada pegawai Kerajaan, buroh yang bekerja di-gudang² dan sa-bagai-nya yang mendapat gaji bulanan, dan ada pula di-antara sharikat² ker-

jasama itu di-bantu atau di-tolong dengan chara memotong yuran² dan pembayaran pinjaman sama ada gudang² atau pun pejabat² Kerajaan. Jadi dengan ada-nya yang demikian ini sudah tentu-lah pembayaran yuran dan pembayaran hutang akan dapat di-jelaskan dengan baik-nya. Tetapi satu perkara yang saya sentiasa sebut dasar yang lampau, atau yang sudah² menggalakkan ra'ayat yang ada di-kampung membuka sharikat kerjasama, jimat-chermat, simpan-menyalin, dan pinjam-meminjam dengan mempunyai ahli lebih kurang 20 orang, 30 orang. Ini ada-lah satu perkara yang tidak patut di-lakukan di-dalam negeri ini. Tetapi barangkali pada masa itu dasar penjajahan yang ada di-dalam negeri ini chuma hendak adakan sharikat kerjasama sama ada maju atau tidak maju, itu soal yang kedua maka sharikat² yang sa-umpama ini telah pun di-tubuhkan bertaboran di-dalam negeri ini, tetapi pada masa sekarang ini dasar telah berubah. Kita tidak akan membenarkan lagi sharikat² kerjasama, jimat-chermat, simpan-menyalin dan pinjam-meminjam dengan mempunyai ahli 20 atau 30 orang di-tubuhkan di-mana² juga di-dalam kawasan luar bandar di-dalam negeri ini. Tetapi kita menggalakkan supaya sharikat kerjasama anika jurusan atau serba guna di-tubuhkan dan kita tidak akan chuma menghadkan sharikat² itu menjalankan satu tujuan, ia-itu simpan-menyalin dan memberi pinjaman kepada ahli² sahaja.

Pada masa yang sudah² apabila Pegawai² Sharikat Kerjasama menyeru ra'ayat untuk menubuhkan sharikat kerjasama soal yang pertama sa-kali di-datangkan oleh ra'ayat ia-lah kalau sa-kira-nya kami tubuhkan sharikat kerjasama, atau sa-kira-nya kami masok menjadi ahli sharikat kerjasama, bila kami boleh dapat pinjam dan berapa banyak boleh kami dapat pinjam, itu sahaja soal. Jadi tidak ada langsung soal apa yang boleh di-ikhtiarkan oleh sharikat kerjasama untuk hendak membaiki kedudukan mereka. Soal ini tidak timbul sama sa-kali, chuma soal pinjaman sahaja yang di-timbulkan. Jadi dengan keadaan yang demikian itu-lah pehak Kerajaan

telah pun menukarkan dasar-nya. Dan saya perchaya dengan ada-nya Perbadanan Maktab Kerjasama ini pelajaran² dan ilmu pengetahuan yang sesuai dengan keadaan zaman dan pergolakan masa dapat di-adakan di-Maktab itu dan kalau sa-kira-nya Ahli² Yang Berhormat perhatikan pada Bab 5 (1) di-situ ada terdiri, atau pun ada bab berkenaan dengan mengadakan satu Jawatan-kuasa bagi menyusun pelajaran² bagi Maktab itu yang terdiri daripada wakil Kolej Pertanian Malaysia, Professor Ekonomi di-Universiti Malaya dan juga Pengetua Maktab dan ahli²-nya yang lain dan saya perchaya ini akan dapat membaiki keadaan Maktab Kerjasama bagi masa akan datang. Terima kasih.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*).

Fasal² 1 hingga 4 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Fasal 5—

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, saya mohon menchadangkan, ia-itu perkataan "Persekutuan" pada Fasal 5 (1) (a) di-potongkan. Pindaan itu telah pun di-edarkan kepada Ahli² Yang Berhormat. Pindaan-nya berbunyi seperti berikut:

"*Fasal 5 (1) (a) Pesuruhjaya Kema-juan Kerjasama hendak-lah menjadi Pengerusi Jawatan-kuasa*"—

Perkataan "Persekutuan" hendak-lah di-potong.

Pindaan di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Fasal 5 yang di-pinda di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Fasal² 6 hingga 14 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

THE CONSTITUTION (AMENDMENT) BILL

Bachan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Ke'adilan (Tuan Bahaman bin Samsudin): Tuan Yang di-Pertua, dengan hormat-nya saya menchadangkan Rang Undang² bernama satu Act bagi meminda Perlembagaan Persekutuan di-bacha pada kali yang kedua-nya.

Rang Undang² ini mempunyai dua maksud. Pertama-nya ia berchadang hendak melaksanakan pemindahan tertentu akan kuasa² Surohanjaya Perkhidmatan Awam dan kedua-nya Rang Undang² ini berchadang hendak membuat perubahan mengenai Section 9 (3) dalam Jadual Kelapan kepada Perlembagaan supaya ia di-pakai bagi Sarawak.

Berkenaan tujuan yang pertama itu, Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum bahawa oleh sebab pindaan yang di-kuat-kuasakan oleh Act 59 tahun 1966 kepada Perkara 144 (5) (b) dalam Perlembagaan dan penerbitan kemudiannya, peratoran² Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam tahun 1967 dan peratoran² Lembaga Tata Tertib Perkhidmatan Awam tahun 1967 dalam *Warta Kerajaan* kuasa² bagi Surohanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan berkenaan dengan perkara² kenaikan pangkat dan tata tertib mengenai Pegawai² Persekutuan telah di-pindahkan kepada Lembaga² yang terdiri daripada Ketua² Jabatan dan Pegawai² Kanan yang tertentu.

Berikutan dengan ini pula beberapa buah Kerajaan Negeri telah menyatakan chadangan-nya hendak memindahkan perkara² kenaikan pangkat dan

tata tertib daripada Surohanjaya² Perkhidmatan Awam Negeri kepada Lembaga² yang terdiri daripada Ketua² Jabatan Negeri dan Pegawai² Kanan Negeri yang tertentu. Tetapi pada masa sekarang ini tidak mungkin di-lakukan oleh sebab Perkara 144 (5) (b) hanya membolehkan pemindahan kuasa mengenai kenaikan pangkat dan tata tertib mengenai Pegawai² Persekutuan sahaja dan tidak meliputi Pegawai² Negeri. Oleh yang demikian peruntukan terpaksa-lah di-buat di-dalam Perlembagaan bagi membolehkan kuasa² Surohanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan di-pindahkan kepada Lembaga² yang di-tubuhkan sa-rupa itu bagi negeri² yang telah menggunakan kuasa² Surohanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan menurut kuasa Undang² Negeri.

Fasal 2 dan 3 Rang Undang² ini yang meminda Perkara 133 dan 139 dalam Perlembagaan ada-lah membuat peruntukan² yang perlu bagi membolehkan semua Negeri di-Malaysia Barat, kechuali Pulau Pinang dan Melaka, melaksanakan pemindahan kuasa² yang sa-rupa itu mengenai Pegawai² Negeri.

Saya suka menyatakan bahawa fasal² itu, walau bagaimana pun, tidak akan di-pakai bagi Sabah dan Sarawak oleh kerana kedua² buah Negeri ini ada-lah di-kawal oleh Perkara 146B (8) dalam Perlembagaan Persekutuan.

Tujuan yang kedua Rang Undang² ini ia-lah untuk membuat perubahan yang perlu kepada Section 9 (3) dalam Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan usia Majlis Meshuarat Negeri Sarawak yang ada sekarang ini di-lanjutkan sa-lepas tempoh 5 tahun. Menurut Section 9 (3) dalam Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan dan kepada Perkara 21 (3) dalam Perlembagaan Negeri Sarawak Majlis Meshuarat Negeri yang ada sekarang ini hendak-lah di-bubarkan pada atau sa-belum 3hb Oktober, 1968. Ini berarti pilihanraya terpaksa-lah di-adakan dalam tempoh 60 hari dan satu Majlis Meshuarat Negeri yang baharu hendak-lah di-panggil bermeshuarat dalam tempoh 90 hari. Tetapi sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat

sayugia ingat bahawa pada menjawab suatu soalan lisan, Dewan ini telah diberi tahu di-persidangan-nya dalam bulan Jun yang lalu bahawa Surohanjaya Pilihanraya berpendapat bahawa oleh kerana kerumitan² tentang mengadakan pilihanraya yang pertama sa-chara langsung di-Sarawak mereka berkehendakkan tempoh lebeh kurang 9 bulan untuk mengadakan persediaan² bagi menjalankan pilihanraya itu berikutan dengan kelulusan persem-padanan Bahagian Pilihanraya Perintah Sarawak oleh Parlimen dan sa-lepas perintah itu mendapat persetujuan di-Raja. Maka berasaskan ini pilihanraya di-Sarawak mungkin hanya dapat di-jalankan sa-awal²-nya pada pertengahan tahun hadapan sahaja.

Oleh hal yang demikian Dewan ini akan menghargai perlu-nya langkah² di-ambil bagi melanjutkan usia Majlis Meshuarat Negeri Sarawak kerana jika tidak Majlis itu akan di-bubarkan pada 4hb Oktober, 1968, dan dengan demikian Sarawak tidak akan mempunyai Badan Perundangan—suatu keadaan yang tidak ada di-peruntukkan sama ada di-dalam Perlembagaan Persekutuan atau dalam Perlembagaan Negeri Sarawak. Oleh sebab itu Section 9 (3) dalam Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan terpaksa-lah di-ubah bagi melanjutkan usia Majlis Meshuarat Negeri Sarawak itu.

Ada-lah di-chadangkan hendak membuat peruntukan bagi maksud ini supaya Majlis Meshuarat Negeri Sarawak yang ada sekarang ini akan di-bubarkan sa-lewat²-nya pada 18hb Mei, 1969, ia-itu tarikh bila Parlimen Persekutuan yang ada sekarang ini akan di-bubarkan.

Fasal 4 dalam Rang Undang² yang ada di-hadapan Dewan ini ada-lah membuat peruntukan yang di-perlukan itu. Sa-belum usia Majlis Meshuarat Negeri yang ada sekarang ini dapat di-lanjutkan sa-lepas 3hb Oktober, 1968, maka ada-lah juga perlu sa-belum daripada tarikh itu bagi Majlis Meshuarat Negeri itu mengambil langkah² yang sa-patut-nya bagi menyelaraskan Perkara 21 (3) dalam Perlembagaan Negeri Sarawak dengan

peruntukkan ini dalam Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan.

Tuan, dengan hormat-nya saya men-
chadangkan.

Menteri Kebajikan 'Am (Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Stephen Yong Kuet Tze: Mr Speaker, Sir, this Amending Bill takes a very unusual form. Let us look at Clauses 2 and 3. Any librarian will know what to do. You just amend the existing Articles of the Constitution by inserting the words within the inverted commas. Now, look at Clause 4, which concerns amending the Constitution of Sarawak. What can a librarian do in regard to Clause 4? It is not a new Article nor does it amend the Eighth Schedule. The marginal note says that it is a "Variation of section 9 (3) of Eighth Schedule in the case of Sarawak". Sir, if it is to be a variation, Clause 4 should be in a different form, such as, to add at the end of section 9 (3) of the Eighth Schedule the words "save and except in the case of Sarawak" and so on. The question is, why was not this latter form adopted?

Sir, let us now look at Clause 4 closely. We will see that it consists of two parts. The first part ending just before the word "but". There is a proviso for the present Council Negri of Sarawak to be exempted from being subject to a life of 5 years. The second part from the word "but" lays down when it shall be dissolved; in other words, it next dissolves when Federal Parliament is next dissolved or next stands dissolved. Sir, perhaps the first part can be said to be an enabling provision; the second, in my submission, is actually amending the Constitution of Sarawak by the backdoor and I am afraid the legality of which may be called to question. On reflection, Sir, it would appear that if the Alliance Government had not deliberately delayed setting in motion the machinery of delimitation of the constituencies and registration of voters in Sarawak, the election could have been held before 3rd October, this year, that is to say, before the end of the five year period. In spite of what the Honourable

Minister says about the difficulties and problems, I think we suspect the reason for the delay, and that is the fear of defeat at the polls.

Sir, since it is physically impossible to hold the General Elections within the five year period from the date of the first sitting of the Council Negri the Sarawak Constitution must necessarily be amended—that we concede. The Explanatory Statement at the back of the Bill correctly sets out the position, that is to say, provision can be made in the Constitution of Sarawak for the Council Negri to stand dissolved when Parliament is next dissolved, in other words, to provide the means whereby the Constitution of Sarawak can be amended. But, Sir, that is not what Clause 4 says or does. The second part of Clause 4, as I have already mentioned, is nakedly amending the Constitution of Sarawak. So, Sir, the Explanatory Statement is either misleading or that a mistake has been made in the drafting of Clause 4. If the Bill's intention is to amend the Eighth Schedule to the Constitution, let us examine the provisions set out in Part I of the Eighth Schedule and how it can be amended by Parliament. The relevant Article here is Article 71 (1) (4), which reads:

"If at any time the Constitution of any State does not contain the provisions set out in Part I of the Eighth Schedule, with or without the modifications allowed under Clause (5) (hereinafter referred to as "the essential provisions") or provisions substantially to the same effect, or contains provisions inconsistent with the essential provisions, Parliament may, notwithstanding anything in this Constitution, by law make provision for giving effect in that State to the essential provisions or for removing the inconsistent provisions".

Sir, the particular section in the Eighth Schedule with which we are now concerned, that is to say section 9 (3) reads: "The Legislative Assembly unless sooner dissolved shall continue for five years from the date of its first sitting and shall then stand dissolved". This section, Sir, is contained in Article 21 (3) of the Sarawak Constitution. It reads, "The Council Negri shall unless sooner dissolved continue for five years from the date of its first sitting and shall then stand dissolved".

So apart from the words of Legislative Assembly for the words of Council Negri that Article in the Sarawak Constitution repeats it word for word. Therefore, Sir, there is no inconsistency at all as envisaged by the Federal Constitution Article 71 (1) (4), which I have read. Therefore, Sir, Parliament has no right to amend it, at least not in the form now presented. Sir, as I have stated, Parliament may pass an enabling Act and then leave it to the Council Negri to amend, and I submit it cannot amend directly.

Sir, I would like to refer the House to Article 41 of the Sarawak Constitution which deals with the amendment of the Constitution. It reads:

"(1) Subject to the following provisions of this Article, the provisions of this Constitution may be amended by an Ordinance enacted by the Legislature but may not be amended by any other means.

(2) Subject to clause (3), a bill for making an amendment to this Constitution shall not be passed by the Council Negri unless it has been supported on the second and third readings by the votes of not less than two-thirds of the total number of members thereof.

(3) Clause (2) shall not apply to a Bill for making—

- (a) any amendment consequential on a law prescribing the number of elected members of the Council Negri; or
- (b) any amendment for the purpose of bringing this Constitution into accord with any of the provisions of the Eighth Schedule to the Federal Constitution as for the time being in force."

Sir, is it the intention of the Alliance Government to invoke Article 41 (3) (b) which I have read, that is to say, not by two-third majority but only by a simple majority. That would be a proper course only if the amendment before the Council Negri is only for the purpose of bringing the Constitution into accord with provisions of the Eighth Schedule. Is it then the fear of the Alliance Government that they will not have two-third majority in the Council Negri? People are saying in Sarawak, Sir, that this could be the reason why one of our Opposition Members, Mr Chan Seow Hee, a member of the Council Negri, was last week arrested and detained and then

sent from Kuching to Kuala Lumpur. Now, with his removal and the recent death of another Opposition Member, Mr Kadam anak Kiai, the Opposition Members of the Council Negri have been reduced by two and the Sarawak Alliance Party hopes to have a two-third majority. Therefore, Sir, is it the way the Alliance Government is going to play the game? Mr Chan was an outspoken man, a severe critic of the Government; he spoke against corruption, nepotism and maladministration. There was no specific charge against him, except a general allegation that he was a Communist open front worker. If that means that he toes the Communist line because he is anti-Government, then it looks like that most Opposition Members could be in that category. Sir, the fundamental liberties contained in Part II of the Constitution, Article 5 (1) provides that "no person shall be deprived of his life or personal liberty save in accordance with law." The other subsequent sub-clause provide for interference by the Court in the case of unlawful detention and the right for detainees to legal aid and so on. This, Sir, may be very fine reading, but in the face of the Internal Security Act and other Ordinances of that nature, the guarantee of fundamental liberties sounds very hollow. Article 5 becomes an exception rather than the rule. So, Sir, if the Government is to say that arbitrary arrests and detention of people like Mr Chan Seow Hee and others are in accordance with the law, then let us see that the proposed amendment to the Constitution is also in accordance with the law.

Tuan Edmund Langgu anak Saga (Sarawak): Mr Speaker, Sir, from Clause 4 of the Constitution (Amendment) Act, 1968, I note that this clause before us is to seek the approval of this House to amend the Constitution of Sarawak by providing a variation of section 9 (3) of the Eighth Schedule in the case of Sarawak.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Please speak louder.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Yes, Sir. That is the Sarawak Council

Negri existing at the commencement of this Act shall not be subject to the prescribed period of five years but for it to stand dissolved but shall stand dissolved on the date on which the Federal Parliament is next dissolved or next stands dissolved after the date of commencement of this Act. Sir, if I am not mistaken, the first meeting of the Sarawak Council Negri after Malaysia Day was on October 3rd, 1963.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: The time is up. Meshuarat ini ditangguhkan hingga pukul 4.00 petang ini.

Persidangan di-tangguhkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 4.00 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

THE CONSTITUTION (AMENDMENT) BILL

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga
Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan Edmund Langgu anak Saga (Sarawak): Sir, the first meeting of the Sarawak Council Negri after Malaysia Day was on October 3rd, 1963. Therefore, under the Constitution the dissolution of the present Council Negri automatically takes place on 4th October, 1968. Election then must be held within 60 days of the dissolution, which makes December 4th as the last day on which General Election should be held, and the new Council Negri should meet at the latest by the end of January, 1969.

Sir, I wonder why the amendment to the Sarawak Constitution is made in this House and not in the Sarawak Council Negri itself. Any amendment to the Sarawak State Constitution can only be affected by a two-thirds majority in the Council Negri. Why place the cart before the horse? Why not obtain the approval of the Council Negri in this instance before talking of the amendment in this House and

satisfy the people of Sarawak who are keenly protecting the Sarawak Constitution? So, Sir, this Act means nothing but to prolong the life of the present Council Negri. This is contrary to the Sarawak State Constitution which calls for General Election once in every five years as stated in the I.G.C. Agreement.

I would insist that any amendment or modification affecting the Constitution of Sarawak should not be made by the Federal Parliament without the prior consent and approval of the Sarawak Council Negri, because we cannot agree to the proposition that a two-thirds majority in Parliament could amend the State Constitution. Therefore, we must insist that any amendment to the Constitution affecting the Sarawak State should not be introduced without the prior approval of the Sarawak Council Negri.

Sir, Malaysia is a young country. From the time of our birth until now we have gone through a test unique in the history of Asia. It was just yesterday that we were struggling for survival on the emergence of a hostile neighbour. Today, we are setting afoot a civilization of free men, where our men believe in freedom, equality and justice. Yet all these beliefs are but ideals unless there is some sort of safeguard for all our basic rights which we believe in and fight for; otherwise the freedom, equality and justice which we have achieved will soon vanish. In no time a dictator will run our country which is now claimed to be a so-called democratic country. I am proud as a Member of this House to say that we have all the safeguards for our basic rights, that is the Constitution. The Constitution is sacred, it safeguards our basic rights, freedom, equality and justice. The Constitution as it stands now cannot be tampered with and altered without holding a referendum. If the governing party like the Alliance now sets up a precedent by altering the Constitution and makes amendments to it, then the very freedom of our people which we have been enjoying for years will be disturbed and will be in the hands of the party in power. This is unwanted and

unwarranted. The party in power can simply use alterations and amendments to the Constitution to further their political aims. This is sheer dirty play. After all, who is going to put a check to it? A Government in power can never use their power to amend the Constitution unless it is in accordance with the wishes of the people, i.e., by referendum.

Now, look at what the Alliance is doing. They are putting before us a Bill to postpone the date of the General Election in Sarawak. Dear Honourable Members of this House, election is our only means of electing a free government of our choice. This is why the life of the Council Negri in Sarawak is embodied in the Constitution as five years. Any attempt to prolong the life is to deprive the people of their basic right to elect a government of their choice. Furthermore, Sir, what justification is there for all these delays when the Alliance had five full years ahead of them for preparing the machinery of election. A good Commissioner, together with a team of workers, can set up the machinery of elections in about a year's time. What work is there so difficult and hard that took the Alliance years to complete the election machinery? Does the Alliance ever realise the importance of free elections? Honourable Members of this House, unless there is a strong reason for such a delay, a reason which they believe would defeat the purpose of democracy, we should not support the Bill. Unless the Alliance Party can show us why five years is not sufficient to set up the election machinery, there ought to be a General Election immediately. Everything is now ready. Registration of voters is going on smoothly in Sarawak. Let the people of Sarawak speak. Let us hear from them. Let them decide and vote for the party which they support. Let us not suppress them until the time when the very essence of democracy is defeated. My Honourable friends, I appeal to you

Tuan Yang di-Pertua: May I know on what you are speaking?

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Sir, I am speaking on the Bill, especially in regard to Clause 4 of the Bill. May I continue, Sir?

Tuan Yang di-Pertua: Clause 4 is about a variation. You are speaking about elections.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: My speech is connected with the General Election in Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua: Please confine to the Bill, or else I shall stop you!

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Yes, Sir. Honourable friends, I appeal to you, the Honourable Members, that you should realise the importance of free elections and the importance of preserving a true constitutional government, i.e., a government elected by the people. When you are in this House, your duty is to the people who elected you. Do not be used by those leaders who make use of you to score a victory to achieve their selfish aims.

Once again, before concluding, let me appeal to you, "Let the people of Sarawak speak of their minds at the end of this five-year term of office of the present Government; let them have their basic rights to vote as fixed by our Constitution."

Tuan Ong Kee Hui (Sarawak): Mr Speaker, Sir, my Honourable colleague here on this side, Mr Stephen Yong, this morning had dealt with the legal aspect of the amendment which this Bill seeks to make in the Federal Constitution. I think he has said enough to show how dangerous it is for this House to agree to these amendments, because once again the House is called upon to tamper with the State Constitution. Honourable Members may remember that on a previous occasion the House was also asked to make amendments to the Constitution and the legality of our action was challenged in the court of law, and the House would have been placed in a very embarrassing position if Their Lordships in the Privy Council had decided otherwise.

Sir, I merely wish to express the feelings of a large number of citizens

in Sarawak on this matter. It is generally known, Sir, that the Inter-Governmental Agreement provides for direct elections in Sarawak when the term of the present legislature or Council Negri expires. The Government knows just as well as anybody else that this is the position, and one wonders why early steps were not taken to make the necessary arrangements to comply with this Agreement. We in Sarawak know that the British officials who remained after Sarawak entered Malaysia went to all the trouble of making research and providing facts and figures from the electoral rolls of the Local Councils to find how best Sarawak could be divided into constituencies for the purpose of direct elections, and all the result of this work was put at the disposal of the Election Commission.

The Election Commission was rather slow, in the first place, in going to Sarawak to take up the work which is necessary. Nevertheless, they did their work in time, and Honourable Members will remember that from time to time we on this side of the House had pressed the Government to take some action, so that elections could be held in Sarawak in time and in strict compliance with what is laid down in the Inter-Governmental Agreement. Nevertheless, the Government does not seem to pay enough attention to it, and in one session I even suggested to the Honourable Deputy Prime Minister that if action was delayed much further, I was afraid amendments would have to be made to the Federal Constitution. He said he was not sure of that, but now we have here a Bill which shows that what I said was in fact correct.

Now, Sir, things being as they are, we concede that amendment to the State Constitution is necessary. We in the S.U.P.P. concede that and, therefore, we have, in fact, agreed to a suggestion put up by the Sarawak Alliance that an all-party conference should be held to consider what amendments are necessary in order to carry out the provisions of the Inter-Governmental Agreement. But although we have expressed our willingness to co-operate with the Government, no such meeting was held and constant reminders to the

Government produced no result, and we are now confronted, not with an amendment to the State Constitution but with an amendment to the Federal Constitution which virtually, as my Honourable friend pointed out, violates and tampers with the State Constitution. Sir, we in the S.U.P.P. cannot condone this by being party to such action. If an amendment to the State Constitution is necessary, the State Constitution provides for how this may be done, and the proper thing to do is for this to be carried out by a Bill in the State Legislature. We do not wish to be obstructive and we can assure the Government that if such a step is taken it will have our support in that House, but we cannot be a party here to the tampering of our State Constitution by the Federal Government, because, if we do that, where is this going to end? The Constitution contains safeguards which protects the special rights and special position of Sabah and Sarawak. If we allow this to be whittled away by amendments to the Constitution in this House, we might as well have no Constitution at all. To us, the Constitution is sacred, it is a sacred document, we cannot allow it to be tampered with at whims of the Government to cover its sins of omission, its inaction over a long period in carrying out its obligations under the Inter-Governmental Agreement, by trying to circumvent the State Legislature by virtually forcing the State Legislature, whether it likes it or not, to make amendments which it would perhaps be willing to in the first place. For that reason, Sir, we in the S.U.P.P. cannot support the Bill as it stands. If the Bill is formulated in such a way, had it merely enabled the State Legislature to carry out the amendments, it would heartily have our support. In our view it goes much further than that, Sir. It virtually amends the State Constitution through the back door and we cannot be a party to this, Sir.

Dato' Ling Beng Siew (Sarawak):

Mr Speaker, Sir, I fully support this Bill to amend the Constitution of the Federation not only because it is desirable but it is also out of necessity. Mr Speaker, Sir, in West Malaysia,

which was known as Malaya before the formation of Malaysia, Parliamentary and State Assembly elections were held separately at different periods at first. Later on it was discovered that this was not desirable. So, it was decided that both Parliamentary and State Assembly elections should be held at the same time and thereby a great saving of time and money could be made. This practice proves to be satisfactory and I am very glad that if this Bill is passed by this House, this practice will be adopted in Sarawak.

Mr Speaker, Sir, when we met here in this House about two months ago we passed the Report of the Election Commission on the Delimitation of Parliamentary and State Constituencies in the State of Sarawak. Not long after that, registration of voters in Sarawak commenced on 8th July, 1968 and will close on 5th September, 1968. I am sure that the Honourable Members of this House would agree with me that the preparation for a General Election takes time because it is a very big and difficult task. Even if things are carried out smoothly and according to plan, from the time of commencing the registration of voters to the time of casting the votes, it will take approximately a year's time. If the present Council Negri of Sarawak were to be dissolved in September this year according to the Constitution of the Federation, it would mean that there would be no Government in Sarawak for at least a few months. I am sure that the great majority of the people in Sarawak do not want to see this thing happen and, therefore, it is not a question of whether we like to amend the Constitution of the Federation or not. There is no alternative and we have got to amend it out of necessity. Mr Speaker, Sir, for the reasons I have stated above I give my full support to the Bill. Thank you.

Tuan Chia Chin Shin (Sarawak):
Mr Speaker, Sir, I would like to participate in the debate on this Bill, an Act to Amend the Constitution of the Federation, the first reading of which was made in the last session in this House. This is a very important Bill in which we are asked to amend the

Constitution in this august House in order to extend the life of the Council Negri or State Assembly in Sarawak. I beg to support this Bill and to give a few points of my observations here.

Sir, section 9 (3) of the Eighth Schedule of the Constitution reads, "The Legislative Assembly unless sooner dissolved shall continue for five years from the date of its first sitting and shall then stand dissolved". We all know the date of the first sitting of the Sarawak Council Negri since the formation of Malaysia after 16th September, 1963 and by 4th October this year it will reach a period of five years. Mr Speaker, Sir, Honourable Members of this House will agree with me that at the last meeting in the month of June we have just passed the Election Commission's Report on the demarcation of boundaries for electoral constituencies in Sarawak and following after that, the registration of voters commenced on 8th July, 1968 for a period of 60 days and will close on 5th September, 1968. These are all carried out simultaneously.

In accordance with Section 9 (4) of the Eighth Schedule whenever the Legislative Assembly is dissolved, a General Election shall be held within 60 days from the date of the dissolution and a new Legislative Assembly shall be summoned to meet on a date not later than 90 days from the date. As I have just said, the demarcation of boundaries has been decided and the registration of voters is still in progress. It is not possible to have a general election within 60 days, even if the Legislative Assembly were to be dissolved for reasons just explained.

Another point I would like to bring up to the notice of this House is that in the last General Election in Sarawak it was a three-tier system and now it is changed to direct election. Mr Speaker, Sir, can we possibly have a general election when the voters' registration is not yet completed or, in other words, when the voters' list is not yet compiled? The Opposition has been raising the question of Sarawak General Election many times in this House, but I would like to ask them whether they did give a thought for the registration

of voters which should basically be carried out before a general election could be held? Mr Speaker, Sir, how can we have a general election when the demarcation of boundaries and registration of voters are not yet completed? However, I am confident that the Sarawak Alliance will still win the next General Election and that the people of Sarawak will continue to support the Sarawak Alliance in the coming General Election. Anyway, in this Bill to amend the Constitution it is of vital importance that we are here to consider the extension of the life of the Council Negri which in these circumstances is necessary. Mr Speaker, Sir, I beg to support this Bill.

Dr Tan Chee Khoon (Batu) (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, as I listened to the Alliance Member from Sarawak, I was thinking to myself and saying to myself that in making pious wishes and hopes and invoking the Gods will not save the Alliance from an astounding defeat in Sarawak. The way they manage or mismanage things in Kelantan where the *Straits Times* in big headlines said "A turnabout about turn", shows that there has not been much hope for them in Sarawak.

Mr Speaker, Sir, I remember that in about the middle of 1966 I tabled an adjournment speech on the question of the delimitation of constituencies in Sarawak and on the registration of voters in Sarawak. I then put in my request that it should be replied by the Honourable Prime Minister as the Election Commission comes under his portfolio. In his wisdom, the Honourable Prime Minister did not reply himself but he chose a very good substitute. He chose the Honourable the Minister of Lands and Mines, who comes from Sarawak, admitted to be one of the bright sparks in Sarawak, and when the Honourable Minister for Lands and Mines replied he told us, he told me in particular, "Don't you worry, everything is in order, we will get everything done by about January, 1967, and we will hold our elections soon after". Now, Mr Speaker, Sir, words solemnly spoken in this House, promises solemnly made in this House, have

Mr Speaker, Sir, I just now stated that I am in total agreement with the Assistant Minister of Home Affairs on the objective of this Bill, namely to provide jobs for the citizens of this country. I myself have time and again asked questions in this House regarding the jobs that had been given to non-citizens in this country and as the Assistant Minister of Home Affairs has pointed out—I think the date he has given us was 1952—that before 1952 any Commonwealth citizen, without by your leave, could come here, there was no need to inform anybody, stay here *ad infinitum* and get whatever jobs they liked without any restrictions. I am glad that they cannot do likewise now. It is well known that, in the planting industry, for example, persons who had been storekeepers, perhaps even watchmen abroad, when they come to this country, *hey presto*, because of *kulit puteh*, they become Managers, Assistant Managers, drawing inflated salaries and, of course, they have to be taught their jobs by the local people and they are paid princely salaries compared to our standards. I am glad that with the passage of this Bill this is a thing of the past.

The other thing how non-citizens or expatriates have abused the hospitality of this country is that, even after

Malaysia Day, they have obtained entry into Singapore and from there they hop over, get a job, and nobody takes notice of them and they carry on, and when somebody asks awkward questions, they hop back to Singapore and send somebody else over here. I presume with the passage of this Bill only those who can contribute usefully by their managerial skills or technical skills, presumably will be allowed into this country, and that is what it should be. Only those who can contribute usefully to either our industrial programme by their managerial or technical skills or who can contribute to the increase of knowledge in this country by being employed in the University of Malaya or other higher institutions of learning should be allowed and indeed should be welcomed into this country for the contributions that they can make to this country.

Mr Speaker, Sir, I wish now to comment on a few Clauses of the Bill itself. I do not know whether the Assistant Minister himself knows that while this Act goes on to define "authorised person", "business", "Commissioner" and so forth, it has significantly omitted to define what an "employee" is.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: I think the Honourable Member can get the definition of an "employee" pretty well in the definition of an "employer" itself. If you read through the definition of an employer, you will automatically get the definition of an employee.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, the Assistant Minister knows that this is one of the bones of contention of the M.T.U.C., that while the Government has gone out of its way to placate the employers, by inference you can say that the employees in this country, and I believe some of them are sitting behind me, they represent the M.T.U.C., are they thought of so lowly in this country, or are they of no significance in the eyes of the Government that the Government should go out of its way to assuage the fears of the employers of this country and by

inference say, "You do not worry, we have defined what an employer is, you come under what we have defined", and I would hope that in any future amendment the Government may want to make, the workers should be made to feel that they have a stake in this country. Why should they be tagged on to the employers? They should have a stake in this country and there should be the definition of what an "employee" is.

Tuan Yang di-Pertua: Can you suspend your speech for a moment?

WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT (USUL)

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan,

Bahawa sunggoh pun telah ada sharat² yang di-tetapkan dalam Peratoran Meshuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan di-tanggohkan hari ini sa-hingga telah selesai perjalanan meshuarat mengenai Rang Undang² (Sekatan) Kerja.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa sunggoh pun telah ada sharat² yang di-tetapkan dalam Peratoran Meshuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan di-tanggohkan hari ini sa-hingga telah selesai perjalanan meshuarat mengenai Rang Undang² (Sekatan) Kerja.

RANG UNDANG² (SEKATAN) KERJA

Bachan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, if I may raise my voice in protest, this is the tyrannical way that the Government seeks to impose its huge majority on us. It reminds me of the way in which the Industrial Relations Act was passed when there was hardly anyone on this side of the House, or worse still, the Income Tax Bill was passed when the Minister for Finance

had me and one other Member, the Honourable Mr Stephen Yong from Sarawak speaking when indeed he did know that there were a large number of people who wanted to speak on this Bill. In this instance, I do not see the hurry that the Government wants this debate to carry on until this Bill is passed by this House today. I dare say that the Member for Bungsar who is a Trade Unionist himself, can usefully contribute to the debate that is now before the House, but unfortunately he is not here, he probably would want to come tomorrow thinking that the House will rise at 6.30 and therefore he can make his presence here tomorrow.

Tuan Yang di-Pertua: I can assure you he is not even in the country (*Laughter*).

Dr Tan Chee Khoon: Be that as it may, Mr Speaker, Sir, there are many others on this side of the House who perhaps thinking that the House would rise at 6.30 p.m. will want to come here tomorrow morning and participate in the debate, but also by this exemption motion to the Standing Orders the Government has denied these people an opportunity to speak on this Bill. But, nevertheless, Mr Speaker, Sir, I suppose one David can equal the whole of the Alliance (*Laughter*)—I can tackle the Alliance Benches.

Mr Speaker, Sir, I now come to Clause 7 of the Bill, Clause 7 of the Bill, to me and to the Trade Union representatives, as the Assistant Minister of Home Affairs knows, gives far too much power to the Commissioner. It states that the Commissioner can cancel or suspend an Employment Permit. It is stated that "the Commissioner may at any time vary or add to any terms, conditions or restrictions in an Employment Permit." Now, I do not know why the Ministry of Home Affairs wants to empower the Commissioner with such enormous powers, and, to make it far worse, if the aggrieved party is not satisfied with the ruling of the Commissioner, his appeal is to the Minister and if the Minister says, "Throw it into the waste paper basket", that is *habis* to all his working life in this country.

Now, surely, one would have thought that, if the Government is so reasonable as the Assistant Minister of Home Affairs would want us to believe, it should tone down on the powers of the Commissioner and also give a Court of Appeal that will inspire confidence in the workers of this country. Giving the Minister the absolute power to decide on such things is not an act, I submit, that will inspire confidence in the workers of this country, and I do hope that at the earliest opportunity the Government will bring in amendments to see that there is a Board—I believe the M.T.U.C. has asked that there should be a tripartite Board consisting of employers, employees and the Government, to resolve any arbitrary acts of the Commissioner.

Then again, Mr Speaker, Sir, the criteria on which the issue, renewal, rejection and withdrawal of Work Permits is to be based should be drawn up either in the Act itself or in the form of Regulations. As I pointed out, Clause 7 gives the Commissioner so much power that he can just do what he likes and nobody can question him, save that the aggrieved party can appeal to the Minister of Labour. One would have thought that having invested the Commissioner with such enormous powers, it should be spelt out in what way he can act with regard to the issue, the renewal, the rejection and the withdrawal of Work Permits, so that the workers of this country who are non-citizens do know whether the Commissioner has acted wisely, or whether they have acted foolishly in asking for Work Permit. I do hope that this is a matter on which the Government will think seriously and bring forth amendments later—this together with the tripartite Board that I have mentioned.

Mr Speaker, Sir, Clause 10 is one that, while the Assistant Minister has assured the workers of this country that they need not worry, the employers may unfortunately use to exploit the situation and sack workers who are non-citizens. By virtue of Clause 10 (3) (a) and (b), they can tell the Unions, "You buzz off, you have no rights", and it is clearly stated that

"the termination of the services of an employee pursuant to the provisions of sub-section (1) shall not be: (a) capable of negotiation by a trade union representing the person affected; or (b) the subject matter of a trade dispute or of conciliation proceedings or any method of redress whether under any written law or not." I do hope that, when the Assistant Minister for Home Affairs' turn comes to reply, he will assure this House that this only relates to the Workers Permit, that where a person is denied a Work Permit . . .

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Mr Speaker, Sir, I should butt in here and give the clarification now. As the Honourable Member may have been informed, this matter was brought up by the representatives of the Employers and Employees Associations and it was explained to them that the provision of Clause 10 would only be made applicable to a matter of determination of services pertaining to the obtaining of Work Permits or the renewal of Work Permits and nothing else, and they were happy with the explanation that we had given them.

Dr Tan Chee Khoon: But unfortunately the Assistant Minister of Home Affairs has not given the other assurance that in the case of termination of service gratuities or termination cash grants

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Mr Speaker, Sir, if I may give a further clarification. Sub-Clause (3) of Clause 10 clearly provides that termination of service would only be the matter that will not be negotiated. The other matters pertaining to trade unions and their rights in matters of trade disputes will not in any way be affected by the Bill.

Dr Tan Chee Khoon: Sir, I am very glad of this assurance given by the Assistant Minister of Home Affairs, and I do hope that he will convey his views to the employers, so that they do not

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: They have been conveyed.

Dr Tan Chee Khoon: I am not so sure. While I presume that at the consultations that have gone on, the employers have been so told, they must be told in no uncertain terms that they must not use the provisions of this Act, when it is passed, to victimise the workers of this country.

Now, in regard to Clause 11, where the Honourable Assistant Minister says, "You know, we are very reasonable people; if people bring in suggestions, we always listen to the suggestions; and you look at the amendments tabled, we have listened to the views given forth by the workers of this country, and we have increased the length of the work permit from two years to three years. We are very reasonable people". The significant thing is that the Assistant Minister has said that he has brought forth amendments. Looking very hard at the amendments that have been tabled, I know that there is only one substantive amendment that has been accepted, that is in regard to this increase from two years to three years. The other one with regard to Clause 20 (1) (g) is merely one of phraseology and really not an amendment.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Sir, on a point of clarification. The other amendment is very important, because with the deletion of the words "engaged in any business", those who are self-employed will be out of the ambit of this Bill.

Tuan Yang di-Pertua: That is under the Schedule.

Dr Tan Chee Khoon: I agree that that is an amendment that is fairly important, but from the workers' point of view that does not affect the workers of this country.

Mr Speaker, Sir, the Assistant Minister in his speech stated that the Bill is designed to encourage people who qualify for citizenship to take out citizenship; and presumably if that is so, why should not the Government increase the length of the Work Permit to more than three years, so that the

workers can have security of their jobs and in the meantime can quickly take serious steps to become citizens. As I pointed out, in the normal instance, it has taken certainly more than one year to take out citizenship papers, if ever they get that valuable document. I do hope that the Government will seriously consider increasing the length of the Work Permits from the three years that they have now tabled to something more—perhaps to four years.

Mr Speaker, Sir, I now wish to touch a little on Clause 14. Clause 14 gives the powers to the people administering this Act, namely, the employment officer, powers which the Police do not have. If a policeman wants to come to my house and search my house, he must have a search warrant; otherwise I will ask him to buzz off. But under this Bill, it says here,

“(1) An employment officer may if he has reason to believe that an offence under this Act has been or is being committed in any premises other than premises solely used as a dwelling place without warrant enter such premises.”

Now, I do not know why the Government should seek to invest the employment officer with such enormous powers, which powers, as far as I know, in the laws of this country, are only granted to the Income Tax Department—in that case I can see the necessity for the officers of the Income Tax Department going to a house, searching the place and perhaps seizing documents because if that is not done quickly, perhaps, the incriminatory evidence can well be destroyed. In the case of the employment officer, what is there to destroy? Why all the hurry to go and break into the doors of a law-abiding non-citizen in this country and then catch hold of him? Why should the employment officer be vested with such enormous powers? I do not see the necessity for it, and I do hope that the Assistant Minister, when his turn comes to reply, he will clarify this situation. As far as the law abiding citizens of this country see, there is really no necessity for investing the

employment officer with such enormous powers.

The other thing that I wish to touch, Mr Speaker, Sir, is Clause 20, which says:

“The provisions of this Act shall not apply to—

- (a) members of any Visiting Force within the meaning of any law for the time being in force regulating Visiting Forces present in the Federation.”

The Assistant Minister of Home Affairs knows that it has been the practice in the past, and I think the practice is still continued, that an officer comes into this country, he has been seconded for service in this country, his wife knows how to type and then she becomes a stenographer. Presumably under the provisions of Clause 20, she may well be exempted from the provisions of this Act, and I do hope that the Government in this instance will bring forth amendments to see that the Act is amended, to specifically see that the wives and relations of members of Forces stationed in Malaysia should be included within the provisions of this Act and not excluded by inference at least under the provisions of Clause 20 (1) (a).

Now, Mr Speaker, Sir, I wish to touch a little on the Schedule. It says here: “Class or Classes of Persons and Category or categories of Employment.” Owing to the fact that there is so much anxiety on the part of the non-citizen workers of this country, perhaps the Government should take into consideration their anxiety and not just—the Bill has listed 12 classes of work in this country—make provision that “The Yang di-Pertuan Agong may by notification in the *Gazette* specify the class or classes of persons not being citizens or the category or categories of employment or business, to whom or to which the provision of sub-section (1) shall apply.” I do hope that the Government will think it fit, in order to assuage the fears of the workers of this country, that if there is any variation to be made, the variation should be approved by this House and not by a mere *Gazette* notification by the Yang

di-Pertuan Agong. This House should have an opportunity to debate whatever variations the Government may want to make.

In conclusion, Mr Speaker, Sir, I hope that I have convinced the Assistant Minister that while everyone in this House, whether on the Government Benches or on this side of this House, agrees with the whole tenor of this Bill, and we will support this Bill, nevertheless there are large portions of the Bill that need to be scrutinised very carefully, and I wonder if the Assistant Minister will support me, when we have finished the second reading, when I propose a reference back to a Select Committee so that we can render this Bill more perfect so that when it is implemented there will be no qualms on the part of either the employers or the employees. There is precedence for this, because I notice from the Order Paper that the Minister of Justice will ask for reference to a Select Committee of the Bill that he has sought to introduce to this House. Thank you.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang² (Sekatan) Kerja.

Pada pendapat saya, Rang Undang² ini patut di-kemuka, di-laksana dan di-kuat-kuasakan lebeh awal daripada masa ini, patut di-laksanakan pada masa kita mengadakan ranchangan Malayanisation, tetapi sa-hingga lepas sa-belas tahun merdeka baharu-lah hendak di-laksanakan Rang Undang² ini. Dan saya berpendapat Undang² ini tidak begitu tegas dan tidak begitu berkuat-kuasa menyekat orang² yang bukan warganegara bekerja di-dalam negara kita ini. Sa-bagaimana kita sedia ma'alum, mengikut laporan yang saya baca dalam surat-khabar, ia-itu laporan daripada Menteri Buroh sendiri mengatakan sa-ramai lebeh kurang 300,000 orang yang bukan warganegara yang bekerja dalam negara kita ini. Yang Berhormat Menteri Muda sendiri telah menyatakan orang yang duduk tetap dalam negara kita ini dan bekerja ia-lah sa-ramai 760,000. Ini menunjukkan dengan jelas-nya satu daripada

puncha² yang menyebabkan pengang-goran di-antara warganegara kita sendiri. Oleh yang demikian, saya berharap dengan sa-tinggi² harapan kepada Yang Berhormat Menteri supaya meng-adakan satu undang² yang lebeh ketat menahan dan menyekat orang² yang bukan warganegara bekerja di-dalam negara kita ini.

Kita memberi layanan kepada orang yang bukan warganegara padahal orang warganegara kita sendiri terlepas daripada peluang bekerja di-dalam negara kita sendiri. Sunggoh pun kita dapati banyak bangunan² perusahaan dan per-indasterian yang telah pun di-adakan, maseh lagi kita dapati banyak di-antara warganegara² kita yang tidak ada pekerjaan. Saya mengharapkan supaya, sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Muda tadi pada masa mengemukakan usul ini, tujuan pada dasar kasar yang pertama ia-lah untuk mendaftarkan orang² yang bukan warganegara yang bekerja dalam negara kita ini. Yang kedua, bertujuan untuk mengadakan beberapa sekatan terhadap mereka itu. Yang ketiga, mengumpul ma'lumat². Apa yang saya harapkan sa-sudah Kerajaan dapat ma'lumat yang sa-penoh-nya mengenai kedudukan orang yang bukan warganegara yang bekerja di-sini di-harap supaya Kerajaan buat pindaan kepada Rang Undang² ini yang lebeh ketat lagi supaya membolehkan orang² yang warganegara kita sendiri mengambil alih tempat mereka itu bekerja dalam tempat² yang boleh menerima mereka. Saya dapati orang² ini bukan-lah orang professional, atau pun orang telah ada pengetahuan dalam pengurusan. Kebanyakan-nya bekerja sa-bagai kerja buroh kasar dan dengan mudah-nya kita boleh dapat warganegara kita sendiri mengambil alih tempat mereka itu bekerja sa-bagai satu harapan nafkah hidup mereka sendiri.

Di-sini saya ada lihat ia-itu orang yang bukan warganegara yang bekerja di-sini di-beri kebebasan masuk menjadi ahli kesatuan dan juga membolehkan mereka mengambil tindakan perusahaan, sa-bagaimana di-kehendaki oleh pemimpin² kesatuan yang mengharap-kan supaya pehak Menteri Buroh

memberi akuan supaya jangan di-sekat mereka itu mengambil tindakan perusahaan. Ada-kah boleh kita benarkan perkara sa-macham itu, orang yang bukan warganegara di-benarkan dia menjadi ahli kesatuan dan di-benarkan dia mengambil tindakan perusahaan? Pada hakikat yang sa-benar-nya orang yang bukan warganegara ini tidak boleh di-benarkan sama sa-kali mendapat hak bagi menjadi ahli kesatuan, atau pun membenarkan mereka mengambil tindakan perusahaan. Ini akan merugikan perjuangan negara kita dan akan membolehkan sabversiv masuk ka-dalam kesatuan² ini untuk hendak merosakkan negara kita ini.

Saya berharap supaya satu peratoran atau undang² di-adakan bagi menyekat orang² ini daripada menjadi ahli kesatuan, menyekat orang² ini daripada mengambil tindakan perusahaan, menyekat orang² ini daripada menjadi ahli mana² badan siasah, menyekat orang² ini daripada mengambil bahagian dalam kempen, atau pun dalam apa² juga hal urusan siasah. Ini ada-lah mengenai rumah-tangga kita sendiri, chuma warganegara sahaja yang ada hak untuk menentukan hal ehwal dalam negeri kita. Kalau kita benarkan orang² ini akibat-nya kita akan menerima burok padah-nya pada kemudian hari kelak.

Saya telah baca ia-itu mengikut Bill yang asal ini di-beri tempoh sa-lama dua tahun dan di-baharu², dan di-buat pindaan pula kepada tiga tahun. Ini ada-lah satu kemudahan yang istimewa yang kita beri, patut ditentukan manakala sa-orang itu di-benarkan bekerja dan di-beri permit bekerja patut di-sharatkan boleh di-baharu² tiap² tahun, bukan tiga tahun sa-kali, atau dua tahun sa-kali, tetapi ikut sa-bagaimana Kerajaan mengutip wang mengenai lesen radio, lesen memandu motokar, lesen talivishen, sa-tahun sa-kali. Kenapa kita mesti layan mereka ini tiga tahun sa-kali, atau pun dua tahun sa-kali?

Saya berharap pehak Yang Berhormat Menteri timbangkan apa yang saya sebutkan ini supaya jangan terlampau murah hati kepada orang yang bukan

warganegara. Kita tidak patut melayan mereka lebeh daripada warganegara kita sendiri, sa-bagaimana kata pepatah Melayu; kera di-hutan di-susu², anak di-dalam buaian mati kelaparan. Jadi kita tidak patut terlampau murah hati kepada orang² yang bukan warga-negara. Mereka memang tidak bertanggung-jawab. Kita sendiri yang akan bertanggung-jawab kepada negara kita.

Saya berharap supaya ada satu syarat lagi ia-itu tiap² orang yang bukan warganegara ini di-potong sa-bahagian daripada gaji-nya supaya di-simpan sa-bagai satu simpanan. Manakala sampai masa-nya yang dia mesti keluar daripada negara ini tidak payah-lah kita sendiri mengeluarkan wang untuk tambang-nya balek, bahkan wang simpanan itu boleh di-gunakan untuk belanja keluar daripada negara kita balek ka-negara-nya. Ini satu perkara yang patut di-jalankan; jika tidak, satu bebanan akan menimpa kepada kita pula manakala mereka itu di-keluarkan kita kena beri tambang kepada mereka itu pulang ka-negara mereka sendiri.

Saya lihat Jadual yang di-tetapkan di-sini chuma 12 sahaja yang saya lihat jenis² yang di-adakan permit kerja kepada mereka ini. Pada hal banyak lagi jenis² pekerjaan yang tidak termasuk di-sini, yang besar sa-kali ia-lah mengenai pembantu pekedai², atau shop assistants. Ini kita dapati gulongan yang terbesar yang tidak termasuk di-dalam jenis ini dan saya harap manakala kita berjalan dari satu masa ka-satu masa jenis² yang lebeh luas lagi, lebeh besar lagi ini di-masokkan di-dalam Jadual ini supaya dapat kita kawal, dapat kita memberi permit kepada orang² ini dan dengan mudah-nya kita boleh mengambil tindakan² yang sa-wajar-nya pada masa yang tertentu dan yang sangat mustahak sa-kali.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin mengemukakan tiap² ranchangan ada had tempoh masa-nya, tetapi dalam Rang Undang² ini kita dapati tidak ada had tempoh-nya. Kita ada Ranchangan Lima Tahun, kita ada Ranchangan 10 Tahun, kita ada ranchangan 50 tahun, dan saya mengharapkan dengan sa-tinggi² harapan supaya Yang Berhormat Menteri menentukan had

masa-nya kita keluarkan work permit ini, atau pun kebenaran bekerja ini, kata-lah di-dalam tempoh 10 tahun. Sa-lepas daripada 10 tahun maka di-berhentikan sama sa-kali dan tidak di-keluarkan sama sa-kali permit bekerja bagi orang² yang bukan warganegara dan pada masa itu belum sampai 10 tahun, maka boleh-lah mereka ini bersedia untuk hendak mengumpul-kan segala wang yang di-simpan mereka hendak balek ka-negeri-nya sendiri atau pun hendak bekerja di-sini sa-chara bersendirian dan tidak bekerja di-bawah majikan mana².

Ini-lah satu harapan saya yang besar demi kepentingan warganegara kita yang sangat² mengharap-kan supaya dapat kita memberi kerja pada mereka itu. Dengan ada-nya satu had masa yang tertentu bagaimana kita sedia ma'alum, tiap² tahun banyak di-antara penuntut² kita yang berkelulusan, yang keluar sa-hingga dapat Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Cambridge, yang sedia hendak bekerja sa-bagai buruh kasar pun mereka sanggup bekerja bukan sahaja hendak bekerja sa-bagai kerani. Jadi ini-lah satu perkara yang saya harap²kan kepada Yang Berhormat Menteri supaya mengadakan satu masa yang tertentu dan sa-lepas daripada masa itu tidak akan lagi di-benarkan, atau di-beri permit kerja kepada orang² yang bukan warganegara yang tidak ada hak di-dalam negara kita.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh.

Tuan T. Mahima Singh (Port Dickson) (*dengan izin*): This Bill, Sir, is most welcome, because every country has the right and responsibility to see that certain vital jobs are the responsibilities of the citizens of the country. As such, we will now be able to keep a record that these vital and important jobs are held by the citizens who belong to this country and who have taken the oath of allegiance to this country. Therefore, in this respect, this Bill is most welcome.

The assurance given by the Assistant Minister that there will not be much difficulty in getting Work Permits, I am sure, will be welcome to many thou-

sands of people who have been concerned and worried as to what their fate would be just because they have not been able to get their citizenship, sometimes due to their own faults and sometimes due to certain delays. In this respect, Sir, I would like to mention that I have been approached by several members of my constituency with complaints that there are long delays in their citizenship applications being approved. I am not in a position to say exactly whether these delays are entirely due to the fault of the applicants not being able to give full particulars, or whether it is due to some administrative difficulty, but it does appear to me that after 10 years of Merdeka our machinery should be able to function more efficiently and more smoothly. I would like to mention here to the Minister, Sir, that all steps should be taken to see that applicants who are eligible for citizenship should not unnecessarily be delayed in getting their papers.

Coming to jobs, Sir, it is not correct to put all non-citizens into one bundle. We have thousands of residents in Malaysia who are not yet citizens but whose loyalty we can be assured of. There may be others who have bad criminal records and because of these records we will have to be very careful as to what type of jobs they will be allowed to do. There are certain jobs that we could entrust to people whose long stay has given us confidence as to their character. But whenever a non-citizen has a record whereby we have to take precautions, I hope their employment would be restricted to the type of job that will not in any way be a danger to our country.

The other important point which we have to bear in mind, Sir, is that the passing of this Bill should not in any way give any cause for suspicion or alarm to our neighbouring country, Singapore. We would like to become more and more friendly. There was an occasion some months ago—"Operation Swop" I think—that would have caused worries to thousands of families, which would have been uprooted from one country to another. I do hope that the Ministers would

be able to come to some understanding whereby the residents of the two countries who are not yet citizens could be assured that unless something very special happens or unless they make some mistake that robs the confidence in their loyalty they will be allowed to carry on their daily lives in the country that they are now working for. With these few points, I welcome this Bill and support it.

Tuan Aziz bin Ishak (Muar Dalam):

Tuan Yang di-Pertua, saya ada-lah menyokong Rang Undang² (Sekatan) Kerja yang di-bentangkan hari ini dan pada pendapat saya sunggoh pun pehak Pembangkang tadi mengatakan bahawa Rang Undang² ini di-buat sa-chara tergesa², tetapi pada saya bersama² dengan rakan² saya Undang² ini sudah lambat sangat di-bentangkan dan sa-patut-nya Undang² ini telah pun di-jalankan lama dahulu sesuai dengan sa-buah negara yang telah merdeka dan berdaulat ini.

Saya fikir seluruh ra'ayat yang ta'at setia di-negeri ini tentu-lah menyambut akan Rang Undang² ini kerana ini ada-lah satu penghargaan Kerajaan terhadap pekerja² warganegara sendiri. Sa-lama Undang² yang sa-rupa ini tidak ada di-dalam negeri kita ini, nampak-nya ada sa-tengah² majikan yang tidak langsung menghiraukan kedaulatan warganegara kita sendiri; mereka telah melakukan dengan sa-wenang²-nya dan dengan sa-suka hati menganibil pekerja² yang bukan warganegara. Kadang² saya di-beritahu sahingga ada yang menemu duga pekerja² pun di-lakukan di-luar negeri. Saya harap warganegara asing yang sudah pun bekerja di-dalam negeri ini jangan-lah terperanjat dan bimbang dengan Undang² ini, kerana ini ada-lah satu amalan yang biasa di-buat oleh sa-sa-buah negara yang merdeka dan berdaulat.

Sa-bagaimana yang di-katakan oleh Menteri Muda sa-masa membentangkan Rang Undang² ini tadi kepada mereka² yang maseh belum menjadi warganegara negeri ini dan dengan ada-nya Undang² ini mereka akan memilih sama ada mahu ta'at setia kepada negeri ini atau pun tidak. Maka

ini saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, ra'ayat yang bukan warganegara ini jangan-lah mereka hendak menjadi ra'ayat negeri ini sa-mata² hendak mengekalkan pekerjaan-nya sahaja, tetapi tidak sunggoh² ta'at setia kepada negeri kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Pesuruhjaya ada-lah mereka² yang telah di-beri kuasa oleh Undang² ini untuk menentukan pekerja² bukan warganegara sama ada boleh atau tidak di-sambong pass² kerja-nya itu sa-telah habis tempoh-nya. Maka saya berharap Pesuruhjaya yang akan di-berikan kepercayaan, atau pun kuasa kepada-nya ini hendak-lah terdiri daripada mereka² yang benar² bertanggung-jawab supaya kuasa yang di-beri kepada-nya itu tidak di-salah-gunakan kerana kepada mereka-lah terletak-nya puncha² untong nasib pekerja² ra'ayat negara kita ini.

Pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, sunggoh pun pada kali ini pehak Kerajaan telah menghadkan hanya beberapa kelas atau pun kelas² orang dan jenis atau jenis² kerja sahaja yang di-kenakan di-dalam Rang Undang² ini, tetapi saya berharap dalam masa yang singkat pehak Kerajaan akan menimbangkan lagi beberapa kelas dan jenis² pekerjaan sa-bagaimana yang di-katakan oleh rakan saya sa-bentar tadi yang akan di-masokkan di-dalam jadual pekerjaan ini. Jadi ini-lah sahaja saya menyokong Rang Undang² ini.

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud:

Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang² ini dan saya menyokong juga ucapan yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara tadi boleh di-katakan tiga suku yang saya chita² hendak chakapkan telah di-chakapkan, hanya satu dua perkara sahaja yang saya suka hendak menguatkan lagi, ia-itu kalau boleh pekerja² yang datang dari luar negeri daripada masa sekarang jangan-lah di-terima lagi; mana yang ada itu chukup-lah sampai mereka bersara, atau berhenti dengan sendiri-nya. Sebab, pekerja² umpama-nya saperti buroh perengkat rendah boleh di-katakan banyak yang tidak mempunyai pekerjaan. Umpama-nya saya katakan-lah macham Kolam Ayer di-Kota

Tinggi sana, banyak daripada pekerja²-nya di-ambil daripada negeri luar dan orang² tempatan yang tinggal di-situ boleh di-bilang sedikit sahaja yang di-ambil, jadi ini yang mendukachitakan orang² di-tempat itu dan kita tak mahu-lah di-dalam satu negeri ada satu negeri yang kecil yang memerintah di-situ. Bukan itu sahaja, kalau di-tengok penduduk² di-kawasan saya di-Tampoi sana yang mana terdapat banyak kilang² dan di-kawasan saya yang ada ladang², mereka itu banyak pekerja²-nya daripada luar negeri dan pada sa-belah malam pula kalau mereka itu sudah habis bekerja mereka berkumpul², berbinchang² berkenaan dengan perjalanan negara kita dan sa-tengah daripada sa-tengah-nya pula menjadi penchuri, perompak dan menjadikan satu kumpulan haram. Ini sungguh mendukachitakan. Kalau Tuan Yang di-Pertua tengok, pada masa yang lalu negeri Johor tidak pernah ada perompak, tetapi dengan ada-nya kebebasan sudah melampau sangat, sekarang sudah ada perompak, siang² hari pun dia merompak juga di-tengah² bandar, begitu-lah ada-nya. Jadi ini-lah yang kita takutkan. Kalau kita tidak tahan daripada masa ini, saya takut negara kita boleh jadi huru-hara. Jadi itu saya minta-lah pehak Kementerian yang berkenaan sa-belum kita menerima mereka itu hendak menjadi warga-negara² kita sa-belum kita memberi pekerjaan, hendak-lah kita siasat, kalau boleh jangan di-beri orang² yang baharu datang ka-mari yang hendak mencari kerja, sebab kerja di-sini pun tidak cukup untuk menampung ra'ayat kita yang hendakkan pekerjaan pada masa ini.

Saya berasa sangat dukachita, Tuan Yang di-Pertua, kerana Undang² yang pertama telah menentukan ia-itu tiap² dua tahun sa-kali permit itu hendak di-baharukan sa-mula, kemudian di-pindahkan sa-lama tiga tahun. Sa-bagaimana yang telah di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara tadi, tiap² tahun hendak-lah kita baharu²; itu sebaik²-nya. Tetapi apa hendak di-katakan, terpaksa-lah kita chuba dua tiga tahun dan pada masa akan datang patut-lah kita ansorkan, kita turunkan masa-nya itu untuk di-beri tiap² tahun

sa-kali. Mudah²an dengan jalan ini, maka dapat-lah kita memberi kebahagian kepada warganegara kita sendiri. Terima kaseh.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengulas perbahathan berkenaan dengan Rang Undang² ini, saya mengambil peluang menguchapkan ribuan terima kaseh kepada Ahli² yang telah berchakap, yang telah menyokong termasuk sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Batu yang telah menyokong Rang Undang² yang telah di-kemukakan pada Majlis pada hari ini.

Ahli Yang Berhormat dari Batu ada menyentuh berkenaan dengan kata-nya kesukaran bagi sa-saorang menerima kera'ayatan. Sa-bagaimana saya kata tadi perkara permohonan kera'ayatan dalam negeri ini tidak-lah begitu sukar kerana syarat² memang ada terkandung di-dalam Perlembagaan, apabila sa-saorang itu telah menduduki negeri ini sekian lama—10 tahun—dan telah lulus di-dalam bahasa Melayu-nya dan telah bersumpah ta'at setia kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dia di-beri taraf kera'ayatan, tetapi dengan syarat; ini saya suka menjelaskan, kelulusan dalam bahasa Melayu sahaja, dudok di-dalam negeri ini sa-lama 10 tahun sahaja, pada pendapat saya, tidak menchukupi sa-lagi sa-kira-nya Kerajaan tidak puas hati bahawa orang yang memohon itu ada-lah sa-benar²-nya berhajat dudok tetap di-sini dan menumpukan perasaan ta'at setia-nya kepada negeri ini dan tidak lagi kepada negeri² lain. Ini barangkali ada sa-tengah² pehak yang di-sabelah sana berfikir bila sa-saorang itu sudah dudok di-sini 10 tahun sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh Perlembagaan, sudah boleh berchakap serba sedikit dalam bahasa Melayu dia mesti di-berikan taraf kera'ayatan. Saya dengan hormat-nya tidak bersetuju dengan pendapat ini, kerana perkara kuasa timbang-tilek menimbangkan sama ada sa-saorang itu patut di-beri taraf kera'ayatan dengan ada-nya syarat² ini, bergantung juga kepada ada-kah Kerajaan berpuas hati bahawa mereka ini ada-lah sa-benar²-nya, tulus ikhlas berhajat mau dudok tetap di-negeri ini dan menumpukan perasaan

ta'at setia-nya kepada negeri ini dan tidak kepada negeri lain, kerana Kerajaan tidak mahu lagi ada-nya orang² di-dalam negeri ini di-mana kaki-nya satu di-negeri ini dan lagi satu kaki-nya di-negeri lain, merasa segala kenikmatan, segala perolehan, segala kekayaan dalam negeri ini, tetapi perasaan ta'at setia-nya masih tertumpu lagi kepada negeri yang lain.

Saya suka-lah menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat dari Batu sa-lagi syarat² yang saya sebutkan tadi dan juga syarat² menunjukkan, memuaskan pihak Kerajaan bahawa orang ini betul akan ta'at setia kepada negeri, akan tetap duduk di-sini, maka permohonan orang ini tidak begitu payah di-luluskan. Jadi kalau sa-kira-nya ada perkara dalam mana Ahli Yang Berhormat itu barangkali menghadapi kemushkilan dalam perkara ini, saya sedia menerima laporan² yang di-hantarkan kepada saya dan saya akan mengambil perhatian di-atas, kalau ada rayuan² yang di-buat terhadap perkara² yang samacham ini.

Ahli Yang Berhormat dari Batu juga tadi mengatakan pihak Kerajaan tidak menghormati orang² yang bekerja dengan tidak memasukkan ta'arif perkhataan employees. Saya mohon berchakap dalam bahasa Inggeris untuk memberi penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Sir, it is not our intention to be disrespectful to the employees without properly defining the term "employee" in the Bill. As I have already clarified in the course of the debate, in the course of the speech of the Honourable Member for Batu, the term "employee" can be safely inferred from the definition of "employer". This is, as the legal experts might explain, just by way of legal phraseology whereby instead of putting in the definition of two words, they just lump the definition of two words in just one short sentence.

Dr Tan Chee Khoon: On a point of clarification, Mr Speaker, Sir. Would not it be better, if the Government were so sensitive or cares for the interests of the workers of this country, to define the word "employee" and by inference get the meaning of the word "employer"?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:

This point was raised at the negotiations we had with the employers' and employees' representatives. This complaint was also taken by them, where we explained to them the legal technicality involved and we also expressed the same view as I have expressed here that we did not mean to be disrespectful to them by not including the definition of "employee", and I am glad to say that the representatives of the employers and employees were very happy with our explanation.

As to the Honourable Member's question as to why it was necessary to give so much power to the employment officer, to the extent of arming him with the power to search without a warrant, I would briefly explain it in this way. For the purpose of carrying out the provisions of this Act, especially the penal ones, we deem it necessary that the Commissioner and the officers under him should be given such a power because there may be cases where owing to delay due to the necessity of obtaining a search warrant from Magistrates, the person or persons who have wrongfully been given information or wrongfully employed will escape before any legal action can be taken against them. That is the reason why it was deemed necessary that this power should be given to the Commissioner, and I can assure the Honourable Member that this power will only be sparingly used and will only be used in cases where it is considered very necessary that it should be used.

As for the period of three years, this is the maximum number of years we feel that can be given. There are other Honourable Members who have said that we should have stuck to the period of two years and not extended it to three years and we feel that to extend it to, say, ten years will not be possible in such a case.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, on a point of clarification. I do not know whether the Honourable Assistant Minister by inference is saying that I had advocated 10 years.

I did not at any time advocate 10 years. I asked for 4 years.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:

Well, this matter was also brought up at the negotiations we had with the representatives of the employees and employers and we finally came to a compromise solution by agreeing to an amendment to change the period from two to three years.

As for the suggestion by the Honourable Member that the Schedule to the Act should only be amended or categories of employment should be added to it only with the approval of this House, I am afraid I will not agree with such a suggestion because the matter of amending, adding and deletion of any category of employment in the Schedule should be a matter for the Yang di-Pertuan Agong to decide without having to refer it to the House.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara ada mengatakan Undang² ini tidak berapa tegas. Tentang ini saya suka-lah mema'alumkan bahawa Undang² ini, sa-bagaimana yang saya jelaskan dalam masa perbahathan tadi, ada-lah Undang² yang mesti di-jalankan dengan tidak begitu chepat kerana kita ada tauladan dan boleh mengambil tauladan daripada beberapa negeri dimana dengan kerana undang² itu yang berkaitan orang yang bukan ra'ayat di-jalankan dengan sa-bagitu deras, chepat, tegas, negeri yang berkenaan itu telah menderita bermacam² kerugian, kesakitan dari segi ekonomi dan lain² sa-bagai negeri yang sudah merdeka sa-lama 11 tahun kita mengalami, memerhati akan perkara² yang telah berlaku di-negeri² lain, maka kita ada-lah berpendapat bahawa undang² yang sa-macam ini mesti-lah di-jalankan dengan teliti-nya dengan tidak bergopoh gapah dan pada satu masa sa-bagaimana saya kata tadi kelak, apabila orang² yang sekarang telah diberi kebenaran duduk tetap di-negeri ini apakala mereka semua-nya menjadi ra'ayat barangkali undang² ini tidak lagi menjadi guna pada kita.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru Barat juga tadi meminta supaya orang² luar datang ka-sini di-tahan jangan di-bagi kerja. Tentang ini saya suka-lah memberi penjelasan undang² masuk ka-dalam negeri ini, imigeresen law kita sekarang ada-lah sangat rapi, sangat kemas, ada sharat² dalam undang² imigeresen sekarang ini yang melarang sa-saorang itu masuk di-sini dengan tujuan bekerja, kalau sa-kiranya pekerjaan yang hendak di-buat di-sini itu boleh di-buat oleh orang² yang bertaraf ra'ayat. Orang yang hendak masuk di-sini melawat, hendak makam angin di-benarkan dia, tetapi ada kalanya orang yang masuk di-sini dengan pas lawatan, dia chuba hendak bekerja, tetapi apabila di-dapati pekerjaan yang hendak di-buat-nya itu ada-lah pekerjaan yang boleh di-buat oleh orang² yang bertaraf warganegara, dia di-tahan permit, dia duduk di-sini buat sementara di-atas lawatan itu di-batal-kan dan dia di-suroh keluar daripada negeri ini. Jadi, saya berharap-lah dengan penjelasan yang saya beri ini Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru Barat akan berasa senang hati yang Kerajaan kita sekarang ini tidak membuka pintu luas sa-bagaimana dahulu dan menjaga perkara pengambilan pekerjaan di-negeri ini daripada orang² yang datang daripada luar negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara tadi ada menyebutkan juga, mengatakan Jadual² yang ada di-dalam Rang Undang² ini ada-lah sangat pendek, patut di-panjangkan lagi. Perkara ini telah di-binchangkan dengan teliti-nya, dengan halus-nya, oleh Jawatan-kuasa yang telah di-tubuhkan oleh Juma'ah Menteri dan sa-lepas dikaji dengan halus-nya ada-lah di-fikirkan memadai bagi 12 jenis pekerjaan yang ada di-dalam jadual ini dimasukkan buat pendahuluan kerana kita tidak mahu ma'alum-lah ini pejabat yang akan di-adakan itu ada-lah pejabat baharu, jadi kalau sa-kiranya kita masukkan banyak sangat jenis² pekerjaan dalam Jadual pekerjaan ini, kakitangan dan mesin pejabat yang baharu ini barangkali tidak men-chukupi menghadapi tanggung-jawab

tugas yang akan di-hadapi itu jikalau sa-kira-nya bilangan pekerja² di-dalam pekerjaan di-dalam jadual ini banyak sangat daripada yang telah di-tetapkan. Tetapi di-sini saya suka-lah memberi jaminan bahawa pada masa yang ka-hadapan jika sa-kira-nya di-dapati perlu, mustahak di-masokkan lagi pula pekerja² yang lain di-dalam kelas² category jadual pekerjaan dalam schedule ini, maka ini senang sahaja di-buat dengan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong membuat perintah atau pun order menambahkan kemasokan jenis² kerja itu di-dalam jadual ini.

Ahli Yang Berhormat dari Port Dickson saya suka menyatakan juga tentang kelewatan atas perkara memutuskan permohonan orang² yang hendak menjadi ra'ayat dalam negeri ini. Di-sini saya suka-lah lagi menjelaskan sa-bagaimana saya telah jelas-kan tadi, kelewatan tidak ada berlaku kechualikan kalau sa-kira-nya ber-bangkit perkara² yang rumit berkenaan dengan permohonan itu, umpama-nya, orang itu tidak boleh menjelaskan dengan pasti-nya tempat beranak dia, tempoh beranak dia, kerana per-mohonan sa-sorang bagi menjadi ra'ayat itu berkaitan dengan banyak perkara² yang lain yang mesti di-siasat dan di-semak dengan teliti-nya sa-belum permohonan itu di-timbangkan. Setakat yang saya tahu, saya telah menyiasat perkara ini apabila telah mendapat banyak rayuan tentang kelewatan konon-nya, tetapi saya dapati kelewatan yang di-katakan berlaku itu tidak-lah begitu dahshat, tetapi kelewatan yang ada berlaku itu ada-lah di-sebabkan oleh sebab² yang mena-sabah.

Ahli Yang Berhormat dari Port Dickson juga berharap bahawa Undang² ini tidak-lah akan menakutkan sahabat kita di-seberang sana, dan di-sini saya suka-lah memberi jaminan bahawa Undang² ini bukan dengan tujuan hendak menyinggong sa-siapa orang² di-negeri lain, tetapi ada-lah sa-bagai mana yang di-jelaskan oleh Ahli Yang

Berhormat dari Batu tadi ada-lah Undang² yang patut kita adakan sa-bagai satu negeri yang telah merdeka sa-lama 11 tahun, patut kita mengada-kan satu undang² di-mana kita boleh mengadakan daftar yang boleh menun-jukkan bilangan orang² yang bukan ra'ayat yang bekerja di-sini dan juga mengandongi beberapa syarat², per-kara² yang boleh menjaga kedudukan ra'ayat² dari segi pekerjaan pada masa yang akan datang.

Sekian-lah, Dato' Yang di-Pertua, penjelasan saya, sa-kali lagi saya meng-ucapkan terima kaseh di-atas soko-ngan² yang di-beri oleh Ahli² Yang Berhormat terhadap Undang² ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua.

Menyerahkan Rang Undang² kepada Jawatan-kuasa Pemilih.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, with your permission under Standing Order 54, now that the second reading of the Bill is over, I wish to move for reference to a Select Committee of this Bill.

Tuan Yang di-Pertua: Where is your seconder? (*Laughter*).

Dr Tan Chee Khoon: I have looked over this carefully and it does not say that I should have a seconder. It says here, Mr Speaker, Sir, if I may read it:

"When a bill has been read a second time, it shall stand committed to the whole House unless the House on motion commits it to a Select Committee. Such motion shall not require notice, must be made immediately after the Bill is read a second time, and may be proposed by any member; the question thereon shall be put forward and shall be decided without amendment or debate."

Nowhere is it stated that I should have a seconder.

Tuan Yang di-Pertua: But it is pre-sumed that you must have a seconder. However, I shall put it to the House.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan tidak di-setujukan.

Dr Tan Chee Khoon: On a point of order, may I inquire from you whether we have a quorum?

(*Locheng Pembahagian di-bunyikan; Ahli² dalam Dewan Meshuarat di-bilang; 26 Ahli hadir*).

Jawatan-kuasa

Rang Undang² di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-kan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Undang².

Fasal 4 hingga 10—

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, I wish to speak a little on Clause 9, and seek some information from the Honourable Assistant Minister of Home Affairs. It talks about registration and notification and all that, and what I seek from the Assistant Minister is this: has the Government the machinery to implement this Bill? Otherwise, if you get employers and employees to give you the information that you need and employers write in and there is no machinery to tackle this increased volume of work, then it may well bring frustration to both employers and employees.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Mr Chairman, Sir, the Government would not have tried to pass this Bill through all stages if it had not been prepared to fully implement all the provisions of the Bill. I can assure the Honourable Member that we have the machinery to see that the provisions of the Bill, the administrative side of the things pertaining to the Bill, will be fully implemented and will be fully looked after.

Fasal 4 hingga 10 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Undang².

Fasal 11—

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Pengerusi, saya mohon men-chadangkan pindaan Fasal 11 (2) sa-bagaimana yang di-terangkan di-dalam kertas pindaan yang telah di-edarkan kepada Ahli² Yang Berhormat. Pindaan-nya berbunyi seperti berikut:

Fasal 11 (2)—

Ganti perkataan "dua tahun" dengan perkataan "tiga tahun".

(Clause 11 (2)—

Substitute the words "three years" for the words "two years".)

Guru² Pelateh

180. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran:

(a) berapa ramai-kah guru² pelateh yang telah lulus latehan dari Pusat² Latehan Guru pada tahun 1966 dan 1967; dan

(b) berapa pula jumlah yang tidak lulus dalam tempoh yang sama.

Tuan Mohd. Khir Johari:

	Lulus	Kandas
(a) 1966		
(i) Menengah	2,713	756
(ii) Rendah	1,130	323
(b) 1967		
(i) Menengah	1,841	452
(ii) Rendah	2,079	62

	Passes	Failures
(a) 1966		
(i) Secondary	2,713	756
(ii) Primary	1,130	323
(b) 1967		
(i) Secondary	1,841	452
(ii) Primary	2,079	62

181. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa kebanyakan dari guru² pelateh yang tidak lulus pepereksaan di-Pusat² Latehan Guru ia-lah guru² dari sekolah² kebangsaan (Melayu); jika benar, apa-kah sebab² kegagalan mereka; dan apa-kah usaha² Kerajaan untuk mengatasi perkara ini.

Tuan Mohd. Khir Johari:

(i) Pada tahun 1966 kadar kegagalan di-Maktab²/Pusat² Perguruan Menengah ia-lah 26% bagi aliran Melayu dan 27% bagi aliran Inggeris. Oleh hal yang demikian

tidak-lah benar jika di-katakan bahawa kebanyakan guru² pelateh yang tidak lulus itu datang-nya dari Sekolah² Kebangsaan.

- (ii) Bagi Maktab/Pusat² Perguruan Rendah kegagalan bagi Aliran Melayu ia-lah 27% berbanding dengan 13% bagi aliran² lain. Sebab²-nya ada-lah saperti berikut:

(a) Bilangan penuntut² dari Aliran ada-lah terlalu ramai. Bilangan-nya ada-lah lebih kurang 1,000 berbanding dengan 450 dari aliran² lain.

(b) ramai di-antara penuntut² aliran Bahasa Melayu itu mempunyai hanya S.R.P./L.C.E. sahaja.

- (iii) Pada tahun 1967 kadar kegagalan di-Maktab²/Pusat² Perguruan Menengah ada-lah 14% bagi aliran Bahasa Inggeris dan 34.5% bagi aliran Bahasa Melayu. Kadar kegagalan yang lebih tinggi di-dalam aliran Melayu itu ada-lah sa-bahagian besar-nya disebabkan oleh kesukaran mendapat pensharah² sambilan yang cukup layak khusus-nya dalam bidang Sains dan Ilmu Hisab untuk mengajar di-dalam bahasa Melayu. Sa-bilangan besar daripada penuntut² itu mempunyai kelayakan yang sa-rendah²-nya sahaja di-dalam Ilmu Hisab dan Sains.

- (iv) Di-Maktab²/Pusat² Perguruan Rendah angka tahun 1967 ia-lah 3.5% bagi aliran Bahasa Melayu dan 2.9% bagi Bahasa Inggeris.

- (v) Semua penuntut yang gagal ada-lah di-beri peluang lagi untuk mengambil peperiksaan sa-mula. Pusat² Latehan Daerah telah di-tutup pada akhir tahun 1967 dan semua penuntut telah di-tukarkan ka-Maktab² Perguruan di-mana pensharah² yang berkelayakan serta kemudahan² latehan yang baik boleh di-dapati.

- (i) In 1966 the rate of failure for Secondary Teacher Training Institutions was 26% for the

Malay Stream and 27% for the English Stream. It is therefore not true to say that most of the teacher trainees who failed were from National Schools.

- (ii) For the Primary Teacher Training Institutions the failure for the Malay Stream was 27% as compared to the other streams which was 13%. The reasons for this are as follows:

(a) the intake for the Malay Stream was very large. It was in the region of 1,000 students as compared to the other stream which was approximately 450.

(b) many of the Malay Medium students hold only the S.R.P./L.C.E.

- (iii) In 1967 the rate of failure in Secondary Teacher Training Institutions was 14% for English Medium and 34.5% for Malay Medium. The higher rate of failure in the Malay medium stream was largely due to the difficulty of obtaining suitably qualified part-time lecturers especially in Science and Maths. to teach in the Malay Medium. A large number of the students had only the minimum qualification in Maths and Science.

- (iv) In the Primary Teacher Training Institutions the 1967 figures are 3.5% for the Malay Medium and 2.9% for the English Medium.

- (v) All students who failed are given further chances to sit for re-examinations. The R.T.Cs. were closed at the end of 1967 and all the students were transferred into the existing M.T.Cs. where qualified lecturers and proper training facilities are made available.

182. Tuan C. V. Devan Nair asks the Minister of Education whether he is aware that student-teachers at the Malayan Teachers' College, Pantai Valley, Kuala Lumpur, are made to contribute \$2.00 per month to a so-called Trust Fund, the objectives of which they do not know, and that neither are their payments duly

acknowledged with receipts and annual statements of accounts.

Tuan Mohd. Khir Johari: Each student pays \$2.00 per month for one year only to the Malayan Teachers' College, Kuala Lumpur Welfare Trust Fund operated by the Ministry of Education. Written authority is obtained from all affected students to deduct this amount and all monthly deductions are endorsed by them. Student Union officials are kept fully informed regarding amounts available in the Trust Fund. Students are aware of the objectives of the Welfare Trust Fund. This Fund serves to supplement Students' Union Funds for the purpose of promoting student games and other forms of recreational activity. Up to now no representation has been made by the Students' Council for any change.

Dewan Bahasa dan Pustaka

183. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa bagi beberapa tahun, Dewan Bahasa dan Pustaka tidak mengemukakan Penyata Kira²-nya kepada pihak Juru Odit, jika benar, bila-kah perkara itu berlaku, dan sudah-kah Kerajaan bertindak agar perkara ganjil seperti itu tidak berulang lagi.

Tuan Mohd. Khir Johari: Tidak benar. Kira² Dewan Bahasa dan Pustaka di-kemukakan kepada Juru Odit tiap² tahun seperti yang di-kehendaki oleh Kerajaan.

No. Statements of accounts of the Dewan Bahasa dan Pustaka are submitted to the Auditors annually as required by the Government.

184. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran:

- (a) ada-kah benar bahawa hingga sekarang Dewan Bahasa dan Pustaka belum lagi mempunyai sa-orang Pegawai Kewangan yang layak; dan
- (b) ada-kah benar bahawa sa-orang Pembantu Kewangan yang ada sekarang itu pun tidak juga

mempunyai kelayakan yang perlu; jika ia, apa-kah usaha Kerajaan bagi memperbaiki keadaan itu.

Tuan Mohd. Khir Johari:

- (a) Tidak benar. Dewan Bahasa dan Pustaka ada sa-orang Akauntan.
- (b) Tidak benar. Pembantu Kewangan yang ada sekarang ini ada mempunyai kelayakan untuk jawatan yang di-sandangnya.
- (a) No. The Dewan Bahasa dan Pustaka has an Accountant.
- (b) No. The present Financial Assistant has the necessary qualifications for his appointment.

185. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Education if he is aware that a large number of the employees of the Dewan Bahasa dan Pustaka are not happy with their conditions of work as evidenced by the letters in the *Utusan Malaysia* of 17th May, 1968, and 20th May, 1968, and signed by "Pekerja Yang Ta'at" and "Penyokong Pekerja Setia D.B.P." If so, will the Minister investigate the matter and take whatever remedial measures that may be necessary.

Tuan Mohd. Khir Johari: No, I am not aware that a large number of the employees of the Dewan Bahasa dan Pustaka are not happy with their conditions of work. I have read the letters referred to by the Honourable Member for Batu but, as far as I am aware, those letters do not reflect the views of the majority of the employees of Dewan Bahasa dan Pustaka. Furthermore the employees of Dewan Bahasa dan Pustaka have a union of their own through which they could voice their dissatisfaction and this union was registered as early as 1st December, 1966. The letters referred to above could have been written by one or two irresponsible members of the Dewan Bahasa dan Pustaka staff who could neither get on with their employer nor with their own union or they could have been written by some one outside.

186. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Education if he is aware that in the *Utusan Melayu* of 10th May, 1968, there appeared a letter headlined **KESALKAN BAYARAN TONGGAKKAN BELUM DI-TERIMA LAGI** and signed by Pekerja² Setia Kuala Lumpur. If so whether he will investigate into the grievances contained in that letter and take whatever remedial measures that may be necessary.

Tuan Mohd. Khir Johari: Yes, I am fully aware that there was such a letter, but in my opinion, there is no cause for investigation. As the Honourable Member for Batu is aware, Dewan Bahasa dan Pustaka is a statutory body and under section 15 (2) of its Ordinance, the Board of Control has the final say in matters connected with the terms and conditions of service of its staff. In this particular case, the Board of Control, after having given very careful consideration to the appeal made by the staff concerned, decided that the date of implementation of the salary revision should be 1st January, 1965 and I fully endorse this decision.

Pepereksaan²

187. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa ramai-kah pelajar

yang akan memasoki pepereksaan² yang berikut di-tiap² negeri di-Malaysia Barat dalam tahun 1968:

- (a) Sijil Seberang Laut;
- (b) Sijil Pelajaran Malaysia (Melayu);
- (c) Sijil Pelajaran Malaysia (Inggeris);
- (d) Sijil Tinggi Pelajaran (HSC) (Melayu); dan
- (e) Sijil Tinggi Pelajaran (HSC) (Inggeris).

Tuan Mohd. Khir Johari: Butir² mengenai ramai-nya pelajar² yang memasoki pepereksaan² tersebut bagi tiap² negeri di-Malaysia Barat ada-lah seperti yang di-bawah.

Berhubung dengan soalan (d), suka saya menegaskan sa-kali lagi seperti mana yang telah di-buat pada masa yang lampau, bahawa tidak ada sa-benar-nya Pepereksaan HSC Bahasa Melayu pada prinsip-nya. Apa yang ada ia-lah mata²-pelajaran yang di-uji di-dalam Bahasa Melayu di-Tingkatan HSC. Semenjak di-mulakan di-dalam tahun 1966, pihak Cambridge tidak pernah membuat perangkaan yang menunjukkan bilangan² calon² yang lulus mata²-pelajaran yang di-jawab di-dalam Bahasa Melayu di-Tingkatan HSC, sechара berasingan.

KEMASOKAN UNTUK PEPEREKSaan² CAMBRIDGE TAHUN 1968 MENGIKUT NEGERI

	Sijil Pelajaran Malaysia (Perantaraan Bahasa Melayu)	Sijil Pelajaran Malaysia (Perantaraan Bahasa Inggeris)	Sijil Persekolahan Cambridge	Pepereksaan Bersama Sijil Persekolahan Cambridge dan Sijil Pelajaran Malaysia (Perantaraan Bahasa Inggeris)	Sijil Tinggi Persekolahan Cambridge
1. Johor	2,507	739	184	5,322	1,661
2. Kedah	2,120	409	40	2,608	921
3. Kelantan ..	2,080	275	16	1,284	657
4. Melaka	936	185	56	2,029	721
5. Negeri Sembilan	1,045	348	76	2,551	366
6. Pahang	775	143	21	1,403	452
7. Perak	2,582	845	235	7,910	2,374
8. Perlis	515	57	5	289	104
9. Pulau Pinang ..	1,352	522	139	5,636	1,682
10. Selangor	2,225	717	696	8,466	4,146
11. Trengganu .. .	910	168	12	678	321
	<u>17,047</u>	<u>4,408</u>	<u>1,480</u>	<u>38,176</u>	<u>13 405</u>

188. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa dalam pepereksaan nilai bagi murid² Darjah V baru² ini, 60% murid² Melayu telah gagal dalam perkara Bahasa Melayu dan 20% daripada mereka tidak boleh menjawab langsung soalan², dan jika benar, mengapa, dan apa-kah tindakan yang di-ambil mengenai perkara ini.

Tuan Mohd. Khir Johari: Dalam Pepereksaan Penilaian bagi murid² Darjah V tahun 1967, keputusan murid² Melayu dalam perkara Bahasa Melayu tidak-lah begitu memuaskan tetapi peratus kegagalan mereka itu tidak-lah setinggi yang di-nyatakan itu. Pepereksaan itu ada-lah mula di-jalankan pada tahun lepas dan kelemahan² ini tidak-lah sangat menghairankan. Ada-lah di-harap bahawa segala kelemahan² ini dapat di-baiki dari masa kemasa dengan ada-nya kursus khas bagi guru² yang di-jalankan dalam masa chuti dan lain² oleh Kementerian Pelajaran.

In the Std. V Assessment Examination the results in respect of Malay pupils in the Malay paper were rather unsatisfactory but the percentage of failure was not as high as the figure quoted by the Hon'ble Member. The Examination was introduced last year and the poor performance was therefore not very surprising. It is hoped that the results will improve from time to time with the holding of special and other type of courses for teachers during vacation by the Ministry of Education.

Jawatan Kegunaan 'Awam

189. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran memandangkan betapa penting-nya Jawatan Guru, ada-kah Kerajaan berchadang hendak menjadikan jawatan itu sa-bagai Jawatan Kegunaan 'Awam (Public Utility Service); jika ya, bila, dan jika tidak, mengapa.

Tuan Mohd. Khir Johari: Kerajaan tidak bertujuan untuk menjadikan perkhidmatan guru sa-bagai Jawatan Kegunaan 'Awam (Public Utility Service) di-bawah Act Perhubungan Perusahaan, 1967 oleh kerana ia tiada nampak perlu-nya berbuat demikian pada ketika ini.

The Government has no intention of declaring the teaching service a Public Utility Service under the Industrial Relations Act 1967 as it does not see the necessity of doing so at the present moment.

Kanak² yang Berdaftar

190. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa ramai-kah kanak² yang di-daftarkan untuk memasuki sekolah² rendah dalam tahun 1968 dan berapa ramai-kah yang benar² telah masuk seperti berikut:

- (a) Sekolah Rendah Kebangsaan (Melayu);
- (b) Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris);
- (c) Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil); dan
- (d) Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China).

Tuan Mohd. Khir Johari: Jumlah kanak² yang berdaftar untuk masuk ka-sekolah² rendah bagi tahun 1968 ia-lah 257,582.

Jumlah murid² yang sa-benar-nya telah bersekolah di-dalam 4 bahasa pengantar ia-lah seperti berikut:

Sekolah ² Kebangsaan ...	113,085
Sekolah Jenis Kebangsaan (Inggeris)	60,600
Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil)	16,361
Sekolah Jenis Kebangsaan (China)	70,944
	260,990

The total number of children registered for admission into primary schools for 1968 is 257,582.

The total number of children who have actually attended schools in the 4 media is as follows:

National Schools ...	113,085
National Type Schools (English)	60,600
National Type Schools (Tamil)	16,361
National Type Schools (Chinese)	70,944
	260,990

191. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa ramai-kah kanak² yang telah di-daftarkan untuk memasuki sekolah² rendah yang berikut pada tahun 1969:

- (a) Sekolah Kebangsaan (Melayu);
- (b) Sekolah Jenis Kebangsaan (Inggeris);
- (c) Sekolah Jenis Kebangsaan (China); dan
- (d) Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil).

Tuan Mohd. Khir Johari: Bilangan kanak² yang telah di-daftarkan untuk memasuki sekolah² rendah bagi tahun 1969 ada-lah seperti berikut:

Sekolah ² Kebangsaan ...	108,850
Sekolah ² Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris) ...	67,223
Sekolah ² Rendah Jenis Kebangsaan (China) ...	72,675
Sekolah ² Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) ...	16,082
JUMLAH ...	264,380

The number of children who have been registered for admission to primary schools for 1969 is as follows:

National Schools ...	108,850
National-Type Primary (English) ...	67,223
National-Type Primary (Chinese) ...	72,675
National-Type Primary (Tamil) ...	16,082
TOTAL ...	264,380

Siswazah² Universiti Azhar/Kaherah

192. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa siswazah² Universiti Azhar dan Kahirah, Masir yang berijazah M.A. apabila berkhidmat sa-bagai guru dengan Kementerian Pelajaran, di-beri gaji \$355 di-bawah tangga gaji \$310 yang hanya bersamaan dengan tangga gaji

yang di-beri kepada lepasan H.S.C. Malaysia; jika ia, ada-kah Kerajaan akan memperbaiki tangga gaji mereka itu supaya mereka tidak, sa-chara langsung atau tidak langsung, di-perhina-kan, atau pun ada-kah Kerajaan berpuas hati dengan tangga gaji seperti itu sesuai dengan taraf M.A. mereka itu.

Tuan Mohd. Khir Johari: Siswazah Universiti Al-Azhar di-Kahirah, Mesir yang berijazah M.A. ada-lah di-beri gaji pokok permulaan sa-banyak \$355 sa-bulan di-bawah tangga gaji \$310 × 15-520 × 20-\$560. Soalan berkenaan tangga gaji ini sedang di-kaji oleh Surohanjaya Gaji Guru² dan oleh itu Kerajaan terpaksa menunggu penyata Surohanjaya ini.

Graduates of the University of Azhar in Cairo, Egypt with M.A. degrees are paid the initial salary of \$355 per month under the salary scale \$310 × 15-520 × 20-\$560. The question on this salary scale is being considered by the Teachers' Salaries Commission and Government has therefore to wait for the Commission's report.

Pegawai² Pelajaran

193. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran pada masa ini berapa orang-kah Pegawai² Pelajaran Bahagian Ugama Islam di-Kementerian Pelajaran, dan nyatakan nama dan kelayakan mereka.

Tuan Mohd. Khir Johari: Tidak ada jawatan yang di-namakan Pegawai² Pelajaran Bahagian Ugama Islam di-dalam senarai perjawatan Kementerian Pelajaran, tetapi yang ada ia-lah Pegawai² Perhubungan Sekolah² Ugama Islam. Nama dan kelayakan pegawai² itu ia-lah:

- (i) Tuan Haji Salleh bin Osman, keluaran Darul Ulum Universiti, Cairo (sebagai ketua).
- (ii) Enche' Omar bin Osman, keluaran Universiti Al-Azhar (yang di-tempatkan di-Kuala Lumpur).
- (iii) Enche' Ghazali bin Mohd. Taib, keluaran Darul Ulum Universiti, Cairo (yang di-tempatkan di-Jabatan Pelajaran, Alor Star).

- (iv) Enche' Ismail bin Haji Ishak, keluaran Darul Ulum Universiti, Cairo (yang di-tempatkan di Jabatan Pelajaran, Kota Bharu, Kelantan).

There are no such appointments as Education Officers for the Islamic Religious Section in the establishment of the Ministry of Education, but we do have Liaison Officers for Religious Schools. The names and qualifications of the officers are as follows:

- (i) Tuan Haji Salleh bin Osman, graduate of Darul Ulum University Cairo (as Head).
- (ii) Enche' Omar bin Osman, Al-Azhar University graduate (attached in Kuala Lumpur).
- (iii) Enche' Ghazali bin Mohd. Taib, from Darul Ulum University, Cairo (attached at Education Office, Alor Star).
- (iv) Enche' Ismail bin Haji Ishak, graduate of Darul Ulum University Cairo (attached at Education Office, Kota Bharu, Kelantan).

194. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Education to state if he is aware that a recent advertisement for education officers that appeared in the Straits Times of 8th June, 1968, stated, amongst other things, that the applicants must be serving government teachers and if so whether he would clarify the reason why those serving in the U.T.S. are not eligible for such jobs.

Tuan Mohd. Khir Johari: The recruitment of Government teachers ceased with the coming into force of the Education Ordinance 1957. As a result Government teachers who subsequently obtained recognised University degrees had no prospect for advancement if they did not opt into the U.T.S. The intention of the advertisement is therefore to provide an opportunity for serving Government teachers with the requisite qualifications to be appointed to the existing vacancies for Education Officers.

U.T.S. teachers are employees of school boards. They have their own scheme of service and their own

avenues for advancement within that scheme. Thus a U.T.S. teacher who obtains an Honours Degree can be appointed to Grade I in the scheme. They are therefore not eligible for appointment as Education Officers.

Pelajar²/Guru²

195. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa ramai-kah pelajar² yang beragama Islam di-Sekolah² Menengah Jenis Kebangsaan dalam tahun 1967 dan tahun 1968; dan berapa ramai-kah pula guru yang beragama Islam mengajar di-sekolah² tersebut bagi tahun² yang sama.

Tuan Mohd. Khir Johari:

- (a) Bilangan yang sa-benar murid² yang beragama Islam di-Sekolah² Menengah Jenis Kebangsaan tidak dapat di-beri.
- (b) Bilangan guru² Uagama Islam pula ia-lah 236 pada tahun 1967 dan 184 pada tahun 1968. Sebab turun-nya bilangan itu ia-lah akibat dari penyusunan sa-mula kelas² menjadi unit² yang lebeh ekonomi.
- (a) It is not possible to give the specific numbers of Muslim pupils in National-type Secondary Schools.
- (b) As for the number of Muslim Religious teachers, the number is 236 in 1967 and 184 in 1968. The fall in numbers is due to reorganisation of classes into more economic units.

196. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran sa-jauh mana-kah kejayaan sudah tercapai dalam usaha menjaga tatatertib pelajar² Kolej Islam Petaling Jaya berikutan dengan peristiwa penuntut Kolej tersebut pada 7hb Mach, 1967.

Tuan Mohd. Khir Johari: Tata-tertib penuntut² Kolej Islam pada masa ini telah pun terkawal dan pehak Kolej telah juga membuat peratoran² baharu supaya perjalanan dan pentadbiran Kolej Islam itu dapat di-jalankan dengan lichen dan sempurna.

The discipline of the students in the Muslim College at present is under control. The College authority has also set up new regulations so that the running and administration of the Muslim College can be carried out smoothly and efficiently.

197. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah Kerajaan berchadang hendak mendirikan asrama bagi pelajar² Malaysia yang sedang menuntut di-negeri Arab Sa'udi seperti yang telah di-buat untuk pelajar² kita di-Republik Arab Bersatu.

Tuan Mohd. Khir Johari: Buat masa ini chadangan mendirikan asrama itu belum-lah ada lagi kerana soal tempat tinggal bagi pelajar² kita di-Arab Sa'udi tidak menimbulkan banyak masalaah kepada mereka. Walau bagaimana pun sa-buah Pusat Penuntut Malaysia telah pun di-adakan bagi mereka.

For the time being there is no proposal to build a hostel for our students in Saudi Arabia as there is no accommodation problem for them. However, a Malaysian Students Centre is already provided for them.

198. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran sejak yuran² sekolah² menengah di-naikkan berapa ramai-kah pelajar² yang terpaksa di-berhentikan kerana tidak menunai yuran dan berapa ramai-kah pula yang mendapat bantuan dari Kementerian Pelajaran untuk membolehkan mereka menyambong atau meneruskan pengajian di-tiap² negeri di-Malaysia Barat.

Tuan Mohd. Khir Johari: Soal pelajar² di-sekolah² menengah di-Malaysia Barat terpaksa di-berhentikan kerana tidak mampu membayar yuran sekolah tidak timbul. Pada masa saya membuat pengumuman menaikkan yuran di-sekolah² menengah dahulu, saya telah pun menyatakan dengan tegas-nya bahawa pelaksanaan keputusan ini tidak akan di-benarkan menghapus peluang sa-saorang murid untuk meneruskan pelajaran-nya semata² kerana ia tidak mampu. Tempat²

perchuma, biasiswa² dan pengurangan yuran ada-lah di-beri kepada murid² yang layak menerima-nya. Sa-hingga 30hb Mei, 1968, jumlah murid² di-sekolah² menengah yang telah di-beri tempat² perchuma atau pengurangan yuran ia-lah 31,818.

The question of secondary school pupils in West Malaysia being forced to leave school for non-payment of school fees does not arise. When I made the announcement to raise the fees for secondary schools, I had emphasized that the implementation of this decision would in no way deprive any pupil his studies merely on the grounds of poverty. Free places, scholarships and remission of fees are awarded to deserving pupils. By 30th May, 1968, the number of students who were given free places or remission of fees was 31,818.

199. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa ramai-kah pelajar² sekolah menengah di-Bachok, Kelantan telah di-berhentikan kerana mereka tidak membayar yuran atau bayaran yang di-wajibkan dan berapa ramai pula di-beri bantuan oleh Kementerian Pelajaran.

Tuan Mohd. Khir Johari: Tidak ada murid² yang telah di-berhentikan. Bilangan yang mendapat bantuan adalah seperti berikut:

Pengechualian Penoh dari Yuran Sekolah	...	...	3
Pengechualian Sa-paroh	...	...	13
Penerima ² Biasiswa Kechil Persekutuan—			
Bahasa Pengantar Inggeris			10
Bahasa Pengantar Melayu			15

The number dismissed is nil. Number given assistance is shown below:

Full Remission of School Fees			3
Partial Remission	...	...	13
Federal Minor Scholars—			
English Medium	...	...	10
Malay Medium	...	...	15

200. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa pehak Kementerian Pelajaran menerusi Pejabat Pelajaran di-Negeri Kelantan telah memberi arahan supaya di-buang sa-ramai 29 pelajar di-Sekolah Menengah Zainab, Kota Bharu, Kelantan dalam bulan Julai, 1968; dan ada-kah penyiasatan yang teliti di-lakukan bagi mengesahkan sa-jauh mana ibu-bapa pelajar² yang berkenaan tidak berkemampuan membayar.

Tuan Mohd. Khir Johari: Pejabat Pelajaran Negeri tidak mengarahkan supaya di-berhentikan murid² yang tidak mampu membayar yuran sekolah. Baharu² ini, Guru Besar Sekolah tersebut telah memberi tahu Ketua Pegawai Pelajaran bahawa yuran yang tidak di-bayar oleh 29 murid² telah berjumlah lebih \$1,000. Ketua Pegawai Pelajaran telah menasihatkan Guru Besar tersebut supaya menggesa ibu-bapa murid² itu untuk membayar yuran yang kebelakangan itu.

Murid² tersebut telah berhenti sekolah dengan sendiri dengan tidak memberikan apa² sebab pun.

The State Education Department has not given instructions for the dismissal of pupils who could not pay school fees. Lately, the Headmistress of the school informed the Chief Education Officer that the arrears of fees of 29 pupils had mounted to over \$1,000. The Chief Education Officer advised the Headmistress to persuade parents to pay arrears of school fees.

The pupils left school of their own accord without giving any reasons.

201. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa pelajar² Sekolah Menengah Zainab di-Kota Bharu, Kelantan yang pada mulanya di-jemput untuk mengambil bahagian dalam nyanyian yang sekolah itu menjadi Johan Negeri tiba² telah diperintah supaya mereka menyanyi "dikir barat" pula; jika ya, apa-kah sebab perubahan itu berlaku dengan chara mengejut.

Tuan Mohd. Khir Johari: Jawatan-kuasa mempunyai hak menentukan

lagu apa-kah yang patut di-nyanyikan oleh Johan itu.

The Committee has the right to determine what song to be sung by the particular Champion.

202. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa pehak Kementerian beliau telah memberi arahan supaya menukarkan pelajar² dari Sekolah² Menengah Inggeris ka-Sekolah² Menengah Bahasa Kebangsaan jika pelajar² itu tidak membayar yuran sekolah mereka; jika benar:

- (1) berapa ramai-kah yang telah dikenakan perintah seperti itu;
- (2) nyatakan nama sekolah² dari mana mereka datang;
- (3) nyatakan nama sekolah² di-mana mereka di-pindahkan.

Tuan Mohd. Khir Johari: Kementerian saya tidak pernah membuat arahan seperti itu.

No such order has been given by this Ministry.

203. Tuan C. V. Devan Nair asks the Minister of Education to give the total number of students in Form Five in:

- (i) National Schools; and
- (ii) National-type schools, for every year since Merdeka.

Tuan Mohd. Khir Johari:

Year as at 1st Jan.	No. of pupils in Form Five in Assisted Schools			
	Malay Medium	English Medium	Chinese Medium	Total All Media
1957	Nil	5,359	3,418	8,777
1958	Nil	5,899	4,762	10,661
1959	Nil	7,113	6,544	13,657
1960	Nil	7,014	6,781	13,795
1961	Nil	7,542	4,617	12,159
1962	169	11,528	Nil	11,697
1963	775	11,193	Nil	11,968
1964	619	12,245	Nil	12,864
1965	2,357	16,156	Nil	18,513
1966	3,750	19,142	Nil	22,892
1967	6,945	24,546	Nil	31,491
1968	9,410	23,898	Nil	33,308

204. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri

Pelajaran dalam tahun 1968 berapa ramai-kah guru yang mengajar:

- (i) di-sekolah² rendah; dan
- (ii) di-sekolah² menengah seperti berikut—
 - (a) Sekolah Kebangsaan (Melayu);
 - (b) Sekolah Jenis Kebangsaan (Inggeris);
 - (c) Sekolah Jenis Kebangsaan (China); dan
 - (d) Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil).

Tuan Mohd. Khir Johari:

- (i) Bilangan guru² yang mengajar di-Sekolah² Rendah ia-lah 44,070; dan
- (ii) Bilangan yang mengajar di-Sekolah² Menengah ia-lah:
 - (a) Sekolah² Kebangsaan—4,807.
 - (b) Sekolah² Jenis Kebangsaan (Inggeris)—11,528.
 - (c) dan (d) tidak berbangkit oleh kerana tidak ada sekolah² menengah yang dibantu yang menggunakan bahasa pengantar ini.
- (i) The number of teachers serving in Primary Schools is 44,070;
- (ii) The number of teachers serving in Secondary Schools:
 - (a) National Schools—4,807.
 - (b) National-type Schools (English)—11,528.
 - (c) and (d) does not arise as there are no assisted secondary schools in these media.

205. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran:

- (a) pada masa ini berapa ramai-kah guru² ugama yang sedang mengajar di-sekolah² menengah Kerajaan; dan
- (b) berapa orang-kah di-antara mereka yang mempunyai kelayakan yang perlu dengan menyatakan kelayakan mereka.

Tuan Mohd. Khir Johari:

- (a) Pada masa ini bilangan guru² ugama yang sedang mengajar di-Sekolah Menengah Kerajaan ada-lah berjumlah 565 orang.
- (b) Semua guru² ini mempunyai kelayakan yang di-perlukan ia-itu sekurang²-nya Tingkatan IV Sekolah Menengah Ugama.
- (a) The number of religious teachers to-date who are serving in Government Secondary Schools is 565.
- (b) All of them have the necessary qualifications, i.e., at least Form IV of Secondary Religious Schools.

206. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa Kementerian beliau menganggap guru² ugama Islam yang berkhidmat dengan Kementerian pada masa ini sa-bagai guru yang tidak berkelulusan penoh; jika benar, apa-kah usaha Kerajaan bagi mengatasi perkara ini.

Tuan Mohd. Khir Johari: Tidak benar.

No.

207. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran sejak Jabatan Penchegah Rasuah di-tubuhkan:

- (1) berapa ramai-kah guru² Kerajaan yang di-da'awa di-mahkamah kerana rasuah;
- (2) berapa ramai-kah yang di-hukum kerana kesalahan ini.

Tuan Mohd. Khir Johari:

- (i) 2 orang.
- (ii) sa-orang; manakala pembicharaan atas yang sa-orang lagi maseh belom selesai.
- (1) Two.
- (2) One. The other case is still pending.

208. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri

Pelajaran pada masa ini berapa bilangan guru² yang berijazah Universiti atau mempunyai Diploma Pendidekan yang mengajar di-sekolah² di-Negeri Perlis.

Tuan Mohd. Khir Johari: Bilangan guru² yang berijazah Universiti atau mempunyai Diploma Pendidekan yang mengajar di-sekolah² di-Perlis pada masa ini ia-lah seperti berikut:

- 8 ada ijazah Universiti.
- 3 siswazah Universiti India.
- 4 Sukarelawan² Pasokan Keamanan Amerika.
- 1 Sukarelawan V.S.O.

The present number of teachers possessing University degrees or diplomas in Education teaching in Schools in Perlis are as follows:

- 8 with University degrees.
- 3 are Indian Graduates.
- 4 are Peace Corps Volunteers.
- 1 is an V.S.O. Volunteer.

209. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran:

- (a) pada masa ini berapa ramai-kah guru² lelaki yang mengajar di-Sekolah Menengah (Perempuan) Zainab, Kota Bharu, Kelantan; dan
- (b) apa-kah sebab²-nya Kerajaan tidak dapat mengambil guru² perempuan bagi sekolah perempuan seperti itu.

Tuan Mohd. Khir Johari: Ada 5 orang guru lelaki di-Sekolah Menengah Zainab. Sa-lain daripada sa-orang Siswazah Kepujian dalam Pengajian Melayu, dan sa-orang lagi Siswazah yang di-ambil oleh Lembaga Sekolah sendiri, ketiga² yang lain itu ada-lah semua-nya Guru² Sains tulen dan Ilmu Hisab Tambahan. Tidak ada guru perempuan yang mempunyai cukup kelayakan untuk mengajar mata-pelajaran² ini di-tingkatan² tertinggi.

There are 5 male teachers in the Zainab Secondary School. Apart from one Hons. Graduate in Malay Studies, and one Graduate employed by the School Board, the other three are all

pure Science and Additional Mathematics Teachers. There is no female teacher available who is sufficiently qualified to handle these subjects at the higher forms.

210. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah Kerajaan akan mengambil guru² bangsa Russia untuk mengajar Bahasa Russia di-Malaysia; jika ya, bila.

Tuan Mohd. Khir Johari: Jika guru² bangsa Russia mempunyai kelayakan yang memuaskan kita, saya tidak nampak apa² sebab mengapa mereka tidak boleh di-timbangkan. Bila mereka akan di-ambil bekerja ada-lah bergantung kepada beberapa faktor, terutama-nya sama ada ada-kah permintaan yang cukup untuk mem-pelajari bahasa itu.

If Russian teachers have the required qualifications to our satisfaction, I do not see why they cannot be considered. Where they can be employed will depend on a number of factors, chief among which is whether there is adequate demand for the subject.

211. Dr Tan Chee Khoo asks the Minister of Education to state if he is aware that more than a hundred women teachers in Negri Sembilan have complained that their annual increments have been stopped, and if so, the reasons for such action.

Tuan Mohd. Khir Johari: The women teachers concerned married some years ago when they were still on probation. They did not inform Government of their marriages and as a result they were never called upon to retire and be re-employed after a day's break as required by General Orders. If they had been re-employed their incremental dates would have changed. Since these teachers have been wrongly allowed to retain their old incremental dates they have been overpaid salaries and allowances. They have not been called upon to refund the overpayment as the matter is under consideration. However their increments have been withheld to prevent the overpayment from increasing pending a decision on the matter.

212. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Education to state if he is aware of the call by the Kelantan Branch of the N.U.T. not to renew the services of expatriate contract officers in the teaching profession and that there are local graduate teachers available to replace the expatriate, and if so, what action his Ministry has taken on this matter.

Tuan Mohd. Khir Johari: The number of expatriate contract officers in the teaching service is very small. Only 5 such officers are at present employed in schools and training colleges in the country. The contracts of 3 of them had been renewed because of their specialised teaching experience and as they had served our needs well for a number of years. Due to the great shortage of graduate teachers the employment of these few teachers cannot be said to deprive local graduates of any opportunity for jobs as teachers. The services of these expatriate teachers will not be required as soon as there are enough local graduates to fill the posts.

213. Tuan C. V. Devan Nair asks the Minister of Education whether he is aware that the present system of not having mobile subject teachers, other than vernacular language teachers, in primary schools is creating educational defects, in the sense that these teachers do not have the opportunity to follow their pupils' progress after they are promoted from one standard to another, and what action he proposes to take to remedy the situation.

Tuan Mohd. Khir Johari: The point raised by the Honourable Member for Bungsar is a debatable one. There are advantages and disadvantages. As our primary teachers are given general purpose training, they are therefore able to handle any subject or class efficiently. The present system will allow each teacher to exert his influence and supervision which will definitely be most beneficial than allowing teachers to move from one class to another.

214. Tuan C. V. Devan Nair asks the Minister of Education whether he is

aware of the fact that many specialist teachers are not given the opportunity to teach the subjects in which they have specialised; if so, to state what steps he intends to take to correct this anomaly, in order to put a stop to the waste of specialist teacher manpower.

Tuan Mohd. Khir Johari: It is the practice of the Ministry of Education to send specialist teachers where their services are required, with the consent of the Chief Education Officers. Some specialist teachers may not have sufficient periods of their subjects to teach because there may not be sufficient upper secondary classes, or because they may not be able to teach too many periods of the same subject, e.g., English, National Language, Malay and yet be fair to himself and to the pupils.

Jabatan Pengajian Politik

215. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah Kerajaan berchadang hendak menubuhkan sa-buah Jabatan Pengajian Politik di-Universiti Malaya, Kuala Lumpur; jika ya, bila, dan jika tidak, mengapa.

Tuan Mohd. Khir Johari: Pada masa ini Kerajaan atau pun Universiti Malaya belum ada apa² rancangan untuk menubuhkan sa-buah Jabatan Pengajian Politik di-Universiti Malaya. Oleh kerana langkah² berjimati chermat, Universiti itu lebih mementingkan penyatuan kursus² yang ada dari meluaskan-nya.

Kerajaan telah pun bersetuju pada dasar-nya untuk menubuhkan sa-buah Universiti di-Pulau Pinang dan nam-pak-nya sebarang kursus baharu termasuk Pengajian Politik yang hendak di-mulakan di-Universiti Malaya hendak-lah di-sesuaikan dengan perancangan lengkap kursus² pengajian di-Universiti Pulau Pinang untuk mengelakkan dari ada-nya kursus² yang sama.

Neither the Government nor the University of Malaya has any immediate plans to establish a new Department of Political Studies in the University of Malaya. Owing to financial

stringency, the University is more concerned with consolidation of the existing courses in the campus rather than expansion.

Government has already agreed in principle to the setting up of a University in Penang and it appears that the introduction of new courses in the University of Malaya, including a new Department of Political Studies, must be geared to the detail planning of courses for the University in Penang to avoid unnecessary duplication of courses.

Penuntut² Universiti Malaya

216. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa-kah jumlah penuntut² yang berjaya memasuki Universiti Malaya pada tahun pelajaran 1968-1969; dan berapa ramai-kah di-antara mereka anak² Melayu.

Tuan Mohd. Khir Johari: Bilangan chalun² yang dapat memasuki kursus² di-Universiti ada-lah seperti berikut:

Fakulti	Jumlah
Pertanian	75
Sastera	884
Ekonomik dan Pentadbiran	416
Pelajaran	330
Kejuruteraan	101
Perubatan	126
Sains	409
	2,341

Dukachita bahawa bukan-lah menjadi dasar Kerajaan untuk memberi butir² berdasarkan perkauman.

Number of candidates who gained admission to undergraduate courses in the University are as follows:

Faculties	Total
Agriculture	75
Arts	884
Economic and Administration	416
Education	330
Engineering	101
Medicine	126
Science	409
	2,341

It is regretted that it is not the policy of the Government to give details on a racial basis.

217. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah Kementerian-nya bersedia menyatakan angka² mengenai jumlah anak² Melayu yang telah memasuki Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan jumlah yang telah lulus sejak Universiti itu di-tubuhkan; jika ya, bila; dan jika tidak, mengapa.

Tuan Mohd. Khir Johari: Dukachita saya mema'alomkan bahawa perangkaan penuntut² mengikut kaum yang ditawarkan masuk ka-Universiti Malaya semenjak ia-nya di-tubuhkan tidak-lah dapat di-beri.

It is regretted that statistics on the number of students who were offered admission since the establishment of the University cannot be given on a racial basis.

Guru² Sementara

218. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa ramai-kah guru² sementara maseh berkhidmat dengan Kementerian Pelajaran di-tiap² negeri di-Malaysia Barat dalam tahun 1968 ini.

Tuan Mohd. Khir Johari: Bilangan guru² sementara yang mengajar di-sekolah² di-Malaysia Barat dalam tahun 1968 ada-lah seperti berikut:

Selangor	731
Negri Sembilan	144
Melaka	48
Johor	685
Pahang	205
Trengganu	12
Kelantan	516
Perlis	55
Kedah	266
Penang	248
Perak	491
Jumlah	3,401

The number of temporary teachers employed in schools in West Malaysia in 1968 are as follows:

Selangor	...	...	731
Negri Sembilan	...	...	144
Malacca	...	...	48
Johore	...	...	685
Pahang	...	...	205
Trengganu	...	...	12
Kelantan	...	...	516
Perlis	...	...	55
Kedah	...	...	266
Penang	...	...	248
Perak	...	...	491
Total	...	...	3,401

219. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran sejak jawatan Guru Sementara di-adakan di-negeri ini, berapa ramai-kah guru² yang bekerja dengan Kerajaan Pusat; dan berapa ramai-kah pula yang berhenti atau di-berhentikan.

Tuan Mohd. Khir Johari: Guru² sementara ada-lah di-ambil oleh Lembaga² Sekolah apabila terdapat kekurangan guru² yang terlateh. Perkhidmatan mereka ada-lah di-berhentikan pada akhir tiap² tahun atau sa-baik sahaja guru² terlateh di-dapati. Bilangan guru² sementara sentiasa berubah dan, oleh yang demikian, angka² yang lengkap tidak-lah dapat di-beri.

Temporary teachers are employed by School Boards whenever there is an insufficient number of trained teachers. They have their services terminated at the end of every year or as soon as trained teachers are available. The number of temporary teachers keeps on changing and therefore no up-to-date figures are available.

Guru² Terlateh

220. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran dalam tahun 1967, berapa ramai-kah guru telah memasoki peperiksaan untuk menchapai taraf Guru² Terlateh dengan menyatakan jenis lathan yang mereka lulus.

Tuan Mohd. Khir Johari:

1967: Bilangan guru yang lulus—

(a) Menengah	...	1,841
(b) Rendah	...	2,079

1967: Number of teachers who passed—

(a) Secondary	...	1,841
(b) Primary	...	2,079

Kemerosotan Pelajar²

221. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa peratus kejayaan amat merosot di-kalangan pelajar² Sekolah Menengah Kebangsaan (Melayu) Dato' Sheikh Ahmad, Arau, Perlis dalam tahun 1967 dalam peperiksaan masuk ka-Tingkatan VI, Bahagian Arts; jika ya, apa-kah sebab² kemerosotan itu; dan apa-kah usaha Kerajaan bagi mengatasi kemerosotan itu.

Tuan Mohd. Khir Johari: 137 orang chalun² telah memasoki Peperiksaan masuk ka-Tingkatan VI pada tahun 1967 di-dalam aliran bahasa Melayu, dan 16 orang telah lulus. Ini merupakan 11.7 peratus. Keputusan ini sungguh pun tidak memuaskan tetapi bukan-lah berma'ana sekolah ini mendapat keputusan yang burok sekali. Sebagaimana juga dengan chalun² pengantar Melayu di-sekolah² lain, kelemahan yang besar sekali ia-lah di-dalam Ilmu Alam dan Sejarah. Saya berharap kelemahan ini dapat di-atasi apabila guru² siswazah yang berkelayakan dapat di-kiriskan ka-sekolah² menengah kebangsaan, seperti Sekolah Dato' Sheikh Ahmad Perlis ini.

Saya telah di-beritahu oleh Ketua Pegawai Pelajaran Perlis bahawa kelas² petang telah di-adakan untuk menampung murid² itu.

137 candidates sat for the 1967 Form VI Entrance Examination in Malay medium and 16 of them passed. This represents 11.7% passes. Although the performance was unsatisfactory it does not mean that this school has the poorest result. Like other candidates of the Malay medium schools, their weakest subjects were Geography and History. I hope the

weakness can be overcome when qualified graduate teachers are posted to national secondary schools, like Sekolah Dato' Sheikh Ahmad, Perlis.

I was advised by the Chief Education Officer, Perlis that evening classes are being conducted for the students.

Peranan Chergas Dalam Politik

222. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa dalam kenyataan-nya seperti yang tersiar dalam akhbar *Straits Times*, keluaran 8hb Julai, 1967, ia-itu guru² yang mendapat izin berpolitik dengan chergas tidak boleh menegor Kerajaan; jika ya, bagaimana-kah hal-nya jika guru² yang berkenaan ada-lah dari partai² pembangkang yang sa-memang-nya tidak berpuas hati dengan dasar Kerajaan Perikatan yang berkuasa sekarang.

Tuan Mohd. Khir Johari: Memang benar bahawa semua guru² yang telah di-beri kelulusan untuk mengambil bahagian chergas di-dalam politik, tidak di-benarkan mengkeritik Kerajaan, tidak kira apa parti² politik mereka.

It is true that all teachers, who have been given approval to take active part in politics, are not allowed to criticise the Government, irrespective of the political parties to which they belong.

223. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran mengapa-kah Kementerian tidak bertindak ka-atas beberapa orang guru di-Bachok, Kelantan, yang mengambil bahagian chergas dalam politik Parti UMNO; dan ada-kah Kerajaan akan bertindak jika ada pehak yang dapat menjunjukkan bakti dalam hal ini.

Tuan Mohd. Khir Johari: Beberapa orang guru telah mengambil bahagian chergas dalam kegiatan² politik tanpa kebenaran bukan sahaja dalam parti UMNO bahkan juga dalam parti PAS dan lain² parti politik. Tindakan disiplin telah di-ambil terhadap beberapa orang daripada guru² ini sa-lepas di-terima pengaduan. Tindakan belum di-ambil terhadap yang lain² itu oleh kerana Kementerian saya tidak menye-

dari akan kegiatan² politik mereka sebab tiada di-terima apa² pengaduan terhadap mereka.

Kementerian saya sekarang telah mengeluarkan satu Pekeliling berkenaan kegiatan² politik guru dengan maksud untuk menegatkan kawalan terhadap mereka dalam perkara ini. Mulai dari sekarang jika di-dapati bukti yang sa-saorang guru itu telah mengambil bahagian chergas dalam kegiatan politik tanpa kebenaran maka tindakan disiplin akan di-ambil terhadap-nya tidak kira apa parti politik yang di-sokong-nya.

A number of teachers have been taking active part in politics without approval not only in UMNO but also in the P.M.I.P. and other political parties. Disciplinary action has been taken against some of these teachers following complaints. Action has not been taken against the others as my Ministry was not aware of their political activities since no complaints have been received on them.

My Ministry has now issued a Circular on political activities of teachers with the intention of tightening the control of teachers in such matter. From now on if any teacher is proved to have taken active part in politics without approval disciplinary action will be taken against him no matter to what political party he belongs.

224. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran hingga sekarang (1968) berapa bilangan guru² dan lain² pegawai Kerajaan di-Bachok yang telah di-izinkan mengambil bahagian chergas dalam politik menjadi ahli² parti UMNO di-Bachok, Kelantan.

Tuan Mohd. Khir Johari: Beberapa permohonan telah di-terima dari guru² di-Kelantan bagi mendapatkan kebenaran mengambil bahagian chergas dalam politik dan permohonan mereka itu sedang di-uruskan. Hingga sekarang belum ada kebenaran yang di-berikan kepada sa-barang permohonan dari Bachok. Saya tidak dapat memberikan sa-barang ma'lumat berkenaan Pegawai² Kerajaan yang bukan guru dari Bachok.

A number of applications have been received from teachers in Kelantan who seek approval to take active part in politics and are being processed. So far no approval has been given to any application from Bachok. I am unable to supply any information on other Government Officers from Bachok who are not teachers.

225. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran:

- (a) hingga akhir bulan Julai, 1968, berapa ramai-kah guru² yang diberi izin mengambil bahagian chergas dalam politik; dan
- (b) apa-kah kedudukan tentang 108 orang guru yang masih ditimbangkan permohonan mereka seperti yang dinyatakan oleh Kerajaan dalam sidang Dewan Ra'ayat pada bulan Jun, 1968.

Tuan Mohd. Khir Johari:

- (a) 193.
- (b) Di-antara 108 guru² itu, beberapa orang dari mereka telah di-luluskan dan ada-lah termasuk di-dalam 193 yang tersebut di-(a). Yang lain² lagi itu ada-lah masih dalam timbangan.
- (a) 193.
- (b) Of the 108, some had been approved and are included in the 193 mentioned in (a). The remainder is still being considered.

226. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran:

- (a) siapa-kah nama sa-orang guru yang telah di-tolak permohonan-nya untuk mengambil bahagian chergas dalam politik seperti yang dinyatakan oleh Kerajaan dalam sidang Parlimen pada bulan Jun, 1968; dan
- (b) apa-kah sebab² penolakan itu.

Tuan Mohd. Khir Johari: Dukachita saya tidak dapat menyatakan nama guru yang telah di-tolak permohonan-nya untuk mengambil bahagian chergas

dalam politik atau sebab² permohonan-nya di-tolak oleh kerana perkara² seperti itu ada-lah sulit.

It is regretted that I cannot disclose the name of the teacher whose application to take an active part in politics has been rejected or the reasons for the rejection as such matters are confidential.

227. Tuan C. V. Devan Nair asks the Minister of Education to state how he proposes to reconcile the contradictions between his claim that teachers are given permission to take part in politics so that they could contribute to the democratic political development of the country with his warning to such teachers that disciplinary action would be instituted against them for criticising the Government.

Tuan Mohd. Khir Johari: The fact that a teacher is given approval to hold office in a political party does not necessarily mean that he is allowed to speak in public or to issue statements on matters of political controversy.

A teacher's salary is paid by Government and therefore the Government expects the teacher to be loyal to the Government and its policies. In the Public Officers (Conduct and Discipline) Regulations, 1968, it is laid down that:

"The first duty of an officer is to give his undivided loyalty and devotion to Government at all times and on all occasions when the Government has a claim on his services".

Teachers who cannot agree with Government's policies and wish to make public their views are free to resign.

Yuran

228. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran sejak yuran di-naikkan di-sekolah² menengah sudah berapa banyak-kah bayaran itu di-pungut di-tiap² negeri di-Malaysia Barat hingga sekarang ini.

Tuan Mohd. Khir Johari: Jumlah yuran sekolah yang telah di-kutip di-tiap² negeri di-Malaysia Barat pada

tahun ini sa-hingga 30hb April, ada-lah saperti berikut:

Kelantan	\$ 182,587.50
Perlis	68,480.50
Johor	1,123,945.86
Pahang	360,992.00
Melaka	462,594.50
Pulau Pinang	1,136,045.00
Perak	1,895,761.50
Negeri Sembilan	548,850.00
Kedah	564,585.00
Selangor	2,007,279.50
Trengganu	159,465.00
Jumlah	\$8,510,586.36

Penyata kutipan² bagi bulan² Mei, Jun dan Julai sedang di-sediakan.

The total amount of school fees collected in each State in West Malaysia this year as at 30th April, is as follows:

Kelantan	\$ 182,587.50
Perlis	68,480.50
Johore	1,123,945.86
Pahang	360,992.00
Malacca	462,594.50
Penang	1,136,045.00
Perak	1,895,761.50
Negeri Sembilan	548,850.00
Kedah	564,585.00
Selangor	2,007,279.50
Trengganu	159,465.00
Total	\$8,510,586.36

Statements of collections for the months of May, June and July, are being processed.

229. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Education to give the amount of school fees collected for May and June of 1968 giving the figures separately for each month and the figures for the corresponding months of 1967.

Tuan Mohd. Khir Johari: The information sought by the Hon'ble Member is now being processed and will be available shortly.

Pertanyaan Khas

230. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kapada Menteri Pelajaran:

- (a) apa-kah tajok² bagi 83 pertanyaan khas yang telah di-kemukakan oleh Juru Odit Negara dalam Penyata-nya bagi tahun 1964 kapada Kementerian Pelajaran; dan
- (b) ada-kah pertanyaan² itu sudah berjawab.

Tuan Mohd. Khir Johari:

- (a) Tajok² bagi 83 pertanyaan khas yang telah di-kemukakan oleh Juru Odit Negara di-dalam Penyata-nya bagi tahun 1964 ada-lah pada umum-nya ter-gulung saperti berikut—
 - (i) Bayaran yang di-kenakan kapada peruntukan yang tidak betul.
 - (ii) Surat² keterangan yang tidak chukup.
 - (iii) Pembayaran balek Pen-dahuluhan, pembayaran le-beh, dan lain².
 - (iv) Tuntutan bagi Pengang-kutan dan Perjalanan, tambang barang² elaun dan lain².
 - (v) Pembelian—senarai harga, rekod barang² tender dan kebenaran.
 - (vi) Bayaran yuran, biasiswa, gaji dan lain² ka-Sekolah² dan yayasan² pelajaran yang lain.
 - (vii) Pembetulan Kira².
- (b) Kebanyakan pertanyaan² itu telah selesai di-jawab dan Juru Odit Negara memang menge-tahui tentang perkara ini.
- (a) The headings under which the 83 specific queries raised by the Auditor-General in his Report for the year 1964 are broadly classified as follows:
 - (i) Amounts charged to in-correct votes.
 - (ii) Incompleteness of support-ing documents.
 - (iii) Recovery of Advances, over-payment, etc.

- (iv) Claims for Transport and Travelling, freight charges, allowances etc.
 - (v) Purchases—quotations, tenders stock records and approval.
 - (vi) Payment of fees, scholarships, salaries etc. to schools and other educational institutions.
 - (vii) Adjustments in accounts.
- (b) Most of the queries have been settled and Juru Odit Negara is fully aware of this.

Penyata² Kira²

231. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah kira² kewangan 1,400 sekolah rendah untuk tahun 1962 telah di-kemukakan kepada Ketua² Pegawai Pelajaran di-negeri² di-Malaysia Barat; jika sudah, bila, dan jika belum, bila-kah penyata² kira² itu akan di-kemukakan.

Tuan Mohd. Khir Johari: Kechuali 217 buah sekolah yang kira²-nya bagi tahun 1962 belum di-odit lagi, penyata kira² bagi semua sekolah rendah di-Negeri² Malaysia Barat telah di-kemukakan untuk odit di-antara tarikh 31hb Mach, 1963, dan 30hb Jun, 1968.

Except for 217 schools whose accounts for the year 1962 have not yet been audited, the statements of accounts of all primary schools in the States of West Malaysia have been submitted for audit on various dates between 31st March, 1963 and 30th June, 1968.

232. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran sudah-kah sekolah² rendah sa-banyak 3,809 buah yang belum mengemukakan kira² kewangan-nya kepada Ketua Pegawai Pelajaran di-negeri masing² seperti yang di-bangkitkan oleh Juru Odit Negara dalam Penyata-nya bagi tahun 1964.

Tuan Mohd. Khir Johari: Kechuali 506 buah sekolah, semua sekolah yang lain itu telah mengemukakan kira² mereka bagi tahun 1964 untuk di-odit.

Except for 506 schools, all the others have had their accounts for 1964 submitted and audited.

233. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran hingga akhir tahun 1967, berapa banyak-kah sekolah² yang belum mengemukakan kira² kewangan-nya kepada pihak yang bertanggung-jawab dengan menyatakan jumlah sekolah² itu bagi tiap² negeri di-Malaysia Barat.

Tuan Mohd. Khir Johari: Pada 31hb Disember, 1967, bilangan sekolah² di-Negeri² Malaysia Barat yang belum mengemukakan kira² untuk di-odit bagi tahun 1962 hingga 1964 ia-lah seperti berikut:

	1962	1963	1964	Jumlah
Selangor ...	38	63	68	169
N. Sembilan...	46	61	117	224
Melaka ...	15	22	106	143
Perak ...	—	56	82	138
Pahang ...	99	101	106	306
Kelantan ...	27	28	26	81
Trengganu ...	91	98	116	305
Kedah ...	—	38	64	102
Perlis ...	—	—	2	2
Penang ...	—	41	93	134
Johore ...	—	84	124	208
	316	592	904	1,812

As at 31st December, 1967, the number of schools whose accounts have not been submitted for audit in the States of West Malaysia in respect of years 1962 to 1964 is as follows:

	1962	1963	1964	Total
Selangor ...	38	63	68	169
N. Sembilan...	46	61	117	224
Melaka ...	15	22	106	143
Perak ...	—	56	82	138
Pahang ...	99	101	106	306
Kelantan ...	27	28	26	81
Trengganu ...	91	98	116	305
Kedah ...	—	38	64	102
Perlis ...	—	—	2	2
Penang ...	—	41	93	134
Johore ...	—	—	124	208
	316	592	904	1,812

234. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa beberapa buah sekolah di-Negri Sembilan telah tidak mengemukakan penyata kewangan-nya bagi tahun sa-belum 1962, jika ya, apa-kah tindakan Kerajaan terhadap pihak² yang chuai itu.

Tuan Mohd. Khir Johari: Tidak. No.

235. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa Kolej Islam Malaya tidak pernah mengemukakan penyata kewangan-nya tiap² tahun kepada Kerajaan sejak Kolej itu di-letak di-bawah Kementerian Pelajaran; jika ya, ada-kah Kerajaan akan memerintahkan kolej itu supaya mengemukakan penyata kewangan-nya seperti yang di-buat oleh badan² berkanun yang lain.

Tuan Mohd. Khir Johari: Tidak benar. Kolej Islam ada-lah di-kehendaki mengemukakan penyata kewangan-nya tiap² tahun kepada Jawatan-kuasa Kewangan Kolej dan sa-terusnya penyata itu di-bentangkan dalam Majlis Kolej untuk pengesahan. Ahli² Jawatan-kuasa Kewangan dan Majlis Kolej ada-lah termasuk juga wakil² Kerajaan. Sa-lepas mendapat pengesahan Majlis yang tersebut, penyata itu di-edarkan pula kepada Kementerian Pelajaran, Juru Odit Negara dan Kerajaan² Negeri yang ada memberi sumbangan kewangan kepada Kolej Islam. Oleh itu ada-lah tidak benar sama sekali sangkaan yang menyatakan Kolej Islam tidak pernah mengemukakan penyata kewangan-nya kepada Kerajaan semenjak ia-nya di-letak di-bawah Kementerian Pelajaran.

Bahagian kedua soalan itu tidak berbangkit.

No. The Muslim College is required to submit its annual statements of accounts to the College Finance Committee and will thereafter be tabled at the College Council for confirmation. Membership of the Finance Committee and College Council also includes Government representatives. After obtaining the confirmation of the

Council, the statements are circulated to the Ministry of Education, the Auditor-General and the State Governments that have made financial contributions to the Muslim College. The assumption that Muslim College has never submitted its annual statements of accounts to the Government ever since it was placed under the Ministry of Education, is not at all true.

The second part of the question does not arise.

236. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa Universiti Malaya juga tidak mengemukakan penyata kewangan-nya kepada Kerajaan; jika ya, ada-kah Kerajaan berchadang hendak memerintahkan universiti itu mengemukakan penyata kewangan-nya kepada Kerajaan seperti yang di-buat oleh badan² berkanun yang lain.

Tuan Mohd. Khir Johari: Juga tidak benar, Pihak Universiti Malaya ada-lah di-kehendaki dan ada menghantar penyata² kewangan-nya kepada Kementerian Pelajaran.

This is also not true. The University of Malaya is required to submit and has been submitting its statements of accounts to the Ministry of Education.

237. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa Maktab Pertanian Serdang tidak pernah mengangkat kira² kewangan-nya tiap² tahun kepada Kerajaan seperti yang di-buat oleh badan² berkanun yang lain, jika ya, ada-kah Kerajaan berpuas hati dengan keadaan yang seperti itu.

Tuan Mohd. Khir Johari: Jawapan kepada soalan ini ada-lah sama seperti kepada soalan² 57 dan 58. Maktab Pertanian Serdang ada menghantar kira² kewangan-nya kepada Kementerian Pelajaran tiap² tahun.

The answer to this question is similar to that given to Question No. 57 and 58. The College of Agriculture, Serdang has been submitting its statements of accounts to the Ministry of Education every year.

Biasiswa

238. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa Kerajaan telah memberhentikan pemberian biasiswa untuk pengajian tinggi ugama di-luar negeri sejak tahun 1966 lagi, jika ya, ada-kah Kerajaan akan menim-bang sa-mula pembekuan itu.

Tuan Mohd. Khir Johari: Tidak benar. Pada tahun 1966 lima orang penuntut² telah berjaya mendapat biasiswa ini. Biasiswa² itu tiada di-keluar-kan pada tahun 1967 dan 1968 kerana mengikuti dasar menjimatkan perbe-lanjaan pelajaran. Dalam perkara ini bukan sahaja biasiswa pengajian tinggi ugama yang terlibat tetapi juga biasiswa² lain. Walau bagaimana pun, dalam Anggaran tahun 1969 Kement-erian ini telah membuat permohonan bagi empat hadiah biasiswa² itu.

No. In 1966 five students were successful in getting the scholarships. The scholarships were not awarded in 1967 and 1968 due to the economy drive on the Ministry's Expenditure. In this respect, the drive affected other scholarships too. Nevertheless, the Ministry has made bids for four such scholarships in the 1969 Estimates.

239. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran:

- (a) ada-kah Kerajaan berusaha mendapatkan bantuan daripada per-usahaan suwa (private industries) dalam bentuk hadiah pelajaran; dan
- (b) pada masa ini berapa ramai-kah pelajar² yang mendapat biasiswa dari perusahaan² atau sharikat² persendirian di-negeri ini.

Tuan Mohd. Khir Johari: Per-usahaan atau pun sharikat² persendirian di-negeri ini ada menawarkan beberapa biasiswa² atau hadiah² pelajaran kepada penuntut² bagi melanjutkan pelajaran di-maktab²/universiti² di-dalam negeri dan di-luar negeri sechara bersendirian dan tidak melalui Kementerian ini. Tetapi ada juga beberapa buah sharikat² saperti Sharikat Penerbangan Malaysia/Singapura yang

menawarkan hadiah² pelajaran kepada penuntut² di-Tingkatan Enam melalui Kementerian ini mulai daripada tahun 1965. Jumlah penuntut² yang telah mendapat hadiah pelajaran tersebut ia-lah 5 orang. Sharikat Malay States Shipping Co. Ltd telah juga memberi 2 biasiswa pada tahun 1967 kepada penuntut² bagi mengikuti kursus "Nautical Cadet" di-Polytechnic Singapura. Pemilehan chalun² bagi biasiswa yang tersebut di-selenggarakan oleh Kement-erian ini.

There are industries and firms in the private sector which offer scholarships and study awards on their own (and not through the Ministry) to students to pursue their studies in colleges/univer-sities at home or abroad. But there are also a few such as the Malaysia/Singapore Airlines which offer study awards to Form VI students through the Ministry as from 1965. The number of students who have received this award was 5. The Malay States Shipping Co., Ltd has also awarded 2 scholarships in 1967 to students for Nautical Cadet Course in the Singapore Polytechnic. The selection of candidates for this scholarship was done by the Ministry.

240. Dr Tan Chee Khoo asks the Minister of Education if he will institute Yang di-Pertuan Agong Scholarships to be known as Agong Scholarships for studying in the University of Malaya and elsewhere, based solely on academic merit and whether he is aware that such an award will be highly prized by students.

Tuan Mohd. Khir Johari: It is not necessary for the time being to create Yang di-Pertuan Agong Scholarships as we already have the Biasiswa Putra Yayasan Tunku Abdul Rahman which is considered to be equivalent to the former Queen's Scholarships which were offered before Merdeka.

241. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran:

- (a) pada masa ini berapa ramai-kah anak² Malaysia sedang belajar di-luar dan di-dalam negeri dengan bantuan dari negeri² asing; dan

(b) nyatakan di-negeri² mana-kah mereka sekarang sedang belajar.

Tuan Mohd. Khir Johari: Jumlah penuntut²/pegawai² dari Malaysia yang sedang belajar di-luar negeri dengan bantuan dari negeri asing ia-lah kira² 859 orang. Nama² negeri asing itu ia-lah Australia, New Zealand, Kanada, United Kingdom, India, Jepun, Pakistan, Belanda, Amerika Sharikat, Peranchis, Negeri Jerman, Belgium dan lain².

Tidak ada penuntut² yang sedang belajar di-dalam negeri ini dengan bantuan dari negeri² asing.

The number of Malaysian students/officers who are pursuing their studies with foreign assistance is approximately 859. The countries concerned are Australia, New Zealand, Canada, United Kingdom, India, Japan, Pakistan, Holland, U.S.A., France, Germany, Belgium and others.

There are no students pursuing their studies in this country with foreign assistance.

Chukai Pelajaran

242. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa Chukai Pelajaran (Education Rates) telah di-pungut dalam tahun 1964 tanpa perishtiwaran oleh Yang di-Pertuan Agong sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh Perlembagaan; jika ya, bilakah perishtiwaran itu di-buat kemudian-nya.

Tuan Mohd. Khir Johari: Bagi tahun 1964, Kerajaan telah membuat keputusan tidak akan mengenakan chukai pelajaran. Oleh yang demikian, maka soal perishtiwaran oleh Yang di-Pertuan Agong sa-bagaimana yang di-kehendakki oleh Act Pelajaran, 1961 itu tidak-lah timbul. Keputusan ini telah di-sampaikan kepada semua Kerajaan² Negeri pada 9hb Disember, 1963.

The Government decided not to impose education rate in 1964. The question of declaration by His Majesty Yang di-Pertuan Agong as required by the Education Act, 1961, therefore, does not arise. This decision was conveyed

to all State Governments on 9th December, 1963.

243. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran apa-kah sudah berlaku kepada wang sa-jumlah \$15,822.38 yang di-pungut sa-bagai Chukai Pelajaran pada tahun 1964 tanpa perishtiwaran oleh Yang di-Pertuan Agong ia-itu wang yang terpungut hendak-lah di-bayar balek kepada pembayar² di-Kedah.

Tuan Mohd. Khir Johari: Oleh kerana Kerajaan tidak mengenakan kutipan chukai pelajaran bagi tahun 1964, wang yang telah di-kutip oleh Kerajaan Kedah sa-banyak \$15,822.38 itu telah di-pulangkan kepada Kerajaan Negeri untuk di-serahkan balek kepada pembayar²-nya. Satu chek yang berharga \$15,822.38 telah di-hantar kepada Kerajaan Negeri pada 5hb Mach, 1965.

As the Government did not impose education rate in 1964, the sum of \$15,822.38 which was collected has been returned to the State Government to be refunded to the payers. A cheque for \$15,822.38 has been sent to the State Government on 5th March, 1965.

244. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran:

- (a) berapa banyak-kah wang Chukai Pelajaran telah di-pungut di-negeri² di-Malaysia Barat pada tahun 1964; dan
- (b) apa-kah kedudukan perkara ini sekarang.

Tuan Mohd. Khir Johari:

- (a) Sa-bagaimana jawapan saya pada soalan No. 44, pada tahun 1964 Kerajaan tidak mengenakan chukai pelajaran. Oleh itu soal jumlah wang chukai pelajaran yang telah di-pungut bagi tahun itu tidak-lah berbangkit.
- (b) Kutipan² telah di-buat hanya pada tahun² 1966, 1967 dan 1968.
- (a) As stated in my answer to question No. 44, the Government did not impose education rate in 1964. As such, the question

of the total amount of education rate collected for that year does not arise.

- (b) Collections have been made only in 1966, 1967 and 1968.

245. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran :

- (a) sejak chukai pelajaran di-pungut di-negeri² Malaysia Barat, berapa-kah banyak pungutan pada tiap² tahun; dan
- (b) ada-kah benar bahawa Kerajaan akan menaikkan lagi chukai pelajaran berikutan dengan pelaksanaan shor² Penyata Suffian yang memberi tambahan gaji kepada kakitangan Kerajaan.

Tuan Mohd. Khir Johari:

- (a) Sejak chukai pelajaran di-pungut di-negeri² Malaysia Barat di-bawah Act Pelajaran, 1961, pungutan² yang telah di-perolehi tiap² tahun ada-lah saperti berikut :

1966	...	\$6,158,830.28
1967	...	7,216,237.78
1968	...	2,593,555.70

- (b) Perkara ini belum lagi di-timbangkan oleh Kerajaan.

- (a) The total collection of education rate annually since its imposition in West Malaysia under the Education Act, 1961, is as follows:

1966	...	\$6,158,830.28
1967	...	7,216,237.78
1968	...	2,593,555.70

- (b) This matter has not yet been considered by the Government.

Elaun Rumah

246. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran :

- (a) berapa banyak-kah wang elaun rumah yang di-bayar kepada guru² bukan Kerajaan di-tiap² negeri pada tahun 1964; dan
- (b) ada-kah wang itu di-pungut balek kerana guru² tersebut tidak berhak mendapat elaun itu.

Tuan Mohd. Khir Johari:

- (a) Elaun rumah ada-lah di-bayar kepada guru² bukan-Kerajaan yang telah di-ambil bekerja sebelum 1957 dan yang layak mendapat elaun itu. Oleh kerana elaun rumah bagi guru² bukan-Kerajaan tidak di-bayar dari peruntukan yang berlainan daripada peruntukan bagi guru² Kerajaan maka angka² elaun rumah yang telah di-bayar kepada guru² bukan-Kerajaan tidak-lah dapat di-beri.

- (b) Sangkaan Ahli Yang Berhormat itu bahawa guru² bukan-Kerajaan tidak layak mendapat elaun rumah tidak-lah betul. Elaun rumah yang telah di-bayar kepada sa-bilangan kecil guru² bukan-Kerajaan yang tidak memenohi dengan sa-chukop-nya kehendak² bagi pembayaran elaun itu belum di-dapati balek oleh kerana perkara itu maseh di-rundingkan di-dalam Majlis Bersama Kebangsaan bagi Guru².

- (a) Housing allowance is paid to non-Government teachers who were employed before 1957 and who are eligible for such allowance. As housing allowance for non-Government teachers is not paid from a separate provision from that of Government teachers no figures are available for housing allowance paid to non-Government teachers.

- (b) The Honourable Member's assumption that non-Government teachers are not eligible for housing allowance is incorrect. Housing allowance paid to a few non-Government teachers who did not conform fully with the requirements for the payment of the allowance has not yet been recovered as the matter is still the subject of negotiation in the National Joint Council of Teachers.

Lepasan Kolej Islam

247. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri

Pelajaran apa-kah tangga gaji yang di-beri kepada lepasan² Kolej Islam Malaya pada masa ini; dan ada-kah Kerajaan berchadang hendak memper-baiki tangga gaji itu.

Tuan Mohd. Khir Johari: Tangga gaji yang di-beri kepada guru² lepasan Kolej Islam Malaya ia-lah :

- (i) Guru² yang mempunyai Sijil Ter-tinggi dan Sijil Latehan Per-guruan.

- (a) Tanpa Sijil Rendah Pela-jaran atau Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Persekolahan.

Laki²: \$265 × 15-505.

Perempuan: \$245 × 10-285 × 12.50-435, \$450.

- (b) Guru² yang mempunyai Sijil Rendah Pelajaran.

Laki²: \$280 × 15-505.

Perempuan: \$255 × 10-285 × 12.50-435, \$450.

- (c) Guru² yang mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Per-sekolahan.

Laki²: \$310 × 15-520 × 20-\$560.

Perempuan: \$275, \$285 × 12.50-435, \$450 × 12.50-\$487.50.

- (ii) Guru² yang mempunyai Sijil Ter-tinggi Kolej Islam Malaya tetapi tidak mempunyai Sijil Latehan Perguruan Kolej Islam :

- (a) Sijil Tertinggi, Kolej Islam Malaya—

Laki²: \$210, 220 × 15-\$415.

Perempuan: \$195 × 7.50-225 × 10-285 × 12.50-\$335.

- (b) Guru² yang mempunyai Sijil Tertinggi Kolej Islam Malaya dan Sijil Rendah Pelajaran.

Laki²: \$220 × 15-415.

Perempuan: \$202.50 × 7.50-225 × 10-285 × 12.50-\$335.

- (c) Guru² yang mempunyai Sijil Tertinggi Kolej Islam dan

Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Persekolahan—

Laki²: \$310 tetap.

Perempuan: \$275 tetap.

Kerajaan sedang menunggu laporan Surohanjaya Gaji Guru² dan tangga gaji yang di-beri kepada guru² lepasan Kolej Islam Malaya ada-lah termasuk di-dalam bidang kajian Surohanjaya tersebut.

The salary scale accorded to teachers who graduated from the Muslim College, Malaya is as follows :

- (i) Teachers with the Higher Certi-ficate and Teacher Training Certificate.

- (a) Without L.C.E. or M.C.E./S.C.

Men: \$265 × 15-505.

Women: \$245 × 10-285 × 12.50-435, \$450.

- (b) Teachers with the Lower Certificate of Education.

Men: \$280 × 15-505.

Women: \$255 × 10-285 × 12.50-435, \$450.

- (c) Teachers with the M.C.E./S.C.

Men: \$310 × 15-520 × 20-\$560.

Women: \$275, \$285 × 12.50-435, \$450 × 12.50-\$487.50.

- (ii) Teachers with the Muslim College Higher Certificate but without the Muslim College Teacher Training Certificate.

- (a) Higher Certificate, Muslim College :

Men: \$210, 220 × 15-\$415.

Women: \$195 × 7.50-225 × 10-\$285 × 12.50-\$335.

- (b) Teachers with the Muslim College Higher Certificate and Lower Certificate of Education.

Men: \$220 × 15-415.

Women: \$202.50 × 7.50-225 × 10-285 × 12.50-\$335.

- (c) Teachers with the Muslim College Higher Certificate and M.C.E./S.C.

Men: \$310 fixed.

Women: \$275 fixed.

The Government is waiting for the report by the Teachers' Salaries Commission and the salary scale for teachers passing out from the Muslim College is also included in the Commission's purview.

248. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran:

- (a) berapa jumlah lepasan Kolej Islam Malaya pada tahun 1966;
- (b) sudah-kah Kerajaan mengambil mereka berkhidmat; dan
- (c) apa-kah jawatan mereka itu.

Tuan Mohd. Khir Johari: Mengikut butir² yang di-beri oleh pentadbiran Kolej Islam Malaya, Petaling Jaya seramai 28 penuntut² telah lulus Sijil Tertinggi Kolej Islam dan daripada jumlah ini 4 orang telah pergi ka-Universiti Al-Azhar untuk melanjutkan pelajaran. Yang baki-nya seramai 24 penuntut² telah melanjutkan pelajaran di-Kolej Islam untuk Sijil Pendidekan dalam tahun 1967.

Di-samping itu 16 penuntut telah juga lulus Sijil Pendidekan Kolej Islam dan 3 di-antara mereka telah juga pergi ka-Universiti Al-Azhar.

Mengikut dasar Kementerian saya hanya penuntut² yang berkelulusan Sijil Tertinggi dan Sijil Pendidekan sahaja yang di-terima untuk berkhidmat sebagai Guru² Ugama di-Sekolah² Mene-ngha bantuan Kerajaan. Pada tahun 1967 seramai 17 yang mempunyai ke-lulusan yang di-tetapkan itu telah di-temuduga untuk jawatan Guru² Ugama itu dan seramai 16 telah berjaya. Harus penuntut² lain telah memohon jawatan² di-bawah Kerajaan Negeri atau Sekolah² Ugama bersendirian.

According to the particulars given by the Muslim College administration, a total of 28 students have passed the Muslim College Higher Certificate and out of this 4 students have gone to the

Al-Azhar University, for further studies. The remaining 24 proceeded for further studies at the Muslim College for the Certificate of Education in 1967.

In addition, 16 students have also passed the Muslim College Certificate of Education and 3 of them have gone to the Al-Azhar University.

According to the policy of my Ministry only students with the Higher Certificate and Certificate of Education are accepted as Religious Teachers in Government assisted Secondary Schools. In 1967 a total of 17 candidates with the required qualifications were interviewed for the post of Religious Teachers and 16 were successful. Other students might have applied for appointments under the State Governments or private Religious Schools.

249. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa Kerajaan maseh tidak berbuat apa² untuk 32 orang lepasan Kolej Islam Malaya pada tahun 1967, jika ya, mengapa.

Tuan Mohd. Khir Johari: Kementerian Pelajaran akan melantek 32 orang lepasan Kolej Islam Malaya tahun 1967 sa-bagai Guru² Ugama di-sekolah² menengah pada penggal tiga perse-kolahan tahun 1968 ini.

The Ministry of Education will appoint the 32 graduates of the Muslim College, Malaya who passed out in 1967 as Religious Teachers in secondary schools in the 3rd term of 1968.

250. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran apa-kah tindakan Kementerian beliau mengenai satu memoran-dum yang di-sampaikan oleh lepasan Kolej Islam, Malaya, mengenai per-bezaan tangga-gaji di-antara mereka yang mempunyai Diploma Pendidekan dengan yang tidak mempunyai-nya pada hal perbezaan itu bukan-lah asasi.

Tuan Mohd. Khir Johari: Perkara ini maseh ada dalam kajian dan per-timbangan Kementerian Pelajaran.

This is still under consideration by the Ministry of Education.

251. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa empat orang guru ugama lepasan Kolej Islam, Malaya, telah di-perintah membayar balek gaji yang terlebih di-bayar kepada mereka; jika benar, nyatakan:

- (i) nama guru² itu;
- (ii) tempat mereka mengajar;
- (iii) jumlah wang yang mesti di-bayar balek.

Tuan Mohd. Khir Johari:

- (i) Chuma 3 orang Guru Ugama lepasan Kolej Islam Malaya telah di-perentahkan membayar balek gaji yang terlebih di-bayar kepada mereka. Ini ada-lah kerana mereka telah di-bayar gaji yang lebeh tinggi daripada kelulusan mereka ia-itu tangga gaji bagi guru² ugama kelulusan Sijil Tertinggi Kolej Islam dengan Sijil Latehan Perguruan. Tetapi ketiga² orang guru ini tidak mempunyai Sijil Latehan Perguruan, oleh itu mereka ada-lah berkelayakan untuk mendapat tangga gaji yang lebeh rendah; sebab itu-lah mereka telah di-perentahkan membayar balek gaji yang telah terlebih di-bayar kepada mereka. Nama guru² itu ia-lah:

- (a) Enche' Ishak bin Abas.
- (b) Enche' Mohd. Daud bin Awang.
- (c) Enche' Mohd. Yusof bin Muda.

- (ii) Mereka mengajar di-Negeri Kelantan.

- (iii) Jumlah wang yang mesti di-bayar balek ia-lah:

- (a) Enche' Ishak bin Abas—\$1,789.77
- (b) Enche' Mohd. Daud bin Awang—\$1,518.27
- (c) Enche' Mohd. Yusof bin Muda—\$1,284.27

Chara membayar balek ia-lah dengan di-potong \$50 dari tiap² sa-orang daripada gaji bulanan mereka.

- (i) Only 3 religious teachers, who are graduates of the Muslim

College, Malaya have been asked to refund the sum of money in excess of their salary. This is due to the fact that they were paid the salary for religious teachers who possess the Muslim College Higher Certificate with Teacher Training Certificate, whereas all three of them did not possess the Teacher Training Certificate and they were, therefore, eligible for a lower salary. That was the reason why they have been instructed to refund the excess payment made to them. Their names are:

- (a) Enche' Ishak bin Abas.
- (b) Enche' Mohd. Daud bin Awang.
- (c) Enche' Mohd. Yusof bin Muda.

- (ii) They are teaching in Kelantan.

- (iii) The total sum to be refunded is:

- (a) Enche' Ishak bin Abas—\$1,789.77
- (b) Enche' Mohd. Daud bin Awang—\$1,518.27
- (c) Enche' Mohd. Yusof bin Muda—\$1,284.27

The method of payment is by a monthly deduction of \$50 from their salaries.

Tuan Haji Hamdan Tahir

252. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah Kementerian Pelajaran sedar bahawa ucapan Tuan Haji Hamdan Tahir di-Maktab Abdul Hamid, Alor Star, Kedah pada 11hb Julai, 1968, telah menimbulkan berbagai keraguan tentang apa yang di-katakan "anasir komunis" di-sekolah itu; jika ya, sa-jauh mana-kah penyakit "anasir komunis" itu menjalar di-sekolah itu; dan ada-kah Kerajaan membuat penyiasatan apa kaitan perkara itu dengan ucapan Tuan Haji Hamdan.

Tuan Mohd. Khir Johari: Tuan Haji Hamdan tidak ada menggunakan perkataan "anasir komunis" masa ber-uchap di-Maktab Abdul Hamid, Alor Star, saperti yang boleh di-lihat dari

petekan teks ucapan-nya di-bawah ini:

“Manakala tuan² berpeluang melanjutkan pelajaran ka-bandar² besar, baik di-dalam mahu pun di-luar negeri, beringat²-lah hingga jangan di-pengaruhi oleh anasir² yang asing bagi tuan² di-sini—tarekan² lampu neon umpama-nya—yang akan menjerumuskan tuan² kepada kegagalan. Tuan² hendaklah mempunyai ‘built-in resistance’ kepada segala pencharoba, dan dengan itu bolehlah menghadapi segala dugaan dengan penoh keyakinan”.

Oleh yang demikian, soal² “penyakit anasir kominis” dan penyiasatan berkenaan dengan-nya tidak-lah timbul.

Tuan Haji Hamdan did not use the words “communist elements” in his speech at the Abdul Hamid College, Alor Star, as can be seen from an extract (translation) of his speech below:

“When you have the opportunity to go for further studies in big towns, whether in the country or abroad, be careful not to be influenced by elements which are strange to you here—for example the attraction of the neon lights which will lead you to failure. You must have a built in resistance to face all challenge with full confidence”.

Therefore, the question of the “communist elements” and investigation on it does not arise.

253. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran sejak di-jadikan Pegawai Penasehat Pelajaran, berapa kali-kah Tuan Haji Hamdan melawat dengan rasmi ka-tiap² negeri di-Malaysia Barat; dan ada-kah benar beliau itu tidak di-galakkan melawat negeri² Pantai Timor terutama Kelantan pada hal Kelantan amat-lah berhajat supaya beliau membuat lawatan seberapa banyak yang dapat.

Tuan Mohd. Khir Johari: Tuan Haji Hamdan telah membuat lawatan² rasmi hampir² ka-semua negeri² di-Malaysia Barat. Beliau telah menitekberatkan Negeri² Pantai Timor dengan melawat ka-sana, khusus-nya ka-Negeri Kelantan, berkali² di-dalam tahun 1966, 1967 dan 1968. Oleh itu perkara Tuan Haji Hamdan tidak di-galakkan melawat Negeri² Pantai Timor tidak-lah timbul dan tidak-lah benar sama sekali.

Tuan Haji Hamdan has made official visits to almost all the States in West Malaysia. He has given special attention to the States in the East Coast by visiting them especially Kelantan, several times in 1966, 1967 and 1968. Therefore, the question of him not being encouraged to visit East Coast does not arise and is totally not true.

Pusat Pengajian Tinggi China

254. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran sa-banyak mana-kah Kerajaan memberi bantuan kepada M.C.A. untuk menjayakan penubuhan sa-buah Pusat Pengajian Tinggi China dekat Petaling Jaya, Selangor; dan ada-kah UMNO juga akan mendirikan sa-buah Pusat Pengajian Tinggi saperti itu; jika ya, di-mana.

Tuan Mohd. Khir Johari: Sudah menjadi falsafah hidup saya bahawa saya tidak suka menamakan chuchu saya sa-belum anak saya kahwin. Begitu-lah maksud saya kepada soalan tersebut.

It has been my principle in life not to name my grandchild before my son or daughter marries. I treat that question in the same way.

“Guru Pengawal”

255. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran:

- (1) pada masa ini berapa orang pegawai² yang berjawatan “Guru Pengawal” kepada guru² agama yang berkhidmat dengan Kementerian beliau;
- (2) apa-kah nama dan kelulusan mereka di-tiap² negeri di-Malaysia;
- (3) ada-kah benar bahawa di-antara guru² yang berpangkat itu tidak sa-orang pun yang mempunyai Diploma Pendidekan.

Tuan Mohd. Khir Johari: Jawatan “Guru Pengawal” kepada Guru² Agama tidak ada di-dalam senarai perjawatan Kementerian Pelajaran. Oleh itu (2) dan (3) tidak-lah berbangkit.

There is no such appointment as “Controlling Teacher” of Religious

Teachers in the establishment of the Ministry of Education. As such, parts (2) and (3) do not arise.

Sukatan Pelajaran

256. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa Kerajaan telah meminda Sukatan Pelajaran Pengajian Ugama Islam di-Sekolah² Rendah dan Menengah di-Malaysia Barat; jika benar, bila-kah perubahan itu berjalan kuat-kuasa-nya; dan apakah buku² teks yang akan di-guna kelak.

Tuan Mohd. Khir Johari: Ya, sukatan Pelajaran pengetahuan Ugama Islam Sekolah Rendah dan Menengah bantuan penoh Kerajaan telah di-susun semula dan di-persetujui oleh Majlis Raja² Malaysia pada 6hb April, 1967. Perubahan itu telah di-mulakan di-Sekolah² Rendah pada awal tahun 1968 dan bagi Sekolah² Menengah pula ia di-laksanakan sa-chara berperingkat² seperti berikut:

- (i) Pada tahun 1968 bagi Tingkatan I.
- (ii) Pada tahun 1969 bagi Tingkatan I, II dan IV.
- (iii) Pada tahun 1970 bagi Tingkatan I, II, III, IV dan V.

Berkenaan buku teks pula, Kementerian ini tidak menentukan-nya tetapi terpulang-lah kepada kebijaksanaan Guru Besar sekolah itu memilih buku teks yang sesuai dengan Sukatan Pelajaran yang di-tetapkan bagi pelajaran Ugama di-sekolah² itu.

Yes, the syllabus for Islamic Religious Knowledge in Lower and Upper Secondary fully assisted schools has been revised and approved by the Conference of Rulers on 6th April, 1967. This change has been effected in Lower Secondary Schools in early 1968 and as for Upper Secondary Schools, it will be implemented by stages as follows:

- (i) In 1968 for Form I.
- (ii) In 1969 for Forms I, II and IV.
- (iii) In 1970 for all Forms I, II, III, IV and V.

On the subject of textbooks, this Ministry does not specify the types of

books to be used but it is up to the discretion of the Headmaster to choose books suitable to the syllabus for Religious Knowledge in the schools.

Fakulti Sastera

257. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran pada masa ini berapa bilangan Jabatan² yang ada di-dalam Fakulti Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan berapa bilangan mahasiswa² dalam tiap² jabatan tersebut.

Tuan Mohd. Khir Johari: Ada 9 jabatan di-dalam Fakulti Sastera, Universiti Malaya pada tahun 1968. Jabatan² ini dan bilangan mahasiswa di-dalam tiap² jabatan ada-lah seperti berikut:

Jabatan	Bilangan Mahasiswa
Pengajian China ...	292
Ekonomik ...	848
Bahasa Inggeris ...	286
Ilmu Alam ...	646
Tawarikh ...	770
Pengajian India ...	322
Pengajian Islam ...	309
Pengajian Melayu ...	1,152
Ilmu Hisab ...	60

Jabatan Kajibumi, ia-itu sa-buah Jabatan di-bawah Fakulti Sains ada 12 orang mahasiswa Sastera yang mem-pelajari Kajibumi untok mata-pelajaran tahun pertama.

There are 9 departments in the Faculty of Arts of the University of Malaya in 1968. These departments and number of undergraduate in each department are shown below:

Department	No. of Under-graduates
Chinese Studies ...	292
Economics ...	848
English ...	286
Geography ...	646
History ...	770
Indian Studies ...	322
Islamic Studies ...	309
Malay Studies ...	1,152
Mathematics ...	60

The Department of Geology, which is a Department of the Faculty of Science has 12 Arts undergraduates studying Geology as a first year subject.

Jabatan Pengajian

258. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran bila-kah Kerajaan akan mengadakan Jabatan Pengajian Ilmu Jiwa; Ilmu Sains Politik dan Ilmu Sains Masyarakat; Ilmu Falsafah dan Kaji-manusia di-Universiti Malaya.

Tuan Mohd. Khir Johari:

- (a) Fakulti Perubatan di-Universiti Malaya ada sa-buah Jabatan Perubatan Saraf. Kajijiwa Kanak² ada juga di-ajar di-dalam Fakulti Pendidikan.
- (b) Belum ada Jabatan Ilmu Sains Politik di-Universiti itu akan tetapi, Pentadbiran 'Awam ada di-ajar di-dalam Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran dan beberapa kursus Sains Politik yang tertentu ada termasuk di-dalam kursus Tawarikh yang diberikan oleh Jabatan Tawarikh.
- (c) Dengan "Kajimanasia" itu, adalah di-anggap Ahli Yang Berhormat itu bermaksud "Humanities". Jika benar, "Humanities" itu ada-lah meliputi berbagai² perkara, termasuk-lah Pengajian China, Ilmu Ekonomi, Bahasa Inggeris, Ilmu Alam, Tawarikh, Pengajian India, Pengajian Islam dan Pengajian Melayu yang ada di-ajar di-Universiti Malaya.
- (d) Tidak ada Jabatan Ilmu Falsafah di-Universiti. Sa-bagaimana yang di-terangkan di-dalam jawapan saya kepada soalan 22, oleh kerana perlu-nya berjimat maka Universiti Malaya adalah lebih mementingkan penyediaan kursus² yang ada itu dari meluaskan-nya. Dan lagi, permulaan kursus² baharu mesti-lah di-kendalikan mengikut perancangan kursus² yang di-chadangkan di-Universiti Pulau Pinang untuk mengelakkan dari persamaan kursus di-kedua² buah Universiti itu.

(a) The Faculty of Medicine of the University of Malaya has a Department of Psychological Medicine. Child Psychology is also taught in the Faculty of Education.

(b) There is no Department of Political Science in the University but Public Administration is taught in the Faculty of Economics and Administration and certain courses in Political Science are included in the History course offered by the Department of History.

(c) By "Human Studies", I take it that the Honourable member means Humanities. If so, Humanities cover a wide range of topics, including Chinese Studies, Economics, English, Geography, History, Indian Studies, Islamic Studies and Malay Studies which are taught in the University of Malaya.

(d) There is no Department of Philosophy in the University. As pointed out in the answer to Question 22, owing to financial stringency the University of Malaya is more concerned with consolidation of existing courses rather than expansion. Further, the introduction of new courses must be geared to the detail planning of courses to be made available at the proposed University in Penang to avoid unnecessary duplication of courses at both Universities.

Pelajaran Dewasa

259. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah Kerajaan akan mengambil alih tanggung-jawab Pelajaran Dewasa yang pada masa ini di-bawah kelolaan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar supaya semua urusan² pelajaran di-negara kita ini di-jalankan oleh Kementerian yang sesuai untuk tugas² tersebut.

Tuan Mohd. Khir Johari: Rancangan pelajaran dewasa ada-lah sa-bahagian daripada rancangan pembangunan luar-bandar yang bertujuan

untuk memperbaiki keadaan² hidup serta meninggikan lagi taraf kehidupan orang² yang tinggal di-kawasan² luar bandar itu. Pelaksanaan rancangan pelajaran dewasa itu tetap menjadi tanggung-jawab Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sa-hingga Kerajaan membuat keputusan lain.

The adult education programme is part and parcel of the rural development programme to improve the conditions of living and raise the standard of livelihood of the people living in rural areas. Until such time as the Government decides otherwise, the implementation of adult education programme will remain the responsibility of the Ministry of National and Rural Development.

Sarjana Muda Arts

260. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa bilangan mereka² yang telah lulus sa-bagai Sarjana Muda Arts dari Fakulti Pendidikan Universiti Malaya sejak fakulti itu di-tubuhkan dalam tahun 1963.

Tuan Mohd. Khir Johari: Soalan itu tidak terang akan tetapi jika Ahli Yang Berhormat itu ingin tahu bilangan siswazah Sarjana Muda Sastera yang telah menerima Diploma Pendidekan dari Fakulti Pendidekan semenjak Fakulti itu di-tubuhkan pada tahun 1963, butir²nya ada-lah seperti berikut:

Tahun	Sastera	Lain ² *	Jumlah
1963/64	... 22	8	30
1964/65	... 57	15	72
1965/66	... 89	18	107
1966/67	... 117	47	164
1967/68	... 138	30	168
Jumlah	... 423	118	541

* Yang mempunyai ijazah Sarjana Muda Sains atau ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian.

The question is not clear but if the Hon'ble Member wishes to know the number of Bachelor of Arts graduates who have obtained their Diploma in

Education from the Faculty of Education since its establishment in 1963, the information is given in the following table:

Sessions	Arts	Others*	Total
1963/64	... 22	8	30
1964/65	... 57	15	72
1965/66	... 89	18	107
1966/67	... 117	47	164
1967/68	... 138	30	168
Total	... 423	118	541

* Persons with Bachelor of Science degree or Bachelor of Agricultural Science degree.

Jenis² Pengajian

261. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran untuk faedah² jangka panjang dalam kemajuan pelajaran, sudah-kah Kementerian beliau menimbang dan menyediakan suatu susunan keutamaan akan jenis² pengajian dalam negeri ini berdasarkan kepada kehendak² negara.

Tuan Mohd. Khir Johari: Kementerian saya sentiasa mengikuti dan merapatkan diri dengan kemajuan pelajaran dan menyedari dengan sa-penoh-nya apa yang di-perlukan oleh negara. Berbagai² jenis pelajaran sedang atau akan di-sediakan untuk memenuhi keperluan² ini. Rancangan pelajaran ada-lah sentiasa di-perbuat dengan berdasarkan kepada pertimbangan² yang meliputi sosial, ekonomi dan politik.

This Ministry is always keeping abreast with educational progress and is fully aware of what the national needs are. Different types of education are either being provided or will be provided to meet these needs. The educational programme is always built on plans covering social, economic, and political considerations.

"Maktab Bimbingan"

262. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran memandangkan kepada ramainya anak² bangsa kita yang tidak lulus peperiksaan di-sekolah² menengah, adakah Kerajaan akan mengadakan "Maktab² Bimbingan" untuk menolong pelajar² yang kechewa itu.

Tuan Mohd. Khir Johari: Tidak ada maktab seperti itu di-negeri² yang lebih maju sekali pun. Kita ada sekolah² vokeshen untuk murid² yang tidak dapat kelulusan naik darjah di-dalam L.C.E./S.R.P. Kita juga ada menyediakan bimbingan kerja bagi murid² dari Darjah I hingga mereka berhenti sekolah.

There are no colleges of such kind even in the more advanced countries. We have vocational schools for those who are unable to gain promotion passes in L.C.E./S.R.P. We also provide career guidance for pupils from Std. I till they leave school.

Maktab²

263. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah Kerajaan sedar bahawa bidang pelajaran yang kian berkembang di-negara kita berkehendakkan Kementerian Pelajaran mengambil alih Maktab² yang pada masa ini di-bawah MARA untuk mengurangkan perbelanjaan mengadakan pegawai² pelajaran; jika sedar, bila-kah Kerajaan akan mengambil alih.

Tuan Mohd. Khir Johari: Maktab² di-bawah MARA mempunyai kedudukan dan tugas² khas dan buat masa ini kedudukan itu elok-lah di-teruskan dahulu, tetapi pada suatu masa kelak akan di-letakan di-bawah tanggungjawab Kementerian Pelajaran.

The Colleges under MARA have special functions and for the time being it is felt that the present position should continue but ultimately the Colleges will be placed under the responsibility the Ministry of Education.

Sekolah Kesenian

264. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah Kerajaan sedar bahawa negara kita memerlukan sa-buah Sekolah Kesenian; jika sedar, bila-kah Kerajaan akan mengadakan sekolah seperti itu.

Tuan Mohd. Khir Johari: Ya, soal bila-kah Sekolah Kesenian itu akan di-tubuhkan akan di-timbangkan oleh Majlis Pelajaran Tinggi dengan ber-

dasarkan kepada rancangan² yang menjadi keutamaan dan juga kedudukan kewangan negara.

Yes, as to when the school of Fine Arts is to be built will be considered by the Higher Education Council basing on priorities as well as the financial situation of the country.

Kursus² Pengajian Masharakat

265. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran:

- (a) mengapa-kah hingga sekarang Kerajaan maseh melengah-lengah dalam perkara mengadakan kursus² Pengajian Kemasharakatan (Social Studies);
- (b) ada-kah Kerajaan berpendapat pengajian seperti itu tidak mustahak atau tidak di-utamakan di-negeri yang sedang membangun seperti Malaysia.

Tuan Mohd. Khir Johari:

- (a) Pengajian Kemasharakatan sudah pun menjadi satu mata-pelajaran yang di-ajar di-sekolah semenjak tahun 1965. Mata pelajaran ini di-tawarkan sa-bagai ganti Tawarikh dan Ilmu Alam di-Sekolah².
- (b) Bahagian soalan ini tidak berbangkit.
- (a) Social Studies is already a subject taught in schools since 1965. This subject is offered as an alternative to History and Geography in Schools.
- (b) This part of the question does not arise.

Ilmu Arkib

266. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran bila-kah Kerajaan akan menjalankan chadangan-nya hendak mendirikan sa-buah sekolah (Archival Science) atau satu bahagian khas bagi ilmu arkib (Archival Science) di-Malaysia Barat.

Tuan Mohd. Khir Johari: Perkara ini ada-lah salah satu shor yang terkandung di-dalam Penyata Jawatan-kuasa Peranchang Pelajaran Tinggi

yang telah pun di-terima oleh Kerajaan. Soal bila-kah akan di-jalankan shor itu terpulang kepada Majlis Pelajaran Tinggi dengan berasaskan kepada keutamaan² dan kewangan negara.

This is one of the recommendations contained in the Report of the Higher Education Planning Committee which has already been accepted by the Government. As to when the recommendation will be implemented is left to the Higher Education Council basing on priorities and the financial situation of the country.

Kursus² Sambilan/Lanjutan

267. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran hingga sekarang apa-kah usaha² yang di-buat oleh Kerajaan untuk mendapatkan kerjasama pehak orang ramai (Private Sector) untuk melancarkan kursus² sambilan dan lanjutan kepada orang² yang berkhidmat hendak meneruskan pengajian kursus mereka.

Tuan Mohd. Khir Johari: Kementerian saya memang menyedari benar tentang perlu-nya perhubungan rapat di-antara Kerajaan dan pehak orang ramai. Sa-buah Jawatan-kuasa Tetap Pelajaran Teknik dan Vokeshen sedang di-tubuhkan dan salah satu daripada tugas²-nya ia-lah untuk menguruskan perkara ini.

The Ministry is fully aware of the need for close liaison between the Government and the private sector. A Standing Committee on Technical and Vocational Education is being set up and one of its duties apart from many others is to look into this.

Kursus² Pertanian

268. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa hingga sekarang kursus² pertanian maseh di-beri dalam Bahasa Inggeris lagi dan tidak dalam Bahasa Kebangsaan; jika ya, bila-kah Kerajaan akan memerintahkan penggunaan Bahasa Kebangsaan di-Maktab Pertanian Serdang.

Tuan Mohd. Khir Johari: Ya. Walau bagaimana pun, kursus pertanian akan

di-ajar dalam Bahasa Kebangsaan tidak lama lagi apabila istilah² pertanian dan ilmu² yang berkaitan lengkap dan siap untuk di-laksanakan. Buat permulaan-nya, Bahasa Kebangsaan telah di-ajar sa-bagai salah satu mata pelajaran mula² dari tahun ini.

Yes. Nevertheless, agricultural courses will be conducted in the National Language soon when the terminology for agriculture and other relevant subjects is completed for implementation. As a beginning, the National Language is taught as a subject with effect from this year.

Kuasa Otonomi

269. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran:

(a) ada-kah benar bahawa Universiti Malaya maseh belum mendapat kuasa otonomi yang penuh dalam urusan pentadbiran dan urusan akademik-nya, jika ya, apa-kah sebab²-nya; dan

(b) ada-kah Kerajaan akan memberi kuasa otonomi yang sesuai dengan kedudukan universiti kepada Universiti Malaya itu.

Tuan Mohd. Khir Johari: Universiti Malaya ada-lah sa-buah badan yang di-tubuhkan mengikut Act Universiti Malaya, Bil. 44 tahun 1961. Sa-bagai sa-buah badan bersekutu, Universiti itu ada-lah sa-buah badan bebas dan bertanggung-jawab menguruskan hal ehwal-nya sendiri termasuk urusan² pentadbiran dan akademik. Kuasa²-nya jelas di-terangkan di-dalam Act tersebut dan di-dalam Perlembagaan Universiti Malaya yang menjadi jadual pada Act tersebut.

Apa yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dengan bertanya ada-kah Kerajaan akan memberikan kuasa otonomi yang sesuai dengan kedudukan universiti kepada Universiti Malaya ada-lah tidak terang kerana Kerajaan telah pun berbuat demikian.

The University of Malaya is a corporate body established and incorporated by the University of Malaya Act, No. 44 of 1961. As a corporate body, the University is an autonomous body

and is responsible for running its own affairs including administrative and academic affairs. Its powers are clearly spelt out in the said Act and the Constitution of the University of Malaya which is the schedule to the Act.

It is not clear what the Honourable member means by asking whether Government will confer autonomous status upon the University of Malaya when it is already done.

Pelajaran Kejantinaan

270. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran sa-jauh mana-kah Kerajaan sudah berusaha hendak mengadakan pelajaran kejantinaan (sex) di-sekolah²; dan ada-kah Kerajaan sudah pun berikhtiar menchari guru² khas untuk maksud itu.

Tuan Mohd. Khir Johari: Pelajaran kejantinaan (sex) belum lagi di-ajar di-sekolah² dan apabila sampai masanya kelak baru-lah soal menchari guru²-nya yang khas di-timbangan.

There is no sex education in schools yet and at the appropriate time the question of finding specialist teachers will be looked into.

"Sijil Kelayakan"

271. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa bilangan permintaan² dari anak negeri ini untuk memasoki yaysan² pengajian tinggi baik dalam negeri atau pun luar negeri dalam Tahun Pengajian 1968; dan berapa bilangan di-antara mereka telah di-tolak kerana gagal mendapat "Sijil Kelayakan".

Tuan Mohd. Khir Johari: Berhubung dengan Universiti Malaya, Sekshen 5 di-dalam Perlembagaan Universiti itu ada menguntokkan ia-itu pemilehan penuntut² untuk masuk ka-Universiti tidak bergantung kepada bangsa, ugama atau taraf kechuali-lah jika bilangan orang² yang memohon masuk pada sa-suatu masa itu berlebehan daripada bilangan tempat kosong yang ada maka pehak Universiti boleh-lah memberi pertimbangan untuk

mengutamakan orang² yang bermastautin di-Tanah Melayu, Singapura, Brunei, Sabah atau Sarawak daripada orang² yang datang dari luar negeri² itu.

321. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah benar bahawa 10 orang Indonesia telah di-tangkap oleh Polis Laut Malaysia di-perayeran Malaysia ketika mereka chuba mendarat di-Kuala Jeram, Selangor, pada 18hb Jun, 1968, dan jika ya, apa-kah tindakan yang telah di-ambil terhadap orang² itu.

Tun Haji Abdul Razak: Tidak benar 10 orang Indonesia yang di-sebut oleh Yang Berhormat itu di-tangkap oleh Polis Laut Malaysia di-perayeran Malaysia ketika mereka chuba mendarat di-Kuala Jeram, Selangor, pada 18hb Jun, 1968.

322. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah benar bahawa sa-orang Penghulu bernama Enche' Daud, dari Kampong Sungai, Bachok, Kelantan, telah di-tangkap dalam bulan April, 1968 atas tuduhan membawa senjata, jika ya, apa-kah kesudahan pembicharaan Mahkamah ka-atas-nya.

Tun Haji Abdul Razak: Benar. Penghulu Daud bin Shariff bersama 2 orang lain telah di-tangkap pada jam 10.30 malam pada 15hb April, 1968, dan di-hadapkan di-Mahkamah kesokan hari-nya di-atas kesalahan membawa senjata merbahaya di-tempat bebas (public place)—(Seksyen 6 (1) Corrosive and Explosive Substances and Offensive Weapons Ordinance No. 43/58).

Walau bagaimana pun tuduhan keatas-nya telah kemudian-nya di-tarek balek, menurut arahan Timbalan Penda'awa Raya.

Perahu Penyeludup Barang²

323. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah benar berita² yang mengatakan bahawa Polis Laut Malaysia telah melepaskan beberapa tembakan terhadap beberapa buah perahu penyeludup barang² dari China Kominis di-Pulau Upeh di-Selat Melaka pada 18hb Jun, 1968; dan apa-kah kesudahan peristiwa itu.

Tun Haji Abdul Razak: Sa-benar-nya sa-buah kapal bernama GAMBOMA dari Negeri China telah berlaboh dekat Pulau Upeh, Melaka waktu pukul 8 malam pada 18hb Jun, 1968, dan sa-buah bot kecil kelihatan berdampingan dengan-nya. Apabila bot itu mulai bergerak meninggalkan kapal yang berlaboh itu, anggota Polis Laut yang bertugas meronda di-kawasan itu telah mengejar-nya sambil melepaskan tembakan isyarat serta amaran, lalu 5 orang (4 China dan 1 Melayu) di-dalam bot itu menyerah diri. Bot itu memakai daftar No. MF 2257 dan di-dapati berisi 21 peti Brandy China bersama petekan kata² Mao Tze Tung, 3 peti Whisky "Johnny Walker", satu peti "Hennessy" Brandy dan 4 kerton rokok "Lucky Strike".

5 orang yang di-tangkap itu diserahkan kepada Polis Melaka dan telah pun di-hadapkan ka-Mahkamah atas tuduhan² membawa barang larangan di-bawah sekshen 135 (1) (3) Act Kastam No. 62/67 dan menyimpan dokumen mengandongi chabotan daripada Kata² Mao Tze Tung di-bawah sekshen 21 (1) Act Keselamatan Dalam Negeri No. 18/60.

Semua yang di-tudoh tidak mengaku salah dan pembicaraaan di-tetapkan pada 30hb Ogos, 1968.

Peristiwa Menchabul Kehormatan

324. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri apa-kah hasil penyiasatan Polis terhadap aduan oleh sa-

orang perempuan India bahawa suatu perhubungan telah di-buat untuk menchabul kehormatan-nya di-kawasan rumah pekerja² keretapi di-Ketoyong, Tanjong Malim, Perak, pada 19hb Jun, 1968 dan nyatakan bagaimana peristiwa tersebut boleh berlaku.

Tun Haji Abdul Razak: Penyiasatan Polis berkenaan hal ini maseh berjalan lagi.

Bendera² Kominis

325. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa bilangan bendera² Kominis yang di-ketahui telah di-kibarkan di-negeri ini dalam bulan Jun, 1968 dan berapa-kah bilangan di-antara-nya yang telah di-rampas oleh pihak Polis dan apa-kah hukuman² yang telah di-jatuhkan ka-atas orang² yang terlibat dalam pengibaran bendera² itu.

Tun Haji Abdul Razak: Yang di-jumpai hanya 66 bendera Kominis yang terkibar dan semua-nya di-turunkan dan di-rampas.

Orang² yang telah di-tahan kerana di-shakki terlibat dengan kejadian itu telah di-bebaskan kesemua-nya. Pemereksaan atas diri mereka telah tidak membuktikan yang mereka itu terlibat.

Kejadian Memeras Wang

326. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri apa-kah tindakan Polis terhadap sa-orang kelendan lori yang di-katakan telah memeras wang sa-banyak lebeh kurang \$210 di-sabuh kedai kopi di-Tanjong Karang, Selangor pada 20hb Jun, 1968.

Tun Haji Abdul Razak: Yang kena tudoh dalam kes ini telah di-tangkap pada 26hb Jun, 1968, dan akan di-bicarakan pada 23hb Ogos, 1968, di-Mahkamah Kuala Selangor.

Sarjan Hassan bin Ali

327. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri apa-kah hukuman yang telah di-kenakan keatas sa-orang Sarjan Polis, Hassan bin Ali, yang

telah di-tangkap kerana rasuah di-Bachok, Kelantan yang di-jadualkan pembicaraannya daripada 24hb hingga 27hb Jun, 1968; dan berapa bilangan saksi² yang telah di-panggil untuk memberi keterangan sa-masa pembicaraannya itu.

Tun Haji Abdul Razak: Hukuman belum di-jatuhkan sebab pembicaraannya akan di-sambong pada 15hb dan 16hb September, 1968.

Pihak Penda'awa menutup kes-nya sa-telah memeriksa 10 orang saksi² dan yang kena tuduh pula setakat ini telah memanggil 2 saksi.

Orang² Tahanan

328. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada masa ini (1968) berapa bilangan orang² Melayu yang maseh dalam tahanan kerana kesalahan² di-bawah Undang² Keselamatan Dalam Negeri di-tiap² Khemah Tahanan dan Penjara yang berikut:

- (a) Penjara Taiping;
- (b) Khemah Tahanan Batu Gajah; dan
- (c) Khemah Tahanan Muar.

Tun Haji Abdul Razak: Sa-ramai 12 orang Melayu sedang di-tahan di-bawah Undang² Keselamatan Dalam Negeri di-Tempat² Tahanan seperti berikut ini:

- (a) Penjara Taiping—
Tiada.
- (b) Tempat Tahanan, Batu Gajah—
10 orang lelaki Melayu.
- (c) Tempat Tahanan, Muar—
2 orang lelaki Melayu.

Buku Sejarah Dzarurat Malaya

329. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengapa-kah lewat bagi Kerajaan menerbitkan buku Sejarah Dzarurat Malaya; dan bila-kah buku itu dapat di-terbitkan.

Tun Haji Abdul Razak: Dukachita, penerbitan buku Sejarah Dzarurat ini telah mengambil masa yang sebegitu panjang. Pengarang-nya, Enche'

Anthony Short, telah melaporkan bahawa ia sedang menyemak "manuscript" buku itu, dan membuat beberapa pindaan terakhir sa-belum ia dapat menyerahkan-nya ka-Kementerian ini.

"Penduduk Tetap"

330. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa bilangan orang² di-Malaysia Timor yang telah hilang taraf mereka sa-bagai "Penduduk Tetap" (Permanent Resident) dalam tahun 1967 dan 1968 seperti mana yang berlaku keatas sa-orang bernama Amin Awang Bakar dalam tahun 1964.

Tun Haji Abdul Razak: Jabatan Imigresen tidak menyimpan rekod penduduk² tetap yang meninggalkan Malaysia dengan tidak memiliki permit masuk semula (re-entry permit), dan mengakibatkan kehilangan taraf mereka sa-bagai penduduk² tetap. Dengan demikian, dukachita bahawa saya tidak dapat memberi penerangan keatas permintaan Ahli Yang Berhormat.

Pro-Kominis

331. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah menjadi suatu kesalahan di-bawah mana² undang² negeri kita jika sa-saorang itu mengaku diri-nya Pro-Kominis; jika ya, sebutkan undang² yang berkenaan dan hukuman² yang boleh di-kenakan ka-atas orang itu.

Tun Haji Abdul Razak: Tidak-lah menjadi kesalahan bagi sa-saorang mengaku diri-nya "pro-communist", jika pengakuan itu tidak di-iringi dengan chakapan² lain atau pun perbuatan² yang boleh di-anggap bertenangan dengan keselamatan Negara.

Raja Nazaman bin Raja Nazir

332. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri apa-kah kesudahan penyiasatan keatas Laporan Polis No. 2717/67 di-Balai Polis Jalan Bandar berkaitan dengan sa-orang Merinyu Polis bernama Raja Nazaman bin Raja Nazir.

Tun Haji Abdul Razak: Timbalan Penda'awa Raya mengarahkan tidak payah apa² langkah di-ambil mengenai perkara yang di-adu di-lakukan oleh Inspektor ini sebab berpuashati bahawa Inspektor itu mengidap penyakit yang menyebabkan ia berbuat demikian.

Dalam pada itu pegawai berkenaan sekarang ini tiada di-beri sebarang tugas dan hanya menunggu penda-pat "Medical Board", untuk bersara kerana tidak sehat.

Aduan²

333. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri

Hal Ehwal Dalam Negeri berapa bilangan aduan² yang telah di-buat di-Balai² Polis Kawasan Bachok, Kelantan sejak 1hb Januari, 1968 hingga 31hb Julai, 1968; berikan angka tersebut menurut jenis² kesalahan yang telah di-buat dan hukuman² yang telah dikenakan ka-atas orang² yang thabit bersalah.

Tun Haji Abdul Razak: 404 aduan² telah di-buat di-Balai² Polis Kawasan Bachok, Kelantan.

Jenis² kesalahan dan hukuman² dinyatakan dalam senarai yang berikut:

JENIS² KESALAHAN YANG DI-LAPORKAN KA-BALAI² POLIS KAWASAN BACHOK 1HB JANUARI-31HR JULAI, 1968

Siri	Jenis Kesalahan	Bilangan Kes ²	Keputusan
1.	Mencheroboh kehormatan perempuan .. Sek. 354 K.K.	1	4 bulan penjara
2.	Menchuba bunoh diri Sek. 309 K.K.	1	Tindakan lanjut tidak di-ambil atas nasehat Timbalan Penda'awa Raya
3.	Pechah rumah dan churi waktu malam hari Sek. 457 K.K.	1	Tidak ada tangkapan
4.	Melukakan dengan senjata bahaya .. Sek. 324 K.K.	4	2—"Bound-over" 1 tahun 2—Kes belum di-putuskan (case pending)
5.	Chuba melukakan dengan senjata bahaya Sek. 511/324 K.K.	3	2—Tindakan lanjut tidak di-ambil atas nasehat Timbalan Penda'awa Raya 1—Kes maseh di-jalankan lagi
6.	Melakukan chedera parah Sek. 325 K.K.	2	2—Kes maseh di-jalankan lagi
7.	Churi Sek. 379 K.K.	3	2—Tidak ada tangkapan 1—2 bulan penjara
8.	Membawa senjata bahaya Sek. 6 (1) Corrosive and Explosive Substances and Offensive Weapons Ordinance No. 43/58	5	2—"Bound-over" 1 tahun 2—Buang kes 1—Denda \$40 (Di-jelaskan)
9.	Melanggar syarat di-bawah Ordinance Menchegah Jenayah No. 13/59	1	1—Penjara 2 tahun
10.	Mengganggu Pegawai Polis Sek. 186 K.K.	1	Di-bichara pada 7-10-68
11.	"Depriving a person of his/her Identity Card" di-bawah Act Pendaftaran Kebangsaan No. 12/66	4	4—Tindakan lanjut tidak di-ambil atas nasehat Timbalan Penda'awa Raya
12.	Pilehan Raya Kechil Sek. 105 CPC	1	1—Tindakan lanjut tidak di-ambil atas nasehat Timbalan Penda'awa Raya
13.	Menakutkan Sek. Ordinance Kesalahan ² Kechil No. 3/55	42	14—Tindakan lanjut tidak di-ambil atas nasehat Timbalan Penda'awa Raya 28—Di-edarkan kepada Majistret

Siri	Jenis Kesalahan	Bilangan Kes ²	Keputusan
14.	Memukul Sek. 352 K.K.	—	3—Tindakan lanjut tidak di-ambil atas nasehat Timbalan Penda'awa Raya 28—Di-edarkan kepada Majistret
15.	"Mischief" Sek. 426 K.K.	14	6—Tindakan lanjut tidak di-ambil atas nasehat Timbalan Penda'awa Raya 8—Di-edarkan kepada Majistret
16.	"Criminal Intimidation" Sek. 506 K.K.	1	1—Tindakan lanjut tidak di-ambil atas nasehat Timbalan Penda'awa Raya
17.	"Failing to Stop" Ordinance Trafik Jalan No. 49/58	4	2—Denda \$17 2—Akan di-bichara
18.	Kemalangan Jalan Raya yang menyebabkan kematian	1	Menunggu keputusan
19.	Memandu kereta dengan kurang chermat Sek. 36 (1) Ordinance Trafik Jalan No. 49/58	2	1—Denda \$100 (Di-jelaskan) Lesen Pemandu di-tanda 1—Tindakan lanjut tidak di-ambil atas nasehat Timbalan Penda'awa Raya
20.	Dengar tembakan (Tiada kesalahan berlaku)	1	Tindakan lanjut tidak di-ambil atas nasehat Timbalan Penda'awa Raya
21.	Menggunakan kekerasan tanpa menda-tangkan luka (simple assault) Sek. 323 K.K.	3	3—Di-edarkan kepada Majistret
22.	Pergaduhan keluarga sendiri (Tidak kesalahan terzhahir)	1	Di-edarkan kepada Majistret
23.	"Stray Cattle" Di-bawah Ordinance Kesalahan ² Kechil No. 3/55	3	3—Denda \$25 (\$5, \$15 dan \$5)
24.	"Stray Goat" Di-bawah Ordinance Kesalahan ² Kechil No. 3/55	8	5—Lelong 3—Denda \$15 (Tiap ² satu \$5)
25.	Laporan Kebakaran	4	Tidak ada tangkapan
26.	Laporan Mati Mengejut	—	1—Menunggu Penyiasatan Mah-kamah 1—Penyiasatan Mahkamah tidak payah di-jalankan
27.	Isteri dengan sendiri-nya meninggalkan suami	1	1—Di-edarkan kepada Kathi
28.	Kemalangan motor bot	1	Tindakan lanjut tidak di-ambil atas keputusan Pegawai Penjaga Siasatan Jenayah
29.	Di-tandok oleh Kerbau/Lembu	1	Di-edarkan kepada Majistret
30.	Saman terhadap teksi, motor van ² dan lori ² Di-bawah Ordinance Trafik Jalan No. 49/58	74	30—Di-denda semua \$530 42—Akan di-bichara 2—Buang kes
31.	Saman terhadap motosikal ² dan motokar ² Di-bawah Ordinance Trafik Jalan No. 49/58	74	38—Di-denda semua \$565 10—Akan di-bichara 16—Saman ² 10—Buang kes
32.	Saman terhadap becha roda 3 Di-bawah Ordinance Trafik Jalan No. 49/58	35	22—Di-denda semua \$45 14—Akan di-bichara
33.	Motokar churi	2	2—Tidak ada tangkapan
34.	Samsu haram Di-bawah Act Kastam No. 62/67	4	4—Kes belum di-putuskan (case pending)
35.	Kehilangan lesen motosikal	3	3—Di-edarkan kepada Pendaftar dan Pemeriksa Kereta Motor
36.	Kehilangan Lesen memandu kereta	4	4—Di-edarkan kepada Pendaftar dan Pemeriksa Kereta Motor

Siri	Jenis Kesalahan	Bilangan Kes ²	Keputusan
37.	Kehilangan Sijil Tenaga Ra'ayat Ordinance Perkhidmatan Kebangsaan No. 37/52	1	1—Di-edarkan kepada Pengarah Kerahan Tenaga
38.	Kehilangan kad pengenalan Act Pendaftaran Kebangsaan No. 12/66	13	13—Di-edarkan kepada Pegawai Pendaftaran
39.	Kehilangan kad pendaftaran kenderaan Di-bawah Ordinance Trafik Jalan No. 49/58	3	3—Di-edarkan kepada Pendaftar dan Pemeriksa Kereta Motor
40.	Kehilangan paspot Di-bawah Act Paspot No. 21/66	1	1—Di-edarkan kepada Pegawai Imigresen
41.	"Abortive search for offensive weapons on persons" Di-bawah Ordinance Kesalahan ² Kechil No. 3/55	8	8—Tiada kesalahan terdzhair
42.	"Civil dispute"	9	9—Di-edarkan kepada Majistret
43.	Di-shaki menembak burung tanpa lesen buruan Di-bawah "Wild Animals and Birds Protection Ordinance No. 2/55"	1	1—Tindakan lanjut tidak di-ambil atas keputusan Pegawai Penjaga Siasatan Jenayah kerana penembak berlesen
44.	Di-shaki sakit otak Di-bawah "Mental Disorder Ordinance No. 31/52"	12	12—Di-edarkan kepada Pegawai Perubatan
45.	Berjudi di-tempat bebas (gaming in public) Di-bawah Ordinance "Common Gaming House No. 26/53"	2	2—Di-denda semua \$40
46.	"Abortive gaming raid"	10	—
47.	"Suspected overloading" Di-bawah Ordinance Trafik Jalan No. 49/58	1	1—Tidak bersalah
JUMLAH ..		404	

Ra'ayat Malaysia di-Sabah

334. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah benar bahawa ra'ayat² Malaysia di-Sabah tidak di-benarkan tinggal lebih lama daripada satu minggu di-Malaysia Barat; jika ya, di-bawah undang² apa-kah sekatan bagitu di-buat dan boleh-kah Kerajaan Pusat membenarkan mana² negeri di-Malaysia Barat ini membuat sekatan masa yang terhad bagi orang² yang masuk ka-negeri itu dari luar negeri.

Tun Haji Abdul Razak: Tidak benar.

Choo Kooi Wah

335. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri apa-kah kesudahan penyiasatan Polis terhadap peristiwa dalam mana sa-orang bernama Choo Kooi Wah telah di-tembak oleh Polis pada 13hb Julai, 1967, di-Pulau Pinang.

Tun Haji Abdul Razak: Timbalan Penda'awa Raya telah mengkaji dan menimbangkan penyiasatan Polis dan berpendapat:

- (i) bahawa pegawai polis berkenaan tidak bersalah kerana ia telah terpaksa menggunakan senjata api-nya untuk menjaga keselamatan diri rakan-nya serta dirinya sendiri, semasa menjalankan tugas-nya dengan suchi hati dan menurut undang²; dan
- (ii) bahawa memandang kechederaan (keseksaan) yang telah di-tanggung oleh Choo Kooi Wah itu kerana perbuatan yang di-lakukan-nya, tindakan selanjut-nya tidak-lah mustahak di-ambil terhadap-nya. Patut juga di-terangkan di-sini ia-itu peristiwa itu berlaku pada 11hb Julai, 1967 dan bukan pada 13hb Julai, 1967.

Balai² Polis

336. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memandangkan kapada bertambah ramai-nya penduduk² Kampong Pandan, Kuala Lumpur yang meningkat hampir² 20,000 orang, sama ada Kerajaan telah mengadakan balai² Polis di-kawasan yang chukup dengan bilangan penduduk² itu, sebutkan tempat² balai itu telah di-adakan dan jika belum, bilakah balai² Polis ini akan di-adakan.

Tun Haji Abdul Razak: Sememanglah ada ranchangan untuk membekalkan tempat ini dengan sa-buah balai Polis dan bangunan bagi-nya akan didirikan apakala kawasan yang sesuai untuk tapak-nya di-perolehi. Sekiranya tidak ada apa² halangan, balai yang diranchangkan itu akan siap dalam tahun 1970.

Buat sementara itu, Kampong ini yang termasuk dalam kawasan kawalan balai² polis, Cheras dan Jalan Perkeliling ada-lah juga di-bekalkan dengan sa-buah pondok polis (police post) yang di-anggotai oleh sa-orang Koprul dan enam Mata².

Kera'ayatan Malaysia

337. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri apakah kesudahan penyiasatan dan langkah² yang telah di-jalankan oleh Kerajaan berhubung dengan surat bertarikh 26hb Julai, 1967, mengadukan kepalsuan ma'alumat yang di-beri oleh dua orang bernama Ahmad Kutty bin K. Hassan dan Ahmad Muni s/o Hassan dalam usaha mereka hendak mendapat Kera'ayatan Malaysia.

Tun Haji Abdul Razak: Kerajaan tidak menerima apa² surat yang bertarikh 26hb Julai, 1967 mengenai aduan bahawa kepalsuan ma'alumat telah di-beri oleh dua orang bernama Ahmad Kutty s/o Hassan dan Ahmad Muni s/o Hassan dalam usaha mereka hendak mendapat kera'ayatan Malaysia. Walau bagaimana pun satu surat terbang bertarikh 17hb April, 1967, mengenai perkara yang sama telah diterima oleh Pendaftar Besar Warga-negara.

Berasaskan surat itu Pendaftar Besar Warganegara telah menjalankan siasatan mengenai aduan tersebut. Penyiasatan itu telah menunjukkan bahawa Sijil Kera'ayatan yang diberikan kepada Ahmad Kutty s/o Hassan di-bawah Perkara 17 Perlembagaan dalam tahun 1958 ada-lah terator. Tetapi oleh kerana kekurangan ma'alumat penyiasatan terhadap Ahmad Muni s/o Hassan maseh di-jalankan lagi dan sa-orang yang di-sebutkan dalam surat aduan itu telah di-hubungi untuk mendapat keterangan yang lebih lanjut mengenai perkara yang terkan-dong di-dalam surat aduan itu. Orang yang di-hubungi ini telah memberi jawapan tetapi ma'alumat yang di-beri itu tidak menchukupi, oleh sebab itu ia telah di-hubungi semula untuk mendapat ma'alumat yang penoh sa-bagaimana yang di-kehendakki.

"Merinyu Sementara"

338. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada masa ini (1968) berapa bilangan anggota² Polis di-Raja yang berpangkat "Merinyu Sementara" berkhidmat dalam Pasokan Polis Di-Raja; dan apakah kesudahan bagi mereka² yang berpangkat seperti itu.

Tun Haji Abdul Razak: Bilangan Inspektor² Sementara (Temporary Inspectors) dalam Polis Diraja Malaysia sekarang berjumlah 17 orang.

Semua-nya pegawai² ini akan di-berhentikan kerja pada penghujung tahun 1968 ini. Mereka telah di-beritahu bahawa perkhidmatan mereka tidak lagi di-kehendakki sa-lepas hujung tahun ini. Pegawai Kebajikan Polis sedang berikhtiar mencharikan kerja untuk mereka di-Pejabat² Kerajaan atau di-dalam bidang perniagaan dan perdagangan.

Pesurohjaya Polis

339. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri adakah Kerajaan sedar bahawa orang² Sabah tiada puas hati dengan lantekan sa-orang Pegawai Polis oleh Kerajaan

Pusat untuk menjadi Pesurohjaya Polis bagi negeri itu; jika sedar, apa-kah tindakan yang di-ambil bagi mengawal keadaan seperti itu.

Tun Haji Abdul Razak: Tidak benar apa yang di-dengar oleh Yang Berhormat itu sebab tidak ada timbul kemushkilan atau rasa tidak puas hati terhadap perkara lantikan Pesurohjaya Polis Sabah yang di-lakukan dengan persetujuan Kerajaan Negeri Sabah.

Makan Suap

340. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah benar bahawa aduan telah di-buat berkenaan dengan perhubungan makan suap oleh sa-orang Wakil Ra'ayat di Sabah berkaitan dengan kayu balak; jika ya, apa-kah kesudahan aduan itu.

Tun Haji Abdul Razak: Tiada benar.

Anggota² Polis

341. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa bilangan anggota² Polis warganegara Malaysia yang berkhidmat di-Singapura yang kemudian di-berhentikan kerja telah pulang ka-Malaysia, dan sudah-kah mereka itu di-beri kerja di-negeri ini.

Tun Haji Abdul Razak: Kesemuanya, 365 orang termasuk 3 orang polis wanita. Dari jumlah ini chuma 308 (termasuk 3 polis wanita itu) telah diserapkan ka-dalam Polis di-Raja Malaysia.

Baki sa-jumlah 57 orang itu tidak berkhidmat dengan Polis kerana berikut:

- (i) 38 dari-nya tidak melaporkan diri kepada pihak yang berkuasa Polis dalam tempoh masa yang di-tetapkan sungguh pun Kerajaan telah menghabiskan daya upaya untuk menyampaikan tawaran perkhidmatan sa-hingga menggunakan saluran T.V., Radio dan Akhbar² tempatan;
- (ii) 19 dari-nya pula tidak lagi hendak berkhidmat sa-bagai Polis.

J. G. V. Parambyil

342. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah benar bahawa sa-orang bernama J. G. V. Parambyil telah menulis surat bertarikh 4hb Disember, 1967, kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menceritakan hal amalan² rasuah di-dalam Kontrek Todi di-bandar Chemor, Perak; dan jika ya, apa-kah tindakan Kerajaan terhadap pengaduan yang berterus terang itu.

Tun Haji Abdul Razak: Benar.

Penyiasatan yang di-jalankan oleh Badan Penchegah Rasuah menunjukkan tuduhan kechurangan yang di-lemparkan keatas pegawai² Kastam tidak berasas sama sekali.

Penyiasatan itu juga menunjukkan tiada tekanan politik dalam perkara ini.

Pegawai Penjaga Polis

343. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sejak tahun 1964 berapa kali-kah sudah bertukar Pegawai Penjaga (O.C.) Polis Bachok, Kelantan; apa-kah sebab² utama pertukaran yang kerap kali berlaku itu dan sebutkan nama Merinyu² yang pernah berkhidmat di-Bachok daripada tahun 1964 hingga sekarang (1968).

Tun Haji Abdul Razak: 6 kali.

2. Pertukaran mereka ada-lah disebabkan kepentingan pentadbiran bagi Pasokan Polis, umpama:

- (i) giliran menghadziri dan mengikuti kursus di-Maktab Polis;
 - (ii) kenaikan pangkat;
 - (iii) pertukaran ka-jawatan yang memerlukan kebolehan sa-sa-orang pegawai; dan
 - (iv) tempoh penempatan sa-sa-orang pegawai di-sesuatu kawasan.
3. (i) Inspektor Nizam Mohd. bin Din;
 (ii) Inspektor Md. Isa bin Md. Salleh;
 (iii) Inspektor Mohd. Ali bin Abd. Majid;
 (iv) Inspektor Ja'afar bin Longjong;

- (v) Inspektor Abu Bakar bin Ariffin; dan
 (vi) Inspektor Baharom bin Md. Noor.

Sarkan/Ahmad bin Ya'akub

344. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri apa-kah hasil² penyiasatan Polis terhadap anasir² tempatan Bachok, Kelantan yang di-katakan mengancam keselamatan diri sa-orang guru bernama Sarkan dan sa-orang Pembantu Rumah Sakit bernama Ahmad bin Ya'akub, kedua²-nya orang kuat parti UMNO sa-hingga mereka berdua terpaksa diberi lesen memiliki pistol untuk mengawal diri daripada mara-bahaya.

Tun Haji Abdul Razak: Sa-bagai-mana saya nyatakan dalam jawapan kepada soalan Yang Berhormat yang sa-umpama-nya dalam Meshuarat Parlimen yang lalu, penyiasatan Polis telah menunjukkan sa-benar ada-nya ugutan² mengancam keselamatan diri mereka ini. Penyiasatan selanjut-nya untuk mendapatkan puncha dari mana datang-nya ugutan² itu tidak meng-zahirkan bukti yang chukop untuk tindakan sewajar-nya.

Anggota² Parti UMNO

345. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa bilangan anggota² Parti UMNO di-Bachok, Kelantan, yang di-ancam nyawa mereka dan patut di-beri lesen untuk memiliki pistol; dan sa-kira-nya mereka benar² di-ancam apa-kah sebab²-nya.

Tun Haji Abdul Razak: Di-sebabkan ketiadaan laporan resmi di-terima oleh Polis dari ahli² UMNO, Bachok, yang menyatakan keselamatan diri mereka terancam, maka sukar-lah bagi saya hendak menjawab soal Ahli Yang Berhormat itu.

Di-samping itu, saya suka mema-alomkan-nya bahawa ancaman keselamatan diri ada-lah satu daripada alasan yang di-pereksa dengan teliti apakala pehak yang berkuasa menimbangkan permohonan lesen pistol.

Y.B. Senator Enche' Ghafar Baba

346. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa bilangan kekuatan anggota² Polis dan lain² Pasokan Keselamatan yang telah di-pergunakan bagi mengiring dan mengawal diri Yang Berhormat Senator Enche' Ghafar Baba setiap kali beliau melawat Bachok, Kelantan, nyatakan tarikh² lawatan-nya dan angka anggota² Polis yang di-pergunakan.

Tun Haji Abdul Razak: Yang Berhormat Senator Ghafar bin Baba tidak di-peruntukkan eskot Polis. Anggota² Polis yang bertugas waktu beliau melawat Bachok, Kelantan, ada-lah ditugaskan untuk kawalan orang ramai sahaja dan bukan-nya mengawal diri beliau.

T. T. Rajah

347. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah Kerajaan akan menarek balek sekatan-nya ka-atas sa-orang peguam dari Singapura bernama T. T. Rajah daripada memasuki tugas di-Malaysia Barat; dan berapa orang dan siapa-kah lagi peguam² dari luar negeri yang ditengah masuk ka-negeri kita ini serta sebab² mereka di-larang masuk.

Tun Haji Abdul Razak: Tidak.

Di-antara orang² lain yang telah di-larang masuk ka-Malaysia kerana kepentingan keselamatan Negara, termasuk-lah dua orang yang dengan kebetulan sahaja ada-lah juga peguam. Mereka itu ia-lah Enche' Lim Hong Bee dan Enche' John Eber, kedua²-nya sekarang ini berada di-United Kingdom.

Orang² di-Buang Negeri

348. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa bilangan orang² yang telah di-buang negeri daripada Malaysia dalam tahun 1967 dan 1968 dengan memberikan angka² tersebut mengikut tempat kamana mereka di-hantar.

Tun Haji Abdul Razak:

1967

- (i) 3 orang di-buang (banish) ka-Negeri China.
- (ii) 3 orang di-buang (banish) ka-Thailand.
- (iii) 2 orang di-buang (banish) ka-Negeri India.

—
8 Jumlah—
1968

- (i) 2 orang di-usir (expel) ka-United Kingdom.
- (ii) 1 orang di-usir (expel) ka-Australia.
- (iii) 1 orang di-usir (expel) ka-Republik Singapura.

—
4 Jumlah

349. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah benar bahawa 4 orang keturunan China telah di-buang negeri dari Malaysia dan telah pun di-naikkan kapal ka-Hong Kong, tetapi Kerajaan telah membawa balek orang² itu ka-Malaysia.

Tun Haji Abdul Razak: Benar-lah 4 orang banduan buang negeri keturunan China yang di-hantarkan balek dengan kapal ka-Hong Kong telah tidak di-terima masuk ka-Republik Ra'ayat China oleh pihak yang berkuasa China Komunis. Mereka terpaksa di-bawa balek ka-negeri ini dan sekarang di-tahan dalam Penjara.

Kes Pembunuhan Enche' Abdul Samad Gul

350. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah benar bahawa perbicharaan orang yang di-tudoh membunuh Enche' Abdul Samad Gul, sa-orang Ahli Parlimen dalam bulan Julai, 1967, telah di-buang kes kerana pihak Polis telah menjalankan barisan cham dengan chara yang tidak betul; jika ya, apa-kah tindakan yang Kerajaan telah ambil terhadap pegawai² Polis yang terlibat dan sama ada Kerajaan bersedia menyiasat samula pembunuhan kejam ka-atas Enche' Abdul Samad Gul itu.

Tun Haji Abdul Razak: Tidak benar.

Ahli Parlimen dari Bachok

351. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri apa-kah sharat² yang mesti di-penohi mengikut undang² oleh Ahli Parlimen dari Bachok, Kelantan, sa-belum boleh di-beri lesen memiliki pistol, ada-kah dengan jalan menjadi anggota Parti UMNO atau pun keluar daripada parti PAS.

Tun Haji Abdul Razak: Sharat² Undang² berkenaan dengan pengeluaran lesen senjata api telah pun saya terangkan dengan jelas bagi menjawab beberapa soalan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat daripada Bachok sendiri dalam meshuarat yang lepas, dan tidak-lah mustahak bagi saya mengulangi-nya lagi. Pendek kata, jika permohonan sa-saorang itu di-tolak, berma'ana-lah ia-itu Ketua Pegawai Polis berkenaan tidak berpuas hati untuk mengeluarkan lesen dari segi alasan penggunaan atau pun keselamatan. Mithal-nya, permohonan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bachok itu telah di-tolak, oleh kerana Yang Berhormat itu ada-lah di-ketahu² mengidap penyakit yang menyebabkan beliau jatoh pengsan beberapa kali. Sa-saorang yang berkeadaan kesehatan saperti itu tidak-lah menasabah di-benarkan mempunyai pistol dari segi keselamatan.

Keanggotaan satu² parti siasah tidak-lah ada kaitan dengan masaalah ini, melainkan jika parti berkenaan itu telah di-haramkan oleh Kerajaan.

Kewarganegaraan

352. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hingga akhir bulan Mei, 1968 berapa bilangan orang² yang memohon untuk jadi warganegara negeri ini, dan berapa orang-kah yang telah di-beri taraf kewarganegaraan.

Tun Haji Abdul Razak: Jumlah orang yang memohon untuk menjadi warganegara dengan jalan daftaran atau kemasokkan (registration or naturalisation) hingga 31hb Mei, 1968, ia-lah: 2,264,143.

Jumlah orang yang telah di-beri taraf kewarganegaraan dengan jalan daftaran atau kemasokkan hingga 31hb Mei, 1968, ia-lah: 2,017,557.

"Allah—Mohammad"

353. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah benar bahawa Kerajaan mengharamkan penggunaan kalimat² "Allah—Mohammad" di-bendera PAS ia-lah kerana tokoh² parti yang memerintah sekarang gelisah siang dan malam gerunkan dua kalimat itu; dan jika ya, ada-kah Kerajaan akan memberi kebenaran kepada Parti PAS menggunakan dua² kalimat itu semula, sa-kira-nya ada sesiapa yang menjampi untuk menghapuskan perasaan gerun daripada hati tokoh² tersebut.

Tun Haji Abdul Razak: Tidak benar.

Pasokan Penyelamat Kerajaan

354. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah benar bahawa Kerajaan telah menu-bohkan suatu Pasokan Penyelamat Kerajaan di-kawasan Bachok, Kelantan, terdiri daripada 100 orang dan 10 orang daripada-nya di-tugaskan mengintip rahsia² parti PAS dan di-benar menyatakannya sanggup membebaskan orang² UMNO yang bersalah tanpa di-bicarakan di-mana² mahkamah.

Tun Haji Abdul Razak: Tidak benar. Perkhabaran yang di-kemukakan di-dalam soalan itu tidak berasas sama sekali.

Orang² di-Buang Daerah

355. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hingga sekarang (1968) berapa bilangan orang² yang di-buang daerah; dan bila-kah mereka akan di-tempatkan di-satu kawasan khas sa bagaimana yang pernah di-janjikan oleh Kerajaan.

Tun Haji Abdul Razak: Jumlah bilangan orang² yang di-hadkan tempat

kediaman-nya sa-hingga sekarang (31hb Julai, 1968) ia-lah saperti berikut:

(a) Ordinance Menchegeh	
Jenayah No. 13/59 ...	1,085
(b) Enactment Menghad	
Tempat Kediaman Bab	
39	499
Jumlah ...	1,584

Ranchangan buat menempatkan mereka yang sesungguh-nya keras hati (hard-core) di-suatu kawasan khas yang di-chadangkan akan mengambil sedikit masa lagi.

"Pasokan Selendang Merah"

356. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa bilangan anggota² "Pasokan Selendang Merah" yang telah di-tangkap oleh Polis di-Krian, Perak, ketika berlaku kekacauan dalam tahun 1967; atau ada-kah berita Pasokan Selendang Merah itu hanya suatu khabar angin yang memeningkan kepala Menteri² Kerajaan sahaja.

Tun Haji Abdul Razak: 2 orang telah di-tangkap.

"Pasokan Selendang Merah" ini ia-lah satu kumpulan haram saperti kongsi gelap (secret societies).

Gerakan "Bendera Merah"

357. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sa-jauh mana-kah kejayaan yang telah di-chapai oleh pihak Polis dalam usaha mereka mengesani gerakan "bendera merah" yang bertujuan hendak menggulingkan pemerentahan beraja dalam negeri ini menerusi kira² 800 keping risalah² yang telah di-rampas oleh Pegawai Penjaga Daerah Polis Kuala Lumpur dalam bulan Januari, 1968, dan apa-kah hukuman yang telah dikenakan keatas mereka yang di-dapati bersalah.

Tun Haji Abdul Razak: Perkara ini maseh dalam penyiasatan Polis.

Patut juga di-terangkan di-sini ia-itu 30 keping surat² berkenaan telah di-jumpai oleh Polis Selangor dalam

bulan Jun, 1968 dan tidak-lah 800 keping seperti tersebut dalam soalan.

Ahli Jawatan-kuasa Sharikat Guru² Melayu Kelantan

358. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri apa-kah keputusan mahkamah terhadap sa-orang ahli jawatan-kuasa Sharikat Guru² Melayu Kelantan yang telah di-hadapkan ka-mahkamah atas tuduhan menyalahgunakan wang sharikat itu dan siapa-kah ahli itu.

Tun Haji Abdul Razak: Per-bicharaan bagi kes-nya di-Mahkamah Tengah, Kota Bharu, akan bermula pada 30hb September, 1968. Nama ahli itu tidak-lah boleh di-istiharkan sa-belum hari pembicharaan.

Mayat Pemuda Melayu

359. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah benar bahawa aduan telah di-buat kepada Polis bahawa mayat sa-orang pemuda Melayu telah di-jumpai ter-apon-apon di-Sungai Klang, pada 3hb Julai, 1968; jika ya, siapa-kah pemuda itu, daripada mana-kah ia datang, dan apa-kah kejayaan siasatan yang di-buat oleh Polis atas kematian itu.

Tun Haji Abdul Razak: Tidak benar aduan sa-bagaimana yang ada di-sebutkan oleh Yang Berhormat telah di-buat kepada Polis.

Enche' Harun, Pengarah Badan Penchegeh Rasuah

360. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah benar bahawa ada-nya tekanan² politik terhadap yang amat berusaha Enche' Harun. Pengarah Badan Penchegeh Rasuah sa-hingga beliau pernah me-nyatakan persediaan-nya untuk meletak jawatan; jika ya, apa-kah tindakan Kerajaan bagi menjernekan perkara itu.

Tun Haji Abdul Razak: Tidak benar.

Kanak²

361. Tuan Ismail bin Idris bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa bilangan kanak² yang di-peranakan di-luar Malaysia ber-umur 6 tahun ka-bawah telah di-benar-kan tinggal untuk sa-lama²-nya di-Malaysia bagi tahun 1964, 1965, 1966 dan 1967.

Tun Haji Abdul Razak: Bilangan-nya ada-lah seperti berikut:

1964	...	...	800
1965	...	...	772
1966	...	...	831
1967	...	...	683

Kesemua-nya mereka ini ada-lah anak² kepada warganegara² Malaysia yang di-lahirkan di-negeri² asing, dan berkelayakkan untuk masuk menetap mengikut Undang² (Prohibition of Entry) Order, 1963, Immigration Ordinance, 1959.

Kantin

362. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Home Affairs to state if he is aware that the lower ranks of the police force numbering about 2,000 are not happy with the canteen at the Police District Kuala Lumpur at Jalan Bandar, that the goods in the canteen are not adequate, there are no price tags, the prices are too high, etc., if so, whether he will investigate these complaints and take remedial action if necessary.

Tun Haji Abdul Razak: There is nothing to show that those members of the Rank and File who patronise this particular canteen are unhappy with the management thereof which is kept under constant checks by the Canteen Committee comprising the O.C.P.D., 2 Police officers and 23 members of the Rank and File. It is admitted that certain goods are not available but when they are required, the Canteen Contractor makes it a point to meet orders therefor. Adequate supply of popular brands and essential commodities to meet the daily necessities of the Rank and File is however always on hand and stored in the limited space that the premises offer.

It is denied that price tags are not displayed or the charges are compara-tively high.

Lim Siang Kiang

363. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Home Affairs to state if he has received a letter from one Lim Chean of 342A Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur and dated 15-6-68 regarding his son Lim Siang Kiang, if so, what action he has taken on that letter.

Tun Haji Abdul Razak: Yes. His request that his son, who is at present awaiting repatriation on order of banishment, be transferred from Pudu Jail to Sir Henry Gurney School could not be considered.

Chong Ying Chan

364. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Home Affairs to state if he is aware that one Chong Ying Chan was dismissed from the Police Force in Penang on 2nd July, 1968, and whether he will investigate the circumstances of the dismissal and state whether he is satisfied that Chong Ying Chan has not been wrongfully dismissed.

Tun Haji Abdul Razak: Yes. He was dismissed from the Force on 2nd July, 1964 (not 1968) and he appealed to the former Minister of Home Affairs in October 1965. The Minister caused an investigation to be made and he was satisfied that Chong Ying Chan's dismissal was in order.

Orang² Tahanan

365. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Home Affairs to state the names of detainees who have been released from Taiping, Batu Gajah, Muar, Kuching and Sabah between the period 1st May, 1968 to 31st July, 1968, giving the names separately for each camp.

Tun Haji Abdul Razak: 31 detainees were released during the period 1st May, 1968 to 31st July, 1968, from the various places of detention as follows:

(a) *Taiping Prison*—

Nil.

(b) *Batu Gajah Special Detention Camp*—

17.

(c) *Muar Detention Camp*—

5.

(d) *Centre of Protective Custody, Kuching*—

5.

(e) *Centre of Protective Custody, Sabah*—

4.

Taiping Prison is no longer used as a place of detention. All the female detainees who were formerly detained in the Taiping Prison have been transferred to the Batu Gajah Special Detention Camp. The names of those released are as follows:

Batu Gajah Special Detention Camp—

1. Tan Kim Tek
2. Mow Tham Kim
3. Fang Fong
4. Khor Teik Yew
5. Zakaria bin Nasir
6. Wong Kam Fatt
7. Ismail bin Rameli
8. Low Keng Kwong
9. Cheng Siak Kim
10. Lee Kheng Siong
11. Zainal bin Ariffin
12. Teo Ah Moy (f.)
13. Ang Quee Lan (f.)
14. Soo Yong
15. Ooi Wan Yui
16. Cheah Leong Kuan
17. Chin Ah Fatt

Muar Detention Camp—

1. Chan Hong Kong
2. Lee Chin Eng
3. Lim Ah Niow
4. Chooi Lum Chah
5. Tang Kok Weng

Centre of Protective Custody, Kuching—

1. Wong Huang Tiew
2. Ling Yuk Ming (f.)
3. Hong Yu Sit
4. Jong Joon Hin
5. Lai Lian Sau

Centre of Protective Custody, Sabah—

1. Aloysius Tokan
2. Darema bin Cheli
3. Hamid bin Abu Bakar
4. Baharuddin bin Kajah

366. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Home Affairs to state the names of detainees who have been detained between 1st May, 1968 to 31st July, 1968, at the following places Taiping, Batu Gajah, Muar, Kuching and Sabah giving the names separately for each place.

Tun Haji Abdul Razak: 117 persons were detained between 1st May, 1968 to 31st July, 1968, in the various places of detention as follows:

(a) *Taiping Prison—*

Nil.

(b) *Batu Gajah Special Detention Camp—*

6.

(c) *Muar Detention Camp—*

26.

(d) *Centre of Protective Custody, Kuching—*

85.

(e) *Centre of Protective Custody, Sabah—*

Nil.

Taiping is no longer being used as a place of detention.

2. The names of those detained are listed below under each place of detention—

Batu Gajah Special Detention Camp—

1. Ng Yak Lam
2. Tan Peck Nee
3. Lee Bak Leng
4. Eng Ah Ho
5. Cheo Shing Shi
6. Hoo Hoong Lan (f.)

Muar Detention Camp—

1. Koh Kai Cham
2. Chin Sav Tong
3. Chong Ah Kew
4. Ong Sim
5. Koh Sioh Ping
6. Tan Chin Nam
7. Tan Chor Guan
8. Kee Peng Siah
9. Lee Jwe Teow
10. Cheung Bak Sang
11. Koh Kim Song
12. Su King Siang
13. Teo Bok Nam

14. Lean Cheng Siew
15. Kua Kim Teck
16. Lee Kun Kam
17. Wong Kong Kien
18. Lem Peng Teo
19. Tan Wa Ping
20. Eng Kwee Ba
21. Lim Hong Kiang
22. Tan Leong Sin
23. Lek Sim Hoh
24. Ng Kooi Sang
25. Lee Bah Chik
26. Lee Huan Lay

Centre of Protective Custody, Kuching—

1. Wong Sing Hui
2. Phang Khip Seng
3. Chai Fook Siong
4. Ng Kai Hoi
5. Chong Chi Poh
6. Thai Joon Kui
7. Bong Onn
8. Fong Soon Shen
9. Lee Kuan Kiew
10. Chin Chong Sen
11. Chia Kam Min
12. Chaw Ah Kim
13. Ng Nam Choi
14. Poh Su Kiang
15. Cheng Kwok Chu
16. Yui Yung Kwong
17. Tsang Wai Fong
18. Tsang Miu Ngo (f.)
19. Hui Hoi Yuen
20. Tang Kun Yuk
21. Hui So Fa (f.)
22. Tsoi Wo Shing
23. Tan Yung Kheng (f.)
24. Lam Sun Kun
25. Lam Sun Long
26. Wan Chun Hung
27. Ng Sau Ying (f.)
28. Tse Yin Wai (f.)
29. Yeung San Chau
30. Ng Yuk Ha (f.)
31. Goh Ying Kui
32. Lee Chin Hee
33. Chan Choi Seng
34. Yee Sau San
35. Tay Ban Haw
36. Lim Kiat Fun
37. Tay Heng Ngo (f.)
38. Jong Shun Joon
39. Voon Jan Choon

40. Yong Shin Chong
41. Yong Sheng Mee (f.)
42. Yap Kee
43. Cheong Mei Lin (f.)
44. Wong Yuk Hang
45. Chan Sau Fong (f.)
46. Kok Chu Yen
47. Yim Lin Chu
48. Tsoi Suk Kham
49. Chai Ko Mo
50. Sim Kheng Hui
51. Chan Shing Yuk
52. Yong Kee Ming
53. Tsoi Ko Kong
54. Liew Kam Moi (f.)
55. Cheong Pat Kuan
56. Lam Wing Sin
57. Liew Nam Hee
58. Chung Yan Cheong
59. Ung Ngok Moi (f.)
60. Tang Kun Tin (f.)
61. Chang Poh Chin
62. Lai Then Hoi
63. Lee Liong Soon
64. Hii Poh Yew
65. Lee Kian Ming
66. Ting Teck Yong
67. Lau Kung Soon
68. Huang Teck Chiok
69. Loi Tuang Kiong
70. Chieng Kah Hiong
71. Lau Chiew Kii
72. Li Liong Kai
73. Lu Chung Li
74. Lee Jin Khoi
75. Tsoi Wing Wo
76. Lau Ling Lung (f.)
77. Cheung Cheung Kwai
78. Yii Sing Tieh (f.)
79. Wong Chin Mau
80. Ng Yoon Khoon
81. Jee Shin Choon
82. Hii Poh Choi
83. Cheong Kim Sen
84. Chai Ko Lung
85. Jap Nam Fah

Pulau bagi Orang² Salah

367. Dr Tan Chee Khoo asks the Minister of Home Affairs to state if the search for an island for hardened criminals has ended, and if so, where is the island and when will those dextricted under the P.C.O. be sent to the island.

Tun Haji Abdul Razak: Yes.

It is off the west coast of West Malaysia and it would not be in the public interests to name the island now. A topographical survey of the island is still in progress and the final decision whether or not it will be used for the purpose referred to by the Hon'ble Member depends on the result of this survey.

KEMENTERIAN KEWANGAN

Wang Pinjaman

368. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kewangan:

- (a) hingga akhir bulan Julai, 1968 berapa banyak-kah wang yang di-pinjam oleh tiap² Kerajaan Negeri di-Malaysia dengan kebenaran Kerajaan Pusat; dan
- (b) pehak mana-kah yang menjadi penjamin kepada negeri² itu.

Tun Tan Siew Sin: Jumlah kesemua pinjaman² kepada semua Kerajaan² Negeri di-Malaysia yang maseh tinggal terhutang di-penghujung bulan Julai, 1968 ia-lah \$224,290,476.87. Butir² mengenai jumlah yang di-pinjam oleh Negeri² Malaysia Barat sudah pun diberi dalam jawapan kepada soalan lain. Jumlah yang di-pinjam oleh Sabah dan Sarawak sa-takat 31hb Julai, 1968 ia-lah saperti berikut:

Sabah	...	...	\$12,798,011.00
Sarawak	...	...	10,352,691.26
Jumlah	...	...	\$23,150,702.26

Pinjaman kepada Negeri² ada-lah di-buat mengikut Fasal 111 (2) Perlembagaan yang memerlukan Negeri² meminjam di-bawah kebenaran Undang² Negeri². Fasal Perlembagaan ini juga menghadkan puncha² pinjaman tersebut kepada Kerajaan Persekutuan dan kepada bank² yang di-luluskan bagi tempoh masa tidak lebih daripada 12 bulan sahaja. Bagi Negeri² Sabah dan Sarawak pula, Fasal 112B Perlembagaan juga membenarkan Kerajaan² Negeri² ini meminjam di-dalam Negeri² mereka dengan tidak ada apa² had selagi pinjaman tersebut di-luluskan

oleh Bank Negara. Oleh sebab syarat² Perlembagaan ini maka tidak-lah perlu siapa² menjadi penjamin kepada Negeri² apabila mereka meminjam.

The total amount of loans issued to all State Governments in Malaysia which remain outstanding at the end of July, 1968 is \$224,290,476.87. Details of the amounts owing by the States of West Malaysia have been given in the reply to another question. The amounts owing by Sabah and Sarawak at 31st July, 1968 are as follows:

Sabah	\$12,798,011.00
Sarawak	10,352,691.26
Total	\$23,150,702.26

Loans to States are made in accordance with Article 111 (2) of the Constitution which require States to borrow under the authority of a State Law and which restricts the sources of such borrowing to the Federal Government and to approved banks for not more than 12 months. In the case of Sabah and Sarawak, under Article 112B, the Constitution also allows these States to borrow within their own States without restriction so long as the borrowing has the approval of the Central Bank. In view of these constitutional provisions, no sureties are required by the Federal Government from the State Governments when loans are made to them.

369. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kewangan:

(a) hingga akhir bulan Julai, 1968, berapa banyak-kah wang yang di-pinjam oleh tiap² negeri di-Malaysia Barat daripada Kerajaan Pusat; dan

(b) nyatakan kenapa masing² negeri membuat hutang itu.

Tun Tan Siew Sin: Jumlah wang pinjaman kepada Negeri² di-Malaysia Barat yang belum di-jelaskan hingga akhir bulan Julai, 1968 ia-lah \$201,139,774.61. Butir² jumlah yang

terhutang oleh tiap² Negeri ada-lah seperti di-bawah ini:

1. Johor	\$ 7,693,011.99
2. Kedah	19,719,434.12
3. Kelantan	3,268,337.17
4. Melaka	8,189,586.49
5. Negeri Sembilan	33,246,227.87
6. Pahang	19,727,545.44
7. Pulau Pinang ...	18,061,673.76
8. Perak	39,163,858.65
9. Perlis	2,341,159.12
10. Selangor	47,089,612.23
11. Trengganu	2,639,327.77

Jumlah Malaysia Barat ...	\$201,139,774.61
----------------------------------	-------------------------

Tujuan pinjaman² tersebut ia-lah untuk melaksanakan berbagai² rancangan pembangunan seperti mengadakan bekalan ayer dan membena rumah² murah. Walau bagaimana pun ada dua ketika di-penghujung tahun 1967 apabila pinjaman² sa-banyak \$1.5 juta kepada Negeri Kedah dan \$1 juta kepada Negeri Kelantan, telah di-beri bagi tujuan membayar gaji kakitangan² dalam Negeri² itu.

The total amount of loans to the States of West Malaysia which remain outstanding at the end of July 1968 is \$201,139,774.61. Details of the amounts owing by each State are given below:

1. Johore	\$ 7,693,011.99
2. Kedah	19,719,434.12
3. Kelantan	3,268,337.17
4. Malacca	8,189,586.49
5. Negri Sembilan	33,246,227.87
6. Pahang	19,727,545.44
7. Penang	18,061,673.76
8. Perak	39,163,858.65
9. Perlis	2,341,159.12
10. Selangor	47,089,612.23
11. Trengganu	2,639,327.77

Total West Malaysia ...	\$201,139,774.61
--------------------------------	-------------------------

The purposes of the loans are mainly to implement the various development projects ranging from the provision of

water supplies to the construction of low cost houses. However, there were two occasions towards the end of 1967 when loans of \$1.5 million and \$1 million were given to the States of Kedah and Kelantan respectively for the purpose of meeting the salaries of employees in these States.

370. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kewangan:

- (a) ada-kah benar bahawa Kementerian ini telah berselisih pendapat dengan Kerajaan Negeri Sembilan mengenai wang sajumlah \$4.5 juta yang dipinjam oleh Kerajaan Negeri Sembilan untuk membayar Perusahaan Kawasan Senawang (Senawang Industrial Estate) kerana projek itu merugikan dari segi ekonomi; dan
- (b) nyatakan keadaan yang sa-benar dalam hal itu.

Tun Tan Siew Sin:

- (a) Wang pinjaman itu telah diberikan kepada Kerajaan Negeri Sembilan untuk menubuhkan Kawasan Perindustrian Senawang mengikut shor² yang telah di-sediakan oleh Kementerian Perdagangan dan Perusahaan. Nyata-lah bahawa sa-belum pinjaman itu di-berikan shor² ini, bersama² dengan pendapat Kerajaan Negeri yang berkenaan, telah di-berikan perhatian yang sa-wajar-nya.
- (b) Kawasan Perindustrian Senawang telah mula menarik perusahaan².
- (a) The loan was made to the State Government of Negri Sembilan for establishment of the Senawang Industrial Estate on specific recommendations made by the Ministry of Commerce and Industry. It will be obvious that before such a loan was made that cognisance was taken of these recommendations as well as the views of the State Government concerned.
- (b) The Senawang Industrial Estate is beginning to attract industries.

Hutang Kerajaan

371. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kewangan hingga akhir bulan Julai, 1968 berapa banyak-kah hutang Kerajaan seperti berikut:

- (a) Hutang luar negeri; dan
- (b) Hutang dalam negeri; dan

berapa-kah jumlah bunga yang mesti di-bayar bagi hutang dalam negeri dan hutang luar negeri itu.

Tun Tan Siew Sin: Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan yang maseh belum di-jelaskan lagi pada akhir bulan Julai, 1968 ada-lah seperti berikut:

	Juta
(a) Hutang luar negeri ...	\$ 530
(b) Hutang dalam negeri ...	3,259

Jumlah Hutang yang maseh belum di-jelaskan	\$3,789
--	---------

Jumlah anggaran bunga terbaru yang mesti di-bayar bagi tahun 1968 ada-lah seperti berikut:

	Juta
(a) Bunga atas Hutang luar negeri	\$ 22
(b) Bunga atas Hutang dalam negeri	148

Jumlah bunga yang mesti di-bayar ...	\$170
--------------------------------------	-------

Wang Peruntukan Pelajaran Dewasa

372. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kewangan:

- (a) ada-kah dia sedar bahawa wang yang di-belanjakan untuk apa yang di-sebutkan dengan nama "Pelajaran Dewasa" itu ada-lah kurang menguntungkan;
- (b) nyatakan berapa banyak-kah jumlah wang yang di-belanjakan kerana Pelajaran Dewasa tiap² tahun sejak tahun 1963; dan
- (c) ada-kah Kerajaan akan memberhentikan peruntukan tersebut.

Tun Tan Siew Sin:

- (a) Rancangan Pelajaran Dewasa yang di-laksanakan oleh Kerajaan bertujuan mengatasi masalah buta huruf di-kalangan

ra'ayat dan wang yang di-belanjakan untuk melaksanakan Ranchangan ini ada-lah berfaedah.

- (b) Pelajaran Dewasa ada-lah sabahagian daripada Ranchangan Pembangunan Masharakat dan perbelanjaan bagi kedua²-nya di-satukan. Bagi tiap² tahun semenjak tahun 1963 perbelanjaan-nya ada-lah saperti berikut—

Tahun	Jumlah Perbelanjaan
1963	\$8,601,277
1964	8,945,396
1965	8,223,529
1966	9,059,893
1967	9,023,281

Anggaran perbelanjaan bagi tahun 1968 ia-lah \$8,758,541.

- (c) Ranchangan Pelajaran Dewasa yang telah di-laksanakan oleh Kerajaan semenjak beberapa tahun yang lalu ada-lah bertujuan untuk menghapuskan buta huruf di-kalangan masha-

rakat negara ini. Dengan yang demikian, sama ada ranchangan ini hendak di-teruskan atau tidak ada-lah bergantung kepada bilangan ra'ayat yang maseh buta huruf, setakat mana maseh buta huruf menghalang usaha² kemajuan, dan juga bergantung kepada keadaan kewangan negara.

Barang² yang di-Seludup

373. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kewangan berapa-kah nilai barang² yang di-seludup dari Thailand ka-Malaysia yang dapat di-rampas sejak 1963 saperti berikut:

- (a) Babi;
- (b) Telor;
- (c) Chandu dan Ganja;
- (d) Beras; dan
- (e) Lain² barang.

Tun Tan Siew Sin: Nilai barang² yang di-seludup dari Thailand ka-Malaysia yang dapat di-rampas sejak tahun 1963 ada-lah saperti berikut:

	1963	1964	1965	1966	1967	Jumlah
	\$ c.	\$ c.	\$ c.	\$ c.	\$ c.	\$ c.
(a) Babi	150 00	—	—	20,040 00	4,553 00	24,743 00
(b) Telor	215 80	293 53	1,059 50	6,123 44	483 68	8,175 95
(c) Chandu dan Ganja ..	16 1b	1,127 1b	757 1b	2,171 1b	521 1b	4,592 1b
(d) Beras	2,435 00	12,025 00	11,832 79	19,184 63	15,208 20	60,685 62
(e) Lain ² barang	35,867 30	22,130 48	49,315 89	74,450 88	55,031 69	236,796 24

Wang Peruntukan Jalan Raya

374. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kewangan:

- (a) ada-kah benar bahawa pemberian wang untuk jalan raya (Road Grants) kepada Negeri Trengganu telah di-bayar lebeh dari jumlah yang di-peruntukkan dalam tahun 1963 dan 1964; jika ya, mengapa, dan
- (b) sudah-kah Kementerian mengambil apa² tindakan bagi membetulkan amalan yang salah itu.

Tun Tan Siew Sin: Ada-lah benar bahawa lebeh-bayaran telah terdapat terhadap Bantuan Jalan Raya kepada Negeri Trengganu bagi tahun 1963 dan

1964 dan ini sudah pun di-laraskan. Kejadian lebeh bayaran tidak dapat di-elakkan oleh kerana Bantuan² Jalan Raya kepada Negeri ada-lah berdasarkan angka² panjang-nya jalan raya yang bertukar dari satu tahun kepada satu tahun. Pelarasan lebeh dan kurang bayaran ada-lah di-buat oleh Perbendaharaan sa-elok sahaja angka² panjang jalan raya yang sa-benar di-ketahui.

It is true that there was overpayment in respect of Road Grants to Trengganu in respect of 1963 and 1964 and this had already been rectified. The occurrence of overpayment is inevitable as the road grants to States are based on mileages of road which keep

on changing from year to year. Adjustments of overpayments and underpayments are done by the Treasury as soon as the actual mileages are known.

MARA

375. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kewangan:

- (a) ada-kah benar bahawa beberapa juta ringgit telah di-potong dari kira² MARA kerana MARA tidak sanggup memungut hutang² yang di-berikan-nya kepada sharikat² dan orang² persa-orangan, jika ya, nyatakan berapa juta-kah wang itu; dan
- (b) ada-kah Kerajaan akan menu-bohkan sa-buah Jawatan-kuasa Penyiasat untuk membuat penyiasatan dan melaporkan-nya kepada Parlimen.

Tun Tan Siew Sin:

- (a) Jumlah sa-benar hutang² yang tidak dapat di-pungut oleh MARA dan yang telah di-hapuskan seperti mana yang telah di-sebut oleh Yang Ber-hormat Ahli itu, ia-lah chuma \$249,194.06 sahaja. Hutang² yang tidak dapat di-pungut dan telah di-hapuskan ini ada-lah sa-benar-nya pinjaman² yang telah di-beri oleh RIDA dahulu, termasuk sa-tengah² yang telah di-luluskan semenjak tahun 1951. Jumlah kesemua pin-jaman² yang telah di-keluarkan sa-takat ini ia-lah lebih dari-pada \$41 juta. Jika di-banding-kan hutang² yang telah di-hapuskan sa-banyak \$249,194 itu dengan jumlah pinjaman sa-banyak \$41 juta ini, maka sudah memang-lah kecil sa-ngat bahagian-nya ia-itu lebih kurang 0.6%, lebih² lagi apa-bila di-timbangkan ia-itu jumlah faedah yang di-perolehi sa-takat ini dari pinjaman² ber-jumlah \$41 juta itu, ia-lah lebih daripada \$3 juta.
- (b) Menengokkan kepada ketera-ngan di-atas, Kerajaan tidak

menganggap perlu untuk sa-buah Jawatan-kuasa Penyiasat di-lantek bagi mengkaji perkara itu.

Stadium Sheikh Ahmad

376. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kewangan ada-kah Kerajaan sedar bahawa ada berlaku salah-guna wang Kerajaan dalam membena Stadium Sheikh Ahmad oleh Majlis Bandaran Kangar, jika ya, nyatakan bagaimana kejadian itu berlaku dan apa-kah tindakan Kementerian terhadap per-kara itu.

Tun Tan Siew Sin: Saya tidak tahu ada berlaku salah-guna wang dalam membena Stadium Sheikh Ahmad. Saya akan siasat kalau benar berlaku perkara itu.

Chukai

377. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kewangan berapa banyak-kah chukai yang telah di-pungut oleh Kerajaan Pusat tiap² tahun sejak 1958 di-Malaysia Barat, dan jika boleh, di-tiap² negeri di-Malaysia Barat, dari sumber² yang berikut:

- (a) Arak dan jenis²-nya;
- (b) Lesen² anjing;
- (c) Denda di-mahkamah;
- (d) Judi Lumba Kuda;
- (e) Judi Tikam Ekor;
- (f) Lesen chandu dan chukai impot ka-atas chandu; dan
- (g) Lain² jenis judi yang di-beri lesen.

Tun Tan Siew Sin: Jumlah chukai yang di-pungut oleh Kerajaan Pusat di-Malaysia Barat dalam tempoh 1958-1967 daripada:

- (i) Minuman arak;
- (ii) Denda dan rampasan di-Mah-kamah;
- (iii) Bertaruh dan Judi Lumba Kuda; dan
- (iv) Loteri;

ada di-bentangkan di-bawah.

Berhubung dengan Lesen² anjing ini ia-lah sumber hasil Kerajaan Negeri dan bukan hasil Kerajaan Pusat.

Mengenai "*Lesen chandu dan chukai impot ka-atas chandu*" pula ada-lah di-nyatakan bahawa pada masa ini mengimpot chandu ada-lah di-haramkan. Oleh itu tidak-lah ada hasil chukai dan lesen dari sumber ini.

**PUNGUTAN HASIL CHUKAI OLEH KERAJAAN PUSAT DI-MALAYSIA BARAT BAGI
TEMPOH 1958-1967**

(\$ Million)

	1958	1959	1960	1961	1962	1963	1964	1965	1966	1967 Revised Est.
I. CHUKAI IMPORT— (IMPORT DUTIES)										
Spirit	13.8	15.4	16.9	18.0	19.2	20.6	21.4	23.8	20.5	21.0
Minuman Keras Malt (Malt Liquors)	22.1	22.3	25.1	24.2	22.1	12.1	12.6	10.7	1.4	1.5
SUB-TOTAL I ..	35.9	37.7	42.0	42.2	41.3	32.7	34.0	34.5	21.9	22.5
II. EKSAIS— (EXCISE)										
Minuman Keras Buatan Tem- patan (Locally manufactured Liquors)	5.3	5.2	5.3	5.1	6.5	4.1	4.2	4.1	3.9	3.6
Minuman Keras Malt Buatan Tempatan (Locally Brewed Malt Liquors)	—	—	—	—	—	12.7	12.7	15.7	24.0	25.0
SUB-TOTAL ..	5.3	5.2	5.3	5.1	6.5	16.8	16.9	19.8	27.9	28.6
TOTAL I AND II ..	41.2	42.9	47.3	47.3	47.8	49.5	50.9	54.3	49.8	51.1
III. Mahkamah (Denda dan Ram- pasan) Court (Fines and Forfeitures)	2.4	2.6	3.2	3.0	3.1	2.8	2.6	3.1	3.3	3.5
IV. Bertaroh dan Judi Lumba (Betting and Sweepstakes)	2.5	2.3	3.2	4.7	6.1	9.0	8.6	9.4	9.8	11.8
V. Loteri (Lotteries)	1.8	2.5	3.3	3.6	3.3	4.5	5.2	5.0	5.3	5.5
GRAND TOTAL (I TO V) ..	47.9	50.3	57.0	58.6	60.3	65.8	67.3	71.8	68.2	71.9

Modal Luar Negeri

378. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kewangan pada masa ini:

(a) berapa banyak-kah modal luar negeri yang di-tanam di-Malaysia Barat; dan

(b) nyatakan dari mana-kah modal² itu datang.

Tun Tan Siew Sin: Ma'alumat yang dapat di-perolehi mengenai penanaman modal dari luar negeri di-Malaysia Barat ada-lah meliputi modal yang di-tanam oleh sharikat² yang bertaraf perintis sahaja.

(a) Pada 30hb Jun, 1968, modal berjumlah \$230.9 juta telah di-tanamkan oleh negara² asing di-dalam Sharikat² yang bertaraf perintis di-sini.

(b) Modal luar Negeri yang di-sebutkan ada-lah berpuncha dari

negeri² yang di-nyatakan di-bawah:

Australia
Bahamas
Denmark
Formosa
France
Germany
Greece
Holland
Hongkong
Indonesia
Japan
New Zealand
Canada
South Africa
Switzerland
Thailand
United Kingdom
U.S.A.

Pekerja²

379. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kewangan berapa ramai-kah pekerja² di-bawah Peratoran K.W.S.P. telah di-beri wang simpanan-nya sejak tahun 1963 dengan menyatakan:

- mereka yang sudah berumur 55 tahun;
- mereka yang menerima bayaran kerana alasan² perubatan; dan
- mereka yang menerima bayaran kerana meninggalkan Malaysia.

Tun Tan Siew Sin: Bilangan pencharum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang telah mengeluarkan wang mereka dalam Kumpulan itu sejak 1953 sampai kepada 24hb Julai, 1968, kerana sebab:

- mereka telah berumur 55 tahun;
- mereka sakit dan tidak boleh bekerja lagi; dan
- mereka hendak meninggalkan Malaya, ia-lah:

	55 tahun	Sakit	Meninggalkan Malaya
1953 ...	2,199	301	831
1954 ...	6,920	865	2,466
1955 ...	7,951	1,262	2,370
1956 ...	8,627	1,256	2,037
1957 ...	11,288	1,577	3,432
1958 ...	13,423	2,208	5,773
1959 ...	14,153	3,816	3,340
1960 ...	11,248	1,664	1,172
1961 ...	10,785	1,676	1,814
1962 ...	9,221	1,862	1,564
1963 ...	12,727	2,960	1,302
1964 ...	15,679	1,281	1,219
1965 ...	14,535	1,298	1,565
1966 ...	14,975	1,304	1,383
1967 ...	15,405	1,201	1,927
hingga 24-7-68 ...	14,380	840	1,287
	183,516	25,371	33,482

Perkataan "wang simpanan-nya" yang di-pakai dalam soalan Yang Berhormat itu ada-lah mengelirukan kerana charuman yang di-buat oleh pekerja dan majikan itu di-jumlahkan dan jumlah itu di-kereditkan kepada kira² pekerja tadi dalam Kumpulan Wang itu. Bila permohonan mengeluarkan wang telah di-benarkan, semua wang, termasuk faedah-nya, di-bayar kepada pekerja itu dengan sekali gus.

Gadai

380. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kewangan ada-kah benar bahawa Kerajaan Negeri Kelantan telah menggadai beberapa ratus ribu ekar tanah hutan kerana hendak mendapatkan wang bagi keperluan negeri itu, jika benar, nyatakan:

- Jumlah luas tanah yang di-gadai;
- Wang yang di-terima;
- Kapada siapa tanah itu di-gadai.

Tun Tan Siew Sin: Ya, ada-lah benar bahawa Kerajaan Negeri Kelantan telah membuat Perjanjian pada 20hb Julai, 1964 dengan Sharikat Timbermine Industrial Corporation Limited. Mengikut Perjanjian ini Sharikat tersebut telah di-benarkan "membalak, mengeluarkan kayu balak dan kelu-aran² hutan, mendirikan kilang², men-chari bijeh logam dan mengerjakan lombong²", di-dalam kawasan tanah sa-luas lebeh kurang sa-tengah juta ekar di-Ulu Kelantan selama 33 tahun. Jika benar atau tidak-nya tindakan Kerajaan Negeri Kelantan ini di-jalan-kan bagi mendapatkan puncha² hasil bagi keperluan kewangan-nya, ia-lah satu soalan untuk Kerajaan Negeri Kelantan sendiri menjawab-nya, oleh sebab Kerajaan Persekutuan telah tidak di-beri tahu tentang apa-kah sa-benar-nya tujuan² dan sebab² tindakan tersebut.

Luas-nya kawasan yang telah di-persetujui pada asal-nya ia-lah 500,000 ekar tetapi ini telah kemudian-nya di-kurangkan hingga menjadi 280,000 ekar.

Kerajaan Negeri telah menerima pada tarikh Perjanjian tersebut sa-banyak \$1 juta sa-bagai "Bayaran Pendahuluan terhadap Hasil Hutan". Sa-patut-nya \$1 juta lagi di-terima dari Sharikat Timbermine, tetapi tidak ada apa² pembayaran telah di-buat, berikutan daripada mana luas Kawasan dalam Perjanjian itu telah di-kurangkan. Perjanjian tersebut telah di-buat dengan "Timbermine Industrial Corporation Limited", sa-buah Sharikat yang telah di-tubuhkan di-Singapura dan mempunyai 'alamat berdaftar di-Denmark House, Raffles Quay, Singapura I.

Yes, it is true that the Kelantan State Government entered into an Agreement on 20th July, 1964 with the Timbermine Industrial Corporation Limited, under which the Company is permitted "to log, extract timber and forest products, to establish factories, to prospect and operate mines", within approximately half a million acres of land in Ulu Kelantan for 33 years. Whether this action by the State Government is a measure to find sources of revenue to meet its financial needs or not, is for the Kelantan State Government itself to answer, as the Federal Government was not made privy to the real objectives and reasons for the undertaking.

The acreage originally included in the Agreement was 500,000 but this was subsequently reduced to 280,000.

The State Government received on the date of the Agreement \$1 million as "Prepayment of Forest Royalties". \$1 million more was supposed to have been received from the Timbermine Company, but no further payment was made as a result of which the acreage in the Agreement was reduced. The Agreement was made with the Timbermine Industrial Corporation Limited, a company incorporated in Singapore and having its registered office at Denmark House, Raffles Quay, Singapore 1.

Penyeludupan Beras

381. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Kewangan ada-kah Kerajaan sedar bahawa kanak² berumur 8 hingga 12 tahun telah di-gunakan untuk menyeludup beras ka-negeri ini di-Sempadan Thailand. Jika sedar, berapa orang-kah yang telah di-tangkap dan berapa banyak-kah beras yang telah di-rampas.

Tun Tan Siew Sin: Saya memang sedar bahawa kanak² berumur antara 8 dan 12 tahun ada di-gunakan dalam penyeludupan beras ka-negeri ini di-Sempadan Thailand. Mithal-nya, dalam tahun 1966, 191 pikul beras dan dalam tahun 1967, 173 pikul lagi telah di-rampas tetapi tidak sa-orang pun kanak² yang terlibat itu telah dapat di-tangkap kerana sama ada mereka itu telah

sempat melarikan diri masing² apabila sahaja terpancang kepada Pegawai² Kastam atau pun mereka tidak dudok berdekatan dengan beras² yang di-bawa oleh mereka dengan keretapi dari Thailand ka-negeri ini. Dengan hal yang demikian, beras² itu di-rampas sahaja.

Wakil Pekerja²

382. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Finance to give particulars concerning the workers' representative serving on the Tariff Advisory Board in the following forms:

Name and union interest	Term of office with dates	Allowance attached
----------------------------	------------------------------	-----------------------

Tun Tan Siew Sin: The Honourable Member who is himself a part-time member of the Tariff Advisory Board would be aware that the Tariff Advisory Board Act does not specify that part-time members should represent sections or classes of people. In these circumstances, trade unions as such are not specifically represented in the same manner as other organised institutions are not specifically represented.

Komputer

383. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Finance to state if it is true that the computer installed in the Department of Inland Revenue has been out of order. If so, how long has it been out of order and how much it will cost to put it right and whether he can assure the House that in view of the computer being found to be faulty that steps have been taken to see that tax-payers are not being wrongly assessed.

Tun Tan Siew Sin: It is not true that the computer installed in the Department of Inland Revenue has been out of order in the sense that appears to be implied in the question. Minor faults have occurred from time to time, which is inevitable in a complex piece of machinery of this kind, but they have been quickly rectified, and in general the installation has been maintained in a satisfactory working condition without additional expense. Every precaution is taken to ensure that these minor machine faults do not affect the ultimate accuracy of the information fed in or extracted.

Pesuruhjaya² Khas

384. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Finance to give the names and professional qualifications of the Special Commissioners in the Income Tax Department and to state whether these appointees are full-time officers or are they merely seconded from their respective departments.

Tun Tan Siew Sin: The following were appointed as Special Commissioners of Income Tax under Section 98 of the Income Tax Act, 1967:

- (i) Enche' Wan Hamzah bin Wan Mohammad Salleh (*Chairman*).
- (ii) Enche Lee Kuan Yew.
- (iii) Enche' David Kuok Khoon Hin.

Enche' Wan Hamzah is a Barrister-at-Law, having been called to the Bar at Lincoln's Inn, London, in 1959. He is an officer in the Judicial and Legal Service and has been seconded on full-time duties as a Special Commissioner for a period of two years.

Enche' Lee Kuan Yew is an Arts Graduate of the University of Hong Kong and was an officer of the Department of Inland Revenue. He has been seconded on full-time duties as a Special Commissioner for a period of two years.

Enche' David Kuok Khoon Hin is a Chartered Accountant, being an Associate Member of the Institute of Chartered Accountants in England and Wales. He is a contract officer appointed as a Special Commissioner on full-time duties for a period of two years.

Perjanjian Anti-Penyeludupan

385. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Finance to state if he is aware of the complaint by businessmen in Sabah that the Anti-Smuggling Pact with the Philippines has reduced the barter trade to almost nothing, and if so, what steps he has taken to revive the barter trade.

Tun Tan Siew Sin: The Minister of Finance is well aware of this complaint. The Acting Minister had very frank discussions with the members of the various Chambers of Commerce on this matter when he visited Sabah at the end of last month.

The Government is studying this matter and is considering what are the appropriate measures to be taken.

Pinjaman Wang

386. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kewangan apa-kah hasil pemergian satu rombongan Malaysia ka-Amerika Sharikat untuk meminjam wang dari Bank Dunia dengan menyatakan:

- (a) Jumlah anggota rombongan;
- (b) Perbelanjaan rombongan;
- (c) Tarikh bertolak dan tarikh sampai balek ka-Malaysia;
- (d) Jumlah pinjaman yang diperolehi; dan
- (e) Kadar bunga yang dikenakan ka-atas hutang itu dan lama masa yang hutang itu wajib di-jelaskan.

Tun Tan Siew Sin: Satu rombongan telah berlepas ka-Washington untuk merundingkan dua pinjaman daripada Bank Dunia untuk membiayai rancangan² Talikom dan Bekalan Ayer bagi Kuala Lumpur. Maalumat² yang di-kehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu berkenaan dengan hasil pemergian rombongan tersebut ada-lah seperti berikut:

- (a) 7 orang;
- (b) lebih kurang \$27,000;
- (c) 2 orang pegawai bertolak pada 14hb Julai, sa-orang pada 16hb Julai, dua orang pada 18hb Julai dan dua orang lagi pada 23hb Julai, 1968. Tarikh mereka akan sampai ka-Malaysia tidak-lah dapat di-tentukan tetapi run-dingan² ini di-jangka akan meng-ambil masa sa-lama 2 minggu.

- (d) Jumlah atau banyak pinjaman yang akan di-perolehi belum lagi di-ketahui kerana perkara ini sedang di-bincangkan oleh rombongan tersebut dengan Bank Dunia.
- (e) Kadar faedah yang akan di-kenakan ka-atas pinjaman itu dan jangka masa ia-nya wajib di-jelaskan belum lagi di-ketahui, tetapi memandangkan kepada syarat² yang telah di-kenakan oleh Bank itu bagi pinjaman² yang telah di-perolehi, kadar faedah bagi kedua pinjaman ini di-jangka di-antara 6½% hingga 6½% sa-tahun dan tempoh penjelasan-nya ia-lah di-antara 18 hingga 20 tahun.

It is assumed that the question refers to the team of Federal and Selangor State Government officials who are now in Washington to negotiate loans from the World Bank for financing a Telecommunications project as well as the Kuala Lumpur Water Supply scheme. The details sought are given below:

- (a) 7 officials.
- (b) approximately \$27,000.
- (c) 2 officials left on 14th July, one on 16th July, two on 18th July and two on 23rd July, 1968. The date of their arrival in Malaysia cannot be determined now but negotiations are expected to last for 2 weeks.
- (d) The amount of loans obtained cannot be determined now as negotiations with the World Bank are still in progress at the moment.
- (e) The rate of interest and the period of settlement of the loans cannot be stated at the moment but judging from the terms and conditions imposed by the World Bank for previous loans, it is expected that these two loans would carry an interest rate of between 6½% to 6½% per annum and would be repayable in 18 to 20 years.

Kewangan ada-kah benar bahawa dia sendiri telah pergi ka-Eropah untuk mendapat pinjaman wang, jika ya, nyatakan:

- (a) Berapa orang anggota rombongan-nya;
- (b) Tarikh bertolak dari Malaysia dan tarikh pulang ka-Malaysia;
- (c) Perbelanjaan rombongan;
- (d) Negeri tempat mendapat pinjaman;
- (e) Jumlah pinjaman yang di-perolehi; dan
- (f) Kadar bunga dan lama masa hutang itu wajib di-jelaskan.

Tun Tan Siew Sin: Saya telah melawat ibunegara² enam buah negeri di-Eropah ia-itu Belgium, Denmark, Peranchis, Jerman, Belanda dan Switzerland pada bulan Mei, 1966 di-atas nasehat Bank Dunia untuk meninjau reaksi mereka berkenaan chadangan yang di-buat oleh Bank Dunia supaya negeri² ini memasoki Kumpulan Setiakawan untuk Malaysia yang telah bersidang buat pertama kali-nya pada penghujung bulan Mei tahun itu (1966). Maka lawatan² itu bukan-lah merupakan rundingan untuk mendapatkan pinjaman dari negeri² itu.

Ma'alumat² telah pun beberapa kali di-beri kepada Parlimen mengenai syarat² bagi berbagai² pinjaman wang dan kredit yang pada akhir-nya di-rundingkan dengan ahli² (negeri²) Kumpulan Setiakawan.

I visited the capitals of six European countries namely, Belgium, Denmark, France, Germany, the Netherlands and Switzerland in May 1966 at the suggestion of the International Bank for Reconstruction and Development in order to assess their reaction to a proposal made by the Bank that these countries should join the Consultative Group for Malaysia which met for the first time at the end of May that year. The visits were not therefore for the purpose of negotiating loans from these countries as such. Information has already been given to Parliament on more than one occasion as to the terms and conditions of various loans and

lines of credit that have been subsequently negotiated with member countries of the Consultative Group.

Huruf Jawi

388. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kewangan:

- (a) ada-kah Kerajaan telah sengaja meninggalkan huruf Jawi dari di-gunakan di-atas wang² dan duit Malaysia; jika ya, ada-kah Kerajaan sedar bahawa perbuatan itu membawa kepada penghapusan tulisan Jawi yang menjadi salah satu huruf rasmi bagi negeri ini menurut Perlembagaan-nya; dan
- (b) ada-kah Kerajaan akan men-chetak sa-mula wang² dengan mengguna huruf Jawi di-semua jenis wang itu.

Tun Tan Siew Sin:

- (a) Yang Berhormat barangkali maseh lagi ingat bahawa soalan ini telah di-bangkitkan di-Dewan Ra'ayat beberapa kali. Jawapan-nya ada-lah sama ia-itu kegunaan tulisan rumi di-wang² kertas dan siling² Malaysia ada-lah sesuai dengan isi kandungan Fasal 2 Undang² Bahasa Kebangsaan Tahun 1963 yang menyatakan bahawa tulisan rumi ada-lah tulisan rasmi dengan syarat tidak ada apa² yang menghalang kegunaan tulisan Jawi. Perkara ini telah pun di-pertimbangkan dengan sa-habis halus dan teliti. Tulisan rumi ada-lah di-dapati lebih sesuai bagi satu masyarakat yang berbilang bangsa dan juga ini ada-lah bermanu'fat kepada negara kerana mata wang Malaysia telah pun di-beri kedudukan antarabangsa dan juga di-guna-kan di-beberapa negara di-Asia.
- (b) Sa-bagai yang di-nyatakan di-atas, Kerajaan telah memberi pertimbangan teliti sa-belum membuat keputusan mengguna-kan tulisan rumi di-wang² kertas

serta siling Malaysia. Keputusan menggunakan tulisan rumi tidak akan di-tukar kerana tiada sebab² yang memustahakannya. Tulisan ini akan terus di-gunakan pada tiap² wang kertas dan siling baharu. Pengeluaran wang² kertas dan siling yang sudah pun dalam edaran ada-lah satu peroses yang amat mahal dan Kerajaan tidak berchadang untuk mengeluarkan semula wang² kertas serta siling baharu yang menggunakan tulisan jawi. Sa-lanjut-nya, kegunaan tulisan rumi di-wang² kertas dan siling ini tidak menghalang atau mengurangkan kegunaan tulisan jawi di-Malaysia.

- (a) The Hon'ble Member may recall that this question has been raised in the Dewan Ra'ayat on several occasions. The same answer still applies in that the use of Rumi on Malaysian notes and coins is in accordance with the provision of section 2 of the National Language Act, 1963 which provides that Rumi is the official script provided that nothing prohibits the use of the Jawi script. Careful consideration has been given to all aspects of the matter. The use of the Rumi script is considered more appropriate in a multi-racial society and it is also in the best interest of the nation to do so since Malaysian currency is accorded international status, and is used in many countries in Asia.
- (b) As stated above, before deciding to use the Rumi script on the new Malaysian notes and coins, the Government has given careful consideration to all aspects of the matter. Circumstances in the country have not changed to warrant any modification of the decision to use the Rumi script. This script will continue to be used on the new currency notes and coins. The re-issue of currency notes and coins already in circulation is a very expensive process and the Government

does not contemplate the re-issue of currency notes and coins bearing Jawi script. Further, the use of the Rumi script in the Malaysian notes and coins does not in any way inhibit or reduce the use of Jawi script in Malaysia.

Juru-kira

389. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kewangan:

- (a) pada masa ini berapa ramai-kah juru-kira yang berkhidmat dengan Kerajaan Pusat di-Malaysia Barat; dan
- (b) ada-kah jumlah itu memadai bagi menghadapi tugas² kewangan negara sekarang.

Tun Tan Siew Sin:

- (a) Ada 19 jawatan akauntan dalam Jabatan² Persekutuan di-Malaysia Barat dan 15 daripada jawatan² ini telah di-isi. Jumlah sa-ramai 15 orang akauntan itu ada-lah terdiri daripada 7 orang pegawai tetap, 2 orang pegawai berpenchen yang di-ambil bekerja semula, 3 orang pegawai kontrak dan 3 orang pegawai yang di-ambil bekerja sa-chara sementara.
- (b) Jumlah ini ada-lah tidak mencukupi bagi menanggung beban kerja yang ada sekarang oleh kerana ada-nya 4 jawatan yang maseh kosong itu, tetapi Jabatan² yang berkenaan dapat melaksanakan kerja²-nya dengan chara akauntan² itu memikul beban tambahan dan juga dengan bantuan pegawai² kerja kira² dan penyimpan kira². Bagaimanapun, usaha yang bersungguh² sedang di-jalankan untuk mengisi jawatan² yang kosong itu melalui pengambilan sa-chara langsung dan juga dengan memberi latehan.
- (a) There are 19 posts for accountants in Federal Departments

in West Malaysia of which 15 have been filled. Of the 15 accountants, 7 are permanent officers, 2 are re-employed pensioners, 3 are contract officers and 3 are officers employed on temporary basis.

- (b) The number of accountants are not sufficient to cope with the present workload because of the 4 vacancies but the Departments have been able to manage with the accountants taking extra burden and with the assistance of the executive accounting officers and book-keepers. We are however trying our best to fill the vacancies both by direct recruitment and by training.

390. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kewangan:

- (a) ada-kah benar bahawa berjuta-juta ringgit telah di-belanjakan oleh Kerajaan Pusat tanpa Kuasa Perbendaharaan dalam tahun 1967; jika ya, nyatakan jumlah wang yang di-belanjakan dalam:
 - (i) belanja biasa; dan
 - (ii) belanja Pembangunan; dan
- (b) apa-kah tindakan yang di-ambil oleh Kerajaan terhadap Kementerian² atau Jabatan² yang melakukan perkara tersebut supaya peruntukan² yang di-tetapkan dapat di-kawal dengan baik.

Tun Tan Siew Sin:

- (a) Ada-lah benar bahawa sa-tengah² Kementerian dan Jabatan melebihi peruntukan² mereka dengan tidak mendapat terlebih dahulu kebenaran dari Perbendaharaan. Jumlah yang terlibat ia-lah \$73.8 juta terhadap perbelanjaan biasa dan \$32.2 juta terhadap perbelanjaan pembangunan. Sa-bahagian besar daripada lebih-perbelanjaan ini ada-lah mengenai perbelanjaan² yang di-tanggung oleh Undang² dan lain² perbelanjaan yang

telah terikat. Perbelanjaan² ini tidak dapat di-elakkan dan Perbendaharaan telah di-beri tahu sechara lisan terhadap kebanyakan daripada perbelanjaan² ini.

Perbendaharaan telah mengambil tindakan untuk meluluskan lebeh-perbelanjaan yang telah di-lakukan itu dengan jalan mendapatkan peruntukan tambahan yang sewajar-nya.

- (b) Supaya dapat mencheegah lebeh-perbelanjaan daripada berlaku lagi tanpa apa² kebenaran, Perbendaharaan telah sekali lagi mengeluarkan satu surat pekeli-ling kepada semua Setia-usaha² kepada Kementerian² serta semua Ketua² Jabatan, menyatakan bahawa baucher² tidak boleh di-terima untuk pembayaran atau di-kenakan kepada mana² pechahan-kepala atau kira² jika pembayaran dalam baucher tersebut akan membawa kepada perbelanjaan yang berlebehan daripada jumlah yang di-per-untukkan di-bawah pechahan-kepala atau kira² yang berkenaan. Dengan jalan ini lebeh-perbelanjaan tidak akan ber-laku.

- (a) It is true that certain Ministries and Departments exceeded their voted provisions without first obtaining formal approval from Treasury. The sums involved were \$73.8 million for ordinary expenditure and \$32.2 million for development expenditure. The greater portion of the over-expenditure however was for charged and other committed expenditure which could not be avoided and in most cases the Treasury had been informed verbally.

The Treasury has taken appropriate action to clear the over-expenditure incurred by obtaining the necessary supplementary provision.

- (b) To prevent unauthorised over-expenditure, the Treasury has

again issued a circular letter to all Secretaries to Ministries and Heads of Federal Departments stating that no voucher would be passed for payment or may be debited to any sub-head or account if the disbursement stated in the voucher would cause an excess of expenditure over the amount provided under that sub-head or account. In this way no over-expenditure can take place.

Kedai Tuak

391. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kewangan:

- (a) pada masa ini berapa banyak kedai tuak yang di-beri lesen di-tiap² negeri di-Malaysia Barat; dan
(b) nyatakan jumlah kedai tuak yang menyalah-gunakan lesen itu.

Tun Tan Siew Sin:

- (a) Pada masa ini ada 170 buah kedai tuak yang berlesen di-Malaysia Barat ia-itu 34 buah di-Johor, 2 buah di-Melaka, 70 buah di-Perak, 7 buah di-Negeri Sembilan, 18 buah di-Selangor, 34 buah di-Kedah, sabuah di-Trengganu dan 4 buah di-Penang.
(b) Tidak ada kedai tuak yang telah menyalah-gunakan lesen itu.

Doktor²

392. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kewangan:

- (a) menurut seksyen 20 (2) (b) Per-atoran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja², siapa-kah doktor² yang telah di-lantek menjadi Anggota Jema'ah Doktor (Medical Board); dan
(b) bila-kah mereka di-lantek.

Tun Tan Siew Sin: Nama² negeri, pekan, doktor² dan 'alamat² doktor² yang telah di-lantek di-bawah Peratoran 20 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja²

tahun 1952, bersama dengan tarikh mereka di-lantek itu ada di-terangkan dalam jadual yang berikut :

Negeri	Pekan	Doktor ²	'Alamat dan No. Talipon	Prebet atau Kerajaan	Tarikh Penerimaan Lantekan
1. PENANG ..	 Penang	1. Dr Yeo Choon Hoi (1937)	317 Chulia Street, Penang (Tel. No. 65065)	Prebet ..	1. Di-lantek pada 22-10-1962
		2. Dr Ooi Kee Saik (1954)	Esplanade Dispensary, 7 Light Street, Penang (Tel. No. 22550)	" ..	2. 14-4-1964
2. KELANTAN ..	 Kota Bharu	1. Dr Cheah Teng Siong (1959)	Rumah Sakit Umum, Kota Bharu, Kelantan (Tel. No. Kota Bharu 1000)	{ Kerajaan ..	{ 1. 27-1-1966 2. 18-1-1966 3. 20-8-1967
		3. Dr A. R. S. Bhathal Singh (1956)	1. Kelinik Leong, 137 Jalan Kampong China, Kuala Trengganu		
3. TRENGGANU ..	 Kuala Trengganu	1. Dr Leong Chee Fui	2. Zakaria Klinik, Jalan Raya Bunga, Kuala Trengganu	Prebet ..	1. 5-5-1968
		2. Dr Zakaria bin Salim	Drs Watson, Lee and O'Sullivan, Bel- field Street, Ipoh, Perak (Tel. No. Ipoh 2467)	" ..	2. 5-5-1968
4. PERAK ..	 Ipoh	1. Dr Murray, J. A. Watson (1953)	80 Barrack Road, Taiping, Perak (Tel. No. Taiping 3161)	" ..	5-3-1956
		2. Dr Y. K. Lee (1962)	170 Main Road, Taiping, Perak (Tel. No. Taiping 291)	" ..	1. 14-1-1966
		3. Dr P. J. G. O'Sullivan (1952)	Chartered Bank Chambers, 4 Jalan Ampang, Kuala Lumpur (Tel. No. Kuala Lumpur 53943)	" ..	2. 13-1-1966
5. SELANGOR ..	 Kuala Lumpur	1. Dr T. Markandu (1936)	Rumah Sakit Umum, Seremban, Negri Sembilan (Tel. No. Seremban 3355)	" ..	22-11-1955
		2. Drs Young, Newton and Partners (1953 and 1955)		{ Kerajaan ..	{ 1. 7-5-1968 2. 6-6-1968 3. Belum ada jawab- an terhadap pela- waan
6. NEGRI SEMBILAN ..	 Seremban	1. Dr Mahinder Singh (1960)	International Dispensary, 58 Newcome Road, Malacca (Tel. No. Malacca 2630)		
		2. Mr Mannohan Singh Grewal (1938)	P.O. Box No. 55, Bastion House, Malacca (Tel. No. Malacca 4691/4693)	Prebet ..	1. 4-5-1966
		3. Dr. (Miss) Suseela Nair (1965)	O.C.B.C. Building, Ground Floor, Jalan Tan Hick Nee, Johore Bahru (Tel. No. Johore Bahru 3328)	" ..	2. 2-5-1966
7. MALACCA ..	 Malacca	1. Dr C. K. Chua (1960)	Malayan Dispensary, 361 Jalan Tanga Duke, Johore Bahru (Tel. No. Johore Bahru 2044)	" ..	1. 17-3-1966
		2. Dr R. H. Isaac (1947)	Central Medical Hall, 15 Jalan Ismail, Kluang, Johore (Tel. No. Kluang 106)	" ..	2. 19-3-1966
8. JOHORE ..	 Johore Bharu	1. Dr Low Soon Chym (1953)	7 Jalan Dato' Captain Ahmat, Kluang, Johore (Tel. No. Kluang 121)	" ..	1. 17-8-1964
		2. Dr Awang bin Hassan (1935)	Federation Dispensary, 38 Telok Sisek Road, Kuantan, Pahang (Tel. No. 363)	" ..	2. 17-8-1964
			Lau Clinic, 36 Jalan Telok Sisek, Kuantan, Pahang (Tel. 365)	" ..	1. 12-10-1966
9. PAHANG ..	 Kuantan	1. Dr N. Mahalingam (1955)	111 Jalan Langgar, Alor Star, Kedah (Tel. No. 868)	" ..	2. 3-10-1966
		2. Dr Chan Kok Cheong (1958)	62 Petan Melayu, Alor Star, Kedah (Tel. No. 315)	" ..	1. 20-10-1966
10. KEDAH ..	 Alor Star	1. Dr Lim Joo Hai (1959)	3917 Bagan Luar Road, Butterworth, Province Wellesley	" ..	2. 3-10-1966
		2. Dr C. K. Cheung (1947)	3844 Bagan Luar Road, Butterworth, Province Wellesley (Tel. No. 3211)	" ..	1. 20-9-1966
11. PROVINCE WELLESLEY ..	 Butterworth	1. Dr M. C. Chacko (1955)	33 Raffles Place, Singapore 1	" ..	2. 20-9-1966
		2. Dr Oon Guan Yong (1933)		" ..	29-10-1963
12. SINGAPORE ..	 Singapore	Drs Gethin—Jones and Liew		" ..	

Bank² Perniagaan

393. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kewangan:

- (a) pada masa ini berapa banyakkah bank² perniagaan yang dimodali dengan modal asing di-negeri ini; dan
- (b) nyatakan nama bank dan puncha modal-nya.

Tun Tan Siew Sin:

- (a) Pada masa ini ada 22 bank yang di-tubuhkan di-negeri asing yang menjalankan perniagaan di-Malaysia.
- (b) Semua bank yang di-tubuhkan di-negeri asing boleh mendapat modal dari ibu pejabat-nya bila² mereka memerlukan modal itu. Daripada 22 bank yang di-tubuhkan di-negeri asing itu, 5 mempunyai ibu pejabat di-Singapura, 3 masing² di-United Kingdom, Amerika Sharikat dan India, 2 di-Hong Kong dan satu masing² di-negeri Belanda, Thailand, Jepun, Perancis, Jerman dan Pakistan. Semua bank yang di-tubuhkan di-negeri asing di-kehendaki menaruh jumlah harta bersekh di-Malaysia tidak kurang dari \$2 juta. Pada hujung bulan Jun, 1968, harta bersekh yang di-punyai oleh bank² ini di-Malaysia berjumlah \$313 juta.
- (a) There are at present twenty-two foreign incorporated banks operating in Malaysia.
- (b) All the foreign incorporated banks can have recourse to their own head office for resources as and when required. Of the 22 foreign incorporated banks, 5 have their head offices in Singapore, 3 each in the United Kingdom, the United States of America and India, 2 in Hong Kong and one each in the Netherlands, Thailand, Japan, France, Germany and Pakistan. All the foreign incorporated banks are required to maintain minimum net assets in Malaysia

of not less than \$2 million each. As at the end of June, 1968 they held net assets in Malaysia amounting to \$313 million.

Chukai Ekspot

394. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kewangan berapa-kah jumlah chukai ekspot yang di-pungut di-Malaysia Barat tiap² tahun sejak tahun 1963 dari barang² yang berikut:

- (a) Bijeh; dan
- (b) Getah.

Tun Tan Siew Sin:

- (a) Jumlah chukai ekspot yang di-pungut di-Malaysia Barat tiap² tahun sejak tahun 1963 hingga tahun 1967 di-atas bijeh ia-lah seperti berikut:

1963	...	\$ 91,863,823
1964	...	114,893,552
1965	...	137,985,409
1966	...	133,374,391
1967	...	129,803,392

- (b) Jumlah chukai ekspot yang di-pungut di-Malaysia Barat tiap² tahun sejak tahun 1963 hingga tahun 1967 di-atas getah ia-lah seperti berikut:

1963	...	\$82,762,890
1964	...	69,139,620
1965	...	72,726,376
1966	...	67,888,758
1967	...	44,346,697

Bank Negara

395. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Kewangan berapa-kah jumlah keuntongan yang di-perolehi oleh Bank Negara hingga akhir tahun 1967 dan apa-kah sebab² bertambahnya keuntongan ini.

Tun Tan Siew Sin: Sejak tertubuhnya Bank Negara pada tahun 1959 hingga tahun 1967, jumlah untong-nya

ia-lah \$39,934,035. Jumlah untong bagi tiap² tahun ia-lah seperti berikut :

1959	...	...	\$ 1,834,841
1960	...	...	3,046,432
1961	...	...	2,715,763
1962	...	...	2,591,819
1963	...	...	2,185,999
1964	...	...	2,835,756
1965	...	...	6,993,740
1966	...	...	7,126,879
1967	...	...	10,602,806
			<u>\$39,934,035</u>

Dalam tahun 1967, untong bank ini berjumlah \$10,602,806 berbanding dengan \$7,126,879 dalam tahun 1966 dan \$6,993,740 dalam tahun 1965. Bagi tahun 1967, untong bank ini menjadi bertambah banyak khas-nya kerana jumlah kumpulan wang untok pelaburan telah meningkat. Sejak 12hb Jun, 1967, apabila Bank Negara mengambil alih Lembaga Pesuruhjaya² Mata Wang Malaya dan British Borneo ia-itu pehak yang berkuasa mengeluarkan mata wang di-Malaysia, Bank ini telah menyerahkan mata wang kertas dan sen yang di-terima bagi pertukaran dengan mata wang baru Malaysia, kepada Pesuruhjaya² Mata Wang untok diganti dengan sterling. Sterling yang diperolehi ini menambahkan jumlah kumpulan wang yang ada di-Bank Negara Malaysia untok pelaburan. Selain daripada itu kadar bunga di-pusat² kewangan antarabangsa di-mana sa-jumlah besar daripada kumpulan wang bank ini di-laburkan ada-lah lebih mahal dalam tahun 1967 daripada tahun 1966.

Since its establishment in 1959 up to 1967, Bank Negara has obtained a profit totalling \$39,934,035. The profit for each year is as follows :

Year	Amount
1959	\$ 1,834,841
1960	3,046,432
1961	2,715,763
1962	2,591,819
1963	2,185,999
1964	2,835,756
1965	6,993,740
1966	7,126,879
1967	10,602,806
	<u>\$39,934,035</u>

In 1967, the profits of the Bank amounted to \$10,602,806 compared with \$7,126,879 in 1966 and \$6,993,740 in 1965. The substantial increase in the Bank's profits in 1967 was due mainly to the increase in the amount of funds available for investment. Since the taking over by Bank Negara Malaysia from the Board of Commissioners of Currency, Malaya and British Borneo, the sole authority to issue currency in Malaysia on June 12, 1967, the Bank has been presenting Board currency notes and coins it has received in exchange for the new Malaysian currency to the Board of Commissioners of Currency for redemption in sterling. The sterling so acquired increases the amount of funds available to Bank Negara Malaysia for investment. In addition, the rates of interest in international financial centres where the major portion of the Bank's funds are invested have been generally higher in 1967 than in 1966.

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

396. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Finance the amount invested by the E.P.F. in Federation of Malaya/Malaysia loans from the inception of the E.P.F. till the end of 1967, the figures separately for each year.

Tun Tan Siew Sin: The amount invested by the Employees Provident Fund in Federation of Malaya/Malaysia loans from the inception of the E.P.F. till the end of 1967 is as follows :

Year	Amount
1952	\$ 16,877,481
1953	34,008,809
1954	66,754,813
1955	26,170,930
1956	67,446,212
1957	75,532,924
1958	99,708,916
1959	83,282,197
1960	87,839,582
1961	96,892,575
1962	106,139,650
1963	107,830,722
1964	127,145,350
1965	149,349,000
1966	163,196,857
1967	182,111,106

Chukai/Peruntukan/Perbelanjaan

397. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kewangan berapa-kah jumlah chukai yang di-pungut oleh Kerajaan Pusat di-negeri Sabah dan Sarawak bagi tahun 1964, 1965, 1966 dan 1967 berbanding dengan jumlah wang yang di-untukkan oleh Kerajaan Pusat kepada tiap² negeri tersebut dalam tempoh yang sama.

Tun Tan Siew Sin: Jumlah hasil yang telah di-kutip oleh Kerajaan Persekutuan di-Sabah dan Sarawak pada tahun² 1964 hingga 1967 ia-lah seperti berikut:

	1964	1965	1966	1967*
	\$j	\$j	\$j	\$j
Sabah ...	57.6	68.8	79.9	95.7
Sarawak ...	59.3	68.3	77.8	90.6
Jumlah ...	116.9	137.1	157.7	186.3

Di-samping mengutip hasil² tersebut, Kerajaan Persekutuan telah memperbelanjakan jumlah² wang yang berikut di-kedua² Negeri itu bagi tahun² 1964 hingga 1967:

	1964	1965	1966	1967
	\$j	\$j	\$j	\$j
Sabah ...	76.9	101.3	124.2	134.4
Sarawak ...	113.8	145.0	172.9	196.9
Jumlah ...	190.7	246.3	297.1	331.3

Ada-lah di-terangkan ia-itu angka² bagi perbelanjaan Kerajaan Persekutuan di-Sabah dan Sarawak seperti di-atas meliputi segala jenis perbelanjaan termasuk bantuan² pemberian² dan perbelanjaan pembangunan, tetapi tidak termasuk perbelanjaan terhadap Angkatan Bersenjata Malaysia yang berkhidmat di-kedua² Negeri itu. Perbelanjaan itu termasuk pemberian Kerajaan Inggeris bagi pembangunan Negeri² itu sa-banyak \$17 juta tiap² tahun.

* Angka² bagi tahun 1967 ada-lah anggaran sahaja.

The total revenue collected by the Central Government in Sabah and Sarawak during the years 1964-1967 are as follows:

	1964	1965	1966	1967
	\$m	\$m	\$m	\$m
Sabah ...	57.6	68.8	79.9	95.7
Sarawak ...	59.3	68.3	77.8	90.6
Total ...	116.9	137.1	157.7	186.3

Against the revenue collected the Federal Government spent the following total amounts in the two States for the years 1964-1967:

	1964	1965	1966	1967*
	\$m	\$m	\$m	\$m
Sabah ...	76.9	101.3	124.2	134.4
Sarawak ...	113.8	145.0	172.9	196.9
Total ...	190.7	246.3	297.1	331.3

It is to be noted that the figures in respect of Federal expenditure in Sabah and Sarawak as given above include all types of Federal Government expenditure including grants and assignments and development expenditure but excluding expenditure in respect of Malaysian Armed Forces stationed in the two States. This expenditure however includes the development grants from the British Government for the two States at \$17 million per year.

* The figure in respect of 1967 are estimates only.

398. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kewangan:

- berapa banyak-kah wang yang di-belanja oleh Kerajaan Pusat bagi kakitangan-nya tiap² tahun sejak tahun 1963 di-tiap² Negeri Sabah dan Sarawak; dan
- ada-kah chukai yang di-pungut oleh Kerajaan Pusat di-negeri² itu dalam tahun² yang sama itu chukup untuk membayar gaji pegawai²-nya di-negeri² tersebut.

Tun Tan Siew Sin:

- (a) Jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Persekutuan terhadap gaji kakitangan² Kerajaan Persekutuan di-Sabah dan Sarawak, sa-lain daripada Anggota² Angkatan Bersenjata, bagi tahun² 1964 hingga 1967 ada-lah seperti berikut:

	1964	1965	1966	1967
	\$j	\$j	\$j	\$j
Sabah ...	18.8	19.3	22.3	24.7
Sarawak ...	22.8	28.5	31.8	37.5
Jumlah ...	41.6	47.8	54.1	62.2

Angka² bagi tahun 1967 ada-lah anggaran sahaja.

- (b) Hasil yang telah di-kutip oleh Kerajaan Persekutuan dari Sabah dan Sarawak ada-lah men-chukopi untuk membayar gaji kakitangan² Kerajaan Persekutuan di-kedua² negeri ini bagi tahun² 1964 hingga 1967.

- (a) The total amount spent by the Federal Government in respect of the Personal Emoluments of Federal employees in Sabah and Sarawak, other than members of the Malaysian Armed Forces, for the years 1964-1967 are as follows:

	1964	1965	1966	1967
	\$m	\$m	\$m	\$m
Sabah ...	18.8	19.3	22.3	24.7
Sarawak ...	22.8	28.5	31.8	37.5
Total ...	41.6	47.8	54.1	62.2

The figures given for 1967 are only estimates.

- (b) The revenue collected by the Federal Government from Sabah and Sarawak was sufficient to meet the emoluments of Federal employees in these two States for the years 1964-1967.

- Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.
- Jabatan Perdana Menteri.

KEMENTERIAN TANAH DAN GALIAN

Undang² Tanah Negara/"Memorandum" Bersama

399. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Tanah dan Galian (a) sa-jauh manakah pindaan² telah di-buat kepada Undang² Tanah Negara atau (National Land Code) seperti mana yang pernah di-janjikan oleh Kerajaan dalam bulan Jun, 1967 dahulu untuk membela nasib orang² yang terlibat dalam pembahagian ladang² di-Malaysia Barat; dan (b) apa-kah kesudahan "memorandum" bersama yang di-katakan telah di-kemukakan oleh Kementerian Tanah dan Galian serta Kementerian Buroh untuk semakan dan nasihat Peguam Negara.

Menteri Tanah dan Galian (Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub):

- (a) Tidak mungkin Kanun Tanah Negara di-pinda untuk membela nasib pekerja² yang terlibat dalam pemecahan ladang² di-Malaysia Barat kerana peratoran sadermikian ada-lah terkeluar daripada maksud dan tujuan Kanun itu. Sa-kira-nya peratoran seperti itu di-buat, ia-nya tidak akan di-kandongkan dalam Kanun Tanah Negara;

- (b) dalam "memorandum" bersama oleh Kementerian Buroh dan Kementerian Tanah dan Galian yang telah di-kemukakan kepada Juma'ah Menteri di-shorkan beberapa langkah untuk mengawal pemecahan ladang². Shor² ini telah di-kemukakan kepada Peguam Negara yang men-chadangkan beberapa pindaan² kepada seksyen 214, Undang² Tanah Negara. Kabinet telah pun menerima shor² itu dan sekarang chadangan pindaan itu telah pun di-kemukakan kepada Kerajaan²

PERINGATAN—Jawapan² Bertulis daripada Kementerian² yang berikut ini akan di-terbitkan dalam sa-buah Jawa-pan² tambahan:

- Kementerian Tanah dan Galian.

Negeri untuk persetujuan mereka sa-belum tindakan di-ambil untuk di-bawa pindaan itu ka-Parlimen.

400. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Tanah dan Galian pada masa ini berapa luas-kah tanah² yang di-buka berupa ranchangan² di-bawah Ranchangan Tanah Pinggir yang di-belanja atau di-bantu belanja-nya oleh Kerajaan Pusat di-tiap² negeri di-Malaysia Barat; dan nyatakan:

- (a) banyak ranchangan yang berjaya dan jumlah wang yang di-belanjakan kerana-nya;
- (b) banyak ranchangan yang boleh di-sifatkan "boleh tahan" dan jumlah wang yang di-belanjakan kerana-nya; dan
- (c) banyak ranchangan yang gagal dan jumlah di-belanjakan kerana-nya.

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Keterangan² untuk jawapan di-atas belum lagi di-terima daripada Kerajaan² Negeri. Jawapan ini akan di-hantar kepada Ahli Yang Berhormat apabila kesemua keterangan di-terima daripada Kerajaan² Negeri.

401. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Tanah dan Galian (a) ada-kah Kementerian beliau telah mengambil tindakan mengenai jualan tanah oleh Ng Choo Kiat Construction Ltd, kepada sa-orang bernama Puteh Mariah binti Ibrahim Rashid pada bulan September, 1965 dan Puteh Mariah telah menjual pula tanah itu dengan harga berlipat ganda kepada Sharikat Kerjasama Polis Di-Raja pada hari itu juga; dan (b) apakah keadaan yang sa-benar dalam hal ini.

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Pembelian tanah tersebut telah di-ketahui oleh Bahagian Kemajuan Kerjasama, Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama melalui laporan odit pada pertengahan bulan Disember, 1965, tetapi Sharikat itu tidak meminta

kebenaran daripada Pendaftar, Sharikat² Kerjasama seperti yang di-kehendaki oleh Seksyen 33 (e) Ordinance Sharikat Kerjasama No. 33 Tahun 1968. Permohonan telah di-terima hanya pada 3hb Disember, 1966. Pendaftar telah meminta Sharikat ini memberi sebab² kebenaran-nya tidak di-perolehi terlebih dahulu sa-belum tanah tersebut di-beli dan juga memberi satu laporan di-atas pembelian ini yang di-keluarkan oleh Penaksir yang bertauliah. Laporan Penaksir yang bertauliah menunjukkan bahawa harga yang telah di-bayar oleh Sharikat untuk tanah tersebut ada-lah terlalu mahal.

2. Pada masa ini Bahagian Kemajuan Kerjasama sedang menimbang tindakan yang boleh di-ambil ka-atas Jawatan-kuasa Sharikat ini di-bawah Undang² Sharikat² Kerjasama. Dari segi Undang² Sharikat² Kerjasama tiada ternampak sa-barang tindakan yang boleh di-ambil ka-atas si-penjual tanah tersebut.

Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara

402. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Tanah dan Galian sejak di-tubuhkan Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara hingga sekarang berapa luas-kah tanah² yang sudah di-persatukan oleh Lembaga itu dan nyatakan keluasan dan tempat tanah² itu di-persatukan.

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Semenjak Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara di-tubuhkan, kerja² menyatukan tanah belum lagi di-mulakan kerana buat masa sekarang Lembaga itu sedang menumpukan segala tenaga-nya kepada tugas utama-nya, ia-itu tugas pemulehan.

403. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Tanah dan Galian berapa jumlah wang yang telah di-pinjamkan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan² Negeri di-Malaysia Barat untuk menjayakan usaha² Pemulehan dan Penyatuan Tanah di-negeri ini.

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Pinjaman wang yang di-buat oleh Kerajaan Pusat untuk menjayakan usaha² pemulehan dan penyatuan tanah di-negeri ini bukan-nya kepada Kerajaan² Negeri tetapi kepada Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara yang sekarang ini menjalankan kerja² pemulehan tanah. Jumlah wang yang telah di-pinjamkan mengikut Surat² Perjanjian Pinjaman Wang yang telah di-tanda tangani antara Kerajaan Pusat dan Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara berjumlah \$2,959,453.95 untuk 7 buah ranchangan Pemulehan.

404. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Tanah dan Galian berapa jumlah wang yang telah di-belanjakan oleh Kerajaan Pusat untuk memberi penerangan² berkenaan usaha² Lembaga Pemulehan dan

Penyatuan Tanah Negara di-Malaysia Barat sejak Lembaga itu di-tubuhkan.

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Semenjak Lembaga di-tubuhkan, belum lagi apa² perbelanjaan telah di-buat untuk memberi penerangan² berkenaan usaha² Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara.

405. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Tanah dan Galian berapa bilangan pegawai² yang bekerja dalam bahagian Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara di-Kementerian tersebut dan nyatakan kelayakan tiap² sa-orang pegawai.

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Bilangan Pegawai yang bekerja dengan Lembaga Pemulehan dan Penyata Tanah Negara hingga 31hb Julai, 1968 ada-lah seperti berikut:

Jawatan		Bilangan		Kelayakan
1. Pengerusi ...	...	1	...	P.D.L. Tingkatan II—Pegawai Kerajaan. Di-pinjamkan selama 3 tahun mulai 1hb Oktober, 1966
2. Setia-usaha ...	...	1	...	Sarjana Muda dengan kepujian dalam ekonomi dan pengalaman selama 5 tahun dalam bidang pentadbiran
3. Pegawai Pertanian ...	...	1	...	Ijazah Pertanian. Bekerja sechara konterek selama 2 tahun mulai 20hb November, 1967. Berpengalaman lebih 20 tahun dalam pertanian
4. Pengurus Pelawat ...	...	3	...	Pengurus ² Pelawat yang di-pinjamkan dari Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan bekerja sechara sambilan sahaja
5. Penyelia ...	...	11	...	Sijil Persekolahan atau Sijil Pelajaran Malaysia atau yang sa-taraf dengan-nya. Pengalaman dalam segi pertanian lebih 2 tahun. 5 orang daripada-nya di-pinjam dari Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan 2 orang dari Kerajaan Johor
6. Kerani ...	...	3	...	Sijil Persekolahan atau Sijil Pelajaran Malaysia
7. Jurutrenkas ...	...	1	...	Sijil Persekolahan—Boleh menaip selaju 50 p.s.m. dan boleh menulis trengkas selaju 100 p.s.m.
8. Jurutaip ...	...	1	...	Sijil Rendah Pelajaran dan boleh menaip selaju 30 p.s.m.
9. Pembantu Luar ...	...	21	...	Sijil Pelajaran Malaysia atau yang sa-taraf dengan-nya. 4 orang daripada-nya di-pinjamkan dari Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
10. Pemandu Kereta ...	...	8	...	Mempunyai Lesen pemandu yang di-akuai serta dengan pengalaman memandu Land Rover
11. Budak Pejabat ...	...	1	...	Lulus darjah VI Sekolah Melayu
Jumlah ...		52		

406. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Tanah dan Galian sudah-kah Kerajaan membawa pakar² dari luar negeri untuk memberi nasihat kepada Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara; jika ya, nyatakan siapa dan dari mana-kah mereka itu datang.

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Lembaga belum lagi mendapat pakar² dari luar negeri dan perkara ini ada-lah dalam pertimbangan.

Lengkok Duta

407. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Tanah dan Galian berbangkit dari jawapan bertulis oleh Kementerian Tanah dan Galian dalam bulan Jun lalu berkenaan Lengkok Duta (Diplomatic Enclave) Kuala Lumpur, berapa luas-kah tanah yang sudah:

- (a) Di-beli oleh Kedutaan² Asing; dan
- (b) Di-beli oleh Ketua² Negeri dalam Malaysia sendiri; dengan menyatakan harga di-bayar.

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Hingga tarikh ini belum ada lagi kawasan "Diplomatic Enclave" ini yang telah di-keluarkan kepada Kedutaan² Asing atau pun pada pihak² Kerajaan Negeri. Walau pun demikian beberapa permohonan daripada pihak² tersebut telah di-terima. Permohonan² ini akan di-beri pertimbangan sa-chepat mungkin.

Kayu-Kayan

408. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Tanah dan Galian berapa-kah banyak chukai ekspot kayu-kayan yang di-pungut oleh Kerajaan dalam tahun 1966, 1967 dan bagi masa hingga akhir bulan Julai 1968, ini.

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Jumlah chukai eksept kayu-kayan yang di-pungut oleh Kerajaan ada-lah saperti berikut:

Tahun	Chukai Eksept
1966	\$2,444,042
1967	5,963,486
1968 (Jan.-Jun) ...	3,850,392

Angka chukai yang di-pungut dalam tiap² Negeri boleh-lah di-dapati daripada Kementerian Kewangan.

409. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Tanah dan Galian pada masa ini berapa buah-kah negeri² asing menjadi pelanggan mengimpot kayu-kayan dari Malaysia; dan nyatakan kadar harga membeli-nya.

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Lebih kurang 33 negeri² asing mengimpot kayu² yang telah di-kilang (sawn timber) daripada Malaysia Barat, antara yang penting ia-lah England, Australia, Amerika Sharikat dan beberapa buah negeri di-Eropah.

Kadar hetong-panjang harga² pembeli-nya ia-lah:

1967	1968
\$171/tan ...	\$185/tan

2. Sa-lain daripada itu tiga buah negeri asing menjadi pelanggan mengimpot kayu balak dari Malaysia Barat. Negeri² itu ia-lah Singapura, Jepun dan Hong Kong.

Kadar² harga pembeli-nya ia-lah:

Singapura ...	\$79.7 sa-tan FOB
Jepun ...	88.6 sa-tan FOB
Hong Kong ...	98.5 sa-tan FOB

410. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Tanah dan Galian menyatakan jumlah mengikut kiraan tan, kayu-kayan yang di-guna dalam negeri dan yang telah di-ekseptkan dalam tahun 1967 dan 1968 masing²-nya.

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Pada tahun 1967, 2,149,862 tan kayu balak telah di-gunakan dalam negeri dan 815,659 tan ada-lah di-ekseptkan. Pada tahun 1968 (Jan.-Jun) 1,345,251 tan di-gunakan dan 477,749 tan di-ekseptkan. Penjelasan ada-lah berikut:

Tahun	Pengeluaran kayu-kayan	Eksept kayu-kayan	Kayu-kayan di-gunakan dalam negeri
	(tan)	(tan)	(tan)
1967 ...	2,965,521	815,659	2,149,862
1968 (Jan.-Jun)	1,823,000	477,749	1,345,251

Minyak Petrol

411. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Tanah dan Galian pada masa ini berapa banyak-kah Sharikat² Luar Negeri yang membuat permohonan hendak merchari minyak petrol di-Malaysia Barat; dan nyatakan nama pehak² itu dan kemajuan yang di-chapai dalam usaha tersebut.

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Enam Sharikat, kesemua-nya dari luar negeri telah membuat permohonan mencharigali minyak petroleum di-kawasan luar pantai Malaysia Barat. Sharikat² ini ia-lah:

- (1) Esso Exploration Inc.
- (2) Continental Oil Co. of Malaysia.
- (3) Frontier Petroleum Co. Inc.
- (4) AMOCO Malaysia Petroleum Co.
- (5) South East Asia Gulf Company.
- (6) Mobil.

Selain daripada Sharikat² tersebut di-atas, empat sharikat² luar negeri yang lain telah menunjukkan keinginan mereka untuk membuat permohonan, tetapi sharikat² ini belum lagi membuat permohonan mereka lagi.

Permohonan² daripada Esso dan Continental Oil untuk kawasan perayeran di-Pantai Timor Malaysia Barat telah pun di-luluskan dan perjanjian telah di-tanda tangani antara Kerajaan Pusat dan Sharikat² tersebut pada 16hb April, 1968. Permohonan² dari Sharikat² yang lain untuk kawasan² di-Pantai Barat Malaysia Barat maseh dalam pertimbangan.

Pekerjaan permulaan mencharigali telah di-mulakan oleh Sharikat Continental Oil dalam bulan Jun tahun ini dan pekerjaan itu sedang terus dijalankan. Sharikat Esso juga telah memulakan pekerjaan seperti itu.

Lombong² Bijeh

412. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri

Tanah dan Galian pada masa ini berapa banyak-kah terdapat lombong² bijeh di-negeri Malaysia Barat dengan me-nyatakan:

- (a) Jenis lombong;
- (b) Jumlah lombong kepunyaan orang² Melayu;
- (c) Jumlah lombong kepunyaan orang² China;
- (d) Jumlah lombong kepunyaan orang² India; dan
- (e) Jumlah lombong kepunyaan orang² yang bukan warganegara Malaysia.

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Pada 30hb Jun, 1968, jumlah bilangan lombong² yang bekerja ia-lah: lombong bijeh timah 1,076; lombong bijeh besi 19; dan lombong bijeh bauxite 2. Kepunyaan lombong tersebut ada-lah seperti berikut:

Kepunyaan	Bijeh Timah	Bijeh Besi	Bijeh Bauxite
Orang ² Malaysia ...	938	15	—
Usahasama ...	13	1	—
Orang Negara bukan Malaysia	125	3	2
Jumlah ...	1,076	19	2

413. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Lands and Mines the number of tin mines closed during the first six months of 1968 and the number of workers rendered redundant.

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Di-dalam sa-tengah tahun pertama 1968, lombong yang tertutup ia-lah 15 dan pekerja² yang telah hilang pekerjaan-nya ia-lah 1,456.

During the first half of 1968, 15 tin mines were closed down and 1,456 workers were rendered redundant.

414. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Lands and Mines to give particulars of deaths caused through landslides on mines month by month during 1968.

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Banyak kemalangan yang membawa maut kerana keruntuhan

tanah di-lombong pada tahun 1968 ada-lah seperti berikut:

Bulan	Bilangan maut
Januari	Tiada
Februari	4
Mach	2
April	2
Mei	Tiada
Jun	1

The number of deaths caused by landslides on mines during 1968 are as follows:

Month	Number of deaths
January	Nil
February	4
March	2
April	2
May	Nil
June	1

Telaga Minyak Petrol, Lombong Besi, Lombong Emas dan Lombong Tembaga

415. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Tanah dan Galian berapa banyak-kah telaga minyak petrol, lombong besi, lombong emas dan lombong tembaga di-dapati sekarang ini di-Negeri Sabah dan di-Negeri Sarawak.

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Di-Malaysia Timor sekarang ini berada dua telaga minyak dan 9 lombong emas, semua-nya di-Sarawak. Tiada lombong besi atau pun tembaga yang bekerja pada masa ini, sungguh pun mencharigali bijeh tembaga sedang di-jalankan oleh sa-buah Sharikat Jepun dan Filipina di-Sabah.

Orang² Asli

416. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Tanah dan Galian sejauh mana-kah kemajuan yang telah di-chapai oleh orang² asli sa-takat ini dalam lapangan pelajaran dengan menyatakan angka² mengenai:

- jumlah yang bersekolah;
- jumlah di-sekolah² rendah;
- jumlah di-sekolah² menengah;
- jumlah di-University; dan
- jumlah dalam "Kelas² Pelajaran Dewasa."

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Walau pun pada keseluruhannya mutu pelajaran di-peringkat Orang² Asli maseh lagi rendah (ini di-sebabkan kekurangan guru² yang chukup latehan) kemajuan boleh di-katakan memuaskan. Di-masa ini 70% daripada kaki-tangan² Jabatan Orang Asli ada-lah Orang² Asli sendiri yang telah menerima berbagai² peringkat pelajaran di-sekolah² yang telah di-usahakan oleh Jabatan Orang Asli. Berikut ada-lah angka² yang di-perlukan.

- | | |
|--|-----------------|
| (a) Jumlah yang bersekolah | 4,141 murid L/P |
| (b) Jumlah di-sekolah rendah | 3,910 .. |
| (c) Jumlah di-sekolah menengah | 231 .. |
| (d) Jumlah dalam kelas ² Pelajaran Dewasa | 1,080 .. |
| (e) Agriculture College, Serdang | 1 |

417. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Tanah dan Galian rumah² yang telah di-bena oleh Kerajaan Pusat untuk orang² asli di-tiap² negeri di-Malaysia Barat dan berapa jumlah wang yang telah di-belanjakan untuk tujuan yang tersebut.

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Semenjak 1960 Kerajaan telah membena lebih kurang 800 buah rumah untuk Orang² Asli di-sekitar tanah ayer, dan jumlah wang yang telah di-belanjakan untuk mendirikan rumah² tersebut ia-lah lebih kurang \$1 juta.

Kilang² Kayu

418. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Tanah dan Galian berapa bilangan kilang² kayu yang ada sa-takat ini di-Malaysia Barat seperti yang berikut:

- Kilang² Gergaji Kayu (Sawmills); dan
- Kilang² Papan (Plywood).

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Di-ma'alomkan ia-itu di-Malaysia Barat ada-lah 435 kilang gergaji kayu (sawmills) dan 15 kilang kayu

kupasan (plywood). Pechahan² mengikut negeri masing² ada-lah berikut:

Negeri	Bilangan Sawmill	Bilangan Plywood mill
Johor ...	44	5
Kedah ...	30	1
Kelantan ...	30	—
Melaka ...	11	—
Negri Sembilan ...	31	1
Pahang ...	73	—
Penang ...	31	—
Perak ...	87	4
Perlis ...	4	—
Selangor ...	76	4
Trengganu ...	18	—
JUMLAH ...	435	15

419. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Tanah dan Galian ada-kah benar bahawa pada masa ini (1968) tidak kurang dari 200 buah kilang-kayu sedang mendapat kayu balak dari Malaysia Barat sa-chara tetap; jika benar, apa-kah nama kilang² itu dan berapa tan balak yang di-tetapkan bagi tiap² kilang sejak tahun 1966.

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Dalam tahun 1968, lebih kurang 114 kilang papan dan kilang kayu lapisan memperolehi kayu balak dari kawasan-nya sendiri sa-chara tetap. Bilangan kilang² itu mengikut pechahan negeri ada-lah berikut:

Negeri	Bilangan kilang ² yang mendapat kayu balak dari kawasan-nya sa-chara tetap
Johor ...	21
Kedah ...	3
Kelantan ...	12
Melaka ...	0
Negri Sembilan ...	9
Pahang ...	21
Penang ...	0
Perak ...	23
Perlis ...	2
Selangor ...	15
Trengganu ...	18
JUMLAH ...	114

Nama kilang² tersebut boleh didapati dari Negeri masing² kerana Kerajaan Negeri yang mengeluarkan lesen² membalak dan lesen² untuk mendirikan kilang² kayu.

Kerajaan² Negeri tidak menetapkan berapa tan tiap² kilang itu harus memperolehi tiap² tahun, tetapi dalam lesen² membalak itu ada syarat² yang menentukan berapa luas-kah hutan yang mesti di-kerjakan tiap² tahun.

Kerja² Melombong dan Membalak Kayu

420. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Tanah dan Galian sa-jauh mana-kah kemajuan telah tercapai dalam usaha Kementerian beliau hendak mengadakan usaha-bersama dengan pehak negara Indonesia bagi kerja² melombong dan membalak kayu di-Malaysia; dan apa-kah hasil lawatan beliau baharu² ini ka-Indonesia mengenai perkara itu sa-lain dari tugas-nya menerangkan konsep Commonwealth Islam yang di-chadangkan oleh Malaysia.

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tidak ada chadangan Kementerian saya hendak mengadakan usaha-bersama dengan Indonesia bagi kerja² melombong dan membalak di-Malaysia. Kementerian saya hanya berchadang hendak bertukar² maklumat tentang penyiasatan² kajibumi yang di-jalankan di-kawasan² sempadan dengan Indonesia di-darat serta di-laut, dan chadangan ini sedang dalam pertimbangan.

Pekerja² Pusat Perusahaan Kayu

421. Dr Tan Chee Khoo asks the Minister of Lands and Mines if he is aware that 42 workers of Pusat Perusahaan Kayu in Jalan Chan Sow Lin had their services terminated and were offered employment with MARA without any consideration of security pay or ex-gratia payment, and if so, whether he has investigated this matter and put right an injustice to the workers concerned.

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Kementerian ini sedar bahawa 42 orang pekerja² di-Pusat Perusahaan Kayu, Kuala Lumpur telah di-berhentikan perkhidmatan² mereka apabila Pusat itu di-tutupkan dan mereka² itu

tidak di-bayar wang sagu hati (ex-gratia) atau pun wang ganti-rugi (severence pay).

Sa-saorang pekerja itu hanya akan di-timbang untuk mendapat bayaran² saperti itu terta'alok kepada sekshen 27 Undang² Bersara, 1951 yang berbunyi:

"27. No allowance or gratuity shall be granted under regulation 21 or 24 of these Regulations to any officer who entered the service of the Government at any date after the coming into force of section 7 of the Employees Provident Fund Ordinance, 1951, in respect of any period during which he is liable to contribute to the Fund established under the provisions of the said Ordinance."

Kesemua pekerja² itu mula berkhidmat dengan Kerajaan sa-lepas tahun 1952, dan dengan demikian bayaran² saperti yang di-sebut itu tidak-lah timbul kerana mereka menjadi ahli² Ta-bong Wang Simpanan Pekerja² dan Kerajaan juga mencharumkan bagi mereka.

The Ministry is aware that 42 workers of Pusat Perusahaan Kayu, Kuala Lumpur had their services terminated when the Centre was closed down and that they were not paid ex-gratia or severence pay.

An employee will only be considered for such payments in accordance with section 27 of the Pensions Ordinance, 1951, which reads as follows:

"27. No allowance or gratuity shall be granted under regulation 21 or 24 of these Regulations to any officer who entered the service of the Government at any date after the coming into force of section 7 of the Employees Provident Fund Ordinance, 1951, in respect of any period during which he is liable to contribute to the Fund established under the provisions of the said Ordinance."

All the above workers served the Government after 1952, and therefore such payments do not arise as they were contributors to the E.P.F. to which the Government has also made contributions on their behalf.

Lesen² Melombong dan Menggerudi

422. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Lands and Mines to state what steps his Ministry has taken to resolve the differences between the Central Government and the various State Governments over the question of off-shore mining and drilling for oil and what action has been taken over the defiance shown by the Malacca State Government.

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Kuasa mengeluarkan lesen² melombong dan menggerudi dalam kawasan perayeran Negeri ada-lah di-bawah Kerajaan Negeri masing² dan Kementerian saya hanya dapat menjalankan langkah² perundingan bagi menyelesaikan sa-barang perselisihan atau pertentangan dengan Kerajaan Pusat.

The authority to issue mining and drilling licences in the off-shores of States rests with the respective State Governments and my Ministry may only hold discussions to resolve any differences or disputes with the Central Government.

JABATAN PERDANA MENTERI

Ijazah Universiti Nanyang

423. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah Kerajaan sudah mengi'tiraf ijazah Universiti Nanyang; dan jika ya, bila. Jika tidak, ada-kah Kerajaan berchadang hendak mengi'tiraf-nya.

Perdana Menteri: Ijazah² keluaran Universiti Nanyang, Singapura, belum di-iktiraf oleh Kerajaan bagi maksud lantikan ka-dalam perkhidmatan Kerajaan. Buat masa ini, Kerajaan tidak ada chadangan untuk mengiktiraf ijazah² dari Universiti itu.

Rundingan Bangkok

424. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri:

(a) apa-kah fakta² besar yang menghalang terchapai-nya kejayaan

dalam "Rundingan Bangkok" di-antara Malaysia dengan Filipina atas masalah Sabah; dan

- (b) ada-kah benar bahawa kata² Tuan Ramani, sa-bagai anggota perwakilan Malaysia, bahawa "Sultan Sulu ia-lah keturunan lanon" telah menambahkan lagi kekerohan rundingan itu.

Perdana Menteri:

- (a) (i) Persidangan di-Bangkok telah di-adakan sesuai dengan Communiqué 3hb Jun, 1966, yang menyatakan Filipina sanggup memberi penjelasan atas tuntutan itu dan membincangkan jalan² untuk menyelesaikan-nya.

Malang-nya Perwakilan Filipina telah memutuskan sa-lepas berunding dengan Perwakilan kita sa-lama 4 minggu di-Bangkok, mereka tidak sanggup lagi membenarkan pihak kita bertanya untuk menchari keterangan yang lebih lanjut atas tuntutan itu. Oleh sebab demikian Perwakilan Malaysia terpaksa-lah menyatakan pendirian Kerajaan bahawa pihak Filipina engkar mengisikan sanggupan-nya. Sambil itu pihak Malaysia menyatakan juga bahawa tuntutan itu tidak berasas sama sekali baik dari segi undang² atau pun dari segi politik. Kerajaan Malaysia telah pun menolak tuntutan itu.

- (ii) Perwakilan Filipina tidak ditugaskan untuk menchari penyelesaian. Mereka chuma di-beri kuasa untuk mengadakan perbincangan "exploratory" dan menggunakan pentas perbincangan bagi memperluaskan da'ayah mereka. Sikap yang begini menghalang tercapai-nya kejayaan.

- (iii) Bagi pihak Perwakilan Filipina juga perbincangan ini sengaja di-panjang²kan mereka dengan tidak menchari satu² keputusan. Ini, pada

pendapat Malaysia, akan memburokkan perhubungan dan mungkin menghidupkan soal ini buat selama²-nya.

- (b) Tudohan ini tidak benar kerana kekerohan itu sengaja di-buat oleh pihak Filipina serta surat² khabar mereka. Perselisihan faham itu timbul-nya apabila Enche' Ramani menerangkan bahawa Sultan Sulu tidak mempunyai hak kedaulatan ka-atas Sabah, dengan menyebut beberapa ahli Sejarah dan Pakar² lain yang mencheritakan bahawa Sultan Sulu itu boleh di-anggapkan sa-bagai sa-orang ketua "lanon". Perkataan "lanon" itu bukan-lah perkataan Enche' Ramani tetapi ada-lah perkataan yang di-gunakan oleh Pakar² itu.

Perdana Menteri/Tuan Duncan Sandys

425. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri apa-kah hasil rundingan Perdana Menteri dengan Tuan Duncan Sandys, bekas Setia-usaha Commonwealth dan Tanah Jajahan, dalam masa lawatan-nya ka-negeri² Inggeris bulan Jun baru² ini.

Perdana Menteri: Semasa saya di-London pada bulan Jun yang lalu untuk menerima Anugerah Kebebasan Bandar Raya London (Freedom of the City of London Award) saya juga telah mengambil peluang berjumpa dengan beberapa orang rakan² lama. Salah sa-orang daripada-nya ia-lah Tuan Duncan Sandys. Pertemuan saya dengan-nya ia-lah pada 30hb Jun, 1968. Di-dalam pertemuan itu kami tidak membincang apa² perkara mengenai politik dan hanya merupakan pertemuan "private" sahaja.

Sabah

426. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri:

- (a) Sa-jauh mana-kah kebenaran bahawa pihak Filipina telah bersiap sedia untuk merebut Sabah dengan kekerasan dari tangan Malaysia; dan

(b) apa-kah pula persediaan Malaysia dalam perkara tersebut.

Perdana Menteri: Pada masa ini tidak ada bukti yang tetap yang menunjukkan bahawa pihak Filipina telah bersiap sedia untuk merebut Sabah dengan kekerasan dari Malaysia. Walau bagaimanapun persediaan lengkap telah di-buat untuk menentang apa² ancaman terhadap Sabah. Bagi faedah keselamatan negara, keterangan lanjut berthabit dengan persediaan lengkap tidak boleh di-nyatakan.

Bumiputra

427. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah benar bahawa Kerajaan Pusat tidak dapat menolong Bumiputra dengan cara yang lebih berkesan bukan-lah kerana tersekat oleh undang² Perlembagaan tetapi tersekat oleh parti² yang bergabung dan berchantum dalam parti Perikatan yang berkuasa sekarang; dan ada-kah benar hal ini di-perintah oleh Kerajaan supaya di-jelaskan di-dalam gerakan "Tahan-Lasak"-nya.

Perdana Menteri: Tuduhan Yang Berhormat ini tidak-lah benar sama-sekali kerana kalau-lah apa yang di-katakan-nya itu benar tidak-lah kita kelihatan kemajuan² yang telah di-chapai oleh orang² Bumiputra dalam serba-serbi semenjak Kerajaan Perikatan memerintah negeri ini. Tidak-lah perlu saya sebutkan satu persatu kemudahan² yang telah di-beri oleh Kerajaan kepada Bumiputra dan kemajuan yang telah di-chapai oleh-nya sa-hingga sekarang ini kerana perkara ini telah berulang² kali disebut dalam Dewan ini.

"Hansard"

428. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri sa-jauh mana-kah sudah terlaksana janji Kerajaan pada tahun 1965 untuk mempercepatkan perchitakan "Hansard" Butir² Persidangan Parlimen, dan jika maseh juga lambat, maka apa-kah sebab² yang besar berlaku-nya kelambatan itu.

Perdana Menteri: Pada masa jaminan itu di-berikan, tonggakan (arrears)

keluaran Laporan² Rasmi (Hansard) telah meningkat kira² 100 keluaran atau bersamaan dengan dua penggal Parlimen, manakala jarak masa di-antara waktu akhir satu² sidang dengan waktu menerbitkan Laporan Rasmi yang berkenaan ia-lah sa-lama 23 bulan. Semenjak itu, tonggakan (arrears) ini telah di-kurangkan menjadi kira² 40 keluaran (satu penggal) dan jarak masa di-kurangkan menjadi 12 bulan. Beberapa chadangan untuk menyelesaikan baki kerja itu dan untuk mempercepatkan lagi penerbitan Hansard sedang di-pertimbangkan. Antara chadangan² ini termasuk-lah penubuhan satu Bahagian Chetak Khas dalam Jabatan Chetak Kerajaan untuk men-chetak risalah² dan penyata² Parlimen sahaja, dan menghabiskan tonggakan kerja dengan memberi kerja men-chetak kepada sharikat chetak sendiri-nya sa-chara kontrek dan juga menambah kakitangan pemberita Parlimen.

Semenjak bulan Ogos, 1965, Laporan² Rasmi atas stencil tiap² hari yang bersunting tetapi tidak bersemak oleh Ahli² Parlimen juga telah di-selenggarakan, dan Ahli² telah mendapat Laporan² Rasmi yang berstencil itu dalam masa dua atau tiga hari lepas tiap² hari meshuarat. Hal ini dapat juga mengurangkan kesulitan² yang di-hadapi oleh Ahli² Parlimen untuk mengikuti perbahathan² dalam Dewan akibat kendala men-chetak Laporan² Rasmi itu.

Hakim

429. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri sudah-kah Kerajaan mengadakan sa-orang Hakim bagi Mahkamah Tinggi, Melaka; jika sudah, siapa-kah Tuan Hakim itu; jika belum, bila-kah Kerajaan akan mengadakan jawatan itu.

Perdana Menteri: Hakim Tetap (Resident Judge) belum lagi di-lantek untuk Negeri Melaka. Buat sementara sa-orang Hakim dari Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur, sedang menjalankan tugas² di-Mahkamah Melaka pada suatu masa ka-suatu masa. Walau bagaimanapun lantekan Hakim Tetap untuk Negeri Melaka ini ada dalam perhatian Tuan Hakim Besar, Malaysia Barat.

430. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri sejak tahun 1965 hingga sekarang sudah berapa ramai-kah Hakim² bagi Mahkamah Tinggi telah di-lantek dan siapa-kah mereka itu.

Perdana Menteri: Perlembagaan Malaysia menguntokkan lantekan Hakim² Mahkamah Tinggi tidak lebih daripada 12 orang bagi Malaysia Barat dan tidak lebih daripada 8 orang bagi Malaysia Timor.

Bilangan Hakim² Mahkamah Tinggi pada masa ini di-Malaysia Barat ia-lah 12 orang 8 daripada-nya telah di-lantekan sejak tahun 1965. Nama² mereka ada-lah seperti berikut:

1965—

Tuan Ong Hock Sim.

Yang Mulia Raja Azlan Shah.

Dato' S. M. Yong.

1966—

Tuan Wan Sulaiman bin Pawan Teh.

Tuan Chang Min Tat.

Tuan Pawan Ahmad bin Ibrahim Rashid.

1967—

Tiada lantekan.

1968—

Tuan Syed Othman bin Ali.

Tuan Ibrahim bin Abdul Manan.

Bilangan Hakim² Mahkamah Tinggi di-Malaysia Timor pada masa ini ia-lah 4 orang. Keempat² mereka ada-lah di-lantek sejak tahun 1965 dan nama² mereka ada-lah seperti berikut:

1965—

Tuan Lee Hun Hoe.

Tuan J. W. Williams.

1966—

Tuan W. J. Silke.

1967—

Tiada lantekan.

1968—

Tuan B. T. H. Lee.

431. Dr Tan Chee Khoo asks the Prime Minister to state if he is aware of the acute shortage of judges, and if so, what steps he has taken to relieve this shortage.

Perdana Menteri: I have been made aware of the shortage of judges in West Malaysia by the Lord President. The latter's proposal to increase the number of judges is now under consideration.

Timbalan Setia-usaha Federal

432. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri apa-kah hasil penyiasatan yang di-buat oleh Kerajaan Pusat berkenaan tuduhan Menteri Hal Ehwal Sabah pada tahun 1965 bahawa Timbalan Setia-usaha Federal (Deputy Federal Secretary) di-Sabah bersikap seperti "Tuan Penjajah"; dan apa-kah tindakan yang telah di-ambil berhubung dengan tuduhan tersebut.

Perdana Menteri: Kerajaan Pusat tidak pernah memberi pengakuan bahawa satu penyiasatan akan di-jalankan berkenaan dengan tuduhan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Sabah dan Pertahanan 'Awam pada tahun 1965 bahawa Timbalan Setia-usaha di-Sabah bersikap seperti "Tuan Penjajah". Ini ada-lah nyata mengikut jawapan yang telah saya berikan kepada satu soalan yang sa-akan² ini kepada Yang Berhormat Wakil Ra'ayat (Kawasan Batu) pada 26hb Mei, 1965, dan jawapan ini ada-lah terchatit di-ruangan 245 dalam laporan Perbahasan Parlimen.

Kenaikan Gaji

433. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri apa-kah yang sudah di-buat oleh Kerajaan terhadap tuntutan dari Majlis Kebangsaan Whitley untuk kenaikan gaji pekerja² Bahagian I-IV dalam tahun 1965 dahulu; dan ada-kah perkara tersebut di-masokkan ka-dalam tugas Surohanjaya Suffian atau di-urus berasingan.

Perdana Menteri: Pada 10hb Jun, 1964, Kerajaan Persekutuan telah membuat ketetapan yang semua tuntutan

bagi perubahan gaji atau peratoran dan syarat² perkhidmatan dari Pihak Pekerja yang di-kemukakan sa-lepas 31hb Disember, 1962, tiada-lah boleh di-terima dan di-beri layanan kerana Kerajaan telah melantek dalam tahun 1964 Surohanjaya Gaji Suffian bagi menimbangkan tuntutan² ini dan mengemukakan laporan-nya kepada Kerajaan bagi timbangan-nya. Mengikut dasar ini, tuntutan² bagi kenaikan tangga gaji atau perubahan peratoran dan syarat² perkhidmatan dari Pihak Pekerja² Bahagian I-IV dalam tahun 1965 hendak-lah di-kemukakan terus oleh mereka kepada Surohanjaya Gaji ini. Surohanjaya Gaji ini mesti-lah telah menimbangkan tuntutan² Pihak Pekerja yang di-buat dalam tahun 1965 bila Surohanjaya ini menyediakan dan membuat laporan kepada Kerajaan pada akhir tahun 1967.

Kutub-Khanah Kebangsaan

434. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri sa-juah mana-kah terlaksana usaha Kerajaan untuk mendirikan sa-buah Kutub-Khanah Kebangsaan; dan di-mana-kah tapak bagi bangunan itu.

Perdana Menteri: Sa-bagai yang saya telah terangkan di-dalam Dewan Ra'ayat pada bulan Januari yang lalu, sa-lepas menimbang laporan kemajuan yang telah di-kemukakan oleh Jawatan-kuasa Perpustakaan Negara, Kerajaan telah meluluskan tugas² Perpustakaan Negara yang di-chadangkan penambahan kakitangan untuk teras-nya di-Arkib Negara dan permintaan sa-orang Perunding Perpustakaan dari Unesco. Pengambilan kakitangan untuk jawatan² yang baharu itu, termasuk satu jawatan Penolong Pengarah (Perpustakaan) sudah di-jalankan dan ada-lah di-harapkan bahawa Perunding Perpustakaan itu akan mula bertugas pada penghujung tahun ini. Tindakan telah juga di-mulakan untuk menubuhkan satu Tabong Derma Perpustakaan Negara dan Lee Foundation ia-lah yang pertama sekali menghulorkan derma sa-banyak \$500,000 yang akan di-balas oleh Kerajaan sa-ringgit bagi tiap² sa-ringgit. Dua projek besar yang sudah di-jalankan mulai tahun ini ia-lah pengeluaran Bibliografi Kebangsaan

dan penubuhan satu sistem Katalog Induk untuk Perpustakaan² Kerajaan.

Pada permulaan, teras Perpustakaan Negara itu akan di-tempatkan di-bangunan Arkib Negara yang di-chadangkan akan di-bena di-sa-belah Muzium Negara. Tanah tapak ini adalah chukop besar juga untuk di-dirikan sa-buah bangunan Perpustakaan Negara yang berasingan kelak.

As I explained in the Dewan Ra'ayat last January, after considering a progress report submitted by the National Library Committee, the Government has approved the functions of the proposed National Library, the strengthening of its nucleus in the National Archives with additional staff and the request for a Library Consultant from Unesco. Since then the recruitment exercise for the new posts, including one of Assistant Director (Libraries), has been held and the Library Consultant is expected to take up his appointment towards the end of the year. Action has also been initiated to set up a National Library Fund to which the Lee Foundation has been the first to donate a sum of \$500,000 which the Government will match dollar for dollar. Two major projects have been undertaken beginning this year, i.e., the publication of a National Bibliography and the establishment of a Union Catalogue system for Government libraries.

Initially, the National Library nucleus will be housed in the proposed National Archives building which is to be built next to the National Museum. The site is also large enough to accommodate a separate National Library building later on.

Pegawai² Dagang

435. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah benar bahawa hingga tarikh 1hb Mei, 1965 dahulu sa-ramai tiga orang dagang maseh memegang jawatan pegawai M.C.S. (Malayan Civil Service) dan ada-kah mereka itu maseh berkhidmat hingga sekarang ini.

Perdana Menteri: Pada 1hb Mei, 1965 memang benar ada tiga orang pegawai² dagang yang memegang jawatan dalam Perkhidmatan Tadbir

Malaya (M.C.S.). Semua pegawai² yang berkenaan telah pun bersara sa-belum akhir tahun 1966.

436. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah benar bahawa pegawai² dagang yang berkhidmat dalam pangkat M.C.S. telah bertambah bilangannya sa-hingga meningkat kepada angka 189 orang pada tahun 1957 dahulu; dan berapa ramai-kah pegawai² dagang berpangkat itu sekarang ini.

Perdana Menteri: Tidak benar. Pengambilan pegawai² dagang untuk mengisi jawatan dalam Perkhidmatan Tadbir Malaya (M.C.S.) telah tidak dibuat sa-lepas 23hb Julai, 1955. Pada akhir tahun 1957, bilangan pegawai² dagang dalam Perkhidmatan Tadbir Malaya (M.C.S.) ia-lah seramai 133 orang. Semua pegawai² yang berkenaan telah bersara sekarang.

Pegawai² M.C.S.

437. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri berdasarkan quota pegawai² M.C.S., berapa ramai-kah:

- (a) anak² Melayu; dan
- (b) berapa ramai-kah pula warga-negara yang bukan Melayu, pada masa ini.

Perdana Menteri: Sa-bagaimana yang telah di-terangkan kepada Dewan ini apabila menjawab soalan mulut dari Yang Berhormat Ahli dari Batu pada 16hb Nobember, 1967, Perkhidmatan Tadbir Malaya (M.C.S.) telah di-satukan dengan Perkhidmatan Luar Negeri dan di-namakan Perkhidmatan Dalam dan Luar Negeri. Pada masa ini, jumlah pegawai² dalam perkhidmatan ini ia-lah 558 pegawai² Melayu dan 75 pegawai bukan Melayu.

Perintah 'Am Bab "D"/Surat Pekeliling Perkhidmatan No. 9/64

438. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah Kerajaan akan meminda Perintah² 'Am Bab "D" dan Surat Pekeliling Perkhidmatan No. 9/64 terhadap pegawai² Kerajaan bagi membolehkan lebih banyak kakitangan Kerajaan mengambil bahagian dalam

politik tanah ayer mereka sendiri; jika ya, bila-kah pindaan saperti itu akan di-lakukan.

Perdana Menteri: Kerajaan tiada berchadang hendak meminda peratoran² berkenaan dengan kegiatan² pegawai² Kerajaan dalam politik sa-bagaimana yang terdapat dalam Perintah² 'Am Bab "D" dan Surat Pekeliling Perkhidmatan No. 9/1964.

Tuntutan Warder Penjara

439. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah benar bahawa Kerajaan telah tidak memberi apa² pertimbangan kepada tuntutan warder² penjara yang telah mengirim rayuan mereka kepada Perdana Menteri pada 29hb April, 1967, supaya tangga gaji mereka di-naikkan; dan bagaimana-kah kedudukan yang sa-benar-nya dalam perkara ini.

Perdana Menteri: Sa-bagaimana yang saya terangkan apabila menjawab soalan yang sa-akan² sama daripada Yang Berhormat dari Batu dalam meshuarat bulan Jun 1967, tindakan tidak di-ambil ka-atas surat rayuan itu kerana pada ketika itu Surohanjaya Gaji² Suffian sedang menimbangkan tangga² gaji dalam perkhidmatan awam pada keseluruhannya termasuklah tangga gaji warder² penjara. Oleh sebab warder² ada-lah pegawai² bahagian IV dalam perkhidmatan awam, mereka ini akan mendapat kenaikan gaji mengikut persetujuan yang telah di-chapai di-antara Kerajaan dengan Pihak² Pekerja Majlis Whitley terhadap pelaksanaan shor² Surohanjaya Gaji² Suffian itu.

Banjir

440. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri sa-jauh mana-kah kemajuan telah ter-chapai dalam usaha meminta bantuan dari satu Pasokan Bangsa² Bersatu saperti yang telah di-janjikan oleh Kerajaan pada tahun 1967 dahulu untuk mengelak bahaya banjir di-Pantai Timor Malaysia Barat khas di-Kelantan.

Perdana Menteri: Kerajaan telah pun memberi timbangan yang teliti di-atas

kawalan banjir. Bantuan pakar² akan di-minta untuk menubuhkan perkhidmatan amaran banjir dan tinjauan chuacha dan memperbaiki perkhidmatan tersebut dengan menggunakan alat² yang lebih istimewa yang mana satengah²-nya boleh di-perolehi daripada Pertubuhan Kaji Chuacha Sa-Dunia. Satu pancharan gambaran automatik (Automatic Picture Transmitter) yang boleh menerima gambar² daripada satelait² bumi telah pun berjalan dan telah memberi sumbangan tinjauan rajah² chuacha dari jauh. Di-samping itu, bekalan perkakas rada amaran ribut (storm warning radar equipment) dan meter automatik untuk merekodkan ayer hujan serta data aliran anak² sungai di-kawasan² pedalaman terutama-nya di-kawasan sempadan Kelantan—Trengganu—Perak, yang telah pun di-masokkan ka-dalam deraf anggaran perbelanjaan Jabatan² yang berkaitan, akan di-pasangkan dari masa ka-semasa mulai tahun 1969.

Timbangan telah pun juga di-berikan untuk mendapat perkhidmatan satu rombongan bagi menimbangkan soalan² yang besar bagi menyatukan kegunaan bekalan ayer dengan kawalan banjir.

Kemajuan² ini dan bantuan² yang berkaitan dengan-nya ada-lah mustahak bagi jangka panjang, tetapi bagi jangka pendek banyak yang boleh di-buat jikalau undang² pembukaan tanah bukit dan menjaga tebing² sungai yang ada itu di-laksanakan dengan rapi. Tanggong-jawab ini terletak bukan sahaja di-atas Kerajaan tetapi juga masyarakat 'am nya.

Banyak daripada kawalan² yang boleh di-buat oleh sa-saorang atau oleh kumpulan² yang besar termasuk Majlis² Tempatan dan Lembaga² Bandaran itu ada-lah perkara yang mudah kepada akal sahaja. Di-samping itu hendak-lah juga di-ingatkan bahawa banjir di-Malaysia tiada-lah dapat di-hapuskan sama sa-kali oleh kerana ini ada-lah di-sebabkan ada-nya keadaan chuacha sa-mula jadi dengan hujan lebat yang tiada ketentuan rajah-nya. Sa-jauh yang dapat di-buat oleh manusia ia-lah mengurangkan bahaya melalui tindakan beramai² atau pun persaorangan. Kerajaan memang men-

jalankan peranan-nya, tetapi ada kala-nya terpaksa juga tundok kepada kuasa alam ka-atas mana kuasa Kerajaan ada-lah terhad.

441. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri sa-jauh mana-kah sudah terlaksana janji Kerajaan hendak mengadakan saluran ayer di-mukim Mentuan Bachok supaya banjir dapat menuju segera ka-laut menerusi Kuala Sungai Kemasin, Bachok di-Negeri Kelantan.

Perdana Menteri: Saloran pelega banjir ada-lah dalam pembenaan di-Mentuan bagi melenchongkan ayer bah ka-laut melalui Kuala Sg. Kemasin. Dua buah jengkuat (excavators), dua "Tournapull" dan sa-buah Jentarek (tractor) sedang bekerja di-Saloran tersebut. Hingga hari ini sa-tengah daripada Terusan yang sa-panjang 2½ batu telah di-siapkan. Juga Pintu Kawalan pasangsurut telah siap dibena untuk menchegeh kemasokan ayer masin ka-kawasan tersebut.

The flood relief channel is under construction at Mentuan to divert the flood water to the sea through the mouth of Sungei Kemasin. Two excavators, two Tournapulls and a tractor are working on the channel. To date half the length of channel of 2½ miles long had been completed. Also a tidal control gate has been completed to prevent tide water entering the area.

Jawatan Bendahari Negeri

442. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah benar bahawa jawatan Bendahari Negeri bagi negeri² di-Malaysia Barat maseh ada yang belum di-masokkan ka-dalam t'arif "Executive Accounting Service"; jika ya, bila-kah hal itu akan di-selesaikan oleh Kerajaan.

Perdana Menteri: Memang-lah menjadi tujuan Kerajaan Pusat menggantikan jawatan² Bendahari Negeri dengan jawatan² dalam perkhidmatan Pegawai Kerja Akaun. Tetapi tujuan ini tidak-lah dapat di-laksanakan dengan sekali gus kerana ada beberapa negeri yang menghadapi sedikit kesulitan yang berkaitan dengan masalah

perjawatan dan perkhidmatan di atas perkara ini. Oleh itu memanglah ada negeri yang maseh belum membuat penggantian itu. Walau bagaimana pun Kerajaan Pusat akan terus berikhtiar melaksanakan tujuan-nya bila mana kesulitan yang di-dapati di-satu² negeri itu dapat di-atasi.

Tuan Syed Nasir bin Ismail

443. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri apa-kah tindakan tata-tertib yang telah di-kenakan ka-atas Tuan Syed Nasir Ismail, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka sebab terlibat dalam gerakan anti Rang Undang² Bahasa Kebangsaan, 1967 sa-telah hal itu di-sampaikan bagi pengetahuan dan tindakan Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam.

Perdana Menteri: Tindakan tata-tertib yang di-fikirkan sesuai oleh Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam telah di-ambil ka-atas pegawai itu.

Lawatan Menteri² dan atau Menteri² Muda ka-Kelantan

444. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri sejak 1hb Januari, 1968, hingga 1hb Ogos, 1968, berapa orang-kah Menteri² dan atau Menteri² Muda telah membuat lawatan ka-Negeri Kelantan dengan menyatakan:

- (a) Nama Menteri;
- (b) Jumlah pegawai yang mengiringi tiap² lawatan;
- (c) Lama masa berada di-Kelantan; dan
- (d) Kawasan² yang di-lawati-nya.

Perdana Menteri: Kegiatan² dan lawatan² Menteri Kerajaan Pusat ka-Kelantan atau ka-mana² daerah dalam Malaysia ini ada-lah suatu perkara dalam pengetahuan umum. Lawatan² dan pekerjaan yang di-buat oleh mereka di-siarkan melalui akhbar², radio dan talivishen.

Menteri² di-iringi oleh Pegawai² bukan pengawal². Berapa ramai, tempat² atau berapa lama mereka di-satu² tempat itu bergantung kepada chorak, bentok dan tujuan lawatan² mereka.

Tuan Haji Hassan Adli

445. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah benar bahawa Kerajaan Pusat telah memberi arahan tidak langsung kepada Kerajaan Negeri Perak supaya melarang dan menegah Tuan Haji Hassan Adli, sa-orang bekas Ahli Dewan Ra'ayat daripada membuat sharahan ugama di-Negeri Perak, jika ya, apa-kah tujuan Kerajaan dalam tindakan itu.

Perdana Menteri: Tidak benar.

Parti² Politik

446. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah Kerajaan akan mengharamkan parti² politik yang berdasarkan perkauman keturunan seperti UMNO, M.C.A. dan M.I.C. dan hanya mengharuskan parti² yang berdasarkan satu² ideology politik yang tertentu.

Perdana Menteri: Kerajaan tidak berchadang hendak berbuat demikian kerana tiada apa² sebab yang memerlukan pertukaran chara penubohan parti² politik yang ada sekarang ini. Yang Berhormat itu pura² tidak sedar bahawa tindakan yang di-persoalkannya itu, jika di-jalankan, akan juga melibatkan PAS.

Surohanjaya Penyiasat

447. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah Kerajaan sudah menubuhkan sa-buah Surohanjaya Penyiasat bagi menyiasat masaalah² perkauman di-negeri ini seperti mana yang pernah di-shorkan oleh Professor Ungku Aziz dalam tahun 1967 dahulu; jika ya, bila-kah surohanjaya itu di-tubuhkan dan apa-kah hasil yang di-chapai; dan jika tidak, apa-kah sebab²-nya maka surohanjaya seperti itu tidak di-tubuhkan.

Perdana Menteri: Saperti yang telah di-nyatakan dalam Meshuarat Dewan Ra'ayat dalam bulan Januari tahun ini sa-bagai jawapan kepada soalan Yang Berhormat dari Bungsar, masaalah perkauman di-negeri ini telah

pun di-kaji dengan teliti-nya oleh Surohanjaya Reid yang di-tubuhkan sa-belum kita mencapai Kemerdekaan dalam tahun 1957. Surohanjaya ini telah pun mengkaji pandangan² daripada semua golongan dalam tiap² kaum sa-belum menyediakan laporan-nya dan mengeshorkan Perlembagaan yang ada sekarang ini. Perlembagaan ini telah menempohi ujian dalam masa hampir sa-belas tahun semenjak negara kita telah mencapai kemerdekaan dalam mana ra'ayat yang berbilang bangsa dan keturunan di-negeri ini pada keseluruhan-nya telah hidup dengan aman damai dan saling mengerti. Dengan keadaan yang demikian, Kerajaan tidak memikirkan perlu menubuhkan satu Jawatan-kuasa Penyiasat berkaitan dengan masalah tersebut kerana Kerajaan yakin bahawa keadaan yang baik semacham ini akan dapat di-kekalkan jika sekira-nya anasir² yang tidak bertanggung-jawab tidak melakukan sesuatu yang boleh menegangkan perhubungan di-antara kaum² di-negeri ini.

**Lembaga Letrik Negara/Kesatuan Pekerja²
Lembaga Letrik Negara**

448. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah benar bahawa Kerajaan pernah menasihatkan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong supaya menangguhkan izin Baginda untuk merojokkan pertikaian di-antara Lembaga Letrik Negara dengan Kesatuan Pekerja² Lembaga Letrik Negara kepada Mahkamah Perusahaan dalam bulan Disember, 1967 dahulu; dan apa-kah kesudahan pertikaian "29 Disember, 1967" di-antara kedua² pehak yang berkenaan.

Perdana Menteri: Ada-lah benar bahawa D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menangguhkan izin Baginda bagi merujokkan pertikaian di-antara Lembaga Letrik Negara dengan Kesatuan Pekerja² Lembaga Letrik Negara kepada mahkamah Persekutuan dalam bulan Disember, 1967.

Perundingan berkenaan dengan pertikaian itu telah di-tangguhkan sehingga Kerajaan mengambil keputusan

atas laporan gaji² Suffian. Oleh kerana Kerajaan telah pun mengambil keputusan mengenai laporan itu, run-dingan² mengenai pertikaian itu akan di-mulakan semula.

Rang Undang²

449. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri:

- (a) bila-kah Kerajaan akan bertindak dengan tegas menchetak semua rang undang² yang di-bawa ka-dalam Majlis Meshuarat Dewan Ra'ayat ini, dalam Bahasa Kebangsaan; dan
- (b) ada-kah Kerajaan sedar bahawa chara mengemukakan rang undang² dalam Bahasa Inggeris saperti sekarang ini menimbulkan keraguan di-dalam hati ra'ayat terhadap kesungguhan Kerajaan untuk melaksanakan penggunaan Bahasa Kebangsaan.

Perdana Menteri:

- (a) Kerajaan telah pun bertindak dengan tegas menchetak segala rang undang² yang di-bawa ka-dalam Dewan Ra'ayat dalam Bahasa Kebangsaan. Mengikut undang², ia-itu Act Bahasa Kebangsaan, 1967 naskhah Inggeris bagi rang undang² itu hendak-lah di-sediakan juga. Pada masa ini ada beberapa undang² lama yang naskhah-nya ia-lah dalam bahasa Inggeris sahaja dan tidak ada naskhah dalam Bahasa Kebangsaan. Oleh itu apabila di-buat apa² pindaan kepada undang² yang sa-umpama ini, maka terpaksa-lah rang undang² pindaan itu di-buat dalam bahasa Inggeris kerana apa yang hendak di-pinda itu ada-lah terdapat dalam bahasa Inggeris sahaja.
- (b) Kesungguhan Kerajaan untuk melaksanakan penggunaan Bahasa Kebangsaan tidak-lah boleh di-ragu² lagi. Undang², ia-itu Act Bahasa Kebangsaan, 1967 telah menyatakan dengan jelas-nya bahawa Bahasa Kebangsaan hendak-lah di-gunakan untuk

maksud² rasmi. Penggunaan bahasa Inggeris bagi rang undang² pindaan saperti yang tersebut dalam (a) di-atas tidak boleh menimbulkan keraguan itu.

Ra'ayat Sarawak

450. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah Kerajaan akan memberi peluang kepada ra'ayat Sarawak untuk menyatakan hasrat mereka sendiri terhadap Malaysia ketika kempen pilihanraya kebangsaan akan datang sa-bagai mana yang di-katakan di-kehendaki oleh Artikel 1 dalam Perjanjian Bangkok. Jika tidak, mengapa.

Perdana Menteri: Kerajaan tidak menegah jika ra'ayat negeri Sarawak hendak menyatakan hasrat mereka terhadap Malaysia dalam Pilihanraya negeri itu kelak.

"Jentera Whitley"

451. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri apa-kah sudah terjadi kepada Laporan yang telah pun di-kemukakan oleh Tuan A. J. Gautery berkenaan "Jentera Whitley" (Whitley Machinery) dalam tahun 1967 dahulu.

Perdana Menteri: Kerajaan telah menimbangkan Laporan yang di-kemukakan oleh Tuan A. J. Gautery berkenaan perjalanan Whitley tetapi tidak mendapat di-dalam Laporan itu apa² perkara yang belum lagi di-ketahui atau pun di-harga² oleh Kerajaan. Walau bagaimana pun, shor² di-dalam Laporan itu akan di-beri timbangan oleh Kerajaan apabila menyusun semula jentera perundingan Whitley.

Padang Golf Bukit Fraser

452. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri berapa banyak-kah wang yang di-belanjakan oleh Kerajaan kerana Padang Golf di-Fraser Hill sejak ia-nya di-bena hingga sekarang; dan ada-kah Kerajaan berchadang hendak menjadikan-nya suatu badan (Corporate Body) saperti Padang Golf Subang.

Perdana Menteri: Peruntokan wang sa-banyak \$110,000 telah di-keluarkan bagi membesar dan membaiki Padang Golf Bukit Fraser. Kerajaan Federal tidak berchadang hendak menjadikan-nya suatu badan (Corporate body) saperti yang di-buat mengenai Padang Golf Subang kerana Padang Golf di-Bukit Fraser itu akan di-letakkan di-bawah selenggaraan satu badan yang di-namakan Perbadanan Bukit Fraser yang akan di-tubuhkan mengikut satu undang² yang telah di-buat oleh Kerajaan Negeri Pahang dan yang akan bertanggung-jawab atas kemajuan Bukit Fraser.

Peranan Chergas dalam Politik

453. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri bila-kah orang² kuat UMNO yang berikut di-Bachok, Kelantan, di-beri izin mengambil bahagian yang chergas sa-hingga menjadi ahli jawatan-kuasa Chawangan UMNO Bachok:

- (a) Che Gu Sarkan bin Abdul Rahman;
- (b) Che Hasan Abdul Rahman; dan
- (c) Ahmad bin Ya'akub, Pembantu Rumah Sakit.

Jika mereka tiada di-beri izin, maka apa-kah tindakan tata-tertib yang di-kenakan ka-atas mereka, atau ada-kah mereka boleh berpolitik dengan chergas tanpa izin kerana mereka menjadi anggota Parti UMNO dalam Perikatan yang memerintah sekarang.

Perdana Menteri: Ketiga² pegawai yang tersebut telah pun di-beri izin untuk mengambil bahagian chergas di-dalam politik.

Pendaftaran Sa-chara Otometik

454. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah Kerajaan akan mengamalkan pendaftaran sa-chara automatic di-negeri ini; jika ia, bila-kah pendaftaran itu akan di-laksanakan.

Perdana Menteri: Pendaftaran yang di-sebut dalam soalan Yang Berhormat itu mungkin di-maksudkan pendaftaran pengundi² pilihanraya. Jika sangkaan

ini benar, pendaftaran pengundi² sa-chara automatic sedang di-kaji oleh Surohanjaya Pilehanraya dan sa-hingga pengkajian ini di-selesaikan, tidak-lah di-ketahui bila atau boleh-kah pendaftaran sa-chara automatic ini di-laksanakan.

Perdana Menteri/Setia-Usaha Pertahanan British

455. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri apa-kah hasil rundingan Perdana Menteri dengan Setia-usaha Pertahanan British, Tuan Denis Healey ketika lawatan-nya di-negeri Inggeris baharu² ini.

Perdana Menteri: Dalam lawatan saya ka-Britain baharu² ini saya telah menemui Setia-usaha Pertahanan British Tuan Denis Healey. Dalam perjumpaan itu kami berunding berkenaan dengan perkara² yang penting kepada kedua² negara berkaitan dengan pertahanan di-kawasan ini, terutama-nya hal² berikutan dengan persidangan Lima Kuasa yang telah di-adakan di-Kuala Lumpur.

During my visit to Britain recently I met the British Secretary for Defence, Mr Denis Healey. In the meeting we exchanged views on matters of common interest relating to the Defence of this region in particular the outcome of the Five-Power Talks held recently in Kuala Lumpur.

Orang² Indonesia

456. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri apa-kah tindakan Kerajaan Malaysia terhadap 10 orang Indonesia yang di-katakan telah di-tangkap di-perayeran Malaysia pada jam 9.20 pagi 2hb Julai, 1968, kerana mereka itu bersenjata dan berpakaian seragam.

Perdana Menteri: 10 orang Indonesia yang di-tangkap di-perayeran Malaysia pada 2hb Julai, 1968, itu di-bebas dan di-serahkan kepada pihak Kedutaan Indonesia di-Kuala Lumpur, pada 30hb Julai, 1968. Orang² itu telah di-tangkap kerana memiliki senjata api dalam perayeran Malaysia. Oleh kerana Kerajaan Indonesia telah mengesahkan bahawa mereka itu ada-lah

anggota Angkatan Bersenjata Indonesia, dan telah hanyut ka-perayeran Malaysia di-sebabkan kerosakan jentera kapal mereka, Kerajaan telah membuat keputusan tidak akan men-da'awakan mereka di-Mahkamah.

"Hak Istimewa"

457. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah Kerajaan bersedia menjawab pertanyaan saya dalam sidang bulan Jun, 1968 yang lepas yang berbunyi: "Sejak Merdeka (1957) hingga sekarang (1968) berapa banyak-kah "hak istimewa" yang telah di-berikan kepada orang² Melayu berbanding dengan yang di-berikan kepada orang² bukan Melayu ia-itu dalam perkara² yang berikut:

- (a) Biasiswa² pelajaran;
- (b) Lesen² kenderaan;
- (c) Lesen² lombong;
- (d) Lesen² perusahaan taraf perintis; dan
- (e) Lesen² perkapalan,

jika tidak, mengapa-kah jawapan itu begitu lewat.

Perdana Menteri: Kemudahan² yang telah di-beri kepada orang² Melayu ada-lah berasaskan "kedudukan istimewa" orang² Melayu seperti mengikut Perlembagaan dan bukan-lah "hak² istimewa". Pemberian kemudahan² ini ada-lah seperti berikut:

(a) BIASISWA PELAJARAN

Jumlah biasiswa pelajaran, termasuk biasiswa² perguruan dan dermasiswa² (bursaries), yang telah di-keluarkan sejak 1957 hingga hari ini ia-lah 2,519.

Bilangan bagi penuntut ²		
Melayu	1,836	
Bilangan bagi penuntut ²		
bukan Melayu	683	

(b) KENDERAAN

	1957	1968
(i) Teksi/Kereta Sewa (Malaysia Barat)		
Bilangan lesen ² bagi orang ² Melayu ...	1,241	2,363
Bilangan lesen ² bagi orang ² bukan Melayu	2,134	2,183

(ii) *Bas*

Jumlah bilangan Sharikat ² bas Melayu	13	35
Jumlah batang jalan kepunyaan Sharikat bas Melayu atau MARA	56	247
Jumlah bilangan Sharikat ² bas bukan Melayu	76	53
Jumlah batang jalan kepunyaan Sharikat ² bas bukan Melayu	372	180

(iii) *Kereta² Pengangkutan Barang²*

Bilangan lesen ² bagi orang ² Melayu ...	517	1,905
Bilangan lesen ² bagi orang ² bukan Melayu	14,733	30,037
Bilangan lesen ² bagi perkongsian Melayu dengan bukan Melayu	7	583

(c) **LOMBONG**

Lapan lesen melombong telah di-keluarkan kepada orang² Melayu atau pun Sharikat² Melayu di-dalam Kawasan Simpanan Melayu. Tidak ada lesen melombong di-keluarkan kepada orang² bukan Melayu di-dalam kawasan tersebut.

(d) **PERUSAHAAN TARAF PERINTIS**

Sa-hingga sekarang hanya satu sahaja Sharikat yang di-punyai 100% orang² Melayu yang telah memohon taraf perintis dan telah pun di-luluskan.

Tetapi, di-dalam kebanyakan Sharikat² bertaraf perintis, Kerajaan mengadakan syarat di-mana 10% hingga 40% modal² di-khaskan kepada orang² Melayu.

(e) **PERKAPALAN**

Sa-takat ini belum ada lesen untuk kapal² besar yang di-keluarkan kepada orang² Melayu.

Saperti yang telah di-nyatakan dalam Jawapan Bertulis pada Meshuarat Dewan Ra'ayat dalam bulan Jun yang lalu, pertanyaan yang telah di-kemukakan ini ada-lah meliputi tempoh yang panjang dan beberapa bidang yang berlainan dan, oleh itu, telah pun meng-

ambil masa yang agak panjang untuk mendapatkan butir² yang di-kehendaki. Kelewatan dalam memberi jawapan bukan-lah di-sebabkan Kerajaan tiada bersedia memberi jawapan kepada soalan Yang Berhormat itu.

Wang Denda

458. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri berapa-kah jumlah wang denda yang di-bayar oleh 57 orang siswazah Malaysia (Ranchangan Colombo) kerana tidak menepati janji berkhidmat dengan Kerajaan atau pun berhenti sa-belum tamat kontrek saperti yang di-nyatakan oleh Kerajaan dalam sidang bulan Jun, 1968.

Perdana Menteri: 18 daripada penuntut² ini telah tidak membayar apa² denda oleh kerana mereka telah menanda tangani surat perjanjian lama yang tidak dapat di-kuatkuasakan dalam Mahkamah dan dari itu tindakan undang² tidak dapat di-ambil atas perkara mungkir janji mereka. Kesemua-nya penuntut ini telah pergi belajar ka-luar negeri sa-belum tahun 1959. Dari 1959 semua surat² perjanjian Ranchangan Colombo telah di-perbaharui dan sah dari segi undang².

31 bekas penuntut² Ranchangan Colombo telah membayar denda sa-banyak \$5,000 sa-orang dengan sa-kali gus—Jumlah-nya \$155,000.

3 sedang membayar wang denda \$5,000 tiap² sa-orang sechara ansoran bulanan.

5 tindakan sedang di-ambil untuk mendapatkan wang denda sa-banyak \$5,000 sa-orang.

Umor Bersara

459. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri apa-kah hasil pertimbangan bersama yang terchapai di-antara Kerajaan dan pehak Majlis Kebangsaan Whitley dan Majlis Kebangsaan bagi Polis berkenaan had umur bersara dari jawatan Kerajaan.

Perdana Menteri: Perkara had umur bersara ini maseh di-rundingkan di-dalam Majlis Whitley Kebangsaan

(Bahagian I-IV) dan (Kumpulan Perusahaan dan Buroh Kasar) dan juga Majlis Polis. Oleh yang demikian, tidak-lah dapat pada masa ini di-nyatakan keputusan yang akan di-chapai di-dalam perundingan² ini.

460. Tuan Haji Ismail bin Idris bertanya kepada Perdana Menteri memandangkan kepada banyak-nya pemuda² lepasan sekolah yang tidak mempunyai kerja, ada-kah Kerajaan berchadang hendak menurunkan had umur bersara kepada 55 tahun, dan jika ya, bila.

Perdana Menteri: Kerajaan sekarang ini sedang menimbang menurunkan had umur bersara pegawai² dalam perkhidmatan 'awam kepada 55 tahun dan chadangan ini ada-lah sedang diperundingkan dengan Pihak Pekerja Majlis Whitley Kebangsaan.

Rumah² 'Ibadat Berhala Shirik

461. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri sejak tahun 1957 hingga sekarang (1968) berapa banyak-kah wang yang di-belanjakan oleh Kerajaan bagi mendirikan atau membantu mendirikan rumah² 'ibadat berhala shirik dan ada-kah Kerajaan sedar bahawa perbuatan itu menyalahi Hukum Shara' Islam yang menjadi ugama rasmi bagi negara kita ini; dan ada-kah Kerajaan akan merentikan bantuan menegakkan shirik dan kekufuran seperti itu.

Perdana Menteri: Sejak tahun 1957 hingga sekarang Kerajaan telah membelanjakan sa-jumlah \$10,119,354 untuk membantu memperbaiki atau membantu mendirikan rumah² berhala shirik.

Bahagian² yang kedua dan ketiga dalam soalan Yang Berhormat ini telah pun di-beri jawapan dengan panjang lebar pada Meshuarat Dewan Ra'ayat dalam bulan November, 1967 kepada soalan yang sa-akan² itu juga yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat itu.

Bayaran Penchen

462. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri berapa ramai-kah jumlah orang² yang

bersara yang mendapat bayaran penchen bulanan di-Malaysia Barat; dan berapa-kah jumlah penchen yang paling rendah sekali yang di-terima oleh orang yang bersara itu dan berapa ramai-kah orang yang menerima penchen yang rendah seperti itu.

Perdana Menteri: 18,961 orang pada 29hb Julai, 1968. Penchen yang paling rendah sekali ia-lah \$10.53 sa-bulan. Hanya sa-orang sahaja yang menerima faedah² penchen sebanyak jumlah itu.

Ugama Islam

463. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah benar bahawa ada pihak² yang tertentu telah mendesak Kerajaan Pusat supaya menegaskan pendiriannya terhadap Ugama Islam yang menjadi ugama rasmi negara kita ini; dan akibat dari desakan itu Kerajaan pun telah membuat arahan supaya diterangkan kepada orang² Melayu:

"Negara yang kokoh ia-lah negara yang tidak meninggalkan unsur² ugama di-dalam-nya, negara yang kokoh ia-lah negara yang mempunyai mutlamat dalam kehidupan bertuhan. Dan Islam ada-lah sa-baik² ugama dan sa-lengkap ugama yang pernah kita pelajari dan kita yakini";

jika ya, apa-kah tujuan Kerajaan membuat arahan itu; dan jika tidak, apakah tindakan yang akan di-ambil oleh Kerajaan terhadap parti² yang tidak berideology menyebarkan di'ayah² seperti itu.

Perdana Menteri: Tidak benar bahawa Kerajaan Pusat telah menerima apa² desakan dan berikutan dengan itu telah memberi arahan sebagaimana yang di-nyatakan oleh Yang Berhormat itu. Tetapi penerangan yang di-chatetkan dalam soalan-nya itu ada-lah sebaik² nasehat yang patut di-berikan kepada orang² Melayu melainkan Yang Berhormat itu dan Parti Islam Sa-Tanah Melayu tidak menerima bahawa "Islam ada-lah sebaik² ugama dan sa-lengkap² ugama yang pernah kita pelajari dan kita yakini". Oleh sebab penerangan ini

ada-lah penerangan yang baik Kerajaan tidak akan mengambil tindakan atas sesiapa yang membuat penerangan atau nasehat yang seperti itu.

464. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri sa-jauh mana-kah kemajuan tercapai dalam usaha Kerajaan hendak menyatukan dan menyelaraskan pentadbiran agama Islam di-peringkat Kerajaan Pusat bagi negara kita ini.

Perdana Menteri: Suatu Jawatan-kuasa telah di-lantek oleh Majlis Raja-Raja untuk mengkaji shor bagi menubuhkan satu Badan Hal-Ehwal U gama di-Perengkat Persekutuan, dan laporannya telah di-terima oleh Majlis Raja-Raja untuk di-laksanakan.

Lepasan Universiti Azhar

465. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah Kerajaan sedar bahawa amat-lah memalukan dunia perbuatan Malaysia memberi tangga gaji \$310 kepada lepasan Universiti Azhar yang berijazah M.A. jika mereka berkhidmat sa-bagai guru dengan Kerajaan Pusat; dan ada-kah Kerajaan akan merentikan perbuatan yang memalukan itu.

Perdana Menteri: Guru² U gama yang berkhidmat dengan Kerajaan Pusat yang berijazah M.A. dari Universiti Al-Azhar ada-lah di-beri gaji pokok permulaan sa-banyak \$355 dan bukan \$310. Untuk ma'aluman Yang Berhormat, Surohanjaya Gaji Guru² sedang mengkaji tangga gaji semua Guru² u gama di-Malaysia Barat termasuk gaji guru² lepasan Universiti Al-Azhar.

Pegawai² Kerajaan dalam Parti UMNO

466. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah benar bahawa pegawai² Kerajaan yang menjadi anggota Parti UMNO di-Bachok, Kelantan, di-kechualikan daripada sa-barang Peratoran Kerajaan dan dengan demikian mereka tidak di-larang berpolitik dengan chergas tanpa kebenaran daripada Ketua Pejabat atau Kementerian yang berkenaan untuk berbuat demikian.

Perdana Menteri: Tiada. Bagi maksud mengambil bahagian dalam kegiatan² politik semua pegawai² Kerajaan ada-lah terta'alok kapada syarat² dalam Perintah² 'Am.

Timbalan Perdana Menteri

467. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah benar bahawa demi ketenteraman 'awam di-negeri ini, Kerajaan akan melantek tiga orang Timbalan Perdana Menteri berikutan dengan perletakan jawatan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman tidak lama lagi; ia-itu:

- (a) Timbalan Perdana Menteri keturunan China;
- (b) Timbalan Perdana Menteri keturunan Melayu; dan
- (c) Timbalan Perdana Menteri keturunan India; jika benar, ada-kah lantekan tiga serangkai itu akan di-lakukan sa-belum pilehannya kebangsaan pada tahun 1969 atau pun dalam tahun 1968 ini juga.

Perdana Menteri: Menurut Perlembagaan, jawatan Timbalan Perdana Menteri tidak ada di-sebutkan langsung dan jawatan Perdana Menteri pula tidak-lah di-hadkan kapada orang² Melayu sahaja yang boleh memegangnya. Mana² Parti yang memerintah dalam Negeri ini ada-lah berhak melantek sesiapa jua yang chukup syaratnya menurut Perlembagaan untuk menjadi Perdana Menteri.

Kerajaan tidak pernah menyatakan bahawa 3 orang Timbalan Perdana Menteri yang mewakili 3 kaum, Melayu, China dan India akan di-lantek.

Hukuman Mati

468. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri apa-kah kesudahan rayuan yang di-buat oleh Yang Berhormat Dr Tan Chee Khoon kapada Kerajaan dan Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman supaya membatalkan hukuman mati yang di-jatuhkan keatas enam orang yang di-dapati salah kerana menyertai

Indonesia dalam masa konfrantasi dahulu dan siapa-kah keenam² orang itu.

Perdana Menteri: Rayuan Yang Berhormat Dr Tan Chee Khoo tidak boleh di-buat apa² kerana kuasa pengampunan mengikut Perlembagaan ada-lah kuasa Raja Pemerintah dan Lembaga Pengampunan Negeri. Menurut Perlembagaan, Kerajaan Persekutuan atau Menteri² tidak berhak champor tangan dalam hal ini. Walau bagaimana pun Y.T.M. Tengku Abdul Rahman telah juga membuat rayuan persendirian tetapi tidak berhasil.

Enam orang itu ia-lah:

Law Kiat Long *alias* Law Ah Kiat

Ng Seng Huat *alias* Ng Ching Kim

Lee Ching Sai *alias* Lee Boon Kheng

Lee Hoo Boon *alias* Lee Cheng Hoo

Lee Ah Bah *alias* Lee Chee Hua

Lee Ah Kim *alias* Lee Bok Lim.

Orang² yang Bersara dengan Kerajaan

469. Tuan Haji Ismail bin Idris bertanya kepada Perdana Menteri berapa-kah jumlah orang² yang bersara dengan Kerajaan yang maseh hidup dan menerima penchen hingga akhir 1967, dan daripada jumlah itu berapa orang membayar chukai pendapatan.

Perdana Menteri: 18,289. Penchen² yang di-bayar kepada orang² yang bersara dengan Kerajaan di-dalam negeri ini ada-lah di-anggap sa-bagai pendapatan yang di-perolehi oleh mereka. Bilangan orang² yang bersara yang membayar chukai pendapatan tidak-lah di-ketahui oleh kerana orang² yang bersara mungkin juga menerima pendapatan dari puncha² yang lain dan pengenaaan chukai pendapatan ada-lah bergantung kepada jumlah pendapatan yang di-terima sa-telah di-tolak apa² potongan yang di-kechualikan daripada pembayaran chukai pendapatan mengikut undang².

Bantuan

470. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah benar, bahawa Malaysia akan menerima bantuan berjumlah 44 juta ringgit dari Pertubohan Makanan dan Pertanian sa-dunia dalam bentuk makanan dan peruntukan bagi tujuan² latehan, dan jika benar, (a) berapa-kah jumlah yang di-untokkan bagi makanan dan badan² mana-kah makanan² ini di-beri; (b) berapa-kah jumlah peruntukan bagi tujuan² latehan dan apa-kah maktab² di-mana latehan ini di-adakan.

Perdana Menteri: Malaysia telah membuat satu permohonan ka-badan Ranchangan Makanan sa-Dunia atau World Food Programme yang di-anjorkan oleh Pertubohan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Bantuan ini ia-lah berupa barang² makanan saperti tepong gandum, susu, gula, ikan, daging dan lain² yang akan di-jualkan kepada penduduk² ranchangan tanah Lembaga itu dengan harga yang berpatutan dan wang yang di-dapati akan di-gunakan untuk kebajikan penduduk² itu 'am-nya. Barang² makanan saperti ini akan juga memperbaiki kesihatan penduduk² dan lebeh kurang 23,000 keluarga di-dalam 67 ranchangan pembangunan tanah Lembaga itu akan mendapati bantuan ini dengan mengikut atoran kehendak pada tiap² sa-orang. Jumlah bantuan yang di-minta ada-lah lebeh kurang \$45 juta ia-itu selama lima tahun. Permohonan ini telah di-pereksa oleh Pegawai² Badan tersebut dan di-jangka dapat di-luluskan dalam masa tidak lama lagi.

Untuk ma'alom Yang Berhormat satu projek bantuan daripada Ranchangan Makanan sa-Dunia ini telah pun di-luluskan untuk Instituit Teknologi MARA yang berjumlah lebeh kurang \$3 juta. Bantuan ini berupa barang² makanan yang di-perlukan oleh penuntut di-Institut itu dan perbelanjaan yang dapat di-simpan oleh kerana bantuan ini akan di-gunakan untuk memberi latehan² dalam pengurusan hotel dan sa-bagai-nya. Bantuan ini akan berjalan selama lima tahun. Ranchangan Pembangunan Bangsa²

Bersatu atau United Nations Development Programme telah juga meluluskan permohonan Malaysia bagi menubuhkan satu *Pusat Latehan Perikanan* di mana F.A.O. ia-lah di-lantek sebagai pengurus-nya (executing agency). Jumlah bantuan daripada U.N.D.P. ia-itu bagi pakar², latehan dan kelengkapan ia-lah lebeh kurang \$5 juta.

Bahagian Kemajuan Pentadbiran

471. Dr Tan Chee Khoon asks the Prime Minister the annual costs of maintaining the Development Administration Unit separately for 1966, 1967 and 1968.

Perdana Menteri: The annual costs of maintaining the Development Administration Unit for 1966, 1967 and 1968 (up to 31st July, 1968), were as follows:

1966—

Personal Emoluments	\$ 63,240.00
O.C.A.R.	3,854.85
O.C.S.E.	16,713.00
Total	\$ 83,807.85

1967—

Personal Emoluments	\$225,778.00
O.C.A.R.	82,666.53
O.C.S.E.	NIL
Total	\$308,444.53

1968 up to 31st July, 1968—

Personal Emoluments	\$156,345.00
O.C.A.R.	44,291.53
O.C.S.E.	3,482.37
Total	\$204,118.90

472. Dr Tan Chee Khoon asks the Prime Minister the broad details of the re-organisation effected, the improvements in efficiency recorded and the economies made as results of the Work of the Development Administration Unit.

Perdana Menteri: The Development Administration Unit (D.A.U.) which began functioning in November, 1966, has been trying its best to bring about rapid improvements in the administrative machinery of Government so that Malaysia's development programmes could be speedily implemented at a minimum cost. D.A.U. is a non-operating agency in that its functions are not concerned with routine operations, but to study and analyse the present systems and procedures obtaining in Government with a view to recommending the most efficient manner in which Government Ministries and Departments should organise themselves, manage their activities and implement the policies of Government.

Administrative Re-organisations

2. Since November, 1966, D.A.U. has undertaken the following assignments, the objectives of which are to bring about systems changes that should make the entire administration more productive and more development oriented and also enable the process of administrative improvement to be a continuing activity of Government. Among these systems changes are:

- (i) the introduction of management analysis which examines problems on organisation procedures and methods and gives consideration to such modern techniques as those using electronic computers;
- (ii) reform in land administration where changes will help to streamline land office administration;
- (iii) improvement in district office administration and the introduction of improved methods of implementation of rural development programmes;
- (iv) collaborating with Treasury in introducing programme and performance budget system to enable the Treasury, Parliament and the public to know the scope and cost of each significant programme or public service;

- (v) planned and organised staff training and career development which will enable Government to work on a systematic and comprehensive post-entry training programme for its civil service personnel at all levels; and
- (vi) introduction of a new promotion policy emphasising merit and of a new Annual Confidential Report form to meet the requirements of a more objective merit rating.

Such major reforms will affect not only administrative structures, office procedures and management methods in Government Ministries and Departments but more importantly the attitudes of civil servants and the way they approach their responsibilities.

Improvements in Efficiency

3. The D.A.U. has at the same time been engaged in numerous service activities all with the view to assisting departments in increasing effectiveness, in eliminating bottlenecks, in reducing delays and in improving the efficiency of operations without attempting fundamental changes in the existing systems.

4. The following is a list of some twenty major assignments undertaken by D.A.U. in collaboration with Government's Central control, staff and other agencies since its inception as an attempt towards building the infrastructure for administrative efficiency:

- (i) Survey of Staff Training Needs in West Malaysia;
- (ii) Establishment of a Civil Service Central Staff Record;
- (iii) Drawing up of a Diploma Programme in Public Administration;
- (iv) Promotion Policy and Annual Performance Rating Report for Civil Servants;
- (v) Career Specialisation in the Malaysian Home and Foreign Service;
- (vi) Programme and Performance Budgeting system;
- (vii) Expenditure Control Review;

- (viii) Studies of the Administration of Development Activities;
- (ix) Compilation of a Handbook on the Organisation of Government;
- (x) Development of Management Analysis Units in Ministries and Departments;
- (xi) Mechanisation of Office Systems;
- (xii) Computerisation of Data Processing Systems;
- (xiii) Compilation of Departmental Manuals;
- (xiv) Organisational Improvements in Land and District Administration;
- (xv) Implementation Techniques of Rural Development Programme;
- (xvi) Week end Seminars for Top Government Officials;
- (xvii) Staffing Adjustments in Federal and State Governments;
- (xviii) Integration of Ministerial Systems in Government;
- (xix) Improvements in service to the public in certain departments.
- (xx) Study made at the request of the Teachers' Commission on certain aspects of the educational system.

Economies Effected

5. From the foregoing list of assignments already and being undertaken savings will certainly accrue to Government in the long run. As no attempt has so far been made to evaluate economies quantitatively, it is difficult to say how much savings have actually been made in the past one-and-a-half years. However, as a matter of illustration as to the evidence of likely savings, the following cases that easily land themselves to quantitative assessment can be cited:

- (i) *Mechanisation of Armed Forces Pay Division—*

As a result of D.A.U.'s meticulous choice of a system from an array of mechanised systems proposed by various office equipment firms, the Government is saved an expenditure of \$289,145.

(ii) *Road Transport Department Revenue Collecting System—*

In altering the systems proposed for revenue collection at the Road Transport Department, D.A.U. has managed to save Government a total sum of \$13,696 in the purchase of the right type of equipment.

(iii) *Tabong Haji Accounting System—*

In modifying the existing system of accounting at the Tabong Haji Office as recommended by the D.A.U., the authority will be spending less on capital expenditure in installing the system, thus giving rise to a saving of \$68,560.

473. Dr Tan Chee Khoon asks the Prime Minister the names of officers working in the Development Administration Unit.

Perdana Menteri: The names of senior officers working in the Development Administration Unit are:

1. Enche' Abdul Majid bin Mohd. Yusoff (Director).
2. Enche' Clement, Y. M. Hon. (Deputy Director).
3. Enche' Elyas bin Omar (Assistant Director).
4. Enche' Zainol bin Mahmood (Assistant Director).
5. Enche' Nasrudin bin Bahari (Assistant Director).
6. Enche' Abdullah Sanusi bin Ahmad (Assistant Director).
7. Enche' Kamaruddin bin Abdul Rani (Development Administration Officer).
8. Enche' Jaafar bin Awang (Development Administration Officer).
9. Enche' Clifford F. Herbert (Development Administration Officer).
10. Enche' Wan Shamsuddin bin Ismail (Development Administration Officer).
11. Enche' Mohd. Suffian bin Abdul Majid (Development Administration Officer).

12. Enche' Lim Swee Choo (Organisation and Methods Officer).

13. Enche' Foo Chee Wee (Organisation and Methods Officer).

14. Enche' P. Pathmanathan (Organisation and Methods Officer).

Peruntokan Tambang Perchuma

474. Dr Tan Chee Khoon asks the Prime Minister to give details of expenditure incurred in the provision of free world tours to Government officers in Division 1 and their wives during 1965, 1966, 1967 and 1968 in the following form:

Year	No. of officers and their wives	Amount incurred
1965		
1966		
1967		
1968		

Perdana Menteri: Perbelanjaan tambang yang telah di-kenakan pada setiap tahun daripada tahun 1965 hingga 31hb Julai, 1968 ada-lah seperti dibawah:

Tahun	Bilangan pegawai ² dan isteri mereka		Jumlah Perbelanjaan \$
	Pegawai ²	Isteri	
1965 ...	33	28	234,443
1966 ...	45	32	265,098
1967 ...	38	27	242,141
1968* ...	79	65	560,983

* Sa-hingga 31-7-68.

The expenditure incurred on fares during each of the years from 1965 up to 31st July, 1968, are as follows:

Year	Number of officers and their wives		Total Expenditure \$
	Officers	Wives	
1965 ...	33	28	234,443
1966 ...	45	32	265,098
1967 ...	38	27	242,141
1968* ...	79	65	560,983

* Up to 31-7-68.

475. Dr Tan Chee Khoon asks the Prime Minister if he would give immediate direction for the discontinuation forthwith of free world tours for Government officers in Division I and their wives in view of the present acute financial stringency.

Perdana Menteri: Kerajaan belum ada chadangan hendak memberhentikan keistimewaan ini oleh kerana kemudahan tambang ini ada-lah berfaedah kepada Perkhidmatan Awam. Ia-nya membolehkan sa-saorang pegawai dalam Bahagian I yang telah berkhidmat lebih daripada 10 tahun dan sa-belum meningkat umur 50 tahun, meluaskan pengalaman dan pandangan-nya dan dengan ini boleh meninggikan lagi mutu dan nilai pekerjaan-nya.

The Government has no intention as yet to discontinue the privilege of providing free passage as it is beneficial to the Public Service. It will enable a Division I Officer with 10 years' service but who has not attained his 50th birthday, to widen his experience and outlook and therefore improves the standard and quality of his work.

Wakil² Diplomatik Malaysia

476. Dr Tan Chee Khoon asks the Prime Minister if he would give favourable consideration to accrediting one or two leading, responsible and internationally reputed trade unionists as Malaysia's diplomatic representatives overseas.

Perdana Menteri: There is no hard and fast rule with regard to the qualifications of a person who can be accredited abroad as representative of the Government of Malaysia so long as he is a presentable person, i.e., a person of good character and integrity, whose loyalty to the country is undivided. Such a person can come from any walk of life. If a trade unionist is found suitable he can qualify for this post.

Wakil Pekerja²

477. Dr Tan Chee Khoon asks the Prime Minister to state the current term of office of the workers' representative in the Senate and the date of expiry.

Perdana Menteri: Members of the Senate are appointed in accordance with Article 45 of the Constitution. They are appointed on account of their distinguished public service or the distinction they have achieved in the professions, commerce, industry, agriculture, cultural activities or social service or of their ability to represent racial minorities or special interests of the people.

There are no specially designated workers representatives mentioned as such.

478. Dr Tan Chee Khoon asks the Prime Minister to state the Government's policy on the appointment of workers' representatives to various official bodies, such as the Board of the National Electricity Board, the Penang Port Commission, the Port Swettenham Port Authority, etc., whether in consultation with the M.T.U.C. or by direct approach to and consent of individuals.

Perdana Menteri: Members of the National Electricity Board, Penang Port Commission and the Port Swettenham Port Authority are appointed by the Minister after taking into consideration the experience, merits and ability of the persons so appointed. Under the provisions of the respective legislations, and under the law there are no specially designated workers represented as such on these boards.

Surohanjaya/Jawatan-Kuasa

479. Dr Tan Chee Khoon asks the Prime Minister to state how many Royal Commissions of Enquiry and Study Committees have been appointed and for what purposes were they appointed since 1957.

Perdana Menteri:

(a) It is presumed that the Royal Commissions referred by the Hon'ble Member are those appointed by the Yang di-Pertuan Agong under the Commissions of Enquiry Ordinance 1950. If that is so, then the following Commissions had been set up since 1957 for purposes explained:

Commissions of Enquiry

1. Commission of Enquiry on Government Daily Wages. (March, 1958)

Purpose

To note that it is the policy of the Government to give its daily-rated employees remuneration which will be comparable to the remuneration which is given to similar types of employees employed by average good employers in commerce and industry in the Federation and to examine whether in the light of the above policy any adjustments are required in the remuneration of such Government employees or any section of them and to report.

2. Commission of Enquiry on Tenders. (November, 1959)

Bearing in mind that it is the policy of the Government:

- (i) to accord preference, where other things are equal, to local tenderers;
- (ii) to encourage the use of local products and materials; and
- (iii) to encourage Malay participation in commerce and industry;

to investigate and report on the present Government tender system for the requisitioning of works and the procurement of supplies and equipment and the method of checking goods delivered and works completed and to make recommendations with special reference to:

- (a) the present practice with regard to the requisitioning of works and procuring supplies from overseas;
- (b) the tender system for the supply of rations to Government Institutions; and
- (c) the extent to which Malay participation in Government tenders can be encouraged.

3. Special Salaries Commission. (September, 1964)

- (i) To consider and recommend the principles which should govern the emoluments and conditions of service of monthly-rated officers in the Public Services as defined in Article 132 of the Constitution other than the Armed Forces.
- (ii) In the light of such principles, to consider and recommend whether any changes are necessary in the salaries and conditions of service of these services, and if so, to advise on the mode of conversion to any revised scales that may be recommended, bearing in mind the desirability of having as few salary scales as possible.
- (iii) In making its recommendations, the Commission shall take into account the financial and economic situation of the country.

Commissions of Enquiry

Purpose

4. Commission of Enquiry to enquire into Singapore Riots. (October, 1964)

To inquire into and report on the circumstances leading to and surrounding the disturbances in Singapore which began on the 21st July, 1964, and again on the 2nd September, 1964.

Commission was dissolved before it completed its task.

5. Commission of Enquiry to Investigate into the Working of Local Authorities. (March, 1965)

(i) To enquire into and consider whether the continued existence of any categories of local authorities, particularly those local authorities in which the capital of a State is situate, serve any useful purpose.

(ii) To report on the foregoing matters and to make such recommendations, as in their opinion the circumstances require, taking into consideration the adequacy or otherwise of the existing law with regard to local authorities, namely, the Municipal Ordinance S.S. Cap. 133, the Town Boards Enactment F.M.S. Cap. 137, the State of Kelantan Municipal Enactment, 1938, the Town Boards Enactment No. 118 (Johore), the Town Boards Enactment, Trengganu (Cap. 64), the Town Boards Enactment F.M.S. Cap. 137 as made applicable to Perlis, by the Town Boards (Applicable to Perlis) Ordinance, 1952, the Town Boards Enactment F.M.S. Cap. 137 as made applicable to Kedah by F.M. Ordinance No. 52/56 and the Local Council Ordinance, 1952.

The work is not yet completed.

6. Teachers Salaries Commission. (March, 1967)

(i) To consider and recommend the principles which should govern the emoluments and conditions of service of teachers both in Government service as well as those outside Government service and employees of school boards other than teachers.

(ii) In the light of such principles, to consider and recommend whether any changes are necessary in the salaries and conditions of service of these teachers and employees other than teachers, and if so, to advise on the mode of conversion to any revised scale that may be recommended, bearing in mind the desirability of having as few salary scales as possible.

(iii) To examine and consider the present set-up of the teaching services and to recommend any changes that may be necessary bearing in mind the need of ensuring efficiency and effectiveness of the teaching service.

(iv) To examine and consider the present system of school boards of governors/managers and problems related thereto and to make recommendations conducive to efficient and effective administration.

The work is not yet completed.

- (b) It is presumed that the Commissions of Enquiry referred to Committees of Enquiry appointed by the Federal Government but whose appointments do not come under the Commissions of Enquiry Ordinance. If that is so the following Committees had been appointed since 1957 for purposes explained:

Committee of Enquiry	Purpose
1. Committee of Enquiry on the Position of Temporary Clerks. (November, 1957)	To enquire into the circumstances which have made it necessary to employ large numbers of temporary clerks since the war in Federal and State service, and to consider whether, and if so on what conditions, clerks at present serving on temporary terms may be offered permanent appointment in the Government service.
2. Committee of Enquiry to Investigate the causes of Cholera Outbreak. (May, 1963)	To investigate the outbreak of Cholera in the State of Malacca and to report on the steps taken (or omitted) to deal with it, and to arrest it and to make recommendations to prevent a recurrence.
3. Committee of Enquiry to Investigate into the Working of the Federation of Malaya Government Officers' Co-operative Housing Society Ltd. (June, 1968)	To enquire into the acts of mal-administration and malpractices and breaches of law alleged to have been committed by officers and servants of the Government Servants' Co-operative Housing Society, including the agent or agents of the Society and any other person or persons directly or indirectly connected with the affairs of the society, in particular in relation to the administration of funds of the society including any money or moneys loaned and/or advanced to the society and to report and recommend appropriate action.

The work is not yet completed.

- (c) It is not understood what the Hon'ble Member means by Study Committees as practically all Committees have been appointed with the purpose of studying or examining some matter or other and it is impossible to count the number of such Committees that have been appointed since 1957.

480. Dr Tan Chee Khoo asks the Prime Minister to state how many reports by these Commissions, Committees, etc., have been submitted to the Government and whether they have been published.

Perdana Menteri: 3 Reports of the Commissions of Enquiry and 2 Reports of the Committees of Enquiry were received and published as follows:

- (1) Report of the Special Salaries Commission;
- (2) Report of the Commission of Enquiry on Tenders;
- (3) Report of the Commission of Enquiry on Government Daily Wages;
- (4) Report on the Committee of Enquiry on the Position of Temporary Clerks; and

- (5) Report of the Committee of Enquiry to Investigate the Causes of Cholera Outbreak.

481. Dr Tan Chee Khoo asks the Prime Minister to state how many such reports have been accepted even partially by the Government.

Perdana Menteri: 2 Reports of the Commission of Enquiry and 2 Reports of the Committees of Enquiry have been accepted as follows:

- (1) Report of the Commission of Enquiry on Tenders;
- (2) Report on Commission of Enquiry on Government Daily Wages;
- (3) Report on the Committee of Enquiry on the position of Temporary Clerks; and

(4) Report of the Committee of Enquiry to Investigate the Causes of Cholera Outbreak.

With reference to the Report of the Special Salaries Commission the Government has accepted the Report of the Commission only in respect of employees in Division IV and the I.M.G. in accordance with the agreement that has been reached between the Government and the Staff Sides of the National Whitley Council (Div. I-IV) and (I.M.G.).

482. **Dr Tan Chee Khoon** asks the Prime Minister to state how many of these reports, as a result of their Study and findings, have been implemented :

- (a) fully
- (b) in parts.

Perdana Menteri:

(a) The following Reports have been implemented in full—

- (1) Report of the Commission of Enquiry on Government Daily Wages;
- (2) Report of the Commission of Enquiry on Tenders;
- (3) Report of the Committee of Enquiry on the Position of Temporary Clerks; and
- (4) Report of the Committee of Enquiry to Investigate the Causes of Cholera Outbreak.

With reference to the Report of the Special Salaries Commission, only the recommendations in respect of employees in Div. IV and the I.M.G. are in the course of being implemented in accordance with the agreement that has been reached between the Government and the Staff Sides of the National Whitley Council, (Div. I-IV) and (I.M.G.).

Wang Pertubohan

483. **Dr Tan Chee Khoon** asks the Prime Minister to state if Government exercises any control over movement of large funds from foreign-based organisation to local voluntary organisations and what assurance he has that such foreign-based organisations do not make contributions to local political organisations.

Perdana Menteri: The Government does not exercise any control over the movement of funds from foreign countries into Malaysia with the exception of remittance of funds from non-Sterling Area countries for investment purposes. In this case, the investor is required to obtain the prior approval of the Exchange Control for the remittance to Malaysia of funds for investment purposes, and to ensure that Exchange Control permission would be given for him to remit profits and to repatriate the capital when he decides to dispose of his investment.

Other than the above, there is no control whatsoever over the movement of funds from foreign countries into Malaysia. We have no information to the effect that foreign-based organisations make contribution to local political parties, though they do contribute in some small ways to welfare and other charitable institutions.

Yayasan² Asing

484. **Dr Tan Chee Khoon** asks the Prime Minister—a list of foreign foundations, e.g., Asia Foundation, Rockefeller Foundation, Ford Foundation, etc., operating in Malaysia and brief particulars of their activities.

Perdana Menteri: As far as can be ascertained the following foreign foundations and organisations are operating in Malaysia together with a brief description of their activities.

1. FORD FOUNDATION:

This is a private non-profit-making organisation devoted to the promotion of public welfare particularly in education and training for economic development. Since the establishment of its office of Representative in Malaysia in 1962, the Ford Foundation had provided assistance in the field of higher-education with a grant of about \$1.5 million to the Faculty of Education. Grants were also made to meet the cost of advisory staff, fellowships and training to the Economic Planning Unit, the Development Administration Unit of the Prime Minister's Department, the Family Planning Board and the Examinations Syndicate, Ministry of Education and the College of Agriculture in Serdang.

2. ASIA FOUNDATION:

This is also a private non-profit-making organisation mainly concerned with education and economic development through research awards and scholarships and gifts of equipment, books and supporting services. During its financial year August 1966/July 31, 1967, it is estimated that \$700,000 was spent on these projects.

3. BRITISH COUNCIL:

This is a longstanding Council established in Malaysia even before Merdeka and is concerned with promotion of educational and cultural activities. The Council has provided assistance towards travel, gifts of books and equipment and experts staff particularly in education.

4. CO-OPERATIVE FOR AMERICAN RELIEF EVERYWHERE INC. CARE/Medico:

This is a private non-profit worldwide organisation engaged in improving and expanding medical care in Malaysia by providing physicians, surgeons, nurses, medicine supplies and equipment. Among the projects in which

CARE/Medico is associated are the neurosurgical unit at the General Hospital and the Gombak Hospital.

5. FULBRIGHT EXCHANGE COMMISSION:

This is an Educational Exchange Programme between the U.S. and the Malaysian Government for the exchange of students, trainees, teachers and professors and also related educational and cultural programmes. The Programme is administered by a Commission comprising representatives of the Malaysian Government and U.S. Embassy.

6. CATHOLIC RELIEF SERVICES—CRS:

This organisation is mainly concerned with Social Welfare activities and operates closely with the Department of Social Welfare and other Voluntary bodies. Together with these agencies it administers the school feeding programme, with supplies from the U.S. Government. In addition to the above, the Government receives assistance from Overseas Volunteers organisations such as the U.S. Peace Corps, British Overseas Volunteers Services, Canadian and Australian Volunteers who serve as teachers, nurses, and community workers in rural development.

485. Dr Tan Chee Khoo asks the Prime Minister if Government is consulted before these foreign foundations make substantial financial grants to local voluntary organisations for development purpose and, if so, if he will state financial grants during 1967 and 1968 and the amount in each case.

Perdana Menteri: The Government is not aware of any substantial grants being made by these foreign Foundations to *local* voluntary organisations for development purposes. Technical and financial assistance or even grants in kind to Government Departments are always made after consultation with the Government particularly in order to

ensure that such assistance is directed to productive development projects in accordance with the priorities of the Plan.

Every effort is being made to obtain information regarding grants or

assistance made to local voluntary organisations and in this instance only the Asia Foundation is known to have given or assisted local voluntary organisations. These beneficiaries and the amounts received are as follows:

Foundation	Local Voluntary Beneficiary	Amount \$	Year
Asia Foundation ...	National Association of Women's Institute, Malaysia	10,500	1967
	National Council of Women's Organisation	4,500	1967
	Majlis Belia, Malaysia	4,000	1968
	Press Centre	83,000	1967
	Press Centre	26,000	1968
	Malaysia Scientific Association	900	1967
	Penang Science Association	900	1967
	Kuala Lumpur Symphonic Orchestra ...	11,200	1967
	Penang Arts Council	1,325	1967
	Singapore and Malaysia Library Association	2,000	1967
	Malaysian Association of Youth Clubs ...	312	1967

Kawasan Pilihan Raya Negeri/Parlimen

486. Tuan C. V. Devan Nair asks the Prime Minister to give the latest total electorate of all State and Parliamentary constituencies giving racial breakdown of every figure.

Perdana Menteri: The latest total number of electorates of all State and Parliamentary constituencies can be obtained from the latest revised Electoral Registers obtainable from the Election Commission. As the Honourable Member will observe from the electoral register the electorates are not classified according to race.

Bendera

487. Tuan C. V. Devan Nair asks the Prime Minister to explain why political party flags are flown side by side with the National Flag on official Ministerial cars; and to state whether he would consider instructing all his Cabinet colleagues to put a stop to this improper practice immediately.

Perdana Menteri: I do not consider as improper practice for Ministers to

fly their political party flags on their cars. Apart from the fact that these flags are approved by the Registrar of Societies, there is no regulation to prohibit this practice.

Chawangan M.C.A.

488. Tuan C. V. Devan Nair asks the Prime Minister whether he has instructed the M.C.A. branch in Patani, Batu Pahat, to vacate its premises from the Si Hou Kong temple, which was built with a \$5,000 Government grant.

Perdana Menteri: As I said in the last meeting, the temple committee is a private authority and the Government is in no position to interfere with its affairs. It was never my intention to impose upon either party on a matter over which they have a right to decide by themselves.

Kesatuan Pekerja² Guinness (M) Berhad

489. Dr Tan Chee Khoo asks the Deputy Prime Minister to state if he has received a letter signed by 153

members of Kesatuan Pekerja² Guinness (M) Berhad alleging that an expatriate officer of that company was stirring up communal feelings amongst the workers, and if so, what action he has taken on this matter.

Perdana Menteri: The letter has been received and the matter is under investigation by the Ministry of Labour.

Lawatan ka-Negeri Kelantan

490. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Timbalan Perdana Menteri ada-kah benar bahawa beliau ada membuat lawatan ka-Negeri Kelantan; jika ya, atas sifat apa-kah beliau membuat lawatan itu, berapa bilangan pegawai² Kerajaan yang mengiringi beliau dan apa-kah tujuan lawatan itu.

Timbalan Perdana Menteri (Tun Haji Abdul Razak): Ahli Yang Berhormat ini telah pun, dalam sidang ini juga bertanya kepada saya sa-bagai Timbalan Perdana Menteri soalan yang sa-rupa. Saya telah menjawab kegiatan dan lawatan Menteri² Kerajaan Pusat termasuk saya sendiri ada-lah satu rahsia umum. Sesiapa yang hendak tahu bacha-lah akhbar² dengan teliti, mendengar siaran² radio dan talivishen dengan chermat kerana kegiatan dan lawatan² Menteri semuanya di-laporkan melalui akhbar², radio dan talivishen. Tujuan laporan² ini ialah untuk memberi ra'ayat tahu dan harga² kerja², tugas² dan ranchangan² yang di-sempurnakan oleh Menteri² dan Kerajaan Pusat dan Kerajaan² Negeri di-bawah pemerentahan Perikatan. Chorak dan sifat lawatan² atau beberapa ramai pegawai² Kerajaan mengiringi Menteri² terta'alok kepada chorak dan tujuan lawatan² itu.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR

Menteri Muda

491. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah benar bahawa memandang kepada betapa sebok-nya beliau pada sa'at² yang akhir ini maka Kerajaan akan melantek tiga orang Menteri Muda bagi Kementerian-nya ia-itu:

- (a) Menteri Muda khas bagi Pelajaran Dewasa;
- (b) Menteri Muda khas bagi Balai Raya; dan
- (c) Menteri Muda khas bagi "Gerakan Senyum".

Menteri Pambangunan Negara dan Luar Bandar (Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein): Tidak benar. Sunggoh pun demikian, sukachita saya memberi tahu Ahli Yang Berhormat itu, bahawa sama ada saya sebok atau tidak di-sa'at yang akhir ini, ada-lah soal saya sendiri.

Majlis Amanah Ra'ayat

492. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar sejak Yang Berhormat Senator Enche' Ghafar bin Baba di-lantek menjadi Pengerusi MARA, sudah berapa kali-kah beliau membuat lawatan-nya ka-negeri Kelantan 'am-nya dan ka-Bachok khas-nya dan berapa banyak-kah chawangan MARA yang telah di-tubuhkan di-kawasan Bachok, Kelantan.

Tun Haji Abdul Razak: Butir² berkenaan dengan lawatan Yang Berhormat Senator Enche' Ghafar bin Baba ka-Kelantan semenjak ia-nya menjadi Pengerusi MARA ada-lah saperti berikut:

Lama masa berada di-Kelantan	Kawasan di-Lawati			Berkenaan
28hb dan 29hb Mach—(2 hari)	Kota Bharu ...	...	...	MARA
7hb April (1 hari)	Kota Bharu ...	...	...	Sharikat Kenderaan Melayu Kelantan
26hb April—(1 hari)	Bachok ...	...	...	FAMA
4hb Mei—(1 hari)	Bachok ...	...	...	Pembangunan
27hb Mei—(1 hari)	Kubang Kerian	...	...	MARA dan Sharikat Kenderaan Melayu Kelantan

Lama masa berada di-Kelantan	Kawasan di-Lawati	Berkenaan
27hb Jun—(1 hari) ...	Kota Bharu dan Bachok ...	FAMA dan Pelajaran Dewasa
28hb Jun—(1 hari) ...	Pasir Puteh dan Tumpat ...	FAMA dan Pelajaran Dewasa
11hb dan 12hb Julai—(2 hari)	Kota Bharu	Pembangunan
30hb hingga 31hb Julai—(2 hari)	Pasir Puteh, Kota Bharu Ulu, Machang dan Pasir Mas Hilir	Pembangunan

493. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah benar bahawa MARA akan menubuhkan satu Badan Pembela untuk memberi kerja kepada orang² yang tidak mempunyai pekerjaan di-Bachok, Kelantan; jika benar, bila-kah ini akan di-laksanakan; dan siapa-kah akan menjadi Ketua Badan Pembela itu, sama-ada Menteri Muda Balai-Raya atau Menteri Muda Gerakan Senyum.

Tun Haji Abdul Razak: Tidak benar.

494. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar sama ada benar atau tidak dalam tahun 1963 dan 1964, MARA telah membelanjakan sebanyak 1.5 million sahaja daripada wang 2.5 million yang telah di-untukkan bagi pembangunan Ranchangan² Kampong dan Perusahaan, dan jika benar, mengapa baki wang itu di-bekukan dan apa-kah tindakan yang telah di-ambil oleh Kerajaan memperbaiki keadaan ini.

Tun Haji Abdul Razak: Angka² yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada-lah tidak betul. Dalam tahun 1963 dan 1964, RIDA telah menerima wang sebanyak \$2,782,253.62 daripada Kerajaan dan \$1,952,921.59 telah di-belanjakan dalam tahun tersebut. Baki-nya sebanyak \$829,332.03 telah pun di-belanjakan dalam tahun berikutan. Dengan yang demikian soal peruntukan itu di-bekukan tidak-lah timbul sama sekali.

495. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar hingga sekarang (1968) berapa banyak-kah wang MARA yang di-

belanjakan bagi membeli saham² dengan menyatakan:

- (a) Saham² yang di-beli dari luar negeri; dan
- (b) Saham² yang di-beli dari dalam negeri.

Tun Haji Abdul Razak:

- (a) Tiada;
- (b) Berjumlah \$3,152,037.06.

496. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar bila-kah MARA akan menunaikan janji-nya hendak membena sa-buah kilang kain yang berharga kira² sa-juta ringgit di-Mentakab, Pahang seperti yang pernah tersiar dalam akhbar²; dan mengapa-kah MARA memilih Mentakab sa-bagai tapak kilang seperti itu dan tidak di-Kuala Trengganu atau Kota Bharu, Kelantan.

Tun Haji Abdul Razak: MARA akan mendirikan sa-buah kilang kain tidak berapa lama lagi di-Senawang, Seremban, Negeri Sembilan, bukan-nya di-Mentakab. Kilang kain ini tidak didirikan di-Kuala Trengganu atau di-Kelantan oleh sebab ada-lah di-dapati lebih sesuai dan ekonomik bagi kilang tersebut di-dirikan di-sa-belah Pantai Barat, Malaysia Barat.

497. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar sa-jauh mana-kah usaha telah di-lakukan oleh MARA bagi membena sa-buah kilang tepong ubi seperti yang pernah di-janjikan oleh Pengerusi-nya; dan di-mana-kah kilang itu akan di-bena.

Tun Haji Abdul Razak: Kilang tepong ubi itu akan di-dirikan dalam tahun ini di-Kuantan, Pahang. Usaha² untuk mendirikan kilang tersebut telah

selesai di-jalankan. Sekarang MARA sedang menyemak tempahan² kilang bagi projek tersebut.

498. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah MARA telah menunaikan janji-nya hendak membena rumah² jenis "A" dan "B" di-Negeri Sarawak dengan menyatakan:

- (1) tapak rumah² tersebut;
- (2) jumlah rumah² itu; dan
- (3) harga rumah² itu.

Tun Haji Abdul Razak: Sa-takat ini MARA belum lagi mendirikan rumah² tersebut di-Sarawak. Pada masa ini 24 permohonan² telah di-terima dan sedang di-kaji oleh pihak MARA. Peruntukan sa-banyak \$62,000 sudah di-peruntukan buat Sarawak dan Sabah.

499. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar berapa ramai-kah anak² Bumiputra yang telah di-hantar oleh MARA ka-Negeri China Kominis untuk menuntut Ilmu Pengetahuan di-sana; dan apa-kah pelajaran² yang mereka mempelajari di-negeri itu.

Tun Haji Abdul Razak: MARA ta'ada menghantar penuntut Bumiputra ka-Negeri China Kominis.

500. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah benar, bahawa menurut sa-orang pegawai kenderaan MARA, Tuan Mohamad Razali bin Haji Bidin, MARA telah menjual harta-nya sa-banyak kira² 240 juta ringgit kepada sa-buah Sharikat bernama Ikatan Setia Company di-Pekan, Pahang, dan apa-kah hubungan di-antara sharikat tersebut dengan pihak MARA.

Tun Haji Abdul Razak: Perkara ini tidak-lah betul sama sekali. Saya tidak faham di-mana Yang Berhormat itu memperolehi kenyataan tersebut. Kedu-dokan yang sebenar-nya ada-lah seperti berikut:

Pada awal tahun ini, Pengarah² Sharikat Ikatan Setia Berhad telah ber-

setuju menerima harta² tetap MARA yang telah di-taksirkan sebanyak \$239,960. Harga yang telah di-taksirkan ini tidak termasuk harga² spare parts dan tiket².

Ada-lah menjadi dasar MARA memindahkan segala perkhidmatan yang telah menunjukkan kemajuan kepada Sharikat² Bumiputra yang sanggup menjalankan-nya. Oleh itu penjualan ini ada-lah selaras dengan dasar MARA. Sebagai pertukaran harta² ini MARA akan di-bayar dengan saham² Sharikat tersebut yang berharga \$10 satu. Nyata-lah di-sini ia itu apa yang di-katakan \$240 juta itu sa-benar-nya ia-lah \$240,000 sahaja.

Oleh kerana lebih daripada 90% daripada saham² Sharikat itu di-pegang oleh MARA, maka sewajar-nya urusan dan pentadbiran Sharikat itu di-kelola-kan oleh MARA. Walau bagaimana pun, orang² Bumiputra tempatan yang berkecayaan dan berkelulusan akan di-beri peluang mengambil peranan yang penting di-dalam pentadbiran Sharikat itu.

501. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar sa-jauh mana-kah usaha² di-buat oleh MARA hendak menghantar anak Bumiputra aliran Melayu ka-Indonesia untuk menyambung pelajaran di-negeri itu, dan bila-kah rombongan pertama-nya akan bertolak.

Tun Haji Abdul Razak: Setakat ini MARA telah menjalankan pengajian atas kemudahan² latehan yang sesuai bagi pelateh²/penuntut² kita bekerja atau berlateh di-Indonesia. Perkara menghantar pelateh² ka-Indonesia ini ada-lah maseh di-dalam timbangan MARA.

502. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah benar bahawa MARA telah mengambil aleh sa-buah kilang papan yang terletak di-Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur; jika ya, bila-kah perkara itu di-lakukan dan berapa

ramai-kah pegawai² yang bekerja di-situ yang di-bayar gaji atau upah oleh MARA.

Tun Haji Abdul Razak: MARA telah mengambil alih Timber Depot Kerajaan di-Jalan Chan Sow Lin pada 1hb Julai, 1968 yang lalu. MARA telah mengambil semua pekerja² yang ada di-Pusat tersebut, ia-itu seramai 50 orang.

503. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar sa-jauh mana-kah terlaksana-nya janji MARA hendak mengadakan khidmat bas ekspres dari Johor ka-Kelantan pada tahun 1968 sa-bagai yang dinyatakan oleh pihak MARA menerusi pegawai-nya Enche' Mohamad Nurani bin Kamarun seperti tersiar dalam "*Utusan Melayu*" pada 4hb Disember, 1967 dahulu.

Tun Haji Abdul Razak: Pada masa ini, Sharikat Ikatan Setia Berhad ia-itu sa-buah Sharikat di-bawah kelolaan MARA ada menjalani perkhidmatan bas ekspres di-antara Johor Bahru dengan Kuantan. Perkhidmatan bas ekspres ini baharu sahaja di-lancarkan pada 6hb Januari tahun ini. Perundingan ada-lah sedang di-jalankan di-antara Sharikat Kenderaan Melayu Kelantan Berhad, sa-buah Sharikat Bumiputra yang juga di-kelolakan oleh MARA, dengan sa-buah Sharikat Bas Bumiputra yang terbesar sekali di-negeri ini untuk mengadakan satu perkhidmatan bas ekspres di-antara Kuala Lumpur hingga Kota Bharu, sejauh 411 batu. Kalau tidak ada apa² halangan yang penting, perkhidmatan bas ekspres ini akan dapat di-selenggarakan pada awal tahun 1969. Dengan yang demikian, perkhidmatan ekspres yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ia-lah di-antara Kuala Lumpur dengan Kota Bharu bukannya di-antara Johor Bahru dengan Kota Bharu.

504. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar berapa-kah bantuan wang yang di-beri oleh MARA kepada sa-orang pekedai

"Jahit-menjahit" di-Rembau, Negeri Sembilan—Che' Bainah binti Bachik berikutan dengan rayuan-nya hendakkan bantuan dari MARA dalam bulan Disember, 1967 dahulu.

Tun Haji Abdul Razak: Tidak ada pinjaman yang di-beri kepada Che' Bainah (Baenah) binti Bachik untuk perniagaan jahit-menjahit di-Rembau, Negeri Sembilan. Che' Bainah (Baenah) ada membuat permohonan untuk mendapatkan pinjaman MARA melalui surat beliau bertarikh 14hb Oktober, 1962. Permohonan itu telah di-tarek balek melalui surat beliau bertarikh 4hb Disember 1962. Sa-panjang yang saya tahu, Che' Bainah (Baenah) tidak ada membuat apa² rayuan kepada MARA berkaitan dengan permohonannya itu baik dengan sechara mulut atau bertulis. Ia sendiri telah mengesahkan yang beliau tidak ada membuat rayuan tersebut kepada MARA.

505. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar berapa banyak-kah MARA berjaya menjual saham² yang di-tawarkan oleh Sharikat Malayawata kepada Bumiputra² dalam tahun 1967 dahulu.

Tun Haji Abdul Razak: MARA telah berjaya menjual sa-banyak \$486,300 saham yang berharga \$1 tiap² satu.

506. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar sa-jauh mana-kah kejayaan sudah tercapai dalam usaha MARA hendak mengambil alih maktab² yang kosong untuk di-jadikan tempat latihan MARA seperti yang di-gambar-gambarkan oleh Timbalan kepada Pengerusi MARA di-Sabak Bernam, Selangor pada 24hb Jun, 1968; dan latihan² apa-kah yang akan di-ajar di-maktab² itu.

Tun Haji Abdul Razak: Setakat ini pihak MARA telah pun membuat rundingan² dengan Kementerian Pelajaran atas perkara ini.

MARA berchadang hendak menggunakan maktab² itu bagi mengadakan

kursus² persediaan bagi anak² Bumiputra dalam lapangan Sains, Mathematics dan Bahasa² dan lain² perkara.

507. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar sudah-kah MARA menunaikan janji-nya hendak membena gerai² di-Pasar Slim River, Perak; jika ya, berapa buah-kah gerai² yang telah dibena dan berapa-kah perbelanjaan-nya.

Tun Haji Abdul Razak: Ranchangan membena gerai² di-Pasar Slim River telah di-kaji dan di-dapati tidak sesuai. MARA sekarang sedang mengkaji untuk mendirikan bazaar di-tempat tersebut. Ranchangan ini di-harapkan dapat di-laksanakan dalam tahun ini.

508. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar sa-jauh mana-kah terlaksana pembenaan dua blok kedai—satu di-Pulau Pinang dan satu lagi di-Butterworth—yang di-janjikan oleh MARA untuk Bumiputra; dan berapa-kah perbelanjaan-nya.

Tun Haji Abdul Razak: MARA tidak ada mempunyai ranchangan untuk mendirikan rumah kedai di-Pulau Pinang. Di-Butterworth sabanyak 16 pintu bazaar akan di-bena apabila sahaja pelan bagi-nya yang telah di-kemukakan kepada Majlis Tempatan yang berkenaan di-luluskan. Perbelanjaan-nya akan di-ketahui apabila perkara ini sudah di-tenderkan.

509. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah Kerajaan telah membuat penyiasatan atas peristiwa “tudoh-menudoh” dan kecheman ka-atas sa-orang Pegawai MARA Kuala Kangsar seperti tersiar di-dalam akhbar *Berita Harian*, keluaran 13hb Jun, 1968 dan 11hb Julai, 1968; dan apa-kah kesudahan penyiasatan itu.

Tun Haji Abdul Razak: Pehak MARA tidak ada membuat apa² penyiasatan atas peristiwa “tudoh-menudoh” ka-atas sa-orang Pegawai MARA Kuala Kangsar kerana pen-

jelasan atas tuduhan itu telah pun di-buat sendiri oleh pegawai yang berkenaan dan perkara ini di-anggap oleh MARA telah selesai.

510. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar sa-jauh mana-kah benar-nya kenyataan yang di-buat oleh sa-orang bernama Enche’ Ahmad Idris bin Mohamad Noor, Penolong Pengurus I’lan Sharikat Dunlop Malaysia Berhad seperti yang tersiar di-dalam akhbar *Berita Harian* 11hb Julai, 1968, bahawa: “. Bekas Mahasiswa MARA ta’ chekap Bekerja—saya menduga bahawa sabahagian besar dari yang di-beri notis berhenti kerana mereka tidak dapat menjalankan tugas² mereka dengan memuaskan hati majikan² mereka”? Dari sudut mana-kah tuduhan itu di-buat dan apa-kah penyiasatan yang di-buat oleh Kerajaan dalam hal tersebut.

Tun Haji Abdul Razak: Pendapat yang di-buat oleh Enche’ Ahmad Idris bin Mohd. Noor ada-lah pendapat persaorangan. Setakat ini belum ada lagi bukti yang tegas di-terima oleh MARA untuk menyokong pendapat Enche’ Ahmad Idris bin Mohd. Noor itu.

511. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar sejak MARA berusaha mengadakan maktab²-nya, sudah berapa ramai-kah lepasan² MARA yang di-ketahui berkhidmat dengan sharikat² tempatan dalam jawatan² yang penting dan menjalankan tugas mereka tidak seperti tuduhan Enche’ Ahmad Idris, Penolong Pengurus I’alan Sharikat Dunlop Malaysia Berhad dalam Akhbar *Berita Harian* 11hb Julai, 1968.

Tun Haji Abdul Razak: Mengikut pengetahuan MARA semua penuntut² lepasan Instituti Teknologi MARA di-dapati layak untuk menjalankan kerja² penting yang di-tugaskan kepada mereka. Seramai 680 orang telah lulus dan memegang beberapa jawatan yang tertentu.

512. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri

Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah benar bahawa pehak MARA telah menyokong sharikat² perusahaan dan perniagaan di-negeri ini supaya mengambil orang² politik dari Parti Perikatan menjadi pegawai² tinggi dalam sharikat² itu tanpa berdasarkan kebolehan—saperti tersiar dalam *Berita Harian* 11hb Julai, 1968; dan apa-kah jawapan Kerajaan terhadap kenyataan yang berani itu.

Tun Haji Abdul Razak: Tidak benar. Anggapan saperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu ada-lah semata² satu anggapan yang hendak mengelirukan ra'ayat.

513. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar apa-kah tindakan Kerajaan terhadap peristiwa di-Maktab MARA di mana sa-orang pelajar wanita, Che' Shukra binti Dato' Kampo Rajo, terpaksa di-rawat di-rumah sakit akibat "ragging".

Tun Haji Abdul Razak: Tidak ada apa² tindakan yang telah di-ambil kerana tidak ada bukti yang tegas yang menunjukkan bahawa pelajar tersebut telah mendapat sakit kerana akibat "ragging". Sukachita saya menyatakan di-sini ia-itu Che' Shukra telah pun puleh dari sakit-nya dan telah balek mengikuti kursus di-Institusi Teknologi MARA.

514. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar berapa kali-kah MARA mengadakan atau menghadriri Seminar Pengeluaran (Seminar on Productivity) dalam kerjasama-nya dengan PDPN (NPC) sa-bagai yang pernah di-lakukan oleh MARA, Kuala Trengganu dalam tahun 1966 dengan menyatakan di mana seminar² itu di-adakan dan belanja yang di-beri maksud itu.

Tun Haji Abdul Razak: MARA ha-nya menghantar pegawai²-nya meng-ikuti kursus² yang di-jalankan oleh

Pusat Daya Pengeluaran Negara. Dalam tahun 1968 seramai 10 orang pegawai MARA telah mengikuti beberapa kursus di-Pusat tersebut.

515. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar sa-jauh mana-kah terlaksana usaha² hendak memperkenalkan perusahaan kulit dengan kerjasama dari negeri Lebanon saperti yang di nyatakan oleh Yang Berhormat Senator Ghafar Baba, Pengerusi MARA sa-kembali-nya dari melawat negeri² di-Timor Tengah tahun 1968 ini.

Tun Haji Abdul Razak: Perusahaan kulit MARA sekarang sudah sampai kepada peringkat di-mana pengeluaran barang² yang di-perbuat dari kulit saperti kasut akan dapat di-keluarkan awal tahun hadapan. Oleh sebab itu soal kerjasama dengan negeri Lebanon itu di-tanggohkan. Pada masa ini MARA ada mendapat 2 orang pakar kulit dari Bangsa² Bersatu—sa-orang dari Yugoslavia dan sa-orang lagi dari Czechoslovakia.

516. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar hingga sekarang sudah berapa ramai-kah anak² Bumiputra yang di-beri hadiah pelajaran oleh MARA untok mempelajari 'ilmu Urusan Bank saperti yang di-beri kepada sa-orang pemuda di-Kangar, Perlis dalam bulan Julai, 1968.

Tun Haji Abdul Razak: MARA ada menjalankan kursus Diploma in Banking Association di-Institusi Teknologi MARA. Pada masa ini ada seramai 30 penuntut Tahun Pertama dan 20 orang penuntut Tahun Kedua belajar di-Institusi tersebut.

517. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah benar bahawa MARA ada menyediakan rumah² kedai di-Melaka untok orang² Melayu dari Kelantan saperti yang selalu di-cheritakan oleh Senator Ghafar Baba setiap kali ia

melawat negeri Kelantan; jika ya, berapa banyak-kah kedai² itu dan apakah syarat² untuk menduduki-nya.

Tun Haji Abdul Razak: Apa yang di-sebutkan oleh Enche' Ghafar ia-lah rumah² kedai yang di-bena oleh Kerajaan Negeri semasa ia menjadi Ketua Menteri dahulu ada-lah terbuka kepada Bumiputra termasuk dari Kelantan. Tetapi tidak ada permohonan dari Kelantan yang di-terima oleh-nya apabila tarikh permohonan di-tutup.

518. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah benar bahawa kira² sa-banyak \$2.3 juta yang di-dahulu-kan oleh Kerajaan Pusat kepada MARA dalam tahun 1963 dan 1964 telah tidak habis di-belanjakan hanya kira² \$1.5 juta di-gunakan, jika ya, mengapa; dan apa-kah tindakan Kerajaan mengenai perkara ini.

Tun Haji Abdul Razak: Angka² yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada-lah tidak betul. Dalam tahun 1963 dan 1964, RIDA telah menerima wang sebanyak \$2,782,253.62 daripada Kerajaan dan \$1,952,921.59 telah di-belanjakan dalam tahun tersebut. Baki-nya sebanyak \$829,332.03 telah pun di-belanjakan dalam tahun berikutan.

519. Tuan Sulaiman bin Haji Taib bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar sa-hingga pertengahan tahun 1968 ini, berapa-kah jumlah wang yang telah di-keluarkan oleh MARA bagi membantu Bumiputra² dalam Negeri ini di-lapangan² perniagaan dan perusahaan; berikan senarai nama² perniagaan dan perusahaan Bumiputra yang telah di-berikan bantuan itu serta nyatakan jumlah bantuan yang telah di-berikan satu-persatu-nya.

Tun Haji Abdul Razak: Semenjak tertubuh-nya MARA ia-itu mulai dari 1hb Mach, 1966 hingga 30hb Jun, 1968, pinjaman sebanyak \$9,912,782 telah di-keluarkan untuk membantu berbagai² jenis perniagaan dan perusahaan Bumiputra. Jumlah bantuan pinjaman dan jenis² perniagaan dan

perusahaan-nya ada-lah seperti berikut:

(i) Perusahaan membalak dan lain ² perusahaan hutan ...	\$ 482,045
(ii) Perusahaan memproses hasil ² pertanian ...	\$ 34,900
(iii) Perusahaan pengeluaran barang ² dan galian ...	1,036,620
(iv) Perusahaan pembenaan ...	3,564,800
(v) Perkhidmatan letrik, ayer dan kebersihan ...	95,000
(vi) Perdagangan ...	1,832,680
(vii) Pengangkutan dan perhubungan ...	2,056,507
(viii) Perkhidmatan ...	810,230
	\$9,912,782

520. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of National and Rural Development the reasons why the MARA annual report for 1966 and 1967 are not out yet.

Tun Haji Abdul Razak: The MARA annual report for 1966 is now ready and will be out soon. The 1967 report is in the course of printing.

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan

521. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah benar bahawa Kerajaan menganggap peneroka² tanah dalam F.L.D.A. itu sa-bagai buroh bergaji hari; jika benar; berapa-kah gaji mereka dan bagaimana pula jika mereka demam atau uzur untuk membuat kerja.

Tun Haji Abdul Razak: Kerajaan tidak-lah pernah menganggap peserta² F.L.D.A. sa-bagai buroh bergaji hari. Sa-balek-nya Kerajaan ada-lah sentiasa menganggap mereka itu sa-bagai tuan² tanah ladang² yang mereka kerjakan itu.

Apabila peserta² memasuki ranchangan, F.L.D.A. ada-lah menjamin memberi mereka itu kerja sa-lama 24 hari bagi tiap² bulan dan mereka diberi bayaran sara hidup sa-banyak \$2.90 sa-hari dengan syarat mereka itu menjalankan kerja dengan sempurna-nya.

Jika peserta² ini sakit pula, F.L.D.A. memberi wang pinjaman kepada mereka sa-banyak \$2.90 sa-hari dengan syarat:

- (a) Jumlah pinjaman sakit pada tiap² bulan tidak melebihi \$50.00; dan
- (b) Jumlah pinjaman sakit dan pendapatan dari bayaran sara hidup yang di-terima bagi bulan itu tidak melebihi \$69.60 (\$2.90 × 24).

522. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar sejak F.L.D.A. di-tubuhkan hingga sekarang (1968) berapa banyak-kah wang telah di-belanjakan kerana mem-bena dan membantu mem-bena:

- (a) Rumah² ibadat Islam;
- (b) Rumah² ibadat Keristian; dan
- (c) Rumah² ibadat Mushrik dan ber-hala².

Tun Haji Abdul Razak: Jumlah bantuan yang telah di-keluarkan ia-lah:

- (a) Rumah Ibadat Islam \$1,454,900

Nama

- (i) Enche' G. P. O. Holohan
- (ii) Enche' D. R. E. Wyman *alias* Shafie bin Abdullah
- (iii) Enche' A. E. Morris *alias* Haji Moulay Idris Morris

525. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah benar bahawa pehak F.L.D.A. pernah memberi jawatan Wakil Pelawat (Visiting Agent) di-Johor dan Negeri Sembilan kepada mereka yang nama² tersebut di-pertanyaan di-atas sunggo-hun Kerajaan tahu mereka tidak mem-punyai apa² pelajaran.

Tun Haji Abdul Razak: Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan tidak mempunyai jawatan Wakil² Pelawat (Visiting Agents) saperti yang di-sebut-kan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

526. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri

- (b) Rumah Ibadat Keris-tian Ta'ada
- (c) Rumah Ibadat Mush-rik dan berhala² ... \$25,000

523. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar berapa banyak-kah wang yang telah di-berikan oleh Kementerian beliau menerusi F.L.D.A. kepada Majlis Uga-ma Islam di-Negeri Kelantan, dan ada-kah wang ini bagi maksud mem-bena rumah² 'ibadat Mushrik di-samping mem-bena rumah² 'ibadat Islam.

Tun Haji Abdul Razak: Ta'ada.

524. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah orang² yang berikut maseh ber-khidmat dengan F.L.D.A. hingga seka-rang:

- (i) Enche' G. P. O. Holohan;
- (ii) Enche' D. R. E. Wyman; dan
- (iii) Enche' R. A. E. Morris.

Tun Haji Abdul Razak: Pegawai² yang berikut maseh berkhidmat dengan F.L.D.A.:

Jawatan Sekarang

Peg. Latehan Kanan, Sg. Dusun, Selangor

Pengurus Pelawat, Pahang Tengah

Pem. Pengurus Pelawat, Selangor dan Perak Selatan

Pembangunan Negara dan Luar Bandar sejak L.K.T.P. (F.L.D.A.) mengusaha membuka tanah (1) berapa ramai-kah orang mendudoki tanah² itu; dan (2) berapa banyak-kah wang yang telah di-belanjakan bagi pembukaan tanah tersebut.

Tun Haji Abdul Razak: Sa-hingga 1hb Ogos, 1968, bilangan peserta² yang telah memasoki ranchangan dan per-belanjaan yang telah di-keluarkan oleh F.L.D.A. ia-lah:

Bilangan Peserta	...	13,582
Bilangan Penduduk	...	84,200 (anggaran)
Perbelanjaan Pemba-ngunan	...	\$177,850,000
Perbelanjaan Pentad-biran	...	\$ 51,483,000

527. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar sejak L.K.T.P. (F.L.D.A.) mengusahakan membuka tanah (1) berapa banyak-kah hutang yang di-pinjam oleh Kerajaan bagi pembukaan itu; (2) berapa banyak-kah bunga yang kena di-bayar bagi masa:

(a) Sejak mula hingga 1964; dan

(b) Dari 1964 hingga akhir 1967.

Tun Haji Abdul Razak: Wang² yang di-keluarkan kepada L.K.T.P. itu adalah datang dari puncha² Kerajaan sendiri kerana Kerajaan tidak ada mendapatkan pinjaman² yang khas untuk Ranchangan² Pembangunan Tanah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan melainkan Ranchangan Pembangunan Tanah Kawasan Jengka Tiga Segi.

528. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah benar bahawa Kerajaan tidak pernah memberi tahu kepada peneroka² tanah L.K.T.P. bahawa mereka mesti membayar hutang mereka kepada Kerajaan; jika ya, mengapa-kah Kerajaan berbuat demikian.

Tun Haji Abdul Razak: Anggapan seperti itu ada-lah tidak benar. Semua peserta² ada-lah sentiasa di-beritahu mengenai perbelanjaan² yang di-kehendaki di-bayar sa-mula oleh mereka² kepada F.L.D.A.

529. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah benar bahawa peneroka² tanah di-dalam Ranchangan Tanah Lembah Bilut, Pahang telah pun mulai membayar hutang mereka kepada pihak L.K.T.P. (F.L.D.A.) pada tahun 1967 tetapi mereka tidak dapat membayar dengan terator sebab hutang mereka terlalu banyak sedangkan pihak F.L.D.A. tidak pernah memberi tahu berapa banyak hutang tiap² sa-orang. Jika benar, apa-kah usaha² yang di-buat untuk memperbaiki keadaan itu.

Tun Haji Abdul Razak: Peserta Ranchangan Bilut mula membayar

balek kepada L.K.T.P. mulai bulan Januari tahun 1967 mengikut per-atoran² yang ada sekarang seperti berikut:

Pendapatan \$100 ka-bawah
sa-bulan

Tiada
potongan

Pendapatan \$100 ka-atas
sa-bulan

2/3 daripada
angka yang
lebih dari-
pada \$100

Sungguh pun Ranchangan Bilut telah mula mengeluarkan hasil dalam bulan Ogos, 1966 tetapi hingga hari ini masih ada lagi peserta² yang menerima bantuan daripada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Oleh itu kira² Ranchangan Bilut belum dapat di-tutup lagi dan apabila di-tutup kelak tiap² peserta akan di-beri tahu mengenai jumlah hutang persaorangan mereka.

530. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar hingga akhir tahun 1967, (1) berapa banyak-kah wang yang telah di-pinjamkan kepada peneroka² dalam ranchangan² L.K.T.P. (F.L.D.A.); dan (2) berapa banyak-kah hutang yang di-bayar balek, berapa-kah kadar faedah yang di-kenakan ka-atas peneroka² itu.

Tun Haji Abdul Razak: Sa-hingga akhir tahun 1967, jumlah wang pinjaman yang di-keluarkan oleh F.L.D.A. kepada peserta² termasuk-lah perbelanjaan memajukan kawasan getah/kelapa sawit, mendirikan rumah dan bantuan sara hidup ia-lah \$153,525,000.00. Jumlah wang yang telah di-kutip balek daripada peserta² hingga akhir tahun 1967 ia-lah \$592,450.92. Kadar faedah yang di-kenakan kepada peserta² ia-lah 6½% sa-tahun.

531. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah benar bahawa sejak tahun 1964 lagi Pegawai² Pengelola (Supervisors) dalam Ranchangan Tanah Pinggir di-Negeri Pahang telah di-lantek dengan tidak mendapat perse-tujuan dari Kerajaan Pusat; jika ya,

ada-kah perbuatan begini sah, dan jika tidak, apa-kah tindakan Kerajaan mengenai perkara ini.

Tun Haji Abdul Razak: Perkara ini tidak benar kerana sa-panjang mana yang saya tahu semenjak tahun 1964, Kerajaan Negeri Pahang tidak ada melantek Pegawai Pengelola (Supervisor) Ranchangan Tanah Pinggir. Untuk ma'aloman Ahli Yang Berhormat itu, sukachita saya memberi tahu bahawa Negeri Pahang hanya mempunyai sa-orang Pengelola sahaja dan beliau itu telah di-lantek sa-belum tahun 1964 lagi.

532. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri

Tun Haji Abdul Razak:

Jawatan	Bil.	Tempat
Pengurus Pelawat ...	2	Pengurus Pelawat, Johor Pengurus Pelawat, Pahang Tengah
Pengurus Grade I ...	3	Pegawai Latehan Kanan, Sungai Dusun Pem. Pengurus Pelawat, Perak Utara/Selangor Pengurus Sungai Berang
Pengurus Grade II ...	7	Pem. Pengurus Pelawat, Trengganu Pengurus Kumpulan Lembah Klau Pengurus Kumpulan Kulai Pengurus Kumpulan Kedah Pengurus Kumpulan Kong Kong Pengurus Kumpulan Jerangau Pengurus Lembah Bilut
Pengurus Grade III ...	9	Ayer Hitam Chemplak Bt. Rokan Sendayan Bt. Puchong Kemendore Endau Sg. Klau Lasah
Pengurus Muda ...	19	Kg. New Zealand Bt. Serampang Ulu Tebrau Lubok Merbau Hutan Percha Sg. Dusun Bt. Goh Sg. Kelamah Sg. Tiang Kg. Pasir Besar Kg. Sertik Kulai Bt. Batu Ulu Jempol Kg. Awah Pasak Tenang Belara Ijok

534. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah benar bahawa pada akhir tahun 1964 sa-jumlah \$1.3 juta telah

Pembangunan Negara dan Luar Bandar pada masa ini berapa ramai-kah pegawai² yang berpangkat Pengurus (Managers) di-dalam F.L.D.A. di-mana-kah mereka² ini di-tempatkan.

Tun Haji Abdul Razak: Sila lihat jawapan kepada soalan 533.

533. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar pada masa ini berapa ramai-kah pegawai² F.L.D.A. yang berpangkat Pengurus Ranchangan (Managers) dan berapa-kah bilangan mereka menurut Grade masing².

di-belanjakan di-Kedah bagi 6 ranchangan F.L.D.A. tetapi penyata kewangan ranchangan² tersebut tidak di-kemukakan, jika ya, ada-kah keadaan ini sudah di-baiki.

Tun Haji Abdul Razak: Perbelanjaan pembangunan yang telah dikeluarkan mengenai 6 ranchangan F.L.D.A. di-Kedah ia-lah seperti berikut:

Sehingga 30hb Jun, 1964 ... \$2,774,250

Sehingga 31hb Dec., 1965 ... 4,183,382

Penyata Kewangan keenam² Ranchangan itu telah pun di-semak dan telah pun di-sahkan oleh Juru Odit.

535. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah benar bahawa sa-jumlah wang sebanyak \$5.4 juta telah dibelanjakan bagi kemajuan F.L.D.A. di-Negeri Sembilan meliputi kira² 18,000 ekar tanah dan wang itu di-kira sebagai hutang tetapi hanya sa-orang pegawai penyelia yang menjaga ranchangan² tersebut, jika ya, mengapa-kah ini berlaku dan sudah-kah Kerajaan bertindak bagi memperbaiki keadaan ini.

Tun Haji Abdul Razak: Butir² mengenai Ranchangan di-dalam Negeri Sembilan ia-lah:

- | | |
|---|-------------|
| (a) Bilangan Ranchangan yang telah di-buka ... | 7 |
| (b) Jumlah kawasan yang telah di-tanam dengan getah | 22,689 ekar |
| (c) Jumlah peserta yang telah memasuki Ranchangan ... | 1,981 |
| (d) Jumlah pegawai ² ladang | 90 |
| Pengurus Pelawat ... | 1 |
| Pengurus dan Pembantu Pengurus ... | 13 |
| Penyelia Kanan ... | 7 |
| Pembantu Luar ... | 47 |
| Kerani | 9 |
| Derebar | 13 |
| (e) Jumlah pegawai ² di-Ibu Pejabat Setia-usaha Chawangan Seremban ... | 4 |
| Setia-usaha Chawangan | 1 |
| Kerani | 2 |
| Juru Taip | 1 |

F.L.D.A. menganggap bilangan pegawai² yang di-atas ada-lah menchukopi bagi mengawasi 7 buah ranchangan² dalam Negeri Sembilan.

536. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri

Pembangunan Negara dan Luar Bandar sudah-kah L.K.T.P. (F.L.D.A.) mengemukakan kira² kewangan-nya berkenaan peruntukan sa-banyak \$75,782,160 yang sepatut-nya di-sudahkan pada akhir tahun 1964.

Tun Haji Abdul Razak: F.L.D.A. telah pun menyiapkan penyata kewangan-nya bagi tahun 1964 dan 1965. Perbelanjaan yang berkenaan ia-lah seperti berikut:

Tahun	Pinjaman	Pentadbiran	Jumlah
1964	\$45,353,160	\$16,669,322	\$62,022,482
(Pada 30-6-1964)			
1965	\$71,965,228	\$25,662,821	\$97,628,049
(Pada 31-12-1965)			

537. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar mengapa-kah F.L.D.A. tidak menunjukkan keuntungan (dividend) bagi modal yang berjumlah \$24,747,586 yang sepatut-nya di-bahagikan pada akhir tahun 1964 dan bagaimana-kah kedudukan perkara ini sekarang.

Tun Haji Abdul Razak: F.L.D.A. ia-lah satu perbadanan yang memberi perkhidmatan kepada peserta². Ia tiada memungut atau memperolehi apa² keuntungan dan oleh itu soal menyedaiakan penyata keuntungan dan pembahagian keuntungan tidak-lah berbangkit.

538. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah pehak Kerajaan sudah membuat sesuatu bagi memperbaiki keadaan tempang di-ranchangan tanah F.L.D.A. di-Chempedak, Labis—Johor berikutan dengan sepuchok surat terbuka dari sa-orang peserta bernama Shamsuri Kusin dalam "Utusan Melayu" keluaran 12hb Jun, 1968 yang berbunyi:

"Sdr. Pengarang,

Kami bakal peserta² yang telah berjaya untuk berpindah ka-ranchangan F.L.D.A. peringkat ka-tiga di-Chempedak, Labis, Segamat—Johor, telah menunggu lebih lima tahun untuk berpindah tetapi sekarang belum lagi menerima apa² berita.

Pada hal peserta² di-peringkat pertama dan kedua dulu tak sampai dua tahun menunggu telah pun dapat berpindah, dan setengah² di-tempat² yang lain kemudian daripada kami telah juga berpindah.

Di-atas kelambatan itu kami peserta² ranchangan tersebut berasa jemu dan bosan akan hasil perpindahan itu, kalau tak salah dalam ingatan saya lebeh daripada setahun dahulu tender rumah penduduk² telah di-il'ankan di-dalam akhbar² tempatan.

Di-harap pehak yang berkenaan akan mengambil perhatian berat untuk menyegerakan perpindahan itu demi kepentingan peserta² ranchangan tersebut."

Tun Haji Abdul Razak: Ma'alumat mengenai Ranchangan Chemplak ia-lah seperti berikut:

Peringkat	Luas Kawasan Tanaman Getah	Di-buka	Bilangan Peneroka	Tarikh Peneroka Masok ka- Ranchangan
I	846	Disember 1961	115	Julai 1963
II	1,082	Disember 1962	129	November 1964
III	934	Januari 1965	—	—
IV	600	November 1966	—	—

Konterek bagi membena 80 buah rumah bagi Peringkat III telah di-beri kepada Pemborong dalam bulan November 1966. Tetapi oleh kerana rumah² yang di-bena oleh pemborong itu di-dalam 2 ranchangan yang lain tidak mengikut "specifications" maka kerja² bagi membena rumah di-dalam Ranchangan Chemplak telah di-tahan oleh F.L.D.A. Pemborong hanya telah di-benarkan meneruskan pekerjaan pada 15-7-68 sa-lepas ia memberi persetujuan bahawa pembenaan akan di-jalankan mengikut syarat² yang di-tetapkan oleh F.L.D.A. Rumah² itu akan siap pada akhir tahun ini dan sa-lepas itu peserta² yang telah di-luluskan oleh Kerajaan Negeri Johor bagi Peringkat III akan di-panggil masok.

F.L.D.A. telah mengambil tindakan di-atas dengan tujuan hendak menjaga

kepentingan peserta² yang akan menduduki rumah² itu.

Tender bagi membena 58 buah rumah bagi Peringkat IV ada-lah sekarang ini di-dalam timbangan F.L.D.A.

Kerajaan ada-lah berpuas hati bahawa Ranchangan Chemplak ada-lah berjalan dengan sempurna-nya.

539. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar berapa-kah perbelanjaan yang di-beri kerana mengadakan kursus "Tailor-made Course" oleh pehak Pusat Daya Pengeluaran Negara (N.P.C.) kepada Pengurus² (Managers) F.L.D.A. sejak badan N.P.C. (P.D.P.N.) itu bekerja sama dengan F.L.D.A.; dan apa-kah hasil mengada kursus² seperti itu.

Tun Haji Abdul Razak: Sa-takat ini "Tailor-made course" yang di-adakan hanya-lah untuk Pengurus² L.K.T.P. pada bulan Jun 1966 sa-lama 5 hari. Kursus ini tidak melibatkan apa² perbelanjaan tambahan dan dengan kerana itu tidak ada apa² peruntokan yang tertentu yang telah di-sediakan. 16 orang peserta hadir di-kursus ini. Kertas² mengukur mutu yang di-kemukakan oleh para peserta di-akhir kursus ini menunjukkan bahawa kursus ini amat berguna.

So far the only "Tailor-made course" held for Managers of F.L.D.A. was in June 1966 for a period of 5 days. The running of this course did not involve any additional expenses and as such no specific sum was provided. 16 participants attended this course. The standard evaluation sheets submitted by participants at the end of the course indicated that the course was very useful.

Pelajaran Dewasa

540. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar pada masa ini (1968) berapa ramai-kah:

- (a) Penyelia Pelajaran Dewasa;
- (b) Guru Pelajaran Dewasa; dan
- (c) Guru Ugama Pelajaran Dewasa.

Tun Haji Abdul Razak: Pada masa ini (1968) ada:

- (a) 376 Penyelia² Pelajaran Dewasa*;
- (b) 7,407 Guru² Pelajaran Dewasa;
- (c) 2,057 Guru² Ugama Pelajaran Dewasa.

* Termasuk 11 Penyelia² Kanan dan 12 Penolong Penyelia Kanan.

541. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah benar bahawa beberapa kechurangan telah berlaku di-kalangan penyelia² Pelajaran Dewasa di-Negeri Kedah sejak tahun 1961 lagi yang menyebabkan "kehilangan" wang sebanyak kira² \$29,000 dari harga buku² teks yang di-jual; ada-kah wang itu telah di-bayar balek; dan apa-kah tindakan Kerajaan terhadap orang atau orang² yang bertanggung-jawab dalam hal ini.

Tun Haji Abdul Razak: Sa-benarnya tidak ada sa-barang kechurangan (misappropriation) yang berlaku. Jumlah wang kira² \$29,000 itu ada-lah tunggakkann bayaran bagi buku² teks dan kesemua-nya telah di-bayar balek. Oleh sebab perjalanan pentadbiran telah tidak terancham tindakan tata-tertib telah tidak di-ambil.

Dasuki bin Haji Ahmad/Lebai Ghani Fikri

542. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah benar bahawa sa-orang yang bernama Dasuki bin Haji Ahmad dan sa-orang lagi bernama Lebai Ghani Fikri di-Kelantan di-naikkan pangkat menjadi Penyelia Pelajaran Dewasa Ugama; jika ya, bila dan berapa-kah tangga gaji mereka.

Tun Haji Abdul Razak: Tidak benar. Kedua² nama yang di-sebutkan itu tidak bertugas sa-bagai Penyelia Pelajaran Dewasa Ugama.

543. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah benar bahawa Kerajaan telah melantek sa-orang bernama Dasuki bin Haji Ahmad sa-bagai "Menteri Ugama"

dalam Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar khas bagi Negeri Kelantan; jika ya, berapa-kah tangga gaji-nya; dan jika tidak, apakah jawatan-nya sa-benar.

Tun Haji Abdul Razak: Tidak benar.

544. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah benar bahawa Kerajaan mengarahkan sa-orang bernama Dasuki bin Haji Ahmad di-Kelantan supaya menerangkan kepada orang ramai bahawa Menteri² Kerajaan Pusat yang beragama Islam bersedia menanggung dosa kerana membena rumah² ibadat shirik saperti to' kong dan berhala; dan menerangkan bahawa firman Tuhan di-dalam Kitab Quraan:

Erti-nya:

(Dan ingat-lah ketika Ibrahim berkata: "Hai Tuhan-ku! Jadikanlah negeri ini aman dan jauhkanlah aku dan anak²ku dari menyembah berhala. Hai Tuhan-ku! Sesunggoh-nya berhala² itu telah pun menyesatkan banyak manusia; oleh itu barang siapa turut-ku maka ia ada-lah dari gulongan-ku tetapi barang siapa menderhaka kepada-ku maka Engkau Tuhan Maha Pengampun lagi Penyayang".—Ibrahim: 35-36) tidak boleh di-jadikan hujah melarang Kerajaan Pusat mendirikan berhala kerana tiap² pertolongan itu merupakan satu 'amal yang saleh pada mata ugama Islam.

Tun Haji Abdul Razak: Tidak benar.

Wang Kebajikan Masharakat

545. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of National and Rural Development if he is aware that there have been complaints against the misuse of Social Welfare Fund grants for the building of temples at Bentong, Karak and Bilut Valley. If so, will he investigate into these complaints.

Tun Haji Abdul Razak: Sa-panjang yang saya ketahuī, ta' ada apa² sunggutan mengenai perkara yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Chawangan² Bank Bumiputra

546. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar hingga sekarang (1968) berapa banyak-kah tertuboh chawangan² Bank Bumiputra; dan di-mana-kah chawangan² ini di-tubuhkan.

Tun Haji Abdul Razak: Bank Bumiputra telah menubuhkan 8 chawangan di-tempat² berikut:

1. Alor Star
2. Penang
3. Ipoh
4. Melaka
5. Seremban
6. Kuantan
7. Kota Bharu
8. Universiti Malaya, Lembah Pantai.

Balai² Raya

547. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar hingga sekarang (1968) berapa banyak-kah balai² yang telah di-dirikan di-negeri ini dan berapa perbelanjaan untuk mendirikan balai² raya ini.

Tun Haji Abdul Razak: Pembinaan Balai² Raya ada-lah di-jalankan dengan menggunakan peruntokan² dari Negeri dan Persekutuan. Saya tidak dapat menyatakan berapa banyak yang telah di-dirikan dengan menggunakan peruntokan² dari negeri tetapi bilangan Balai² Raya yang telah di-dirikan menggunakan peruntokan Persekutuan, sa-hingga 1968 ia-lah 2,470 buah. Jumlah wang yang di-belanjakan ia-lah \$13,170,801.

Rumah² Ibadat Negara

548. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah benar bahawa Kerajaan akan mendirikan dua buah lagi rumah ibadat negara; ia-itu Berhala Negara; dan Gereja Negara sesuai dengan polisi Parti Perikatan yang memerintah sekarang ini; jika ya, bila-kah rumah² ibadat negara itu akan di-bena; dan jika tidak, ada-kah Kerajaan sedar

bahawa ini mustahak bagi membokti-kan dasar perjuangan Kerajaan memberi hak sama-rata kepada semua kaum di-negeri ini.

Tun Haji Abdul Razak: Tidak benar.

Tuan Haji Noh/Tuan Subramanian

549. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah benar bahawa dalam bulan Julai 1965 sa-orang Ahli Dewan Undangan Negeri dari Parti UMNO Tuan Haji Noh dan sa-orang Ketua M.I.C. Chawangan Kerling, Tuan Subramaniam Selangor telah "melarikan" wang Loteri Kebajikan 'Am Masharakat sa-banyak kira² \$8,000 (lapan ribu ringgit), jika ya, ada-kah mereka telah membayar balek wang itu, atau apa-kah hukuman yang telah di-kenakan ka-atas mereka.

Tun Haji Abdul Razak: Saya tidak faham di-mana butir² tersebut diperolehi oleh Ahli Yang Berhormat itu. Pada pendapat saya ada-lah tidak betul perkara yang seperti ini yang melibatkan peribadi sa-saorang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dengan menggunakan perlindungan peratoran Dewan Ra'ayat. Jika Ahli Yang Berhormat itu tahu yang perkara tersebut ada berlaku, maka ada-lah tanggung-jawab-nya bagi melaporkan perkara² itu kepada pihak berkuasa yang berkenaan.

Ranchangan Lembah Bilut, Pahang

550. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar pada masa ini (1968) berapa ramai-kah peneroka² dalam Ranchangan Lembah Bilut, Pahang telah memiliki tanah sa-bagai hak mereka sendiri, jika belum, bila-kah masa-nya mereka akan berhak memiliki tanah itu.

Tun Haji Abdul Razak: Peserta² Ranchangan Bilut ada-lah dudok di-tanah miliki mereka sendiri. Geran² akan di-keluarkan kepada peserta² hanya apabila mereka telah selesai menjelaskan hutang² mereka.

551. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar mengapa-kah pehak F.L.D.A. bagi Tanah Bilut. Pahang tidak menunai janji-nya hendak memberi 3 ekar lagi tanah kepada tiap² peneroka di-situ untuk tanaman buah-buahan² dan bila-kah janji itu akan di-tunaikan.

Tun Haji Abdul Razak: Sa-belum membahagikan kawasan simpanan, adal-ah menjadi dasar Lembaga supaya kawasan ladang yang bertanam getah atau kelapa sawit di-sempurnakan dengan jaya-nya dahulu. Oleh kerana Rancangan Bilut telah pun mengeluarkan hasil dan peserta² sekarang mempunyai kemampuan memajukan kawasan simpanan mereka dengan perbelanjaan sendiri, F.L.D.A. sekarang ini sedang membuat rancangan bagi membahagi² kawasan simpanan itu kepada peserta².

Y.B. Senator Abdul Ghafar Baba

552. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar berapa-kah gaji atau sagu hati tiap² bulan bagi Yang Berhormat Senator Abdul Ghafar Baba selaku Pengerusi MARA berbanding dengan yang di-bayar kepada Dato' Abdul Rahman bin Musa, Pengerusi dahulu.

Tun Haji Abdul Razak: Yang Berhormat Senator Abdul Ghafar bin Baba ada-lah menerima gaji sa-bagai sa-orang Menteri dan menerima sa-banyak \$300 sa-bulan elaun keraian sa-bagai Pengerusi MARA. Dato' Abdul Rahman bin Musa telah di-bayar gaji dan elaun sa-bagai berikut apabila beliau memegang jawatan Pengerusi MARA:

Gaji Pokok ...	...	\$1,850
Elaun Sara Hidup ...	...	155
Elaun Keraian ...	...	150

553. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar berapa-kah gaji atau sagu hati bulanan yang di-bayar kepada Yang Berhormat Senator Abdul Ghafar bin Baba selaku Pengerusi FAMA pada masa ini.

Tun Haji Abdul Razak: Yang Berhormat Senator Abdul Ghafar bin Baba tidak ada menerima apa² gaji atau elaun sa-bagai Pengerusi FAMA.

"Masjid Ganjil"

554. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar bagaimana-kah cherita "Masjid Ganjil" di-tengah² bandar Tanjong Karang, Selangor yang di-katakan di-bena dengan belanja sa-banyak \$90,000 dan tidak di-terima oleh masharakat Islam di-situ sa-bagai rumah ibadat; dan ada-kah Kementerian beliau memberi apa² bantuan untuk membena masjid tersebut.

Tun Haji Abdul Razak: Saya tidak tahu yang ada-nya sa-buah masjid ganjil di-Tanjong Karang sa-bagaimana yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Apa yang saya tahu ia-lah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah mengeluarkan peruntukan \$90,000 bagi membena sa-buah masjid di-Tanjong Karang dan masjid tersebut belum lagi di-serahkan kepada kaum Islam Tanjong Karang kerana maseh ada lagi kerja² dalam bangunan masjid itu belum sempurna di-siapkan.

Tanah

555. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar berapa banyak-kah tanah² kepunyaan orang persaorangan yang telah di-ambil oleh Kerajaan Persekutuan daripada Negeri Malaysia Barat dan berapa-kah jumlah wang yang di-bayar kepada tuan punya tanah itu sejak tertuboh-nya dalam tahun 1963.

Tun Haji Abdul Razak: Luas tanah kepunyaan orang persaorangan yang telah di-ambil oleh Kerajaan Persekutuan menerusi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan semenjak 1963 ia-lah sa-luas 1 Rood 28 poles. Tanah itu bertempat di-Kampung New Zealand dan bagi kegunaan jalan lalu-lintas. Bayaran ganti rugi yang telah di-bayar kepada tuan yang mempunyai tanah ia-lah \$467.50.

Perbelanjaan Pembangunan

556. Tuan Sim Boon Liang asks the Minister of National and Rural Development to state by Divisions and then by Districts, how much funds have actually been expended for developments purposes in the State of Sarawak in 1967, and how much for each of the following in 1967:

- (a) Road;
- (b) Agricultural Projects, i.e., rubber, oil palm, poultry and pig breeding, fishery and coconut;
- (c) Educational purposes;
- (d) Bridges, river clearance and construction of wharves and jetties.

Tun Haji Abdul Razak: The total amount of funds expended on development in Sarawak in 1967 is \$51,668,616.83. The breakdown of the expenditure is:

Kementerian/Jabatan	Jumlah
Radio	\$ 372,877.30
Penerangan	54,786.16
Perumahan	600,000.00
Perchetakan	147,730.27
Penjara	424,486.79
Polis Di-Raja	2,192,383.66
Pertahanan	4,536,132.66
Perdagangan dan Perusahaan	8,331,946.92
Pelajaran	6,006,626.49
Kesihatan	4,248,615.56
Kebajikan 'Am	72,673.80
Pembangunan Negara dan Luar Bandar	1,376,629.23
Tanah dan Galian	536,737.22
Ukor	106,203.28
Perhutanan	218,506.61
Pertanian	3,011,699.26
Parit dan Taliayer	646,389.05
Perikanan	258,366.66
Haiwan	319,443.16
Jalan dan Jambatan	12,692,667.05
Bekalan Ayer	546,434.00
Bangunan Kerajaan (lain daripada Perumahan)	468,642.71
Logi Kerja Raya (Public Works Plant)	8,105.32
Talikom	1,751,480.40
Pelabohan	750,613.69
Penerbangan 'Awam	1,988,439.58

Jumlah Besar ... \$51,668,616.83

I do not think it worthwhile to give the breakdown of expenditure, division by division, and district by district, because it will only give a misleading picture of the benefits gained by each division or district from such expenditure. I am sure the Honourable Member himself is well aware of the fact that the benefits to be gained from a large number of the projects carried out in 1967 extend beyond and overlap the existing administrative boundaries.

KEMENTERIAN TANAH DAN GALIAN

Rancangan Kemajuan Tanah Persekutuan

557. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Tanah dan Galian pada masa ini berapa luas-kah tanah² yang di-tanam di-tiap² negeri di-Malaysia Barat dengan perbelanjaan atau bantuan dari Kerajaan Pusat menurut:

(a) Rancangan Pembangunan Negeri; dan

(b) Rancangan F.L.D.A.

Menteri Tanah dan Galian (Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub): Kementerian saya tiada mengelolakan Rancangan² Pembangunan Negeri; demikian jua Rancangan F.L.D.A. Bagaimana pun perkara ini telah di-edarkan kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan butir² yang di-kehendakki mengenai Rancangan F.L.D.A. ada-lah seperti berikut:

Luas tanah² yang di-tanam di-tiap² negeri di-Malaysia Barat dengan perbelanjaan atau bantuan dari Kerajaan Pusat, ia-itu sa-hingga pertengahan pertama tahun 1968, ada-lah seperti berikut—

Negeri	Luas tanah/ekar		Jumlah ekar
	GETAH	KELAPA SAWIT	
Johor	34,300	22,597	56,897
Pahang	21,496	19,199*	40,695
Trengganu	6,664	10,667	17,331
Kedah	9,983	—	9,983
Perak	16,082	—	16,082
Selangor	7,761	7,214	14,975
N. Sembilan	22,689	—	22,689
Melaka	6,571	—	6,571
Jumlah	125,546	59,677	185,223

* (Termasuk rancangan Jengka Tiga Segi seluas 13,517 ekar).

Sa-lain daripada getah dan kelapa sawit ada-lah di-anggarkan bahawa sa-banyak 4,816 ekar telah di-tanam dengan sayuran², pokok pisang, buahan², padi, kacang, keledak, tembakau, ubi kayu dan jagong.

558. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Tanah dan Galian berapa banyak-kah wang yang di-belanjakan oleh Kementerian beliau kerana mengukur tanah² untuk Rancangan Kemajuan Tanah Persekutuan (F.L.D.A.), dan ada-kah wang itu di-tuntut balek; jika ya, berapa banyak-kah wang yang telah pun di-tuntut balek dari F.L.D.A. atau mana² pihak yang berkenaan, dan ada-kah Kementerian beliau akan terus memberi perbelanjaan seperti itu.

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Kementerian ini telah membelanjakan sa-banyak \$3,941,600 sa-

hingga 31hb Ogos, 1967 untuk mengukur Tanah² Rancangan Kemajuan Persekutuan (F.L.D.A.). Untuk ukur lot², upah ukur akan di-tuntut mengikut National Land Code (Survey Fees) Order, 1965 (L.N. 486) dan juga mengikut Land Rule Negeri bagi rancangan yang siap sa-belum 1hb Januari, 1966. Upah ukur bagi mengukur butir² Topographical untuk peranchang adalah di-kechualikan mengikut section 6 National Land Code Survey Order, 1965 dan juga Land Rules Negeri².

Upah ukur sa-banyak \$293,637.25 sedang di-tuntut dari F.L.D.A. Tuntutan upah ukur bagi segala rancangan yang lain akan di-buat apabila tindakan Pejabat Ukur siap kelak.

Kementerian ini akan terus menjalankan kerja ukur segala rancangan F.L.D.A. dan akan menuntut segala upah mengikut chara yang tertentu yang ada.